Ekonomi Taiwan bertumbuh 4.8 peratus pada tahun 2024 berbanding 1.1 peratus yang direkodkan pada tahun 2023. Prestasi ini dipacu oleh sektor Perkhidmatan yang merekodkan peningkatan sebanyak 4.7 peratus berbanding pertumbuhan 4.9 peratus pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan sektor ini didorong oleh subsektor Perdagangan borong & runcit yang pulih 4.5 peratus setelah merosot pada tahun 2023 (-0.6%). Subsektor Pengangkutan & penyimpanan dan Kewangan & insurans turut meningkat masing-masing 5.8 peratus dan 13.5 peratus. Sektor Pembuatan, Pembinaan dan Perlombongan & pengkuarian turut memulih kepada 7.8 peratus, 2.2 peratus dan 0.5 peratus setelah menyusut pada tahun 2023. Namun begitu, sektor Pertanian, perhutanan & perikanan terus menyusut

0.5 peratus (2023: -0.8%). Dari sudut permintaan, Perbelanjaan penggunaan akhir swasta bertumbuh 2.7 peratus (2023: 7.9%) didorong oleh peningkatan perbelanjaan membeli-belah & perkhidmatan domestik, pelancongan keluar negara, yuran transaksi sekuriti dan dana. Manakala, Perbelanjaan akhir kerajaan berkembang 2.5 peratus (2023: 0.4%). Pembentukan modal tetap kasar turut bertumbuh 6.4 peratus berbanding penyusutan 7.8 peratus yang direkodkan pada tahun sebelumnya (NSRC, 2025). Menurut *National Statistics Republic of China (Taiwan)*, NSRC 2025, ekonomi Taiwan telah mencapai pertumbuhan yang lebih tinggi berbanding beberapa ekonomi serantau utama iaitu Singapura (4.4%) dan Republik Korea (2.0%) pada tahun 2024.

Eksport Taiwan pada tahun 2024 pulih 9.8 peratus dengan nilai USD475.0 bilion berbanding penyusutan 9.8 peratus (2023: USD432.4 bilion) pada tahun sebelumnya. Peningkatan eksport dipengaruhi oleh produk maklumat, komunikasi & audio-video yang menunjukkan pertumbuhan memberangsangkan, iaitu 59.0 peratus serta mesin dan peralatan elektrik (15.9%). Peningkatan ini telah mengimbangi kejatuhan eksport dalam semua komoditi terutamanya produk mineral (-4.6%), bahan kimia (-0.7%) dan produk elektronik (-0.9%). Seterusnya, Import negara Taiwan mencecah USD394.4 bilion, turut meningkat 12.2 peratus berbanding penyusutan 17.9 peratus pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini didorong oleh peningkatan import produk elektronik sebanyak 28.1 peratus serta maklumat, komunikasi & produk audio-video sebanyak 40.2 peratus. Meskipun nilai import meningkat, prestasi eksport yang kukuh membolehkan Taiwan mengekalkan lebih dagangan sebanyak USD80.6 bilion, hampir menyamai lebihan tahun sebelumnya iaitu USD80.8 bilion (*Ministry of Finance, R.O.C, Taiwan, 2025*).

Menurut laporan NSRC 2025, bilangan tenaga buruh di Taiwan pada tahun 2024 berjumlah 12.0 juta orang, meningkat berbanding tahun sebelumnya (2023: 11.9 juta orang). KPTB turut meningkat 0.1 mata peratus, iaitu daripada 59.2 peratus pada tahun 2023 kepada 59.3 peratus pada tahun 2024. Pada tempoh sama, bilangan penganggur juga menurun kepada 406 ribu orang (2023: 415 ribu orang), yang merangkumi 88 ribu orang pencari kerja baharu dan 318 ribu orang pekerja berpengalaman. Penurunan bilangan penganggur ini telah menyumbang kepada kadar pengangguran yang lebih rendah, iaitu 3.4 peratus pada tahun 2024 berbanding 3.5 peratus pada tahun sebelumnya.

Inflasi Taiwan terus meningkat kepada 2.2 peratus berbanding 2.5 peratus pada tahun 2023. Kenaikan ini dipengaruhi oleh semua kumpulan iaitu Makanan (3.7%, 2023: 4.0%), Pakaian (0.3%, 2023: 0.8%), Perumahan (2.2%, 2023: 2.0%), Pengangkutan & komunikasi (0.4%, 2023: 0.8%), Kesihatan (3.1%, 2023: 2.2%) dan Pendidikan & hiburan (1.6%, 2023: 3.1%) (NSRC, 2025). Meskipun inflasi negara ini menunjukkan peningkatan, *Central Bank of the R.O.C. (Taiwan)* telah melaksanakan beberapa langkah dasar monetari seperti mengekalkan kadar faedah 2.0 peratus sepanjang tahun 2024 untuk mengawal inflasi seterusnya menyokong pertumbuhan ekonomi negara ini.

2.2%
Inflasi
Taiwan
pada tahun 2024

ASEAN-5

Rantau ASEAN-5 terdiri daripada Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand. Menurut WEO, July 2025, prestasi ekonomi rantau ini berkembang 4.6 peratus pada tahun 2024 berbanding 4.1 peratus pada tahun 2023.

Indonesia

Ekonomi Indonesia berkembang 5.0 peratus pada tahun 2024 berbanding 5.1 peratus pada tahun 2023 seperti yang dilaporkan oleh Badan Pusat Statistik (BPS, 2025). Pertumbuhan ini disokong oleh peningkatan positif dalam semua sektor Perkhidmatan terutamanya Aktiviti perkhidmatan lain yang merekodkan pertumbuhan tertinggi 9.8 peratus (2023: 10.5%). Seterusnya, sektor Pembinaan mengukuh 7.0 peratus (2023: 4.9%), manakala sektor Perlombongan & pengkuarian bertumbuh 4.9 peratus (2023: 6.1%). Sektor Pembuatan yang mendominasi ekonomi Indonesia berkembang 4.4 peratus (2023: 4.6%) manakala sektor Pertanian meningkat marginal 0.7 peratus (2023: 1.3%). Dari perspektif komponen perbelanjaan, Perbelanjaan Penggunaan Akhir Institusi Bukan Keuntungan yang Berkhidmat kepada Isi Rumah (NPISHs FCE) merekodkan pertumbuhan tertinggi, 12.5 peratus (2023: 10.0%). Sementara itu, Perbelanjaan penggunaan isi rumah meningkat 4.9 peratus pada tahun 2024 (2023: 4.8%) manakala Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan mengukuh 6.6 peratus berbanding 3.0 peratus pada tahun 2023.

Menurut BPS 2025, eksport Indonesia pada tahun 2024 mencatatkan pertumbuhan 2.3 peratus, mencecah USD264.7 bilion berbanding penyusutan 11.3 peratus pada tahun 2023. Prestasi eksport yang baik ini

didorong oleh eksport bukan minyak & gas yang meningkat 2.5 peratus. Ini dipengaruhi oleh komoditi logam berharga & barang kemas dan kasut yang masing-masing mencatatkan pertumbuhan dua digit iaitu 18.3 peratus dan 10.1 peratus. Manakala eksport minyak & gas merosot 0.3 peratus dipengaruhi oleh produk minyak yang mengalami penyusutan 12.2 peratus. Seterusnya, import Indonesia yang berjumlah USD233.7 bilion juga meningkat 5.3 peratus berbanding tahun sebelumnya (2023: -6.6%). Prestasi ini disokong oleh kenaikan import minyak & gas sebanyak 1.2 peratus (USD36.3 bilion) serta import bukan minyak & gas, 6.1 peratus (USD197.4 bilion).

Beralih ke pasaran buruh, bilangan penduduk di Indonesia berjumlah 281.6 juta orang pada tahun 2024, meningkat berbanding 278.7 juta orang yang direkodkan tahun sebelumnya. Sementara itu, KPTB lelaki adalah sebanyak 84.7 peratus, melebihi perempuan yang mencatatkan kadar 56.4 peratus. Manakala kadar pengangguran bagi perempuan adalah 4.92 peratus, lebih tinggi berbanding kadar pengangguran lelaki yang berada pada kadar 4.90 peratus (BPS, 2025).

Kadar inflasi di Indonesia pada Disember 2024 meningkat perlahan, iaitu 1.6 peratus berbanding 2.6 peratus pada tempoh sama tahun 2023 (BPS, 2025). Inflasi perlahan ini didorong oleh kumpulan Pengangkutan dan Maklumat, komunikasi & perkhidmatan kewangan masing-masing menyusut 0.3 peratus. Manakala, kumpulan Makanan, minuman & tembakau mereda 1.9 peratus (Disember 2023: 6.2%), Pakaian & kasut, meningkat 1.2 peratus (Disember 2023: 0.8%), serta Perumahan, air, elektrik & bahan api isi rumah turut meningkat perlahan kepada 0.6 peratus (Disember 2023: 0.5%). Peningkatan perlahan inflasi ini dipengaruhi oleh dasar

monetari antara Bank Indonesia dan Kerajaan (Pusat dan Wilayah) melalui pengukuhan *National Food Inflation Control Movement* (GNPIP) yang telah mengawal inflasi Indonesia dalam kitaran sasarannya iaitu 2.5 peratus.

Thailand

Thailand telah merekodkan pertumbuhan ekonomi 2.5 peratus pada tahun 2024 berbanding 2.0 peratus pada tahun 2023 seperti yang dilaporkan oleh *Office of the National Economic and Social Development Council* (NESDC), 2025. Bagi komponen perbelanjaan, Perbelanjaan penggunaan swasta menyederhana 4.4 peratus (2023: 6.9%) dan Perbelanjaan penggunaan kerajaan memulih 2.5 peratus berbanding penyusutan 4.7 peratus pada tahun sebelumnya. Sementara itu, dalam konteks Pelaburan, Pelaburan awam bertumbuh 4.8 peratus manakala Pelaburan swasta mengalami penyusutan sebanyak 1.6 peratus. Di samping itu, eksport barangan turut berkembang 5.8 peratus berbanding penyusutan 1.5 peratus yang direkodkan pada tahun sebelumnya.



2.5%
Pertumbuhan
ekonomi Thailand
pada tahun 2024

Dari sudut pengeluaran, sektor Perkhidmatan meningkat 3.9 peratus (2023: 4.2%) didorong oleh subsektor Penginapan dan Pengangkutan & penyimpanan dengan masing-masing 9.5 peratus dan 9.0 peratus. Manakala subsektor Perdagangan borong & runcit berkembang 3.8 peratus. Sementara itu, sektor Pembinaan pulih 1.3 peratus berbanding penyusutan 0.6 peratus yang direkodkan pada tahun 2023. Sebaliknya, sektor Pembuatan dan Pertanian merosot masing-masing 0.5 peratus dan 1.0 peratus pada tempoh sama.

Sementara itu, nilai dagangan Thailand pada tahun 2024 meningkat 5.9 peratus setelah merekodkan penyusutan 2.5 peratus pada tahun sebelumnya dengan nilai dagangan berjumlah USD607.3 bilion. Eksport dan import di negara ini meningkat 5.4 peratus dan 6.3 peratus dengan nilai masing-masing berjumlah USD300.5 bilion dan USD306.8 bilion. Kenaikan import yang lebih tinggi berbanding eksport telah mendorong defisit dagangan sebanyak USD6.3 bilion pada tahun 2024 kepada negara ini. Antara rakan dagang utama negara ini adalah China (USD115.9 bilion), Amerika Syarikat (USD74.5 bilion), Jepun (USD52.0 bilion), Malaysia (USD26.1 bilion) dan Taiwan (USD25.4 bilion) (*Ministry of Commerce Thailand*, 2025).

Menurut NESDC 2025, bilangan tenaga buruh di Thailand berjumlah 40.4 juta orang, mencatatkan kadar pertumbuhan negatif 0.2 peratus pada 2024 berbanding pertumbuhan positif 1.4 peratus yang direkodkan pada tahun sebelumnya. Pada tempoh sama, penduduk bekerja juga merekodkan pengurangan 0.3 peratus dengan jumlah 39.8 juta orang berbanding 39.9 juta orang pada tahun 2023. Penurunan ini telah menyumbang kepada kenaikan kadar pengangguran sebanyak 1.0 peratus (2023: 0.98%) pada tahun 2024.

Dari perspektif inflasi pula, inflasi di Thailand telah mereda kepada 0.4 peratus pada tahun 2024 berbanding peningkatan 1.2 peratus yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Kadar inflasi yang rendah ini didorong oleh beberapa faktor antaranya kawalan kenaikan harga makanan dan tenaga, dasar monetari yang berkesan serta langkah-langkah kerajaan dalam membantu mengekalkan inflasi pada kadar yang rendah. Keberkesanan inisiatif ini telah mengangkat Thailand ke kedudukan ke-6 daripada 135 negara yang melaporkan kadar inflasi pada tempoh tersebut (*Ministry of Commerce Thailand, 2025*).

Singapura

Ministry of Trade and Industry Singapore (MTI) 2025, melaporkan ekonomi Singapura bertumbuh 4.4 peratus berbanding peningkatan 1.8 peratus pada tahun sebelumnya. Prestasi baik dipacu oleh peningkatan dalam semua sektor terutamanya Pembuatan yang pulih 4.3 peratus (2023: -4.2%), disokong oleh peningkatan output dalam semua kluster kecuali bioperubatan. Sektor Perkhidmatan merekodkan peningkatan 4.4 peratus (2023: 3.3%) pada tahun 2024, disokong oleh semua subsektor kecuali Perkhidmatan makanan & minuman dan Perdagangan runcit. Pertumbuhan tertinggi direkodkan oleh subsektor Penginapan dan Kewangan & insurans, masing-masing 7.1 peratus dan 6.8 peratus. Sementara itu, sektor Pembinaan meningkat 4.5 peratus berbanding penguncupan 5.8 peratus pada tahun sebelumnya, dipacu oleh peningkatan output dalam sektor awam dan swasta. Bagi komponen perbelanjaan, Perbelanjaan penggunaan bertumbuh 5.7 peratus berbanding tahun sebelumnya (2023: 4.1%) disokong oleh peningkatan penggunaan awam dan swasta. Penggunaan swasta meningkat 4.8 peratus dipengaruhi oleh

pertumbuhan dalam Pengangkutan, Kesihatan dan Barangan & perkhidmatan lain. Manakala Penggunaan awam berkembang kukuh dengan peningkatan 8.3 peratus berbanding 1.8 peratus pada tahun sebelumnya. Sementara itu, Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) turut berkembang 2.9 peratus (2023: -0.9%). PMTK sektor swasta berkembang marginal 0.8 peratus, manakala PMTK sektor awam meningkat kukuh 12.4 peratus.

Dari perspektif perdagangan antarabangsa, jumlah dagangan barangan pada tahun 2024 meningkat sebanyak 6.6 peratus berbanding penguncupan 11.7 peratus tahun sebelumnya dengan nilai USD1.3 trilion. Prestasi yang baik ini dipengaruhi oleh peningkatan dalam eksport barangan sebanyak 5.7 peratus berbanding penyusutan 10.1 yang direkodkan pada tahun 2023. Pertumbuhan positif dalam eksport barangan didorong oleh eksport minyak sebanyak 1.0 peratus (2023: -14.2%) dan bukan minyak 0.2 peratus (2023: -13.1%). Seterusnya, import barangan turut meningkat 7.8 peratus selepas menyusut 13.4 peratus pada tahun 2023 dipengaruhi oleh import bukan minyak yang meningkat 9.9 peratus (2023: -11.9%). Walau bagaimanapun, import minyak masih merekodkan penurunan pada kadar 0.3 peratus (2023: -19.0%). Seterusnya, jumlah perdagangan perkhidmatan berkembang 8.6 peratus (2023: 4.8%) pada tahun 2024 disokong oleh pertumbuhan eksport perkhidmatan (9.9%) dan import perkhidmatan (7.1%) (MTI, 2025).

Menyoroti prestasi tenaga buruh Singapura, *Ministry of Manpower of Singapore* melaporkan bahawa bilangan tenaga buruh di negara ini terus meningkat kepada 4.0 juta orang berbanding 3.9 juta orang pada tahun 2023. Namun begitu, KPTB merekodkan penurunan sebanyak 0.4 mata peratus kepada 68.2 peratus berbanding 68.6 peratus yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Pada masa yang sama, bilangan

bekerja meningkat kepada 3.9 juta orang (2023: 3.8 juta orang) manakala bilangan penganggur pada tahun 2024 adalah seramai 95.9 ribu orang. Sementara itu, kadar pengangguran bagi Singapura meningkat 2.0 peratus (2023: 1.9%).

Inflasi di Singapura pada tahun 2024 meningkat 2.4 peratus, lebih rendah berbanding 4.8 peratus pada tahun 2023. Peningkatan ini dipengaruhi oleh kenaikan kos Penjagaan kesihatan sebanyak 3.9 peratus daripada perkhidmatan pesakit luar & hospital serta insurans kesihatan yang semakin tinggi. Selain itu, ia juga dipengaruhi oleh peningkatan harga dalam komponen Rekreasi & budaya (3.6%), Perumahan & utiliti (3.3%), Pendidikan (3.2%), Makanan (2.8%), Pengangkutan (0.8%), Perkhidmatan & barangan tahan lama isi rumah (0.7%) serta Komunikasi (0.5%). Sebaliknya, inflasi Pakaian dan kasut menurun 1.1 peratus disebabkan oleh harga item pakaian siap (*ready-made garments*) yang lebih rendah (MTI, 2025).

Filipina

Ekonomi Filipina berkembang 5.7 peratus pada tahun 2024 berbanding 5.5 peratus pada tahun sebelumnya. Ini menjadikannya negara kedua tertinggi dari segi pertumbuhan ekonomi dalam kalangan negara ASEAN seperti yang dilaporkan oleh *Philippine Statistics Authority* (PSA) 2025. Prestasi ini disokong oleh pertumbuhan positif dalam kesemua sektor kecuali sektor Pertanian. Sektor Perkhidmatan merekodkan peningkatan 6.7 peratus didorong terutamanya oleh subsektor Penginapan & perkhidmatan makanan serta Kesihatan manusia & aktiviti kerja sosial yang mencatatkan pertumbuhan kukuh 10.3 peratus dan 10.7 peratus pada tahun 2024. Di samping itu, sektor Pembinaan mencatatkan pertumbuhan dua digit iaitu 10.3 peratus (2023: 8.8%) manakala sektor



2.4%

**Kadar inflasi di
Singapura pada
tahun 2024**

Pembuatan berkembang 3.6 peratus (2023: 1.3%). Sebaliknya, sektor Pertanian, perhutanan & perikanan menguncup 1.6 peratus disebabkan oleh penyusutan dalam tanaman utama iaitu padi dan jagung. Sementara itu, dari sudut permintaan, Perbelanjaan akhir isi rumah kekal menjadi penyumbang utama, menyederhana 4.8 peratus pada tahun 2024. Pada masa sama, Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan dan Pelaburan turut meningkat masing-masing 7.2 peratus (2023: 0.6%) dan 7.5 peratus (2023: 5.9%). Eksport juga berkembang 3.4 peratus berbanding 1.4 peratus pada tahun sebelumnya.

Jumlah dagangan barangan Filipina pada tahun 2024 berkembang sederhana 0.5 peratus dengan nilai USD200.9 bilion berbanding penyusutan 7.8 peratus pada tahun sebelumnya (USD199.8 bilion). Eksport barangan bernilai USD73.3 bilion, merosot 0.5 peratus berbanding negatif 7.5 peratus (2023: USD73.6 bilion) pada tahun 2023. Prestasi eksport yang lemah ini dipengaruhi oleh penyusutan dalam beberapa komoditi, antaranya produk elektronik yang merosot

6.7 peratus dan produk mineral lain (-3.7%). Walau bagaimanapun, barangan pembuatan serta peralatan mesin dan pengangkutan meningkat dua digit iaitu masing-masing 17.8 peratus dan 10.2 peratus sekali gus memperlahankan kejatuhan eksport negara ini. Sementara itu, import barangan berjumlah USD127.6 bilion meningkat 1.1 peratus (2023: -8.0%) didorong oleh produk elektronik yang bertumbuh 2.8 peratus dengan nilai USD27.4 bilion. Pada tempoh yang sama, import jentera & peralatan industri serta makanan lain & ternakan turut meningkat masing-masing 1.7 peratus dan 6.9 peratus. Kemerosotan nilai eksport telah mendorong peningkatan defisit dagangan pada tahun 2024 kepada USD54.3 bilion (2023: USD52.6 bilion) (PSA, 2025).

Beralih ke senario pasaran buruh, PSA 2025 melaporkan bahawa kadar penyertaan tenaga buruh di Filipina adalah 64.4 peratus pada tahun 2024, lebih rendah berbanding 64.9 peratus yang dicatatkan pada tahun 2023. Selain itu, kadar bekerja meningkat kepada 96.2 peratus berbanding tahun sebelumnya (2023: 95.6%). Ini telah menyebabkan kadar pengangguran di Filipina bertambah baik dengan mencatatkan penurunan kepada 3.8 peratus berbanding 4.4 peratus yang direkodkan pada tahun sebelum.

Kadar inflasi Filipina mereda kepada 3.2 peratus pada tahun 2024 setelah mencapai 6.0 peratus pada tahun sebelumnya. Peningkatan sederhana ini dipengaruhi oleh Makanan & minuman bukan alkohol serta Minuman alkohol & tembakau yang masing-masing mereda kepada 4.4 peratus (2023: 7.9%) dan 4.6 peratus (2023: 10.7%). Seterusnya, Restoran & perkhidmatan penginapan dan Perkhidmatan

pendidikan masing-masing meningkat 4.8 peratus (2023: 7.4%) dan 4.3 peratus (2023: 3.6%). Pada tempoh yang sama, Perkhidmatan kewangan menyusut 0.6 peratus berbanding tahun sebelumnya. Menurut *National Economic and Development Authority* (NEDA), kadar inflasi yang stabil di Filipina merupakan petunjuk positif terhadap komitmen Kerajaan dalam memastikan kestabilan harga selaras dengan rancangan Pembangunan Filipina (PDP) 2023-2028.

Viet Nam

Ekonomi Viet Nam menunjukkan pertumbuhan yang memberangsangkan walaupun berhadapan dengan cabaran ekonomi global dengan terus mengukuh pada 7.1 peratus selepas merekodkan peningkatan 5.1 peratus pada tahun 2023. Sektor Perkhidmatan serta sektor Perindustrian dan Pembinaan merupakan pemacu kepada ekonomi negara ini dengan sumbangan sebanyak 94.6 peratus. Kedua-dua sektor ini merekodkan prestasi cemerlang dengan sektor Perkhidmatan meningkat 7.4 peratus (2023: 6.8%) manakala sektor Perindustrian dan Pembinaan, berkembang 8.2 peratus (2023: 3.7%). Pertumbuhan sektor Perkhidmatan didorong oleh peningkatan dalam subsektor Perdagangan borong & runcit (8.0%), Pengangkutan & penyimpanan (10.8%), Aktiviti kewangan, perbankan & insurans (7.1%) dan Penginapan & perkhidmatan makanan (9.8%). Sementara itu, sektor Perindustrian dan Pembinaan disokong oleh peningkatan dalam industri pembuatan (9.8%), pengeluaran & pengagihan elektrik (10.1%) serta bekalan air, pembentungan, pengurusan sisa & aktiviti pemulihan (9.4%). Manakala sektor Pertanian, perhutanan & perikanan berkembang 3.3 peratus (2023: 3.8%) disokong oleh peningkatan dalam output produk pertanian,

ternakan serta akuakultur. Dari aspek permintaan, semua komponen mencatatkan peningkatan dengan penggunaan akhir berkembang 6.6 peratus (2023: 3.5%), diikuti aset terkumpul (7.2%), eksport barangan dan perkhidmatan (15.5%) serta import barangan dan perkhidmatan (16.1%) (*General Statistics Office (GSO) of Viet Nam*).

Beralih ke perdagangan antarabangsa, Viet Nam mencatatkan pertumbuhan 15.4 peratus (2023: -6.6%), bernilai USD786.3 bilion berbanding USD683.0 bilion pada tahun 2023. Pertumbuhan ini dipacu oleh peningkatan dalam aktiviti eksport barangan sebanyak 14.3 peratus dengan nilai USD405.5 bilion dan import barangan sebanyak 16.7 peratus kepada USD380.8 bilion. Peningkatan eksport barangan ini telah menyumbang lebih dagangan mencecah USD24.8 bilion (2023: USD28.0 bilion). Tiga (3) produk barangan eksport utama negara ini adalah barangan elektronik & komputer, pelbagai jenis telefon serta mesin, peralatan dan aksesori (GSO, 2025).

Dari perspektif tenaga buruh, bilangan tenaga buruh pada tahun 2024 mencapai 53.0 juta orang, meningkat 575.4 ribu orang berbanding tahun sebelumnya (52.4 juta orang). Kadar penyertaan tenaga buruh kekal stabil pada 68.9 peratus, sama seperti yang direkodkan pada tahun 2023. Manakala 51.9 juta orang direkodkan bekerja, dengan peningkatan sebanyak 1.1 peratus pada tahun 2024 meliputi kawasan bandar dan luar bandar dengan masing-masing seramai 19.9 juta orang dan 32.0 juta orang. Peningkatan penduduk yang bekerja di

negara ini telah menyumbang kepada penurunan kadar pengangguran di Viet Nam sebanyak 0.04 peratus kepada 2.2 peratus (GSO, 2025).

General Statistics Office (GSO) of Viet Nam melaporkan bahawa kadar inflasi Viet Nam pada tahun 2024 meningkat kepada 3.6 peratus berbanding 3.3 peratus yang direkodkan pada tahun sebelumnya. Peningkatan inflasi ini dipengaruhi oleh kenaikan dalam kumpulan Perkhidmatan makanan dan katering (4.0%), Perumahan, elektrik & air, bahan api & bahan binaan (5.2%), Ubatan & perkhidmatan perubatan (7.2%), Pengangkutan (0.8%) dan Pendidikan (5.4%). Sebaliknya, kumpulan Pos & komunikasi menurun 1.0 peratus disebabkan oleh penurunan harga telefon model lama serta pelaksanaan program pemberian diskaun bagi merangsang permintaan telefon pintar.

Rumusan

Secara keseluruhan, prestasi ekonomi global kekal berdaya tahan pada tahun 2024. Indikator ekonomi seperti perdagangan antarabangsa yang berkembang baik, inflasi yang semakin menurun dan pasaran buruh yang positif di kebanyakan negara memberi keyakinan serta prospek yang lebih baik pada tahun 2025. *WEO July, 2025* meramalkan bahawa pertumbuhan ekonomi global meningkat 3.0 peratus. Meskipun begitu, Bank Pusat masih perlu berwaspada dalam menyelaraskan dasar moneterinya memandangkan tekanan inflasi yang masih berterusan di kebanyakan negara.

KEDUDUKAN MALAYSIA DI PERINGKAT GLOBAL



INDEKS OPEN DATA INVENTORY (ODIN) 2024

Penilaian *Open Data Inventory* (ODIN) menilai keterbukaan (*openness*) dan liputan (*coverage*) data rasmi negara berdasarkan ketersediaan penunjuk utama, perincian data mengikut masa dan geografi. Ia juga menilai dari segi kemudahan akses kepada data dalam format mesra mesin (*machine readable*) dan *non proprietary* yang turut disertai metadata, pilihan muat turun pukal dan *Application Programming Interface* (API).

Selain itu, penilaian ODIN mendorong amalan terbaik dalam tadbir urus data negara malah turut memperkukuh kedudukan Malaysia di peringkat global dalam aspek ketersediaan data yang lebih terperinci (*granular*), telus dan penggunaan data secara terbuka. Statistik yang

diterbitkan oleh sistem statistik negara akan dinilai menerusi portal rasmi *National Statistic Office's* (NSO) serta lain-lain portal rasmi kerajaan yang diiktiraf.

Malaysia melakar sejarah apabila melonjak ke kedudukan pertama dunia dalam *Open Data Inventory* (ODIN) 2024 dengan memperoleh nilai skor 89.8 berbanding kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022 dengan skor 58.7.

Menurut laporan rasmi dwitahunan oleh *Open Data Watch* (ODW), Malaysia telah mengatasi 197 negara lain dengan mendahului Singapura di kedudukan ke-2, Finland di kedudukan ke-3 serta Denmark dan Poland di kedudukan ke-4 dalam pencapaian keseluruhan (**Jadual 1.2**). Selain itu, bagi aspek keterbukaan, Malaysia turut mengatasi semua negara dengan mencapai nilai skor 99.0, mengatasi Poland (97.0), Oman (96.5) dan Norway (95.7).

Jadual 1.2 : Kedudukan Indeks *Open Data Inventory* (ODIN) negara terpilih, 2022 dan 2024

Negara	2022		2024	
	Kedudukan	Skor	Kedudukan	Skor
Malaysia	67	58.7	1	89.8
Singapura	1	90.4	2	89.7
Finland	4	85.8	3	89.0
Denmark	3	86.7	4	88.7
Poland	2	87.0	4	88.7
Norway	5	85.2	6	88.6
Hong Kong	7	82.4	7	87.1
Slovenia	6	82.9	8	85.6
Oman	19	73.90	9	84.3
Emiriah Arab Bersekutu (UAE)	12	79.5	10	83.8
Mongolia	8	81.6	11	83.4
Portugal	14	77.9	12	82.9
Uzbekistan	30	70.2	12	82.9
Sweden	9	81.0	14	82.5
Belanda	10	79.7	15	81.9
Romania	24	71.5	16	81.1
Jerman	13	78.9	17	79.0
Latvia	16	76.9	18	78.6
Moldova	17	76.2	18	78.6
Estonia	11	79.6	20	78.5

Sumber: *Open Data Inventory*, ODIN, *Open Data Watch* 2024

**INDEKS KEAMANAN GLOBAL
(GLOBAL PEACE INDEX) 2024**

Bagi Indeks Keamanan Global (*Global Peace Index 2024*) yang diterbitkan oleh *Institute for Economics & Peace*, Malaysia melonjak 9 anak tangga di kedudukan ke-10 berbanding ke-19 pada tahun 2023 dengan nilai skor 1.427 (2023: 1.513), sekali gus meletakkan Malaysia dalam kalangan 10 negara paling aman di dunia.

Antara aspek yang dinilai adalah tahap konflik antarabangsa dan domestik yang sedang berlangsung, tahap keselamatan dan kawalan sosial serta tahap ketenteraan. Malaysia mencapai skor 1.000 bagi tahap konflik antarabangsa dan domestik yang sedang berlangsung dan menduduki tangga

ke-3 bagi tahap ketenteraman dengan mencatatkan skor 1.229. Malaysia telah mencapai skor 1.818 dalam tahap keselamatan dan kawalan sosial.

Di samping itu, Iceland kekal menduduki kedudukan pertama negara paling aman, diikuti Ireland di kedudukan kedua, naik satu anak tangga (2022: ke-3). Austria menduduki tempat ketiga dengan kenaikan dua anak tangga (2023: ke-5) keamanan 2024 diikuti New Zealand dan Singapura (**Jadual 1.3**).

Dalam kalangan negara rantau Asia Pasifik, Malaysia berada di tangga ketiga negara paling aman selepas New Zealand, dan Singapura ke-2, mengatasi Jepun dan Australia masing-masing kedudukan ke-4 dan ke-5.

Jadual 1.3 : Kedudukan Indeks Keamanan Global (*Global Peace Index*) negara terpilih, 2023 dan 2024

Negara	2023		2024	
	Kedudukan	Skor	Kedudukan	Skor
Iceland	1	1.124	1	1.112
Ireland	3	1.312	2	1.303
Austria	5	1.316	3	1.313
New Zealand	4	1.313	4	1.323
Singapura	6	1.332	5	1.339
Switzerland	10	1.339	6	1.35
Portugal	7	1.333	7	1.372
Denmark	2	1.31	8	1.382
Slovenia	8	1.334	9	1.395
Malaysia	19	1.513	10	1.427
Kanada	11	1.35	11	1.449
Czechia	12	1.379	12	1.459
Finland	13	1.399	13	1.474
Hungary	18	1.508	14	1.502
Croatia	14	1.45	15	1.504
Belgium	20	1.523	16	1.510
Jepun	9	1.336	17	1.525
Belanda	16	1.490	18	1.527
Australia	22	1.525	19	1.536
Jerman	15	1.456	20	1.542

Sumber: *Global Peace Index 2024, Institute for Economics & Peace*

INDEKS PERDAGANGAN MAMPAN (SUSTAINABLE TRADE INDEX) 2024

Menurut laporan Indeks Perdagangan Mampan (*Sustainable Trade Index*) yang diterbitkan oleh *International Institute for Management Development*, Malaysia menduduki tempat ke-15 dalam Indeks Perdagangan Mampan, menurun satu anak tangga berbanding ke-14 yang direkodkan pada tahun 2023 dengan pencapaian nilai skor 52.70 (2023: 58.10).

Indeks Perdagangan Mampan adalah antara indeks global untuk menilai keberkesanan ekonomi perdagangan global dalam mengimbangi tiga teras penting kemampanan iaitu pertumbuhan ekonomi, kemajuan masyarakat dan penjagaan alam sekitar. Indeks ini merupakan penanda aras penting dan panduan strategik untuk membantu

kerajaan dan perniagaan mengatasi cabaran perdagangan antarabangsa.

Bagi kedudukan Indeks Perdagangan Mampan negara terpilih yang dipaparkan dalam **Jadual 1.4**, Singapura mendahului Asia di kedudukan ke-4, menunjukkan prestasi yang kukuh merentasi semua aspek. Ini diikuti oleh negara Jepun yang mengalami peningkatan ketara, naik 3 anak tangga di kedudukan ke-5 (2023: ke-8). Korea Selatan pula kekal dalam kedudukan yang kukuh, di tempat ke-6 dengan skor 81.4.

New Zealand dan United Kingdom masih mengekalkan kedudukan teratas masing-masing di tangga pertama dan ke-2. Australia di tangga ketiga, naik dua anak tangga berbanding tempat kelima pada tahun 2023. Kedudukan seterusnya adalah negara Singapura dan Jepun, masing-masing di kedudukan 4 dan 5.

Jadual 1.4 : Kedudukan Indeks Perdagangan Mampan (*Sustainable Trade Index*) negara terpilih, 2023 dan 2024

Negara	2023		2024	
	Kedudukan	Skor	Kedudukan	Skor
New Zealand	1	100.0	1	100.0
United Kingdom	2	96.5	2	97.7
Australia	5	84.5	3	87.4
Singapura	3	94.1	4	85.7
Jepun	8	79.3	5	81.5
Korea Selatan	6	84.2	6	81.4
Hong Kong	4	85.6	7	81.4
Kanada	7	82.1	8	80.0
Taiwan	10	65.9	9	72.3
Amerika Syarikat	9	77.2	10	72.2
Chile	11	64.4	11	63.9
Thailand	17	50.1	12	55.4
Filipina	12	61.4	13	54.8
Viet Nam	13	58.8	14	54.1
Malaysia	14	58.1	15	52.7
China	16	50.1	16	50.9
Mexico	15	53.8	17	48.9
Indonesia	19	49.1	18	45.3
Kemboja	18	49.4	19	42.4
Peru	21	38.4	20	36.0

Sumber: Sustainable Trade Index, IMD, World Competitiveness Centre, 2024

**INDEKS KETERANGKUMAN KEWANGAN
GLOBAL (GLOBAL FINANCIAL INCLUSION
INDEX) 2024**

Indeks Keterangkuman Kewangan Global yang menilai sejauh mana pasaran di seluruh dunia mampu menyediakan akses yang diperlukan berdasarkan tiga elemen utama iaitu sokongan daripada pihak kerajaan, majikan dan sistem kewangan.

Menurut laporan Indeks Keterangkuman Kewangan yang diterbitkan oleh *Principal Financial Services*, Malaysia tersenarai antara 20 negara utama bagi keterangkuman kewangan analisis global yang melibatkan 41 buah negara. Pada tahun 2024, Malaysia berada di kedudukan ke-20 iaitu turun dua

anak tangga (2023: ke-18). Meskipun begitu, Malaysia menunjukkan peningkatan pencapaian nilai skor iaitu 52.9 berbanding skor 52.8 pada tahun sebelumnya. Prestasi kedudukan ini dipengaruhi oleh sokongan kerajaan yang berada di kedudukan ke-24 (2023: ke-22) dan sistem kewangan di tangga ke-16 (2023: ke-17).

Di samping itu, Singapura terus mengekalkan kedudukan di tangga pertama selama tiga tahun berturut-turut dengan pencapaian nilai skor 78.8 pada tahun 2024. Begitu juga Hong Kong yang mengekalkan kedudukannya di tangga kedua manakala Korea Selatan melonjak 10 anak tangga dan mencapai tempat ketiga dalam Indeks Keterangkuman Kewangan (**Jadual 1.5**).

Jadual 1.5 : Kedudukan Indeks Keterangkuman Kewangan Global (Global Financial Inclusion Index) negara terpilih, 2023 dan 2024

Negara	2023		2024	
	Kedudukan	Skor	Kedudukan	Skor
Singapura	1	73.9	1	78.8
Hong Kong	2	71.1	2	75.3
Korea Selatan	13	55.1	3	72.0
Switzerland	3	68.4	4	71.3
Sweden	5	65.5	5	70.7
Denmark	6	65.3	6	68.4
Amerika Syarikat	4	66.2	7	66.2
Thailand	10	58.8	8	65.1
Australia	9	58.9	9	63.6
Norway	8	59.4	10	62.7
United Kingdom	7	60.8	11	61.6
Belanda	12	57.0	12	60.7
New Zealand	16	53.6	13	58.9
Viet Nam	17	53.1	14	57.7
Finland	11	58.1	15	57.5
Taiwan	20	49.4	16	55.8
Kanada	14	53.8	17	55.7
Ireland	23	47.5	18	54.6
Jerman	22	47.6	19	53.2
Malaysia	18	52.8	20	52.9

Sumber: Global Financial Inclusion Index 2024, Principle Financial Group dan World Bank

INDEKS PRESTASI LOGISTIK (LOGISTIC PERFORMANCE INDEX) 2023

Kedudukan Malaysia bagi Indeks Prestasi Logistik 2023 yang diterbitkan oleh laporan *The Connecting To Compete 2023 : Trade Logistics in the Global Economy* melonjak 15 anak tangga di kedudukan ke-26 berbanding di kedudukan ke-41 pada tahun 2018 dengan nilai indeks skor 3.6 (2018: 3.2). Indeks Prestasi Logistik ini membolehkan perbandingan prestasi logistik perdagangan dibuat antara 139 negara terpilih. Ia digunakan sebagai penanda aras bagi membantu negara-negara mengenalpasti cabaran dan

peluang yang dihadapi bagi meningkatkan prestasi logistik perdagangan negara.

Singapura menduduki tempat pertama keseluruhan dengan kenaikan enam anak tangga (2018: ke-7) diikuti Finland di kedudukan kedua, naik lapan anak tangga (2018: ke-10) dan Denmark di kedudukan ketiga, dengan menaiki lima anak tangga (2018: ke-8) seperti yang ditunjukkan pada **Jadual 1.6**. Selain itu, Singapura kekal menduduki tangga pertama dalam negara-negara ASEAN disusuli oleh Malaysia, Thailand (ke-34), Filipina (ke-43) dan Viet Nam (ke-43).

Jadual 1.6 : Kedudukan Indeks Prestasi Logistik (Logistic Performance Index) negara terpilih, 2018 dan 2023

Negara	2018		2023	
	Kedudukan	Skor	Kedudukan	Skor
Singapura	7	4.0	1	4.3
Finland	10	4.0	2	4.2
Denmark	8	4.0	3	4.1
Jerman	1	4.2	3	4.1
Belanda	6	4.0	3	4.1
Switzerland	13	3.9	3	4.1
Austria	4	4.0	7	4.0
Belgium	3	4.0	7	4.0
Kanada	20	3.7	7	4.0
Hong Kong	12	3.9	7	4.0
Sweden	2	4.1	7	4.0
UAE	11	4.0	7	4.0
Perancis	16	3.8	13	3.9
Jepun	5	4.0	13	3.9
Sepanyol	17	3.8	13	3.9
Taiwan	27	3.6	13	3.9
Amerika Syarikat	14	3.9	17	3.8
China	26	3.6	19	3.7
Itali	19	3.7	19	3.7
United Kingdom	9	4.0	19	3.7
Malaysia	41	3.2	26	3.6
Thailand	32	3.4	34	3.5

Sumber: *The Connecting To Compete 2023 : Trade Logistics in the Global Economy*, Booklet, The World Bank, 2023

DAYA SAING GLOBAL
(GLOBAL COMPETITIVENESS RANKING) 2024

Kedudukan Malaysia dalam Daya Saing Global 2024 adalah di kedudukan ke-34, merosot tujuh anak tangga berbanding kedudukan ke-27 pada tahun sebelumnya. Di kalangan negara ASEAN, Malaysia menduduki kedudukan keempat selepas Singapura, Thailand dan Indonesia. Kemerosotan kedudukan ini merupakan

kesan daripada penurunan permintaan global dan peningkatan persaingan global.

Merujuk laporan *World Competitiveness 2024* yang diterbitkan oleh *International Institute for Management Development*, Singapura menduduki tangga pertama daya saing global pada 2024, naik tiga anak tangga (2023: ke-4). Switzerland berada di kedudukan kedua, manakala Denmark menurun jatuh dari tempat pertama ke tempat ketiga (**Jadual 1.7**).

Jadual 1.7 : Kedudukan Daya Saing Global (World Competitiveness Ranking) negara terpilih, 2023 dan 2024

Negara	2023		2024	
	Kedudukan	Skor	Kedudukan	Skor
Singapura	4	97.44	1	100.00
Switzerland	3	99.13	2	97.55
Denmark	1	100.00	3	97.07
Ireland	2	99.71	4	91.86
Hong Kong	7	92.05	5	91.49
Sweden	8	91.86	6	90.30
Emiriah Arab Bersatu (UAE)	10	90.52	7	89.75
Taiwan	6	93.11	8	88.50
Belanda	5	95.58	9	86.94
Norway	14	88.43	10	86.22
Finland	11	89.73	15	80.26
Republik Korea	28	75.71	20	75.92
Thailand	30	74.54	25	72.51
Indonesia	34	70.75	27	71.52
Lithuania	32	71.67	30	69.89
Malaysia	27	75.75	34	68.13

Sumber: IMD World Competitiveness Booklet, 2024

INDEKS KESEDIAAN RANGKAIAN (NETWORK READINESS INDEX) 2024

Menurut laporan *Network Readiness Index*, Malaysia menduduki tangga ke-36 dalam Indeks Kesiediaan Rangkaian 2024, meningkat empat anak tangga berbanding kedudukan ke-40 pada tahun 2023 dengan pencapaian nilai skor 57.88 (2023: 56.72).

Sebagai salah satu indeks global yang utama, Indeks Kesiediaan Rangkaian bertujuan untuk menilai impak teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) terhadap ekonomi dunia dan kesiediaan digital sesebuah negara. Indeks ini juga berperanan sebagai kompas kerajaan

dalam mengemudi transformasi digital melalui *Digital Public-Private Partnerships* (DPPPs). Indeks ini terdiri daripada beberapa komponen utama, termasuk teknologi, tadbir urus, ekonomi dan *Sustainable Development Goals* (SDG).

Amerika Syarikat, Singapura dan Finland masih mengekalkan kedudukan pada tahun 2024 masing-masing di tangga pertama, kedua dan ketiga seperti yang dipaparkan dalam **Jadual 1.8** (*Network Readiness Index, 2024, Portulans Institute*). Di samping itu, dalam kalangan negara berpendapatan sederhana tinggi (*Upper-middle-income*), Malaysia berada di kedudukan kedua selepas China.

Jadual 1.8 : Kedudukan Indeks Kesiediaan Rangkaian (*Network Readiness Index*) negara terpilih, 2023 dan 2024

Negara	2023		2024	
	Kedudukan	Skor	Kedudukan	Skor
Amerika Syarikat	1	76.91	1	78.96
Singapura	2	76.81	2	76.94
Finland	3	76.19	3	75.76
Sweden	5	75.68	4	74.99
Republik Korea	7	74.48	5	74.85
Belanda	4	76.04	6	73.94
Switzerland	6	74.76	7	73.71
United Kingdom	10	72.75	8	73.57
Jerman	9	74.00	9	73.54
Denmark	8	74.06	10	72.70
Canada	11	71.99	11	71.76
Jepun	13	71.06	12	70.96
Israel	12	71.82	13	70.46
Norway	16	69.70	14	69.70
Australia	14	70.36	15	69.43
Perancis	15	70.17	16	68.71
China	20	67.31	17	68.70
Estonia	22	66.11	18	67.85
Ireland	19	67.51	19	66.20
Austria	17	69.13	20	66.05
Malaysia	40	56.72	36	57.88

Sumber: *Network Readiness Index 2024, Booklet, Portulans Institute, 2024*

**INDEKS PERSEPSI RASUAH
(CORRUPTION PERCEPTIONS INDEX) 2024**

Indeks Persepsi Rasuah (CPI) telah diwujudkan pada tahun 1995 sebagai satu indeks yang digunakan untuk mengukur persepsi rasuah dalam sektor awam di seluruh dunia. Indeks ini merupakan penilaian tahunan sesebuah negara sebagai satu petunjuk yang paling komprehensif mengenai rasuah di seluruh dunia.

CPI menilai 180 negara dan wilayah, memberikan skor dari skala 0 hingga 100. Skor 0 menunjukkan tahap rasuah tertinggi, manakala skor 100 menandakan negara dengan tahap rasuah yang minimum, atau negara paling bersih rasuah.

Menurut *Transparency International Malaysia*, kedudukan Malaysia dalam CPI 2024 kekal di tangga ke-57, sama seperti 2023. Dalam kalangan negara ASEAN, Malaysia berada pada kedudukan kedua terbaik selepas Singapura yang memperoleh skor 84 mata, diikuti Viet Nam dengan 40 mata, Indonesia, Thailand dan Filipina.

Denmark, Finland dan Singapura merupakan tiga negara teratas yang dianggap negara “bersih” daripada ancaman rasuah. Denmark dan Finland masih mengekalkan kedudukan pada tahun 2024 iaitu masing-masing di tangga pertama dan kedua. Selain itu, Singapura di kedudukan ketiga, naik 2 anak tangga seperti yang dipaparkan dalam

Jadual 1.9.

Jadual 1.9 : Kedudukan Indeks Persepsi Rasuah (*Corruption Perception Index*) negara terpilih, 2023 dan 2024

Negara	2023		2024	
	Kedudukan	Skor	Kedudukan	Skor
Denmark	1	90	1	90
Finland	2	87	2	88
Singapura	5	83	3	84
New Zealand	3	85	4	83
Luxembourg	9	78	5	81
Norway	4	84	5	81
Switzerland	6	82	5	81
Sweden	6	82	8	80
Belanda	8	79	9	78
Australia	14	75	10	77
Iceland	19	72	10	77
Ireland	11	77	10	77
Malaysia	57	50	57	50
Vanuatu	61	48	57	50

Sumber: Corruption Perceptions Index 2024, Transparency International

PROSPEK EKONOMI GLOBAL 2025

Prospek ekonomi global pada tahun 2025 diunjurkan pada kadar 3.0 peratus. Ini disokong oleh penurunan kadar inflasi yang berterusan, harga komoditi yang semakin rendah dan pelonggaran dasar monetari di kebanyakan negara. Namun begitu, konflik yang berterusan, ketegangan geopolitik, potensi sekatan perdagangan serta risiko iklim dan bencana alam masih menjadi cabaran utama kepada pertumbuhan ekonomi dunia pada tahun 2025 (WEO, July 2025).

Seiring dengan prospek pertumbuhan ekonomi global yang perlahan, ekonomi negara maju turut diunjurkan berkembang sederhana pada kadar 1.5 peratus (2024: 1.8%). Pada masa yang sama, pertumbuhan ekonomi Amerika Syarikat dijangka berkembang perlahan 1.9 peratus (2024: 2.8%) dipengaruhi oleh ketidaktentuan dasar yang lebih ketara, ketegangan perdagangan dan unjuran permintaan yang lebih lemah.

Bagi Kawasan Euro, ekonominya diunjurkan bertumbuh 1.0 peratus berbanding pertumbuhan marginal 0.9 peratus yang direkodkan pada tahun sebelumnya. Indikator ekonomi yang memberangsangkan seperti inflasi yang lebih rendah, pembiayaan monetari yang bertambah baik serta pasaran buruh yang kukuh dijangka akan meningkatkan perbelanjaan dan pelaburan swasta. Ekonomi Jerman dijangka memulih

0.1 peratus pada tahun 2025 berbanding kemerosotan 0.2 peratus yang dicatatkan pada tahun 2024. Manakala negara Perancis, Itali dan Sepanyol masing-masing diunjur merekodkan pertumbuhan 0.6 peratus, 0.5 peratus dan 2.5 peratus. Walau bagaimanapun, beberapa faktor seperti penyatuan fiskal, ketidaktentuan geopolitik serta cabaran jangka masa panjang khususnya penuaan penduduk dan pertumbuhan produktiviti yang rendah dijangka boleh merencatkan kadar pengembangan di negara-negara ini.

Sementara itu, ekonomi Jepun diramalkan berkembang 0.7 peratus berbanding 0.2 peratus pada tahun 2024. Pertumbuhan ini didorong oleh peningkatan penggunaan swasta dan langkah rangsangan yang dilaksanakan oleh kerajaan. Manakala ekonomi China dijangka mencapai 4.8 peratus pada tahun 2025 (2024: 5.0%) didorong oleh pelaksanaan inisiatif peningkatan gaji minimum oleh Kerajaan China. Namun begitu, pertumbuhan ekonomi China yang perlahan berpotensi mempengaruhi ekonomi global, khususnya bagi negara-negara yang bergantung kepada perdagangan dengan China.

3.0%
Unjuran pertumbuhan
KDNK dunia pada
tahun 2025

Ekonomi rantau ASEAN-5 yang terdiri daripada Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand diramalkan berkembang 4.1 peratus (2024: 4.6%) mengatasi pertumbuhan ekonomi global (WEO, July 2025). Kadar inflasi di ASEAN-5 diunjurkan perlahan 1.7 peratus, lebih rendah berbanding 2.0 peratus yang direkodkan pada tahun sebelumnya (WEO, April 2025).

Sementara itu, IMF (WEO, April 2025) mengunjurkan volum perdagangan global meningkat 1.7 peratus pada tahun 2025 (2024: 3.8%). Peningkatan ini didorong oleh volum eksport di negara maju dan EMDE yang masing-masing berkembang iaitu 1.2 peratus dan 1.6 peratus. Begitu juga volum

import yang turut diramal meningkat sebanyak 1.9 peratus bagi negara maju dan 2.0 peratus bagi negara EMDE. Di samping itu, aktiviti perdagangan barangan turut diunjur berkembang 1.1 peratus berbanding 2.9 peratus pada tahun 2024 (WEO, April 2025).

Dari perspektif harga, inflasi global diramal mereda kepada 4.3 peratus (2024: 5.7%) disokong oleh dasar monetari yang lebih longgar serta harga tenaga global yang dijangka mengalami penurunan. Bagi negara maju, inflasi diramalkan meningkat lebih perlahan iaitu pada kadar 2.5 peratus (2024: 2.6%). Begitu juga bagi EMDE, ia diunjurkan meningkat perlahan 5.5 peratus berbanding 7.7 peratus pada tahun 2024 (WEO, April 2025).

Jadual 1.10 : Perubahan peratusan tahunan KDNK negara terpilih, 2024 dan unjuran 2025

(%)

Negara	2024	Unjuran 2025
Ekonomi Dunia	3.3	3.0
Negara Maju	1.8	1.5
Amerika Syarikat	2.8	1.9
Kawasan Euro	0.9	1.0
Jerman	-0.2	0.1
Perancis	1.1	0.6
Itali	0.7	0.5
Sepanyol	3.2	2.5
Jepun	0.2	0.7
United Kingdom	1.1	1.2
Negara EMDE	4.3	4.1
China	5.0	4.8
Republik Korea	2.0	0.8
Taiwan***	4.8	2.9
ASEAN-5**	4.6	4.1
Singapura***	4.4	2.0
Thailand	2.5	2.0
Filipina	5.7	5.5
Indonesia	5.0	4.8
Viet Nam***	7.1	5.2
Malaysia	5.1	4.5

Sumber: IMF, *World Economic Outlook, July 2025* dan *National Statistics Office (NSO)*

* EMDE : *Emerging Market and Developing Economies*

** ASEAN-5 (Filipina, Indonesia, Malaysia, Singapura dan Thailand)

***IMF, *World Economic Outlook, April 2025*

Nota:

Rujukan yang diambil telah diolah bersesuaian dengan laporan ini.

EKONOMI MALAYSIA TERUS BERKEMBANG MESKIPUN BERDEPAN DENGAN RINTANGAN

Ekonomi Malaysia meneruskan momentum pertumbuhan yang baik disokong oleh asas ekonomi negara yang kukuh, kepelbagaian aktiviti ekonomi dan keyakinan pelabur terhadap pasaran domestik serta diperkukuh oleh dasar kerajaan yang jelas. Ekonomi Malaysia pada 2024 terus menunjukkan pertumbuhan mampan 5.1 peratus berbanding 3.5 peratus pada 2023, dengan peningkatan nilai ditambah kepada RM1.65 trilion berbanding RM1.57 trilion pada tahun sebelumnya (Keluaran Dalam Negeri Kasar 2015-2024, DOSM). Pertumbuhan ini didorong oleh peningkatan permintaan domestik, dengan perbelanjaan penggunaan akhir swasta dan kerajaan masing-masing berkembang 5.1 peratus dan 4.7 peratus. Selain itu, ia turut disokong oleh kenaikan kukuh dalam pembentukan modal tetap kasar sebanyak 12.0 peratus, mencerminkan peningkatan pelaburan yang signifikan dalam ekonomi.

Peningkatan permintaan domestik turut dapat dilihat melalui pengukuhan dalam industri pelancongan domestik. Bilangan pelawat domestik meningkat kepada 260.1 juta orang (2023: 213.7 juta orang), mencatatkan pertumbuhan tahunan sebanyak 21.7 peratus. Perbelanjaan

SENARIO EKONOMI MALAYSIA 2024

pelancongan domestik juga bertumbuh pada kadar 25.7 peratus tahun ke tahun kepada RM106.7 bilion (Survei Pelancongan Domestik 2024, DOSM). Ini sekali gus mencerminkan keyakinan pengguna dan peningkatan permintaan terhadap produk dan perkhidmatan berkaitan pelancongan khususnya dalam sektor pengangkutan, penginapan serta rekreasi. Perkembangan ini akan mengukuhkan lagi peranan sektor pelancongan domestik untuk menjadi antara pemacu utama pertumbuhan ekonomi negara. Ini kerana peningkatan

5.1%
Peningkatan
ekonomi Malaysia
tahun 2024

perbelanjaan pengguna bukan sahaja mencipta peluang pekerjaan baharu tetapi juga mendorong pelaburan dalam infrastruktur serta perkhidmatan berkualiti tinggi bagi memenuhi keperluan pelancong. Dalam jangka masa panjang, sokongan kukuh daripada pengguna menjadi faktor utama dalam membentuk ekosistem pelancongan yang lebih lestari, sekali gus memperkuat daya saing negara sebagai destinasi pilihan, baik bagi pelancong domestik mahupun antarabangsa.

Pasaran buruh Malaysia terus berada dalam keadaan stabil sepanjang tahun 2024, sejajar dengan perkembangan ekonomi negara. Situasi ini dapat dilihat melalui peningkatan bilangan guna tenaga serta penurunan kadar pengangguran yang berterusan. Tenaga buruh meningkat 3.3 peratus kepada 16.90 juta orang, berbanding 16.37 juta orang pada tahun sebelum, begitu juga KPTB yang turut meningkat 0.6 mata peratus kepada 70.6 peratus. Nisbah guna tenaga kepada penduduk yang mencerminkan keupayaan ekonomi dalam mewujudkan pekerjaan, turut bertambah 0.7 mata peratus tahun ke tahun, daripada 67.7 peratus kepada 68.4 peratus, menunjukkan kestabilan dalam pasaran kerja. Selain itu, bilangan luar tenaga buruh mencatatkan sedikit peningkatan sebanyak 0.4 peratus, pertambahan sebanyak 24.5 ribu orang kepada 7.02 juta orang (2023: 7.0 juta orang), menandakan lebih ramai individu memasuki pasaran kerja. Bilangan penganggur berkurang kepada 534.1 ribu orang daripada 553.4 ribu orang, sekali gus menurunkan kadar pengangguran kepada 3.2 peratus berbanding 3.4 peratus pada tahun sebelumnya. Secara keseluruhan, peningkatan bilangan penduduk bekerja kepada 16.37 juta orang daripada 15.81 juta orang mencerminkan daya tahan pasaran buruh Malaysia serta keupayaan ekonomi negara (Laporan Survei Tenaga Buruh 2024, DOSM).

Perdagangan Malaysia pada tahun 2024 turut mencatatkan pertumbuhan kukuh, didorong oleh peningkatan eksport dan import dalam pelbagai sektor utama. Laporan Perangkaan Perdagangan Luar Negeri yang diterbitkan oleh DOSM pada Julai 2025 menunjukkan jumlah dagangan negara pada 2024 meningkat 9.2 peratus kepada RM2.88 trilion, mencerminkan pemulihan dan kestabilan ekonomi selepas RM2.64 trilion pada tahun sebelumnya. Eksport barangan berkembang 5.8 peratus kepada RM1.51 trilion, disokong oleh permintaan tinggi terhadap barangan elektrik & elektronik, minyak sawit, serta produk perkilangan. Pada tempoh sama, import menunjukkan pertumbuhan lebih pantas, meningkat 13.1 peratus kepada RM1.37 trilion, dipacu oleh peningkatan dalam barangan modal dan perantaraan. Daripada jumlah tersebut, Malaysia mencatatkan lebih dagangan sebanyak RM139.1 bilion, mengekalkan kedudukan negara sebagai pengeksport bersih sekalipun dalam suasana ekonomi global yang tidak menentu.

Dalam konteks pengiktirafan global, Malaysia mencatat sejarah gemilang apabila dinobatkan sebagai negara nombor satu dunia dalam *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 dengan skor keseluruhan 89.8, mengatasi 197 negara lain menurut laporan rasmi *Open Data Watch* (ODW). Kejayaan ini menunjukkan peningkatan ketara berbanding kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23, sekali gus mencerminkan komitmen Malaysia dalam memperkuat sistem statistik rasmi dan memajukan keterbukaan data mengikut piawaian antarabangsa. Penilaian ODIN mengukur aspek keterbukaan (*openness*) dan liputan (*coverage*) data rasmi berdasarkan ketersediaan penunjuk utama, kemudahan akses data dalam format mesra mesin, serta penyediaan *Application Programming Interface* (API) dan metadata. Pencapaian ini juga disokong oleh usaha

bersepadu Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan agensi kerajaan lain dalam menyediakan data yang lebih terperinci, boleh dipercayai, dan tepat pada masanya. Kejayaan ini bukan sekadar pengiktirafan global, tetapi juga menjadi bukti bahawa Malaysia kini berada di barisan hadapan dalam inovasi statistik moden dan pembangunan ekosistem data yang inklusif. Dengan pencapaian ini, Malaysia mengukuhkan lagi kedudukannya sebagai peneraju dalam amalan keterbukaan data global, selaras dengan aspirasi negara untuk memacu pembangunan yang berasaskan data berimpak tinggi.

Malaysia juga terus kukuh sebagai destinasi pelaburan global yang dipacu dengan industri berteraskan digital dan inovasi apabila berjaya menarik pelaburan syarikat berteknologi tinggi seperti *Infineon Technologies AG*, *Google*, *Microsoft* dan *Amazon Web Services (AWS)* dalam sektor semikonduktor, automotif dan teknologi digital. Usaha ini disokong dasar masa hadapan seperti Dasar Transformasi Digital, Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) dan Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030. Pada tahun 2024, prestasi Pelaburan Langsung Asing (FDI) mencatatkan peningkatan aliran masuk bersih yang ketara sebanyak RM51.5 bilion, berbanding RM38.6 bilion pada tahun sebelumnya. Pendapatan yang dijana oleh syarikat milikan asing juga turut meningkat kepada RM99.8 bilion berbanding RM88.4 bilion pada tahun 2023. Dari segi sektor, Perkhidmatan kekal menjadi penyumbang utama kepada aliran FDI dengan jumlah RM39.4 bilion, diikuti sektor Pembuatan (RM9.1 bilion) dan Perlombongan & pengkuarian (RM5.3 bilion). Dari aspek wilayah pelaburan, rantau Asia terus mendominasi dengan sumbangan nilai

pelaburan sebanyak RM50.3 bilion terutamanya dari Singapura dan Hong Kong. Singapura kekal sebagai penyumbang terbesar berdasarkan negara asal, dengan aliran masuk berjumlah RM21.4 bilion. Secara keseluruhan, kedudukan FDI Malaysia meningkat kepada RM995.5 bilion pada akhir tahun 2024, mencerminkan keyakinan berterusan pelabur asing terhadap Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang strategik di rantau ini (Statistik Pelaburan Langsung Asing di Malaysia 2024, DOSM).

Sepanjang tahun 2024, Kerajaan Malaysia terus memacu agenda pembangunan yang inklusif dan mampan dengan memberi tumpuan kepada pelaksanaan dasar secara lebih berfokus dan menyeluruh. Menurut Tinjauan Ekonomi 2025 terbitan Kementerian Kewangan Malaysia, Belanjawan 2024 menjadi landasan kepada pelbagai inisiatif strategik dalam memperkukuh tadbir urus, menyusun semula keutamaan fiskal serta mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Pelaksanaan program pembangunan dipercepatkan melalui pendekatan pemantauan bersepadu bagi memastikan hasil yang lebih ketara dan menyeluruh kepada golongan sasaran. Di samping itu, kerajaan juga menekankan peningkatan kecekapan dalam perbelanjaan awam, perluasan perlindungan sosial, serta penyasaran subsidi agar lebih berfokus kepada mereka yang benar-benar memerlukan. Keutamaan turut diberikan kepada usaha memperkukuh pasaran buruh, meningkatkan pendapatan boleh guna rakyat, dan menyokong pertumbuhan ekonomi domestik yang berdaya tahan. Langkah-langkah ini mencerminkan iltizam kerajaan dalam memastikan pembangunan yang saksama serta menyeluruh untuk semua lapisan masyarakat.

Menelusuri tahun 2024, pelbagai program pembangunan negara yang inklusif dilaksanakan dengan matlamat untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi, menambah peluang pekerjaan, menoktahkan kemiskinan tegar, memperkasakan sektor Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dan seterusnya menyemarak pembangunan di Sabah dan Sarawak. Itizam kerajaan dalam usaha berterusan membasmi kemiskinan tegar telah menunjukkan impak yang positif. Kejayaan ini adalah hasil daripada pelaksanaan pelbagai inisiatif kerajaan, termasuk program bantuan bersasar, peluang peningkatan pendapatan, serta sokongan dalam bidang pendidikan dan keusahawanan. Usaha berterusan ini menunjukkan komitmen kerajaan dalam memastikan kesejahteraan rakyat serta mengurangkan jurang kemiskinan di negara ini (JPA, 2024).

Dari aspek daya saing global, Malaysia kekal sebagai antara ekonomi berdaya saing di dunia apabila menduduki tangga ke-34 daripada 67 ekonomi global dalam *The 2024 IMD World Competitiveness Ranking* yang diterbitkan oleh *International Institute for Management Development* (IMD). Malaysia mengekalkan prestasi yang baik dalam beberapa komponen utama termasuk harga yang kompetitif, infrastruktur asas yang kukuh serta dasar cukai yang mesra perniagaan. Pencapaian ini mencerminkan keupayaan Malaysia mengekalkan daya tarikan pelaburan dan persekitaran perniagaan yang kondusif, selaras dengan usaha berterusan

Kerajaan dalam memperkukuh kecekapan kerajaan, mempercepatkan transformasi digital serta memperbaiki kecekapan perniagaan dan infrastruktur negara.

Negara turut berjaya mengukuhkan kedudukannya dalam Indeks Keamanan Global 2024 dengan melonjak ke tangga ke-10 berbanding kedudukan ke-19 pada tahun 2023. Pencapaian ini membuktikan komitmen negara dalam mengekalkan kestabilan dan keselamatan, sekali gus menjadikan Malaysia sebagai negara ketiga paling aman di rantau Asia Pasifik. Kejayaan ini turut mencerminkan usaha berterusan pihak berkuasa dalam memperkukuh keselamatan, mengurangkan kadar jenayah, serta mempertingkatkan kesejahteraan rakyat secara menyeluruh.

Prestasi mata wang Ringgit Malaysia turut mencatatkan pengukuhan kukuh dengan peningkatan sebanyak 14.4 peratus berbanding dolar AS pada suku ketiga 2024, dan 11.4 peratus sejak awal tahun. Kenaikan ini didorong oleh pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan, peningkatan pelaburan asing yang positif, serta kestabilan politik dan dasar kerajaan yang jelas. Faktor-faktor ini telah meningkatkan keyakinan pelabur terhadap ekonomi negara, sekali gus mengukuhkan nilai mata wang tempatan. Prestasi cemerlang ringgit bukan sahaja memberi manfaat kepada sektor perdagangan dan pelaburan, tetapi juga membantu mengurangkan kos import, seterusnya memberi kesan positif kepada ekonomi domestik.

PERTUMBUHAN EKONOMI MALAYSIA 2024

Ekonomi Malaysia berkembang kepada 5.1 peratus pada tahun 2024 daripada 3.5 peratus pada tahun sebelumnya (**Carta 1.1**). Prestasi ini dipacu oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan yang menyumbang 82.5 peratus daripada jumlah Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Dari segi permintaan, Perbelanjaan penggunaan akhir swasta kekal sebagai komponen terbesar dengan sumbangan sebanyak 60.7 peratus kepada KDNK pada tahun 2024 (**Carta 1.2**).

KDNK Malaysia pada harga semasa berjumlah RM1.93 trilion dan RM1.65 trilion pada harga malar. Berdasarkan prestasi keseluruhan semasa, Pendapatan Negara Kasar per kapita mencatatkan peningkatan RM54,793 berbanding RM52,942 pada tahun 2023.

Perkhidmatan

Sektor Perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan 5.3 peratus berbanding 5.1 peratus pada tahun sebelumnya, seperti ditunjukkan di **Carta 1.3**. Prestasi ini disokong oleh pertumbuhan berterusan dalam subsektor utama. Perdagangan borong & runcit berkembang 4.3 peratus (2023: 5.9%) dan Pengangkutan & penyimpanan mencatatkan pertumbuhan kukuh 10.7 peratus (2023: 13.6%). Pertumbuhan dalam Perkhidmatan perniagaan pula menyederhana kepada 8.3 peratus (2023: 10.7%).

Pembuatan

Sektor Pembuatan meningkat 4.2 peratus (2023: 0.7%) pada tahun 2024, seperti di **Carta 1.4**. Pertumbuhan ini disokong oleh peningkatan dalam subsektor utama, seperti Komponen & papan elektronik, peralatan komunikasi dan elektronik pengguna bertumbuh 4.0 peratus (2023: -3.0%) dan Produk logam yang direka mengekalkan

momentum pada 9.1 peratus (2023: 7.0%). Prosesan makanan pula meningkat 4.7 peratus (2023: 5.6%). Sebaliknya, Kelengkapan elektrik menyusut 0.6 peratus (2023: 2.0%) pada tahun 2024.

Pertanian

Sektor Pertanian berkembang 3.1 peratus pada tahun 2024 berbanding 0.2 peratus pada tahun 2023 (**Carta 1.5**). Peningkatan ini didorong oleh pemulihan dalam pengeluaran kelapa sawit, yang meningkat 5.1 peratus (2023: 0.2%). Subsektor Ternakan dan Pertanian lain masing-masing mencatatkan pertumbuhan 3.3 peratus (2023: 1.5%) dan 1.3 peratus (2023: 1.9%). Walau bagaimanapun, subsektor Perhutanan & pembalakan menguncup 5.4 peratus (2023: -8.7%) pada tahun 2024.

Pembinaan

Sektor Pembinaan melonjak 17.5 peratus berbanding 6.0 peratus pada tahun sebelumnya (**Carta 1.6**). Pertumbuhan kukuh sektor ini dipacu oleh peningkatan dua digit dalam semua subsektor, diterajui oleh Aktiviti pembinaan pertukangan khas, Kejuruteraan awam dan Bangunan kediaman dengan masing-masing mencatatkan peningkatan 21.0 peratus (2023: 6.6%), 16.3 peratus (2023: 14.5%) dan 18.8 peratus (2023: 2.4%).

Perlombongan dan pengkuarian

Sektor Perlombongan dan pengkuarian bertumbuh sederhana 0.9 peratus daripada 0.5 peratus pada tahun 2023, seperti di **Carta 1.7**. Peningkatan ini disumbangkan oleh subsektor Gas asli yang berkembang 3.0 peratus (2023: 0.6%) dan Perlombongan lain & pengkuarian dan perkhidmatan sokongan yang meningkat 3.4 peratus (2023: 4.3%). Sementara itu, Minyak mentah & kondensat terus menyusut 2.7 peratus (2023: -0.4%) pada tahun 2024.

Perbelanjaan penggunaan akhir swasta

Perbelanjaan penggunaan akhir swasta menokok kepada 5.1 peratus berbanding 4.6 peratus pada tahun sebelumnya, seperti di **Carta 1.8**. Prestasi yang lebih baik ini didorong oleh perbelanjaan penggunaan ke atas Pengangkutan, Makanan & minuman bukan alkohol dan Restoran & hotel.

Sumbangan perbelanjaan bagi barangan meningkat kepada 59.6 peratus (2023: 59.0%), disumbangkan oleh barangan tidak tahan lama (72.7%) dan barangan tahan lama (17.3%). Sebaliknya, sumbangan perbelanjaan ke atas perkhidmatan kepada jumlah perbelanjaan penggunaan swasta berkurang daripada 41.0 peratus kepada 40.4 peratus pada tahun 2024.

Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan

Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan berkembang kepada 4.7 peratus berbanding 3.4 peratus pada tahun sebelumnya (**Carta 1.9**). Pertumbuhan ini disumbangkan oleh perbelanjaan ke atas perkhidmatan ekonomi dan pendidikan yang menyumbang kepada keseluruhan perbelanjaan kerajaan pada tahun 2024.

Pembentukan modal tetap kasar

Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) melonjak kepada 12.0 peratus (2023: 5.4%), seperti yang digambarkan dalam (**Carta 1.10**). Pengembangan ini didorong oleh Jentera & peralatan dan Struktur yang masing-masing meningkat 15.3 peratus (2023: 6.1%) dan 9.3 peratus (2023: 5.1%). Selain itu, Aset lain bertumbuh 6.4 peratus (2023: 2.8%) pada tahun 2024.

Sementara itu, sektor Swasta (sumbangan: 77.4%) yang meningkat kepada 12.3 peratus berbanding 4.5 peratus pada tahun 2024, telah memacu momentum pertumbuhan PMTK. Selain itu, sektor Awam mencatatkan pertumbuhan dua digit 11.1 peratus daripada 8.5 peratus pada tahun sebelumnya.

Eksport dan import


Eksport pulih kepada 8.3 peratus berbanding kejatuhan 7.9 peratus pada tahun sebelumnya (**Carta 1.11**). Prestasi ini disokong oleh Eksport barangan yang meningkat 5.3 peratus (2023: -12.5%) yang menyumbang 83.0 peratus daripada jumlah Eksport. Sementara itu, Eksport perkhidmatan bertumbuh 25.5 peratus daripada 32.9 peratus pada tahun 2023.

Import menokok kepada 8.2 peratus (2023: -6.8%) seperti dipaparkan di **Carta 1.12**. Import barangan dan perkhidmatan masing-masing merekodkan pertumbuhan 8.9 peratus dan 5.7 peratus. Dari segi sumbangan, Import barangan berjumlah 81.2 peratus daripada jumlah Import keseluruhan.

8.3%
Pertumbuhan Eksport
memulih
pada tahun 2024


CARTA PERTUMBUHAN EKONOMI MALAYSIA 2024

Carta 1.1 : KDNK - Perubahan peratusan tahunan pada harga malar




Carta 1.2 : KDNK - Sumbangan peratusan pada harga malar


KDNK pada harga malar: RM1,650.3 bilion




Carta 1.3 : Prestasi sektor Perkhidmatan, tahunan




Carta 1.4 : Prestasi sektor Pembuatan, tahunan




Carta 1.5 : Prestasi sektor Pertanian, tahunan




Carta 1.6 : Prestasi sektor Pembinaan, tahunan




Carta 1.7 : Prestasi sektor Perlombongan dan pengkuarian, tahunan




Carta 1.8 : Prestasi perbelanjaan penggunaan akhir swasta, tahunan




Carta 1.9 : Prestasi perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan, tahunan




Carta 1.10 : Prestasi pembentukan modal tetap kasar, tahunan



Carta 1.11 : Prestasi eksport, tahunan



Carta 1.12 : Prestasi import, tahunan



Inflasi

Inflasi Malaysia pada tahun 2024 mencatatkan peningkatan pada kadar 1.8 peratus dengan indeks harga pengguna berada di kedudukan 132.8 mata, lebih perlahan berbanding pertumbuhan 2.5 peratus pada tahun sebelumnya. Ini dipengaruhi oleh pengukuhan mata wang Ringgit dan penyusutan harga komoditi dunia. Selain itu, inisiatif kerajaan dalam mengawal harga barangan dan perkhidmatan serta perluasan pemberian subsidi sedikit sebanyak berupaya mengekang dan meredakan kadar inflasi di Malaysia. Inflasi bagi kumpulan utama menunjukkan peningkatan kecuali Pakaian & Kasut (-0.3%) dan Maklumat dan Komunikasi (-1.5%). Peningkatan yang tertinggi dicatatkan oleh Restoran & Perkhidmatan Penginapan iaitu 3.1 peratus, diikuti oleh kumpulan Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (3.0%); Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan (3.0%); Makanan & Minuman (2.0%); Kesihatan (1.8%); Rekreasi, Sukan & Kebudayaan (1.8%); Pendidikan (1.5%); Pengangkutan (1.0%); Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (0.7%); Minuman Alkohol & Tembakau (0.7%) dan Insurans & Perkhidmatan Kewangan (0.3%).

Walaupun inflasi keseluruhan menyederhana pada tahun 2024, kumpulan Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain merekodkan peningkatan ketara sebanyak 3.0 peratus (2023: 1.7%) berikutan kenaikan caj perkhidmatan pembetulan oleh Indah Water Konsortium (IWK) pada Januari 2024 bagi mengimbangi kenaikan kos operasi. Kenaikan kumpulan ini turut dipengaruhi oleh pelarasan tarif perkhidmatan bekalan air oleh kerajaan melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) yang melibatkan kenaikan purata sebanyak 22 sen bagi setiap meter padu bagi kategori pengguna domestik di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan yang berkuatkuasa pada 1 Februari 2024.

Kumpulan Makanan & Minuman yang merupakan komponen terbesar dalam perbelanjaan isi rumah di Malaysia dengan sumbangan 29.8 peratus daripada wajaran Indeks Harga Pengguna (IHP) menunjukkan peningkatan 2.0 peratus pada tahun 2024 berbanding 4.8 peratus pada tahun sebelumnya. Peningkatan perlahan bagi kumpulan ini didorong oleh subkumpulan Makanan di rumah yang meningkat marginal 0.6 peratus berbanding 3.5 peratus pada tahun 2023 dan subkumpulan Makanan di luar rumah 3.6 peratus (2023: 6.7%).

Meninjau prestasi di peringkat negeri, semua negeri menunjukkan peningkatan inflasi yang perlahan pada tahun 2024. Empat negeri merekodkan inflasi melepasi paras nasional 1.8 peratus didahului oleh Pulau Pinang (3.0%), diikuti Sarawak (2.4%), Pahang (2.4%) dan Selangor (2.1%). Sementara itu, W.P. Labuan merekodkan inflasi terendah iaitu 0.7 peratus. Kebanyakan negeri mencatatkan peningkatan perlahan bagi inflasi kumpulan Makanan & Minuman pada tahun 2024. Empat negeri menunjukkan peningkatan melebihi paras nasional 2.0 peratus iaitu Selangor (3.3%), Pulau Pinang (2.7%), W.P. Putrajaya (2.4%) dan Pahang (2.0%). Manakala, negeri-negeri lain menunjukkan peningkatan di bawah paras inflasi kumpulan Makanan & Minuman nasional.

Beralih kepada kadar inflasi di negara-negara ASEAN, inflasi tertinggi dicatat oleh Lao P.D.R dengan kadar 23.1 peratus. Empat lagi negara dengan kadar inflasi yang lebih tinggi dari Malaysia ialah Viet Nam (3.6%), Filipina (3.2%), Singapura (2.4%) dan Indonesia (2.3%). Sebaliknya, Cambodia, Thailand dan Brunei merekodkan kadar inflasi lebih rendah berbanding Malaysia, masing-masing 0.8 peratus, 0.4 peratus dan -0.4 peratus.

Paparan 1.1 : Purata harga item terpilih, Malaysia, 2023-2024**Pasaran tenaga buruh**

Pada tahun 2024, ekonomi Malaysia terus mencatatkan momentum pertumbuhan positif, dipacu oleh permintaan domestik yang kukuh, pemulihan sektor luaran serta pelaksanaan dasar-dasar strategik. Prestasi ekonomi yang menggalakkan ini turut dicerminkan melalui pasaran buruh apabila menunjukkan pertumbuhan konsisten sepanjang tahun. Negara turut meraih manfaat daripada pelbagai inisiatif kerajaan yang proaktif dalam merangsang peluang pekerjaan dan menggalakkan aktiviti perniagaan. Antara pemacu utama kepada pertumbuhan ini termasuklah aktiviti pelancongan yang rancak, pengembangan industri elektrik dan elektronik (E&E) serta semikonduktor dan peningkatan pelaburan langsung asing. Perkembangan ini telah menyokong permintaan buruh yang lebih tinggi merentasi pelbagai sektor sekali gus mendorong kepada tahap guna tenaga yang lebih tinggi. Ini dapat dilihat melalui peningkatan bilangan tenaga buruh seramai 536.6 ribu orang (3.3%) kepada 16.9 juta orang, berbanding 16.4 juta orang pada tahun 2023. Peningkatan bilangan tenaga buruh ini disokong oleh pertumbuhan 3.5 peratus dalam penduduk bekerja iaitu seramai 16.4 juta orang (2023: 15.8 juta orang). Seiring dengan tren positif ini, KPTB turut meningkat sebanyak 0.6 mata peratus iaitu daripada 70.0 peratus pada tahun 2023 kepada paras tertinggi baharu iaitu 70.6 peratus. Bilangan penganggur menurun

sebanyak 3.5 peratus kepada 534.1 ribu orang berbanding 553.4 ribu orang pada tahun 2023. Ini menjadikan kadar pengangguran pada tahun 2024 terus menyusut dengan 0.2 mata peratus kepada 3.2 peratus, berbanding 3.4 peratus pada tahun 2023.

Bilangan penduduk bekerja berjumlah 16.4 juta orang (2023: 15.8 juta orang) meliputi 10.3 juta orang lelaki dan 6.1 juta orang perempuan. Pada tempoh sama, nisbah guna tenaga kepada penduduk yang menunjukkan keupayaan ekonomi untuk mewujudkan pekerjaan meningkat sebanyak 0.7 mata peratus tahun ke tahun, daripada 67.7 peratus kepada 68.4 peratus. Berdasarkan pecahan sektor, guna tenaga kekal didominasi oleh sektor Perkhidmatan yang terus merekodkan peningkatan merangkumi 65.6 peratus daripada jumlah guna tenaga, diikuti oleh sektor Pembuatan (16.3%), Pertanian (9.0%), Pembinaan (8.5%) dan Perlombongan & pengkuarian (0.5%). Bagi perincian mengikut tahap kemahiran, majoriti penduduk bekerja tertumpu dalam kategori pekerjaan separuh mahir merangkumi 56.5 peratus, diikuti oleh pekerjaan mahir (30.2%) dan pekerjaan berkemahiran rendah (13.3%). Berdasarkan taraf pekerjaan, kategori pekerja merupakan kumpulan terbesar dalam kalangan penduduk bekerja merangkumi 78.5 peratus diikuti oleh kategori bekerja sendiri (15.4%), majikan (3.7%) dan pekerja keluarga tanpa gaji (2.4%).

70.6%
Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) merekodkan peningkatan pada tahun 2024

Pada tempoh sama, bilangan penganggur lelaki menurun sebanyak 3.5 peratus kepada 327.1 ribu orang (2023: 338.9 ribu orang). Bilangan penganggur perempuan turut berkurang sebanyak 7.5 peratus kepada 207.0 ribu orang (2023: 214.5 ribu orang). Ini menyumbang kepada kadar pengangguran yang semakin baik pada tahun 2024, menurun sebanyak 0.2 mata peratus bagi kedua-dua lelaki dan perempuan, masing-masing 3.1 peratus (2023: 3.3%) dan 3.3 peratus (2023: 3.5%). Terdapat seramai 408.8 ribu orang penganggur aktif iaitu mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan, yang mewakili 76.5 peratus daripada keseluruhan jumlah penganggur. Kategori ini mencatatkan penurunan sebanyak 3.2 peratus berbanding tahun sebelum (2023: 422.4 ribu orang). Manakala selainnya merupakan penganggur tidak aktif atau mereka yang percaya tiada pekerjaan tersedia, juga berkurang sebanyak 4.4 peratus iaitu seramai 125.3 ribu orang berbanding 131.1 ribu orang pada tahun 2023.



“

78.7%

**W.P. Putrajaya
mencatatkan KPTB tertinggi
pada tahun 2024**

”

Bagi prestasi indikator utama tenaga buruh mengikut negeri, semua negeri mencatatkan tren kenaikan dalam KPTB berbanding tahun sebelum yang menggambarkan peningkatan penyertaan dalam pasaran buruh. KPTB tertinggi direkodkan di W.P. Putrajaya iaitu 78.7 peratus, diikuti Selangor (77.9%), W.P. Kuala Lumpur (75.4%), Pulau Pinang (72.0%), dan Johor (71.6%). Beralih kepada kadar pengangguran, sepuluh negeri mencatatkan penurunan dengan W.P. Putrajaya mencatatkan kadar terendah dengan 1.1 peratus, diikuti Melaka 1.6 peratus, serta Pahang dan Pulau Pinang masing-masing dengan 2.0 peratus. Sebaliknya, enam negeri merekodkan kadar pengangguran yang melebihi paras nasional 3.2 peratus iaitu Sabah (7.6%), W.P. Labuan (6.5%), Perlis (4.1%), Kelantan (3.6%), Perak (3.6%) dan Sarawak (3.4%).

Luar tenaga buruh

Bilangan penduduk luar tenaga buruh pada tahun 2024 mencatatkan sedikit peningkatan sebanyak 0.4 peratus iaitu pertambahan sebanyak 24.5 ribu orang kepada 7.02 juta orang (2023: 7.00 juta orang). Mengikut kategori jantina, perempuan mendominasi komposisi penduduk di luar tenaga buruh merangkumi 69.2 peratus daripada jumlah keseluruhan, manakala lelaki menyumbang lebih 30.8 peratus. Bilangan perempuan meningkat sebanyak 1.0 peratus kepada 4.86 juta orang berbanding 4.81 juta orang pada tahun 2023. Sebaliknya, bilangan lelaki merosot sebanyak 1.1 peratus, jatuh kepada 2.16 juta orang berbanding 2.19 juta orang pada tahun sebelumnya.

Penduduk luar tenaga buruh di kawasan bandar berjumlah 5.1 juta orang atau meliputi 72.5 peratus, lebih ramai berbanding di kawasan luar bandar (1.9 juta orang). Bagi komposisi mengikut umur, penduduk yang berumur 15-24 tahun merupakan kategori yang paling ramai berada di luar tenaga buruh iaitu seramai 3.1 juta orang, meliputi 44.4 peratus. Majoriti iaitu seramai 1.7 juta orang atau 54.6 peratus daripada mereka adalah perempuan dan 1.4 juta orang atau 45.4 peratus adalah lelaki.

Kategori kerja rumah/tanggungjawab keluarga merupakan faktor utama luar tenaga buruh dengan sumbangan sebanyak 43.1 peratus. Ini diikuti oleh kategori bersekolah/latihan yang merangkumi 41.3 peratus, bersara/lanjut usia (9.8%), hilang upaya (3.7%), akan melanjutkan pelajaran (1.4%) dan tidak berminat (0.7%).

Produktiviti buruh

Peningkatan inovasi dan produktiviti merupakan elemen penting bagi transformasi ekonomi Malaysia daripada struktur berasaskan input kepada berasaskan pengetahuan. Produktiviti buruh yang lebih tinggi akan mendorong ekonomi sesebuah negara ke arah pertumbuhan ekonomi yang berkualiti tinggi. Secara ringkas, pengukuran produktiviti buruh boleh dikira melalui pengukuran jumlah output yang dikeluarkan oleh setiap pekerja atau bagi setiap jam bekerja.



Prestasi produktiviti buruh per pekerja menunjukkan momentum positif 2.4 peratus pada tahun 2024 berbanding pertumbuhan marginal 0.7 peratus pada tahun sebelumnya. Nilai ditambah per pekerja bernilai RM99,137 (2023: RM96,780 per pekerja). Pada tempoh yang sama, prestasi produktiviti buruh per jam bekerja juga meningkat 2.1 peratus (2023: 0.1%) dengan nilai ditambah per jam bekerja sebanyak RM42.8, berbanding RM41.9 pada tahun sebelumnya.

Jadual 1.11 menunjukkan sektor Pembinaan mencatatkan pertumbuhan tertinggi pada tahun 2024 bagi kedua-dua produktiviti buruh iaitu berdasarkan nilai ditambah per pekerja dan nilai ditambah per jam bekerja. Produktiviti buruh berdasarkan nilai ditambah per pekerja melonjak sebanyak 16.5 peratus pada tahun 2024 dengan nilai RM47,225 per pekerja (2023: RM40,552 per pekerja) manakala produktiviti buruh berdasarkan nilai ditambah per jam bekerja berkembang 17.6 peratus (2023: 4.4%) dengan nilai RM19.9 per jam bekerja (2023: RM16.9 per jam bekerja).

Beralih ke prestasi mengikut sektor, produktiviti buruh per pekerja bagi sektor Pembuatan pada tahun 2024 mencatatkan peningkatan 2.6 peratus dengan nilai RM134,498 per pekerja berbanding penyusutan 2.1 peratus dengan nilai RM131,112 per pekerja pada tahun sebelumnya. Pada tempoh sama, produktiviti buruh per jam bekerja bagi sektor ini juga mengukuh 2.1 peratus (2023: -2.8%) dengan nilai RM56.5 per jam bekerja (2023: RM55.3 per jam bekerja).

Sektor Pertanian turut menunjukkan pengembangan 2.2 peratus dengan nilai RM55,005 per pekerja bagi segmen produktiviti buruh per pekerja pada tahun 2024

berbanding pertumbuhan marginal 0.05 peratus dengan nilai RM53,808 pada tahun sebelumnya. Pada masa yang sama, produktiviti buruh per jam bekerja turut merekodkan kenaikan 2.3 peratus (2023: -0.8%) dengan nilai RM25.3 per jam bekerja (2023: RM24.8 per jam bekerja).

Bagi sektor Perkhidmatan, produktiviti buruh per pekerja meningkat 1.8 peratus (2023: 1.6%) dengan catatan RM93,915 per pekerja (2023: RM92,259 per pekerja). Manakala produktiviti buruh per jam bekerja bertumbuh 1.3 peratus (2023: 1.0%) dengan

merekodkan RM40.6 per jam bekerja berbanding RM40.1 per jam bekerja pada tahun 2023.

Seterusnya bagi sektor Perlombongan dan pengkuarian, produktiviti buruh per pekerja 2024 merekodkan pertumbuhan marginal iaitu 0.7 peratus (2023: 0.04%) dengan nilai RM1,287,625 per pekerja (2023: RM1,278,404 per pekerja). Sebaliknya, produktiviti buruh per jam bekerja bagi sektor ini merosot 0.5 peratus (2023: -1.4%) dengan nilai RM524.5 per jam bekerja berbanding RM527.2 per jam bekerja pada tahun 2023.

Jadual 1.11 : Produktiviti buruh tahunan, nilai ditambah per pekerja dan per jam bekerja mengikut aktiviti ekonomi, 2023 – 2024

Aktiviti ekonomi	Produktiviti nilai ditambah per pekerja		Produktiviti nilai ditambah per jam bekerja		
	Nilai (RM)	2023	2024	2023	2024
Pertanian		53,808	55,005	24.8	25.3
Perlombongan dan pengkuarian		1,278,404	1,287,625	527.2	524.5
Pembuatan		131,112	134,498	55.3	56.5
Pembinaan		40,552	47,225	16.9	19.9
Perkhidmatan		92,259	93,915	40.1	40.6
Produktiviti buruh		96,780	99,137	41.9	42.8
Kadar Pertumbuhan Tahunan (%)		2023	2024	2023	2024
Pertanian		0.05	2.2	-0.8	2.3
Perlombongan dan pengkuarian		0.04	0.7	-1.4	-0.5
Pembuatan		-2.1	2.6	-2.8	2.1
Pembinaan		4.9	16.5	4.4	17.6
Perkhidmatan		1.6	1.8	1.0	1.3
Produktiviti buruh		0.7	2.4	0.1	2.1

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

PERTUMBUHAN EKONOMI MALAYSIA SUKU TAHUN PERTAMA 2025

Ekonomi Malaysia berkembang 4.4 peratus pada suku tahun pertama 2025 berbanding 4.9 peratus pada suku tahun sebelumnya (**Carta 1.13**). Bagi terma pelarasan musim, ekonomi bertumbuh marginal 0.7 peratus (ST4 2024: -0.2%), seperti yang ditunjukkan di **Carta 1.14**.

Dari segi penawaran, sektor Perkhidmatan kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi pada suku tahun ini dengan semua sektor lain merekodkan pertumbuhan positif kecuali sektor Perlombongan & pengkuarian. Dari segi permintaan, pertumbuhan ini disumbangkan oleh Perbelanjaan penggunaan akhir swasta dan Pembentukan modal tetap kasar.

Perkhidmatan

Sektor Perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan 5.0 peratus berbanding 5.5 peratus pada suku tahun keempat 2024, seperti yang digambarkan di **Carta 1.15**. Bagi terma pelarasan musim, sektor Perkhidmatan bertumbuh 0.7 peratus (ST4 2024: 0.3%).

Prestasi sektor ini dipacu oleh peningkatan dalam subsektor Perdagangan borong & runcit yang bertumbuh 4.3 peratus (ST4 2024: 4.4%) disokong terutamanya oleh segmen perdagangan perdagangan borong dan runcit. Selain itu, subsektor Pengangkutan & penyimpanan dan

Perkhidmatan perniagaan masing-masing mencatatkan pertumbuhan kukuh 9.5 peratus (ST4 2024: 10.7%) dan 7.7 peratus (ST4 2024: 7.8%).

Pembuatan

Sektor Pembuatan bertumbuh 4.1 peratus pada suku tahun pertama 2025 berbanding 4.2 peratus pada suku tahun sebelumnya, seperti yang ditunjukkan di **Carta 1.16**. Sektor ini pulih kepada 1.4 peratus (ST4 2024: -1.2%) dari segi pelarasan musim.

Prestasi ini disokong oleh Produk elektrik, elektronik dan optikal yang meningkat 7.8 peratus (ST4 2024: 7.2%), diikuti oleh Minyak dan lemak sayuran & haiwan dan prosesan makanan pada 9.2 peratus (ST4 2024: 6.3%) dan Produk petroleum, kimia, getah dan plastik pada 2.6 peratus (ST4 2024: 3.1%). Sebaliknya, Peralatan pengangkutan, pembuatan lain dan pembaikan menurun 8.0 peratus (ST4 2024: -3.4%) pada suku tahun ini.



“

4.4%

**KDNK Malaysia
bertumbuh pada suku
tahun pertama 2025**

”

Pertanian

Sektor Pertanian meningkat marginal 0.6 peratus daripada penurunan 0.7 peratus pada suku tahun keempat 2024, seperti yang ditunjukkan di **Carta 1.17**. Selain itu, sektor ini mencatatkan pertumbuhan 1.1 peratus (ST4 2024: -2.8%) dari segi pelarasan musim.

Pertumbuhan marginal ini dipengaruhi oleh subsektor Perikanan yang meningkat 7.9 peratus (ST4 2024: 3.4%) dan subsektor Pertanian lain yang bertumbuh 2.2 peratus (ST4 2024: 1.9%). Sebaliknya, subsektor Perhutanan & pembalakan dan Kelapa sawit masing-masing menyusut 10.5 peratus (ST4 2024: -1.5%) dan 3.1 peratus (ST4 2024: -5.3%).

Pembinaan

Sektor Pembinaan berkembang 14.2 peratus berbanding 20.7 peratus yang dicatatkan pada suku tahun sebelumnya, seperti yang ditunjukkan di **Carta 1.18**. Bagi terma pelarasan musim, sektor ini meningkat 1.1 peratus (ST4 2024: -0.2%).



“

14.2%

**Sektor Pembinaan
berkembang pada suku
tahun pertama 2025**

”

Pertumbuhan bagi sektor ini didorong oleh prestasi kukuh dalam semua segmen, terutamanya Bangunan bukan kediaman yang mencatatkan pertumbuhan dua digit 21.4 peratus (ST4 2024: 23.7%), diikuti oleh Aktiviti pembinaan pertukangan khas yang meningkat 17.2 peratus (ST4 2024: 23.7%). Selain itu, Bangunan kediaman juga merekodkan pertumbuhan kukuh 16.6 peratus (ST4 2024: 30.2%), manakala Kejuruteraan awam bertumbuh 5.2 peratus (ST4 2024: 9.1%).

Perlombongan dan pengkuarian

Sektor Perlombongan dan pengkuarian terus merosot dengan penurunan 2.7 peratus (ST4 2024: -0.7%), seperti yang digambarkan di **Carta 1.19**. Sektor ini menyusut 1.9 peratus (ST4 2024: 4.0%) dari segi pelarasan musim.

Prestasi lemah dalam sektor ini disebabkan oleh penurunan dalam Minyak mentah & kondensat dan Gas asli masing-masing pada 4.6 peratus (ST4 2024: -6.5%) dan 2.2 peratus (ST4 2024: 3.1%). Walau bagaimanapun, Perlombongan lain & pengkuarian dan perkhidmatan sokongan bertumbuh 1.5 peratus (ST4 2024: 0.3%) pada suku tahun ini.

Perbelanjaan penggunaan akhir

Perbelanjaan penggunaan akhir bertumbuh 4.9 peratus berbanding 5.0 peratus pada suku tahun sebelumnya, seperti yang ditunjukkan di **Carta 1.20**.

Perbelanjaan penggunaan akhir swasta meningkat 5.0 peratus (ST4 2024: 5.3%) pada suku tahun pertama 2025. Prestasi ini didorong oleh peningkatan penggunaan bagi Pengangkutan, restoran & hotel dan Makanan & minuman bukan alkohol. Bagi terma pelarasan musim, Perbelanjaan penggunaan akhir swasta meningkat 1.5 peratus (ST4 2024: 0.9%).

Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan mencatatkan pertumbuhan 4.3 peratus berbanding 4.0 peratus pada suku tahun keempat 2024, diterajui oleh peningkatan perbelanjaan ke atas bekalan dan perkhidmatan. Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan pulih kepada 0.1 peratus (ST4 2024: -0.6%) dari segi terma pelarasan musim.

Pembentukan modal tetap kasar

Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) bertumbuh perlahan kepada 9.7 peratus berbanding 11.8 peratus pada suku tahun sebelumnya, seperti yang dipaparkan di Carta 1.21. Bagi terma pelarasan musim, PMTK mencatatkan peningkatan marginal 0.8 peratus (ST4 2024: -0.03%).

Prestasi PMTK didorong oleh pertumbuhan yang lebih baik dalam Struktur dan Jentera & peralatan yang berkembang masing-masing 13.4 peratus (ST4 2024: 19.5%) dan 5.4 peratus (ST4 2024: 4.1%). Selain itu, Aset lain meningkat 7.2 peratus daripada 5.5 peratus pada suku tahun sebelumnya.

Dari segi PMTK mengikut sektor, sektor Swasta (sumbangan: 79.9%) meningkat 9.2 peratus (ST4 2024: 12.7%), sementara PMTK bagi sektor Awam berkembang 11.6 peratus daripada 10.0 peratus pada suku tahun sebelumnya.

Eksport dan import


Eksport menunjukkan prestasi menyederhana dengan merekodkan peningkatan 4.1 peratus (ST4 2024: 8.7%), seperti yang dipaparkan di (**Carta 1.22**). Prestasi ini dipengaruhi oleh eksport barangan dan perkhidmatan. Bagi terma pelarasan musim, Eksport pulih kepada 1.1 peratus (ST4 2024: -1.5%) pada suku tahun pertama 2025.

Import bertumbuh perlahan kepada 3.1 peratus (ST4 2024: 5.9%) disebabkan oleh prestasi import barangan dan perkhidmatan. Bagi terma pelarasan musim, import mencatatkan penurunan 0.5 peratus (ST4 2024: -2.5%).




CARTA PERTUMBUHAN EKONOMI MALAYSIA SUKU TAHUN PERTAMA 2025



Carta 1.13 : KDNK - Nilai ditambah dan perubahan peratusan tahunan, 2022-2025





Carta 1.14 : KDNK pelarasan musim - Perubahan peratusan dari suku tahun sebelumnya, 2022-2025




Carta 1.15 : Prestasi sektor Perkhidmatan, suku tahunan




Carta 1.16 : Prestasi sektor Pembuatan, suku tahunan




Carta 1.17 : Prestasi sektor Pertanian, suku tahunan




Sumbangan, ST12025




Carta 1.18 : Prestasi sektor Pembinaan, suku tahunan




Sumbangan, ST12025




Carta 1.19 : Prestasi sektor Perlombongan dan pengkuarian, suku tahunan




Sumbangan, ST12025




Carta 1.20 : Prestasi perbelanjaan penggunaan akhir, suku tahunan




Carta 1.21 : Prestasi pembentukan modal tetap kasar, suku tahunan



Carta 1.22 : Prestasi eksport dan import, suku tahunan



Carta 1.23 : Pertumbuhan KDNK bulanan, suku tahunan dan tahunan



Jadual 1.12 : Perubahan peratusan KDNK suku tahunan bagi negara terpilih, ST1 2023 – ST1 2025

Negara	Jenis pertumbuhan	Peratus (%)								
		2023				2024				2025
		ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4	ST1
European Union 27	Tahunan	1.3	0.6	0.3	0.4	0.6	0.8	1.0	1.4	1.6
	Pelarasan musim*	0.1	0.1	0.2	0.1	0.3	0.3	0.4	0.4	0.6
United Kingdom	Tahunan	0.8	0.5	0.4	-0.2	0.7	1.1	1.2	1.5	1.3
	Pelarasan musim*	0.1	0.0	-0.1	-0.2	0.9	0.5	0.0	0.1	0.7
Amerika Syarikat	Tahunan	2.3	2.8	3.2	3.2	2.9	3.0	2.7	2.5	2.0
	Pelarasan musim**	2.8	2.4	4.4	3.2	1.6	3.0	3.1	2.4	-0.5
Jepun	Tahunan	2.3	1.6	1.1	0.6	-0.7	-0.6	0.8	1.3	1.7
	Pelarasan musim*	1.2	0.6	-1.0	-0.1	-0.3	1.0	0.2	0.6	-0.0
	Pelarasan musim**	5.0	2.4	-4.1	-0.4	-1.3	3.9	0.9	2.2	-0.2
Republik Korea	Tahunan	1.3	1.2	1.5	2.2	3.4	2.2	1.4	1.1	0.0
	Pelarasan musim*	0.4	0.7	0.8	0.5	1.2	-0.2	0.1	0.1	-0.2
Hong Kong	Tahunan	2.7	1.6	4.2	4.3	2.8	3.0	1.9	2.5	3.1
	Pelarasan musim*	3.0	0.1	0.8	0.4	1.3	0.3	-0.1	0.9	1.9
Taiwan	Tahunan	-3.5	1.5	1.6	4.7	6.6	4.9	4.2	3.8	5.5
	Pelarasan musim*	-2.0	2.6	1.0	3.2	-0.3	0.8	1.1	1.7	1.8
	Pelarasan musim**	-7.6	10.7	3.9	13.3	-1.1	3.3	4.4	6.9	7.3
Singapura	Tahunan	1.0	1.3	1.9	3.1	3.2	3.4	5.7	5.0	3.9
	Pelarasan musim*	-0.1	0.9	0.9	1.2	0.3	1.1	3.0	0.5	-0.6
China	Tahunan	4.7	6.5	5.0	5.3	5.3	4.7	4.6	5.4	5.4
	Pelarasan musim*	1.7	1.2	1.5	0.9	1.3	0.9	1.4	1.6	1.2
Thailand	Tahunan	2.7	1.9	1.6	1.8	1.7	2.3	3.0	3.3	3.1
	Pelarasan musim*	1.4	0.1	0.5	0.0	1.0	0.8	1.1	0.4	0.7
Filipina	Tahunan	6.4	4.3	6.0	5.5	5.9	6.5	5.2	5.3	5.4
	Pelarasan musim*	1.1	-0.3	2.9	1.8	0.9	0.8	1.5	1.8	1.2
Indonesia	Tahunan	5.0	5.2	4.9	5.0	5.1	5.1	5.0	5.0	4.9
Viet Nam	Tahunan	3.4	4.3	5.5	6.7	6.0	7.3	7.4	7.6	6.9
Malaysia	Tahunan	5.7	2.7	3.1	2.8	4.2	5.9	5.4	4.9	4.4
	Pelarasan musim*	0.6	0.5	2.1	-0.2	1.6	2.1	1.6	-0.2	0.7

Sumber: Laman sesawang Pejabat Statistik Negara (NSO) terpilih dan Laman sesawang Eurostat

Pelarasan musim* = Data KDNK yang diselaras musim

Pelarasan musim** = Kadar tahunan pelarasan musim

PROSPEK EKONOMI MALAYSIA 2025

Ekonomi Malaysia kekal kukuh dan dijangka meningkat antara 4.0 hingga 4.8 peratus menjelang 2025 walaupun berhadapan dengan ketidakpastian dalam ekonomi global. Dengan rundingan perdagangan yang menggalakkan, garis panduan pertumbuhan ekonomi berskala besar dapat meningkatkan permintaan yang berterusan untuk barangan elektrik dan elektronik serta aktiviti pelancongan yang memberangsangkan di prospek eksport dan pertumbuhan Malaysia (BNM, 2025). Dalam masa yang sama, World Bank menerusi laporan *Global Economic Prospects June 2025* meramalkan pertumbuhan ekonomi Malaysia pada kadar 3.9 peratus, manakala laporan WEO July 2025 pula menganggarkan pertumbuhan sebanyak 4.5 peratus, dipacu oleh pengembangan permintaan dalam negeri dan peningkatan permintaan luar negara.

Prestasi ekonomi Malaysia bagi tahun 2025 turut digambarkan melalui pencapaian pada suku pertama tahun tersebut, di mana KDNK mencatatkan pertumbuhan sebanyak 4.4 peratus berbanding 4.2 peratus yang dicatatkan pada suku pertama tahun 2024. Pertumbuhan ini disokong oleh perbelanjaan penggunaan akhir yang mencatatkan pertumbuhan 4.9 peratus berbanding 5.2 peratus pada tempoh yang sama tahun sebelumnya. Dalam tempoh tersebut, perbelanjaan penggunaan akhir oleh sektor swasta mencatatkan pertumbuhan 5.0 peratus (ST1 2024: 4.7%), manakala perbelanjaan penggunaan akhir oleh sektor kerajaan pula bertumbuh sebanyak 4.3 peratus (ST1 2024: 7.3%). Komponen PMTK pula meningkat pada kadar 9.7 peratus, berbanding 9.6 peratus yang dicatatkan

pada suku pertama tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini disokong oleh prestasi memberangsangkan dalam komponen Struktur dan Jentera & peralatan, yang masing-masing mencatatkan pertumbuhan sebanyak 13.4 peratus (ST1 2024: 10.7%) dan 5.4 peratus (ST1 2024: 9.2%). PMTK sektor swasta yang menyumbang 79.9 peratus daripada jumlah keseluruhan PMTK kekal kukuh pada kadar 9.2 peratus (ST1 2024: 9.2%), manakala PMTK sektor awam turut berkembang kepada 11.6 peratus berbanding 11.5 peratus.

Dari sudut sektor luaran, jumlah dagangan Malaysia bagi tempoh Januari hingga Jun 2025 meningkat 4.8 peratus, iaitu daripada RM1.4 trilion kepada RM1.5 trilion, disokong oleh pertumbuhan eksport (+3.8%) dan import (+5.9%). Namun begitu, lebih dagangan jatuh 17.2 peratus kepada RM55.5 bilion berbanding tempoh yang sama pada tahun 2024. Pada suku tahun kedua 2025, jumlah dagangan Malaysia meningkat 6.1 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lalu, disokong oleh kenaikan dalam eksport (+3.4%) dan import (+9.0%). Namun begitu, lebih dagangan menyusut dengan ketara dengan 55.3 peratus, berjumlah RM14.5 bilion berbanding tempoh yang sama pada tahun 2024 (DOSM, Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Malaysia, Jun 2025).

Pasaran buruh Malaysia pada suku pertama 2025 kekal stabil dengan bilangan tenaga buruh meningkat sebanyak 0.8 peratus kepada 17.2 juta orang berbanding 17.1 juta orang pada suku sebelumnya, mencerminkan penambahan sebanyak 131.4 ribu orang. KPTB turut mencatatkan peningkatan sebanyak 70.7 peratus (ST4 2024: 70.6%), menunjukkan lebih ramai rakyat Malaysia aktif dalam pasaran buruh.

Nisbah guna tenaga kepada penduduk juga meningkat kepada 68.6 peratus, berbanding 68.4 peratus pada suku tahun sebelum, mencerminkan keupayaan ekonomi negara dalam mewujudkan peluang pekerjaan yang lebih luas. Pada tempoh sama, bilangan penduduk bekerja mencatatkan pertumbuhan sebanyak 0.9 peratus kepada 16.7 juta orang, manakala bilangan penganggur menurun 2.3 peratus kepada 526.3 ribu orang, dengan kadar pengangguran berkurang kepada 3.1 peratus (ST4 2024: 3.2%). Peningkatan ini disokong oleh pertumbuhan guna tenaga dalam semua sektor utama iaitu Perkhidmatan, Pembuatan, Pembinaan, Pertanian serta Perlombongan & Pengkuarian, mencerminkan pasaran buruh negara yang terus kukuh dan berdaya tahan walaupun berdepan cabaran global.

Dari segi penawaran, semua sektor utama ekonomi menunjukkan perkembangan positif yang merangsang pertumbuhan pada suku pertama 2025. Ini dapat dilihat melalui pertumbuhan Indeks Volum Perdagangan borong dan runcit yang berkembang sebanyak 4.3 peratus, berbanding 4.7 peratus pada suku tahun sebelumnya. Indeks Pengeluaran Perindustrian menyusut sebanyak 33.8 peratus (ST1 2025: 2.3%), dipengaruhi oleh prestasi sektor Pembuatan yang berkembang 4.2 peratus. Nilai kerja pembinaan turut menunjukkan prestasi yang menggalakkan dengan peningkatan sebanyak 16.6 peratus, mencatatkan nilai sebanyak RM42.9 bilion pada suku pertama 2025 berbanding RM36.8 bilion pada suku sebelumnya.

Lonjakan ini didorong oleh pengembangan yang ketara dalam subsektor utama seperti Aktiviti Pertukangan Khas (35.5%), Pembinaan Bangunan Kediaman (27.0%) dan Pembinaan Bangunan Bukan Kediaman (21.0%).

Beralih ke aspek pelaburan, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) melaporkan jumlah pelaburan yang diluluskan pada suku pertama 2025 meningkat kepada RM89.8 bilion berbanding RM86.6 bilion pada suku pertama tahun sebelumnya. FDI menyumbang sebanyak RM60.4 bilion (ST1 2024: RM46.1 bilion), manakala pelaburan domestik mencatatkan nilai RM29.4 bilion (ST1 2024: RM40.4 bilion). Pelaburan ini melibatkan 1,556 projek dan dijangka menjana lebih daripada 33,300 peluang pekerjaan. Sektor Perkhidmatan, Perkilangan dan Utama terus menjadi tumpuan dengan masing-masing menerima pelaburan bernilai RM57.8 bilion, RM30.5 bilion dan RM1.5 bilion.

Indeks Pelopor (IP) Malaysia merekodkan peningkatan marginal sebanyak 0.04 peratus tahun ke tahun, mencapai 113.7 mata pada Mei 2025. Peningkatan ini dipacu oleh pengukuhan berterusan dalam Import Benar Semi Konduktor (19.1%) dan Bilangan Syarikat Baru Didaftar (15.9%). Walau bagaimanapun, terdapat penurunan dalam empat komponen lain menjadikan peningkatan keseluruhan agak sederhana. Pada asas bulanan, IP turut mencatatkan peningkatan 0.1 peratus, disumbangkan terutamanya oleh kenaikan 0.5 peratus dalam Bilangan Unit Kediaman yang Diluluskan Pembinaan.

Dalam memastikan kelangsungan pertumbuhan ekonomi, kerajaan kekal optimis menyasarkan pertumbuhan menghampiri 5.0 peratus pada tahun 2025 menerusi kesinambungan dasar-dasar dalam Kerangka Ekonomi MADANI. Belanjawan 2025 yang dibentangkan pada 18 Oktober 2024, merupakan belanjawan terbesar dalam sejarah negara dengan peruntukan sebanyak RM421.0 bilion, terdiri daripada RM335.0 bilion untuk perbelanjaan mengurus dan RM86.0 bilion bagi perbelanjaan pembangunan. Antara fokus utama belanjawan ini termasuk pengukuhan tadbir urus, peluasan reformasi ekonomi dan penambahbaikan kesejahteraan rakyat. Langkah-langkah strategik seperti kenaikan gaji minimum kepada RM1,700, pelaksanaan subsidi bersasar untuk petrol RON95, pelaksanaan cukai SST ke atas barangan dan perkhidmatan bukan asas serta pengenalan cukai dividen progresif dijangka menyokong kestabilan ekonomi negara. Inisiatif ini juga berperanan dalam memperkemas defisit fiskal kepada sekitar 3.8 peratus daripada KDNK serta mengukuhkan perlindungan sosial dan pembangunan modal insan.

Kerajaan turut memberi penekanan kepada peningkatan daya saing ekonomi melalui pelaburan strategik, pemerkasaan teknologi dan pengukuhan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Pelbagai peruntukan telah disediakan untuk mempercepatkan transformasi digital, memperkukuh ekonomi hijau dan memperluaskan akses kepada

latihan kemahiran tenaga kerja tempatan. Di samping itu, kerajaan komited memperkukuh jaringan keselamatan sosial menerusi program bantuan bersasar seperti Sumbangan Tunai Rahmah, skim perlindungan kesihatan rakyat serta pelbagai inisiatif dalam bidang pendidikan dan perumahan. Keseluruhan pendekatan ini mencerminkan iltizam kerajaan dalam membina sebuah ekonomi yang inklusif, progresif dan mampan.


Kedudukan ekonomi Malaysia juga mendapat manfaat daripada penyertaan aktif dalam rangkaian perdagangan serantau seperti Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (*Regional Comprehensive Economic Partnership, RCEP*) dan Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (*Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership, CPTPP*) yang memberi akses pasaran yang lebih luas dan merangsang eksport bernilai tinggi. Usaha digitalisasi sektor awam dan swasta termasuk peluasan liputan 5G dijangka meningkatkan produktiviti dan daya saing negara. Tambahan pula, kestabilan monetari yang disokong oleh dasar berhati-hati Bank Negara Malaysia serta penyelarasan fiskal yang cekap melalui pelaksanaan subsidi bersasar dan reformasi cukai telah mewujudkan ruang fiskal yang lebih mampan. Malaysia juga terus menarik FDI dalam sektor-sektor strategik seperti semikonduktor, tenaga boleh diperbaharui dan ekonomi digital, mencerminkan keyakinan pelabur terhadap ekosistem perniagaan negara.

Pada awal tahun 2025 Amerika Syarikat telah menyatakan pelaksanaan kenaikan tarif barangan ekport Malaysia ke negara tersebut sebanyak 25 peratus yang akan bermula 1 Ogos 2025. Walau bagaimanapun, pada 31 Julai 2025 Malaysia telah diberikan pengurangan tarif kepada 19 peratus yang akan berkuat kuasa pada 7 Ogos 2025. Pelbagai inisiatif lain juga telah diambil kerajaan dalam menangani isu berkaitan tarif berkenaan dalam memastikan ekonomi rakyat dapat dilindungi dengan sebaiknya. Negara sudah mula mengeksport pelbagai barangan ke negara lain termasuk Kenya, Oman dan Namibia. Kerajaan juga giat mengadakan perjanjian perdagangan bebas dengan pelbagai negara yang mana pada awal

tahun ini Malaysia telah menandatangani Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif antara Malaysia dan Emiriah Arab Bersatu (MY-UAE CEPA).

Secara ringkasnya, prospek ekonomi Malaysia bagi tahun 2025 masih dilihat positif dan stabil, disokong oleh permintaan domestik yang kukuh, dasar kerajaan yang progresif serta pelaksanaan pelbagai inisiatif strategik. Peningkatan dalam pelaburan, perdagangan, pasaran buruh dan digitalisasi turut memperkukuh asas ekonomi negara. Dengan hala tuju yang jelas dan pelaksanaan dasar yang menyeluruh, Malaysia berada pada trajektori pertumbuhan mampan dan berdaya saing menjelang masa hadapan.

Carta 1.24 : Indeks Pelopor (2015=100) dan kitaran perniagaan (kawasan berlorek), Januari 1991 hingga Mei 2025



Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

Rencana 1:**Kajian Ramalan dan Hubungan Trend Ekonomi Malaysia Berdasarkan Kadar Inflasi, Pertumbuhan KDNK dan Kadar Faedah***

Nur Fatin Najihah Azmam¹, Muhammad Syazwan Rusdi¹ & Syazwani Aliah Abd Rahman²

¹Bahagian Perangkaan Akaun Negara, Jabatan Perangkaan Malaysia

²Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam

Abstrak

Perubahan trend ekonomi dapat dikenal pasti melalui perubahan dalam petunjuk makroekonomi seperti kadar inflasi, pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dan kadar faedah. Ketiga-tiga petunjuk ini merupakan antara indikator utama yang dijangka memberi kesan signifikan terhadap arah aliran ekonomi. Oleh itu, pemantauan dan peramalan perubahan petunjuk tersebut boleh dilakukan berdasarkan model yang bersesuaian. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti model terbaik bagi kadar inflasi, pertumbuhan KDNK dan kadar faedah di Malaysia, serta meneliti hubungan antara ketiga-tiga pemboleh ubah tersebut. Data tahunan selama 54 tahun, merangkumi tempoh dari tahun 1970 hingga 2024 digunakan dalam analisis ini. Analisis deskriptif dilakukan untuk memahami gambaran umum dan trend data. Seterusnya, analisis siri masa dijalankan menggunakan model Purata Bergerak Bersepadu Autoregresif (ARIMA) dan Vektor Autoregresif (VAR). Selain itu, ujian penyebab Granger dilaksanakan untuk menilai hubungan sebab-akibat antara ketiga-tiga petunjuk makroekonomi yang dikaji. Hasil analisis mendapati bahawa model ARIMA(0,1,2) adalah paling sesuai untuk kadar inflasi, manakala model ARIMA(0,1,1) paling sesuai bagi pertumbuhan KDNK dan kadar faedah. Perbandingan antara kedua-dua model ini menunjukkan bahawa model VAR lebih berkesan dalam meramalkan kadar inflasi, pertumbuhan KDNK dan kadar faedah di Malaysia. Selain itu, hasil ujian penyebab Granger menunjukkan bahawa kadar inflasi mempunyai hubungan sebab-penyebab Granger terhadap kadar faedah ($p = 0.03$) tetapi tiada hubungan signifikan yang dikesan antara inflasi dan pertumbuhan KDNK atau antara kadar faedah dan pertumbuhan KDNK. Kajian ini memberikan pemahaman tentang pemodelan dan peramalan trend ekonomi, selain mengenal pasti hubungan antara ketiga-tiga petunjuk makroekonomi terpilih serta pengaruhnya terhadap ekonomi Malaysia.

* Rencana ini adalah pandangan penulis dan tidak mewakili pandangan dari Jabatan Perangkaan Malaysia

1.0 Pendahuluan

Trend ekonomi sesebuah negara merupakan aspek penting bagi mencerminkan kestabilan serta daya tahan ekonomi dalam menghadapi pelbagai cabaran domestik dan global. Malaysia telah melalui pelbagai fasa pembangunan ekonomi semenjak mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, termasuk tempoh pertumbuhan pesat, kemelesetan ekonomi serta pemulihan selepas krisis kewangan. Perubahan ini dipengaruhi oleh pelbagai faktor termasuk dasar kerajaan, keadaan ekonomi global, harga komoditi serta pergerakan dalam kadar inflasi, pertumbuhan KDNK dan kadar faedah. Petunjuk makroekonomi seperti kadar inflasi, pertumbuhan KDNK dan kadar faedah merupakan antara indikator yang menjadi rujukan utama dalam menilai prestasi ekonomi negara kerana ia memberi gambaran mengenai kesejahteraan ekonomi, daya saing negara serta keupayaan kerajaan dalam mengurus pertumbuhan ekonomi dan kestabilan harga.

Malaysia telah melalui pelbagai fasa pertumbuhan ekonomi sejak tahun 1970, dipengaruhi oleh perubahan struktur ekonomi, dasar kerajaan serta faktor global. Pada era awal, ekonomi negara bergantung kepada sektor Pertanian dan Perlombongan sebelum beralih kepada sektor Pembuatan dan Perkhidmatan yang menjadi pamacu utama pertumbuhan ekonomi. Krisis kewangan Asia 1997-1998 serta krisis kewangan global 2008 memberi kesan kepada ekonomi, namun Malaysia berjaya pulih melalui dasar fiskal dan monetari yang berkesan. Seterusnya, pandemik COVID-19 yang melanda pada tahun 2020 juga telah memberi impak kejatuhan dalam ekonomi. Walau bagaimanapun, kesiapsiagaan kerajaan yang efektif dalam menangani krisis ini telah membuka ruang kepada landasan pemulihan ekonomi yang pantas dengan mengadakan pelaksanaan pakej rangsangan, program vaksinasi dan pembukaan semula ekonomi.

Dalam menilai trend dan arah perkembangan ekonomi Malaysia, antara petunjuk makroekonomi yang menjadi rujukan adalah kadar inflasi, pertumbuhan KDNK dan kadar faedah. Kadar inflasi merujuk kepada kadar perubahan harga barang dan perkhidmatan dalam ekonomi, yang biasanya diukur menggunakan Indeks Harga Pengguna (IHP). Inflasi yang tinggi dan tidak menentu boleh mengurangkan kuasa beli pengguna, meningkatkan kos pengeluaran perniagaan serta memberi tekanan kepada pasaran buruh dan sektor kewangan (BNM, 2024). Sebaliknya, pertumbuhan KDNK menggambarkan tahap prestasi ekonomi negara berdasarkan jumlah nilai ditambah yang dihasilkan oleh semua sektor dalam tempoh tertentu. Nilai ditambah adalah perbezaan di antara output dan penggunaan perantara yang merupakan nilai ditambah barangan dan perkhidmatan dalam aktiviti ekonomi (DOSM, 2024). KDNK yang berkembang pada kadar yang baik menunjukkan peningkatan dalam aktiviti ekonomi, pelaburan dan peluang pekerjaan.

Sementara itu, kadar faedah yang dikawal oleh Bank Negara Malaysia melalui dasar monetari, berperanan dalam mengawal inflasi dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Kadar faedah yang tinggi cenderung mengurangkan pinjaman dan pelaburan tetapi dapat membantu mengawal tekanan inflasi, manakala kadar faedah yang rendah boleh merangsang pertumbuhan ekonomi melalui peningkatan perbelanjaan dan pelaburan (Helia, 2024).

Dalam menghadapi ketidakpastian ekonomi global, pemahaman yang lebih mendalam tentang hubungan antara kadar inflasi, pertumbuhan KDNK dan kadar faedah adalah penting bagi membantu pembuat dasar dalam merangka strategi ekonomi yang lebih berkesan. Dengan menggunakan analisis siri masa, kajian ini akan membangunkan model peramalan yang dapat memberikan gambaran lebih jelas mengenai pergerakan ketiga-tiga pemboleh ubah ini dalam ekonomi Malaysia. Model yang dibangunkan dalam kajian ini juga dijangka dapat digunakan sebagai rujukan untuk meramalkan trend ekonomi pada masa hadapan dan menyokong pembangunan ekonomi negara dalam jangka panjang.

2.0 Objektif Kajian

- Meramal kadar inflasi, pertumbuhan KDNK dan kadar faedah untuk tempoh lima tahun 2025 - 2029 menggunakan model ARIMA dan VAR.
- Membandingkan prestasi model ARIMA dan VAR ke atas kadar inflasi, pertumbuhan KDNK dan kadar faedah.
- Mengenal pasti hubungan antara kadar inflasi, pertumbuhan KDNK dan kadar faedah.

3.0 Sorotan Literatur

Seiring dengan perkembangan dalam bidang ekonomi, pelbagai pendekatan dan kaedah analisis telah digunakan oleh penyelidik dalam kajian-kajian terdahulu, khususnya bagi meramalkan perubahan indikator makroekonomi sesebuah negara pada tempoh tertentu. Pendekatan ini merangkumi pelbagai teknik kuantitatif dan statistik yang disesuaikan dengan objektif serta konteks kajian. Di peringkat tempatan, penyelidikan yang menumpukan kepada trend ekonomi Malaysia turut menunjukkan peningkatan, terutamanya dalam usaha memahami corak pergerakan indikator utama terpilih seperti kadar inflasi, pertumbuhan KDNK dan kadar faedah. Justeru, sorotan terhadap kajian-kajian lepas yang menggunakan pelbagai kaedah ini adalah penting bagi menyokong analisis serta memperkukuh kerangka metodologi dalam kajian ini.

Dalam kajian siri masa ekonomi dan kewangan, kepegunan data adalah aspek penting. Ketidakepegunan min sering berlaku boleh menyebabkan cabaran dalam analisis. Kajian oleh Abbas Usman dan Adenomon Monday Osagie (2023) menganalisis kepegunan pemboleh ubah makroekonomi di Nigeria. Ujian Dickey-Fuller lanjutan (ADF) diaplikasikan terhadap kadar pengangguran, kadar faedah, kadar pertukaran dan KDNK dengan menggunakan data tahunan 1980 hingga 2017. Ujian ini adalah prasyarat sebelum menggunakan model *Autoregressive Distributed Lag* (ARDL) dan *Vector Error Correction* (VEC) untuk menganggarkan kesan jangka panjang dan jangka pendek ke atas KDNK. Hasil ujian ADF menunjukkan kadar pengangguran, kadar faedah dan kadar pertukaran tidak pegun pada peringkat asal dengan nilai statistik ADF melebihi nilai kritikal pada aras signifikan 5% ($p > 0.05$). Selepas pembezaan pertama, ketiga-tiga pemboleh ubah didapati pegun apabila nilai statistik ADF adalah lebih rendah daripada nilai kritikal pada aras keertian 5% ($p < 0.05$). Sebaliknya, KDNK didapati pegun pada peringkat asal dengan nilai statistik ADF yang signifikan. Oleh itu, dalam kajian tersebut menunjukkan bahawa kadar pengangguran, kadar faedah dan kadar pertukaran perlu dibezakan sekali sebelum dimasukkan ke dalam model ARDL manakala KDNK boleh digunakan pada peringkat asal.

Selain itu, model ARIMA sering digunakan dalam analisis siri masa ekonomi. Dalam kajian oleh Mohamed dan Ahmed (2019) menggunakan model ARIMA untuk menganalisis dan meramalkan pertumbuhan KDNK di Mesir dengan menggunakan data tahunan dari tahun 1965 hingga 2016. Model ARIMA terbaik ditentukan melalui nilai minimum ukuran kesesuaian seperti *Mean Squared Error (MSE)*, *Akaike Information Criterion (AIC)* dan *Bayesian Information Criterion (BIC)*. Dalam kajian tersebut, model ARIMA(1,2,1) didapati paling sesuai untuk data KDNK Mesir. Model ini seterusnya digunakan untuk membuat unjuran KDNK Mesir bagi tempoh sepuluh tahun dari tahun 2017 hingga tahun 2026 dengan jangkaan pertumbuhan berterusan berdasarkan unjuran yang dihasilkan. Hal ini dapat disimpulkan bahawa model ARIMA terbukti berkesan dalam peramalan pertumbuhan KDNK bagi mengukur perkembangan ekonomi sesebuah negara.

Di samping itu, Inam (2017) juga telah menggunakan pendekatan model VAR dalam kajiannya yang berkait tentang peramalan inflasi di Nigeria. Kajian ini telah mendedahkan bahawa kadar inflasi pada lag satu (1) adalah signifikan dalam memberi maklumat tentang nilai semasa dan nilai masa hadapan kadar inflasi di Nigeria. Tambahan pula, Dinh (2020) telah melakukan satu kajian yang menganalisis kesan kadar inflasi ke atas pertumbuhan ekonomi di Viet Nam. Kajian ini mendapati bahawa keputusan model VAR menganalisis pertumbuhan ekonomi dengan lebih baik. Dalam kajian itu juga memberikan dapatan bahawa kadar inflasi mempunyai hubungan positif dengan pertumbuhan ekonomi, iaitu semakin meningkat kadar inflasi, semakin meningkat pertumbuhan ekonomi dan sebaliknya.

Seterusnya, ujian penyebab Granger digunakan untuk mengenal pasti hubungan ramalan antara pemboleh ubah ekonomi. Dalam kajian oleh Panigrahi et al. (2020), ujian ini diaplikasikan bagi mengkaji hubungan sebab-akibat antara kadar faedah, pengangguran, inflasi dan KDNK di lima (5) negara ASEAN. Hasil ujian, berdasarkan nilai statistik-F pada aras signifikan 0.05, menunjukkan kewujudan hubungan sebab-akibat dua hala yang signifikan antara tiga pasangan pemboleh ubah iaitu kadar pengangguran dan KDNK, kadar inflasi dan KDNK serta kadar pengangguran dan kadar inflasi. Bukan itu sahaja, terdapat hubungan sebab-akibat satu hala yang signifikan dari kadar faedah kepada KDNK yang menunjukkan bahawa kadar faedah mempengaruhi KDNK tetapi bukan sebaliknya. Dapatan ini secara keseluruhannya menunjukkan bahawa kadar faedah, pengangguran, dan inflasi mempunyai pengaruh terhadap KDNK.

4.0 Metodologi Kajian

4.1 Sumber Data

Sumber data yang digunakan dalam kajian ini merangkumi tiga indikator ekonomi utama, iaitu kadar inflasi (2010=100), pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada harga malar (2015=100) dan kadar faedah di Malaysia. Data kadar inflasi dan pertumbuhan KDNK diperoleh daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Sementara itu, data kadar faedah dirujuk daripada laman sesawang rasmi Bank Dunia (*World Bank*). Kajian ini menggunakan data bersiri tahunan yang meliputi tempoh dari tahun 1970 hingga 2024.

4.2 Metodologi

Terdapat beberapa kaedah yang dilaksanakan bagi kajian ini iaitu:

4.2.1 Analisis Deskriptif

Analisis deskriptif digunakan untuk menganalisis trend bagi pemboleh ubah kadar inflasi, pertumbuhan KDNK dan kadar faedah. Dalam kajian ini, analisis deskriptif yang digunakan adalah minimum, maksimum serta graf garis masa.

4.2.2 Analisis Siri Masa

4.2.2.1 Ujian Dickey-Fuller (ADF)

Ujian *Dickey-Fuller* Lanjutan atau *Augmented Dickey-Fuller* adalah ujian statistik yang digunakan untuk menguji kepegungan siri masa bagi kadar inflasi, pertumbuhan KDNK dan kadar faedah. Sekiranya ujian ADF menunjukkan data tidak pegun atau nilai- p lebih daripada aras keertian $\alpha = 0.05$, maka pembezaan perlu dilakukan.

Ujian ADF dijalankan dengan hipotesis berikut:

H_0 : Siri masa mengandungi *unit root* (tidak pegun)

H_1 : Siri masa tidak mengandungi *unit root* (pegun)

4.2.2.2 Purata Bergerak Bersepadu Autoregresif (ARIMA)

ARIMA adalah satu kaedah statistik yang digunakan untuk menganalisis dan meramal data siri masa (*time series data*). ARIMA adalah singkatan daripada *AutoRegressive Integrated Moving Average*. Model ini menggabungkan tiga komponen utama:

- a. *AutoRegressive* (AR)
- b. *Integrated* (I)
- c. *Moving Average* (MA)

Model ARIMA bagi kadar inflasi, pertumbuhan KDNK dan kadar faedah akan diwakili dengan $ARIMA(p,d,q)$, di mana:

p : Bilangan lag dalam komponen autoregresif (AR)

d : Bilangan pembezaan data untuk menjadikan siri masa pegun (*stationary*)

q : Bilangan lag dalam komponen purata bergerak (MA)

4.2.2.3 Vektor Autoregresif (VAR)

VAR ialah model siri masa yang digunakan untuk menganalisis hubungan antara dua atau lebih pemboleh ubah yang saling mempengaruhi antara satu sama lain. Oleh itu, model VAR dengan tiga persamaan akan dibina bagi kadar inflasi, pertumbuhan KDNK dan kadar faedah untuk melihat hubungan antara satu sama lain.

4.2.3 Min Ralat Mutlak (MAE)

Min Ralat Mutlak atau *Mean Absolute Error* ialah ukuran ketepatan dalam model peramalan yang mengira purata perbezaan mutlak antara nilai ramalan dan nilai sebenar (Schneider dan Xhafa, 2022). Dalam kajian ini, MAE digunakan untuk penentuan model yang lebih sesuai antara model ARIMA atau model VAR.


4.2.4 Ujian Penyebab Granger (*Granger Causality Test*)

Ujian penyebab Granger adalah ujian hipotesis statistik dalam siri masa yang menentukan kegunaan siri masa untuk meramalkan pemboleh ubah lain yang berkaitan (Suresh dan Senthilnathan, 2012). Tambahan, jika kausaliti dikesan, ia boleh menunjukkan arah kausaliti, iaitu kausaliti sehalu atau kausaliti dua hala.

5.0 Hasil Dan Penemuan

5.1 Analisis Deskriptif

Carta 1(a) : Siri masa petunjuk makroekonomi, Malaysia, 1970 – 2024



Jadual 1(a) : Statistik deskriptif bagi kadar inflasi, pertumbuhan KDNK dan kadar faedah

Pemboleh ubah	Purata (%)	Median (%)	Minimum (%)	Maksimum (%)
Kadar inflasi	3.275	2.900	-1.200	16.900
Pertumbuhan KDNK	5.984	6.138	-7.359	11.701
Kadar faedah	4.217	4.245	-6.799	22.957

Carta 1(a) memaparkan trend bagi pemboleh ubah kadar inflasi, pertumbuhan KDNK dan kadar faedah dari tahun 1970 hingga 2024. Kadar inflasi tertinggi dicatatkan pada tahun 1974, iaitu 16.9 peratus, susulan Krisis Minyak 1973 yang bermula pada Oktober 1973 dan merupakan krisis minyak pertama di peringkat global. Sebaliknya, kadar inflasi terendah direkodkan pada tahun 2020, iaitu negatif 1.2 peratus, disebabkan oleh pandemik COVID-19 yang menyebabkan tekanan terhadap permintaan serta kejatuhan harga minyak global yang perlahan.

Sementara itu, pertumbuhan KDNK Malaysia mencapai nilai maksimum sebanyak 11.7 peratus pada tahun 1973 sebelum bertumbuh perlahan 0.8 peratus pada tahun 1975. Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1970 menerusi Rancangan Malaysia Kedua (1971–1975) berjaya merangsang pertumbuhan ekonomi yang mencapai tahap tertinggi pada tahun 1973. Namun, Krisis Kewangan Asia 1997–1998 memberi kesan ketara terhadap ekonomi negara, dengan KDNK menyusut sebanyak 7.4 peratus pada tahun 1998. Krisis ini turut mengakibatkan penurunan pelaburan swasta, permintaan domestik, pelaburan modal asing dan kemerosotan pasaran saham.

Sepanjang 54 tahun, kadar faedah tertinggi dicatatkan pada tahun 1986 mencecah 23.0 peratus dipengaruhi oleh Krisis Komoditi 1985–1986 yang menyebabkan peningkatan kadar faedah secara drastik bagi mengawal kenaikan harga. Langkah ini secara tidak langsung menyebabkan kejatuhan dalam perdagangan komoditi dunia. Sebagai sebuah negara pengeksport, Malaysia turut terjejas apabila harga komoditi utama mengalami penurunan seperti timah dan minyak sawit. Tambahan pula, permintaan terhadap barangan perkilangan turut menurun. Selain itu, Krisis Minyak 1973 turut mempengaruhi kadar faedah dengan kadar terendah direkodkan pada tahun yang sama, iaitu negatif 6.8 peratus disebabkan lonjakan harga minyak global yang mencetuskan inflasi tinggi.

Berdasarkan **Jadual 1(a)**, bagi tempoh 1970 hingga 2024 purata kadar inflasi ialah 3.3 peratus, manakala purata pertumbuhan KDNK dan kadar faedah masing-masing mencatat 6.0 peratus dan 4.2 peratus. Dari segi median, pertumbuhan KDNK ialah 6.1 peratus, kadar faedah 4.2 peratus dan kadar inflasi 3.0 peratus. Secara keseluruhan, analisis statistik deskriptif ini menggambarkan trend serta variasi kadar inflasi, pertumbuhan KDNK dan kadar faedah di Malaysia sepanjang tempoh tersebut.

5.2 Analisis Siri Masa

5.2.1 Ujian Kepegunan Setiap Pemboleh Ubah Makroekonomi

Jadual 1(b) : Hasil ujian ADF bagi data mentah setiap pemboleh ubah makroekonomi

Pemboleh ubah	Dickey-Fuller	Nilai-p
Kadar inflasi	-4.4086	0.01
Pertumbuhan KDNK	-3.6251	0.0392
Kadar faedah	-2.8301	0.2400

Merujuk kepada **Jadual 1(b)**, keputusan ujian ADF menunjukkan bahawa nilai-p bagi kadar inflasi ($p = 0.01$) dan pertumbuhan KDNK ($p = 0.0392$) adalah lebih kecil daripada aras keertian 0.05. Oleh itu, hipotesis nol berjaya ditolak dan ini menunjukkan bahawa siri masa bagi kedua-dua pemboleh ubah adalah pegun. Sebaliknya, nilai-p bagi kadar faedah ($p = 0.24$) melebihi aras keertian 0.05, menunjukkan bahawa pemboleh ubah ini tidak pegun, maka pembezaan perlu dilakukan.

Jadual 1(c) : Hasil ujian ADF bagi siri masa kadar faedah selepas pembezaan pertama

Pemboleh ubah	Dickey-Fuller	Nilai-p
Kadar faedah	-6.6343	0.01

Jadual 1(c) menunjukkan bahawa selepas pembezaan pertama, nilai-p bagi kadar faedah ($p = 0.01$) adalah lebih kecil daripada aras keertian $\alpha = 0.05$. Oleh itu, hipotesis nol ditolak, menandakan bahawa pemboleh ubah ini telah mencapai kepegunan.

5.2.2 Pembinaan Model ARIMA Dan VAR

Model ARIMA dan model VAR dibina untuk menganalisis kadar inflasi, pertumbuhan KDNK dan kadar faedah. Seterusnya, peramalan akan dilaksanakan terhadap kesemua pemboleh ubah pemboleh ubah makroekonomi tersebut bagi tempoh lima tahun akan datang, iaitu dari tahun 2025 hingga 2029.

5.2.2.1 Model ARIMA Bagi Kadar Inflasi

Model ARIMA ditentukan menggunakan fungsi *auto.arima* dalam perisian *RStudio*. Oleh yang demikian, model ARIMA bagi kadar inflasi di Malaysia dari tahun 1971 hingga 2024 diwakili dengan model ARIMA(0,1,2).

Jadual 1(d) : Anggaran parameter model ARIMA (0,1,2) bagi kadar inflasi

Parameter	Nilai Pekali	Ralat Piawai
θ_1	-0.3846	-0.4768
θ_2	0.1142	0.1089

Berdasarkan **Jadual 1(d)**, persamaan bagi model ARIMA (0,1,2):

$$y_t = -0.3846\varepsilon_{t-1} + 0.1142\varepsilon_{t-2} + \varepsilon_t$$

dimana,

y_t = Kadar inflasi pada masa t

ε_t = Ralat piawai pada masa t

Carta 1(b) : Siri Masa Peramalan bagi Kadar Inflasi, Malaysia, 1970 – 2029



Jadual 1(e) : Nilai ramalan kadar inflasi, Malaysia, 2025 - 2029

Tahun	Nilai Ramalan (%)	Titik Selang Keyakinan 95%, (x,y)
2025	1.8925	(-2.7510, 6.5360)
2026	2.1598	(-3.2926, 7.6122)
2027	2.1598	(-3.3305, 7.6500)
2028	2.1598	(-3.3681, 7.6877)
2029	2.1598	(-3.4055, 7.7250)

Berdasarkan **Carta 1(b)** dan **Jadual 1(e)**, kadar inflasi Malaysia diunjurkan meningkat kepada 1.9 peratus pada tahun 2025 dan stabil pada 2.2 peratus dari 2026 hingga 2029. Penyelarasan subsidi RON95, semakan harga asas elektrik, kenaikan premium insurans, peningkatan kos buruh susulan kenaikan gaji minimum serta perluasan skop Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) merupakan antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan harga barangan dan perkhidmatan dalam tempoh tersebut.

5.2.2.2 Model ARIMA Bagi Pertumbuhan KDNK Pada Harga Malar (2015=100)

Pertumbuhan KDNK Malaysia dari tahun 1971 hingga 2024 dimodelkan menggunakan model ARIMA(0,1,1). Anggaran parameter bagi model tersebut dipaparkan dalam **Jadual 1(f)**.

Jadual 1(f) : Anggaran parameter model ARIMA(0,1,1) bagi pertumbuhan KDNK

Parameter	Nilai Pekali	Ralat Piawai
θ_1	-0.9000	0.0623

Berdasarkan **Jadual 1(f)**, persamaan bagi model ARIMA(0,1,1):


$$y_t = -0.9000 \varepsilon_{t-1} + \varepsilon_t$$

dimana,

y_t = Pertumbuhan KDNK (harga malar) pada masa t

ε_t = Ralat piawai pada masa t

Carta 1(c) : Siri masa peramalan bagi pertumbuhan KDNK pada harga malar (2015 = 100), Malaysia, 1970 – 2029



Jadual 1(g) : Nilai ramalan pertumbuhan KDNK pada harga malar (2015=100), Malaysia, 2025-2029

Tahun	Nilai Ramalan (%)	Titik Selang Keyakinan 95%, (x,y)
2025	4.5023	(-2.9203, 11.9249)
2026	4.5023	(-2.9572, 11.9618)
2027	4.5023	(-2.9941, 11.9987)
2028	4.5023	(-3.0307, 12.0353)
2029	4.5023	(-3.0671, 12.0717)

Hasil peramalan pertumbuhan KDNK Malaysia bagi 2025 hingga 2029, seperti yang ditunjukkan dalam **Carta 1(c)** dan **Jadual 1(g)**, dimana KDNK diunjurkan bertumbuh mampan pada 4.5 peratus pada tahun 2025, berbanding 5.1 peratus pada 2024 dan kekal stabil sehingga 2029. Ini mencerminkan momentum pertumbuhan ekonomi yang positif didorong oleh faktor luaran dan domestik yang kukuh. Unjuran ini adalah seiring dengan ramalan terkini oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) pada April 2025, yang mengunjurkan pertumbuhan ekonomi Malaysia pada kadar 4.1 peratus.

5.2.2.3 Model ARIMA Bagi Kadar Faedah

Jadual 1(h) : Anggaran parameter model ARIMA (0,1,1) bagi faedah

Parameter	Nilai Pekali	Ralat Piawai
θ_1	-0.8814	0.0950

Berdasarkan **Jadual 1(h)**, persamaan bagi model ARIMA (0,1,1):


$$y_t = -0.8814 \varepsilon_{t-1} + \varepsilon_t$$

dimana,

y_t = Kadar faedah pada masa t

ε_t = Ralat piawai pada masa t

Carta 1(d) : Siri masa peramalan bagi kadar faedah, Malaysia, 1970 – 2029



Jadual 1(i) : Nilai ramalan kadar faedah, Malaysia, 2025 - 2029

Tahun	Nilai Ramalan (%)	Titik Selang Keyakinan 95%, (x,y)
2025	2.6866	(-7.6005, 2.9737)
2026	2.6866	(-7.6725, 13.0458)
2027	2.6866	(-7.7441, 13.1173)
2028	2.6866	(-7.8151, 13.1884)
2029	2.6866	(-7.8857, 13.2590)

Seterusnya, ramalan kadar faedah Malaysia bagi tempoh 2025 hingga 2029 seperti pada **Carta 1(d)** dan **Jadual 1(i)**. Pada 2025, kadar faedah dijangka berkembang 2.7 peratus berbanding 3.0 peratus pada tahun sebelumnya. Ramalan ini dijangka akan terus kekal 2.7 peratus sehingga tahun 2029.

5.2.2.4 Pemilihan Bilangan Lag Optimum

Pemilihan bilangan *lag* dilaksanakan menggunakan fungsi **VARselect** daripada pakej **vars** dalam perisian RStudio. Bagi menentukan bilangan *lag* yang optimum, nilai *Akaike Information Criterion* (AIC), *Hannan-Quinn Information Criterion* (HQ), *Schwarz Criterion* (SC), dan *Final Prediction Error* (FPE) yang terendah perlu dicapai.

Jadual 1(j) : Nilai AIC, HQ, SC dan FPE berdasarkan bilangan lag

Lag	Nilai AIC	Nilai HQ	Nilai SC	Nilai FPE
1	6.621	6.800	7.102	751.524
2	6.709	7.023	7.552	825.885
3	6.751	7.200	7.956	874.671
4	6.755	7.339	8.321	903.078
5	6.693	7.411	8.620	889.063
6	6.532	7.385	8.820	813.053
7	6.590	7.578	9.240	957.896
8	6.610	7.732	9.621	1135.470
9	6.392	7.650	9.765	1130.881
10	6.218	7.610	9.952	1286.765

Berdasarkan **Jadual 1(j)**, *lag* satu (1) mempunyai nilai HQ, SC dan FPE terendah, masing-masing 6.800, 7.102 dan 751.524. Sementara itu, *lag* sepuluh (10) mencatatkan nilai AIC paling rendah iaitu 6.218. Walaupun terdapat perbezaan dalam pilihan lag berdasarkan kriteria yang berbeza, pemilihan lag satu (1) adalah lebih wajar untuk peramalan jangka panjang seperti 5 tahun ke hadapan, memandangkan kriteria HQ, SC dan FPE cenderung memilih model yang lebih ringkas dan stabil, yang seringkali menghasilkan prestasi ramalan luar sampel yang lebih baik berbanding dengan model yang lebih kompleks dan berisiko mengalami *overfitting* yang dicadangkan oleh AIC.

5.2.2.5 Model VAR Bagi Kadar Inflasi, Pertumbuhan KDNK Dan Kadar Faedah

Model VAR (1) telah dibina dan digunakan untuk menghasilkan model VAR bagi ketiga-tiga pemboleh ubah makroekonomi.

Jadual 1(k) : Ringkasan hasil model VAR bagi kadar inflasi, pertumbuhan KDNK dan kadar faedah dengan lag satu (1)

	<i>INF_t</i>	<i>GDP_t</i>	<i>INT_t</i>
<i>INF_{t-1}</i>	0.3984 (0.1235)	-0.01379 (0.2003)	0.5904 (0.2644)
<i>GDP_{t-1}</i>	0.1802 (0.0922)	0.2602 (0.1495)	0.006755 (0.1974)
<i>INT_{t-1}</i>	-0.05470 (0.06616)	0.1406 (0.1073)	0.2277 (0.1417)
Pemalar	1.1332 (0.8162)	3.8817 (1.3238)	1.1577 (1.7476)

Berdasarkan **Jadual 1(k)**, tiga (1) persamaan dibina seperti berikut:


$$INF_t = 1.1332 + 0.3984 INF_{t-1} + 0.1802 GDP_{t-1} - 0.05470 INT_{t-1}$$

$$GDP_t = 3.8817 - 0.01379 INF_{t-1} + 0.2602 GDP_{t-1} + 0.1406 INT_{t-1}$$

$$INT_t = 1.1577 + 0.5904 INF_{t-1} + 0.006755 GDP_{t-1} + 0.2277 INT_{t-1}$$

Dimana *INF* mewakili kadar inflasi, *GDP* mewakili pertumbuhan KDNK dan *INT* mewakili kadar faedah pada masa *t*. Seterusnya, peramalan bagi kadar inflasi, pertumbuhan KDNK dan kadar faedah di Malaysia bagi tempoh 2025 hingga 2029 dilakukan dengan menggunakan model VAR (1) yang telah dibina di atas.

Carta 1(e) : Peramalan Kadar Inflasi, Pertumbuhan KDNK dan Kadar Faedah, Malaysia, 2025-2029





Jadual 1(I) : Nilai ramalan kadar inflasi, pertumbuhan KDNK dan kadar faedah, Malaysia, 2025-2029

Tahun	Kadar inflasi (%)		Pertumbuhan KDNK (%)		Kadar faedah (%)	
	Nilai Ramalan	Titik Selang Keyakinan 95%, (x,y)	Nilai Ramalan	Titik Selang Keyakinan 95%	Nilai Ramalan	Titik Selang Keyakinan 95%, (x,y)
2025	2.606	(-1.9738, 7.1858)	5.6070	(-1.8210, 13.0349)	2.9389	(-6.8668, 12.7447)
2026	3.0212	(-2.4064, 8.4488)	5.7182	(-1.9390, 13.3755)	3.4047	(-6.7537, 13.5630)
2027	3.1812	(-2.3867, 8.7491)	5.8070	(-1.8800, 13.4940)	3.7568	(-6.5999, 14.1135)
2028	3.2417	(-2.3453, 8.8286)	5.8774	(-1.8194, 13.5742)	3.9321	(-6.4905, 14.3547)
2029	3.2688	(-2.3212, 8.8589)	5.9195	(-1.7814, 13.6204)	4.0082	(-6.4281, 14.4446)

Berdasarkan analisis **Carta 1(e)** dan **Jadual 1(I)**, ekonomi Malaysia dijangka menunjukkan corak pertumbuhan yang dinamik dalam tempoh 2025 hingga 2029. Unjuran ini memberi gambaran penting mengenai arah tuju ekonomi negara dan implikasinya terhadap dasar monetari. Mengikut **Jadual 1(I)**, kadar inflasi diramalkan meningkat secara berterusan, daripada 2.6 peratus pada tahun 2025 kepada 3.0 peratus pada 2026. Kadar inflasi terus meningkat kepada 3.2 peratus pada 2027 dan 2028 manakala 3.3 peratus pada tahun 2029. Corak ini mencerminkan tekanan inflasi yang berterusan, namun masih dalam lingkungan terkawal.

Beralih kepada pertumbuhan KDNK, unjuran menunjukkan peningkatan berterusan sepanjang tempoh yang dianggarkan. Pada tahun 2025, pertumbuhan KDNK dijangka mencapai 5.6 peratus, sebelum meningkat kepada 5.7 peratus pada 2026. Kadar pertumbuhan ini dijangka terus meningkat kepada 5.8 peratus pada 2027, 5.9 peratus pada 2028 dan 2029 yang mana ianya menunjukkan ekonomi Malaysia kekal berdaya tahan.

Akhir sekali, unjuran kadar faedah menunjukkan trend peningkatan yang mencerminkan cabaran dalam dasar monetari. Pada tahun 2025, kadar faedah dijangka berada pada paras 2.9 peratus, sebelum meningkat kepada 3.4 peratus pada tahun 2026. Seterusnya, kadar ini diramalkan terus meningkat kepada 3.8 peratus pada tahun 2027, 3.9 peratus (2028) dan 4.0 peratus pada tahun 2029. Trend ini mungkin mencerminkan usaha mengawal inflasi dan merangsang pertumbuhan ekonomi, namun ia juga berpotensi meningkatkan ketidakpastian dalam pasaran kewangan.

5.2.3 Perbandingan Antara Model ARIMA Dan Model VAR

Jadual 1(m) : Perbandingan min ralat mutlak (MAE) bagi model ARIMA dan model VAR

Pemboleh ubah	MAE bagi model ARIMA	MAE bagi model VAR
Kadar inflasi	1.5433	1.4435
Pertumbuhan KDNK	2.3183	2.4780
Kadar faedah	3.7322	3.3622

Jadual 1(m) membandingkan prestasi model ARIMA dan VAR dalam meramalkan tiga pemboleh ubah makroekonomi menggunakan ukuran min ralat mutlak (MAE). Berdasarkan jadual tersebut, model VAR menunjukkan ketepatan yang lebih tinggi bagi meramalkan kadar inflasi dengan nilai MAE 1.4435, berbanding model ARIMA yang mencatatkan MAE 1.5433. Begitu juga bagi kadar faedah, dimana model VAR turut menunjukkan prestasi yang lebih baik dengan MAE 3.3622, jauh lebih rendah berbanding model ARIMA yang mencatatkan MAE 3.7322. Ini menunjukkan bahawa model VAR lebih berkesan dalam meramalkan kadar inflasi dan kadar faedah. Sebaliknya, bagi pertumbuhan KDNK, model ARIMA sedikit lebih baik dengan MAE 2.3183, berbanding model VAR yang mencatatkan MAE 2.4780. Walaupun perbezaannya kecil, hasil ini menunjukkan model ARIMA lebih sesuai untuk meramalkan pemboleh ubah ini.

Secara keseluruhannya, model VAR memberikan ramalan yang lebih baik bagi kadar inflasi dan kadar faedah, manakala model ARIMA sedikit lebih baik dalam meramalkan kadar pertumbuhan KDNK. Oleh itu, berdasarkan keputusan yang diperolehi daripada **Jadual 1(m)**, model VAR memberikan ramalan yang signifikan berbanding model ARIMA.

5.3 Ujian Penyebab Granger

Ujian penyebab Granger dijalankan menggunakan model VAR yang dibina dalam bahagian **5.2.2.4** dengan bilangan *lag* optimum, iaitu 1 bagi mengenal pasti hubungan antara kadar inflasi, pertumbuhan KDNK dan kadar faedah di Malaysia.

Jadual 1(n) : Hasil ujian penyebab Granger berdasarkan model VAR (1)

Hipotesis nol	Nilai-p
Kadar inflasi tiada hubungan sebab-penyebab Granger terhadap pertumbuhan KDNK.	0.945
Kadar inflasi tiada hubungan sebab-penyebab Granger terhadap kadar faedah.	0.030*
Pertumbuhan KDNK tiada hubungan sebab-penyebab Granger terhadap kadar inflasi.	0.056
Pertumbuhan KDNK tiada hubungan sebab-penyebab Granger terhadap kadar faedah.	0.973
Kadar faedah tiada hubungan sebab-penyebab Granger terhadap kadar inflasi.	0.412
Kadar faedah tiada hubungan sebab-penyebab Granger terhadap pertumbuhan KDNK.	0.196
Kadar faedah dan pertumbuhan KDNK tiada hubungan sebab-penyebab Granger terhadap kadar inflasi.	0.062
Kadar inflasi dan kadar faedah tiada hubungan sebab-penyebab Granger terhadap pertumbuhan KDNK.	0.413
Kadar inflasi dan pertumbuhan KDNK tiada hubungan sebab-penyebab Granger terhadap kadar faedah.	0.079

Melalui ujian ini, hipotesis nol akan ditolak sekiranya nilai-p adalah lebih kecil daripada aras keertian, $\alpha = 0.05$. Berdasarkan **Jadual 1(n)** hanya satu hubungan yang didapati signifikan pada aras signifikan 5 peratus, iaitu antara kadar inflasi terhadap kadar faedah dengan nilai-p sebanyak 0.030. Ini menunjukkan bahawa kadar inflasi merupakan penyebab Granger kepada kadar faedah dalam model VAR(1), yang bermaksud maklumat masa lalu kadar inflasi dapat membantu dalam meramalkan pergerakan kadar faedah. Hubungan ini memberi gambaran bahawa perubahan dalam kadar inflasi berpotensi memberikan isyarat awal kepada perubahan dalam dasar kadar faedah di Malaysia, selari dengan peranan inflasi sebagai petunjuk penting dalam penentuan dasar monetari.

Sementara itu, kesemua hipotesis nol yang lain menunjukkan nilai-p melebihi aras signifikan 0.05, sekali gus menandakan tiada hubungan sebab-penyebab Granger yang signifikan antara pemboleh ubah yang diuji. Ini termasuklah hubungan antara pertumbuhan KDNK, kadar faedah dan kadar inflasi dalam pelbagai arah.

6.0 Rumusan

Kajian ini telah dapat meramalkan kadar inflasi, pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dan kadar faedah Malaysia bagi tempoh lima tahun dari 2025 hingga 2029. Bagi kadar inflasi, unjuran model ARIMA(0,1,2) menunjukkan kenaikan kepada 1.9 peratus pada 2025, sebelum stabil pada 2.2 peratus sehingga 2029. Sebaliknya, model VAR(1) pula meramalkan trend kenaikan berterusan dari 2.6 peratus pada 2025 kepada 3.3 peratus pada 2029. Untuk pertumbuhan KDNK, model ARIMA(0,1,1) mengunjurkan kadar yang konsisten pada 4.5 peratus sepanjang tempoh ramalan. Sementara itu, model VAR(1) menunjukkan peningkatan pertumbuhan KDNK dari 5.6 peratus pada 2025 kepada 5.9 peratus pada 2029. Akhir sekali, ramalan kadar faedah melalui model ARIMA(0,1,1) menjangkakan penurunan kepada 1.7 peratus pada 2025 sebelum stabil pada 2.7 peratus hingga 2029, manakala model VAR(1) pula meramalkan peningkatan kadar faedah dari 2.9 peratus pada 2025 kepada 4.0 peratus pada 2029. Secara ringkas, kedua-dua model menunjukkan perspektif berbeza tentang hala tuju ekonomi Malaysia di masa hadapan.

Seterusnya, dalam perbandingan prestasi antara model ARIMA dan VAR, kajian ini mendapati bahawa model VAR(1) memberikan prestasi peramalan yang lebih baik berbanding model ARIMA, khususnya dalam meramalkan kadar inflasi dan kadar faedah. Ketepatan ini disokong oleh nilai Min Ralat Mutlak (MAE) yang lebih rendah bagi kedua-dua indikator apabila menggunakan model VAR. Sementara itu, model ARIMA menunjukkan prestasi peramalan yang lebih kukuh bagi pertumbuhan KDNK. Secara keseluruhan, model VAR didapati lebih berkesan untuk analisis makroekonomi dalam konteks kajian ini.

Di samping itu, hubungan antara ketiga-tiga pemboleh ubah makroekonomi ini, ujian penyebab Granger telah mendedahkan penemuan penting. Hasil analisis menunjukkan bahawa kadar inflasi mempunyai hubungan sebab-penyebab yang signifikan terhadap kadar faedah ($p = 0.030$). Ini bermakna, perubahan dalam kadar inflasi pada masa lalu dapat meramalkan perubahan pada kadar faedah pada masa hadapan. Walau bagaimanapun, tiada hubungan sebab-penyebab signifikan yang dikesan antara kadar inflasi dengan pertumbuhan KDNK, mahupun antara pertumbuhan KDNK dengan kadar faedah.

Untuk kajian masa akan datang, disarankan agar lebih banyak petunjuk makroekonomi dipertimbangkan, termasuk kadar pertukaran mata wang, kadar pengangguran, Indeks Harga Pengeluar, Indeks Harga Pengguna serta kadar penawaran wang. Ini akan membolehkan analisis yang lebih mendalam mengenai hubungan antara petunjuk-petunjuk tersebut dan kesannya terhadap ekonomi negara pada masa hadapan.

Akhir sekali, memandangkan kajian ini hanya meneliti kadar inflasi, pertumbuhan KDNK dan kadar faedah di Malaysia, kajian ini boleh diperluaskan dengan membuat perbandingan dengan negara-negara lain, terutamanya di Asia Tenggara dan analisis perbandingan antara negeri-negeri di Malaysia dimana hasil kajian ini boleh memberikan perspektif tambahan mengenai faktor-faktor makroekonomi yang mempengaruhi variasi dalam trend ekonomi. Kajian ini juga dijangka dapat membantu memperoleh pemahaman yang lebih komprehensif tentang pola pertumbuhan ekonomi di Malaysia.

7.0 Rujukan

- Abbas Usman & Adenomon Monday Osagie. 2023. Comparison of Autoregressive Distributed Lag Model and Vector Error Correction Model Analysis on The Effect of Some Macroeconomic Variables on GDP in Nigeria. *International Journal of Finance Research*. 4(2)
- Anning, L., Tuama, A. S. & Darko, S. 2017. Inflation, unemployment and economic growth: evidence from the VAR model approach for the economy of Iraq. *International Journal of Developing and Emerging Economies* 5(1): 26-39.
- Bank Negara Malaysia. Bagaimanakah kenaikan faedah boleh memberikan kesan kepada saya? Diperoleh daripada <https://www.bnm.gov.my/monetary-stability#mpfaq>
- Bank Negara Malaysia. Mengapakah inflasi yang rendah dan stabil adalah penting? Diperoleh daripada <https://www.bnm.gov.my/monetary-stability#mpfaq>
- Chen, J. 2023. Interest: definition and types of fees for borrowing money. <https://www.investopedia.com/terms/i/interest.asp> [10 Februari 2025].
- Dinh, D. V. 2020. Impulse Response of inflation to economic growth dynamics: VAR model analysis. *The Journal of Asian Finance, Economics and Business* 7(9): 219-228.
- Eric. 2021. Introduction to granger causality. <https://www.aptech.com/blog/introduction-to-granger-causality/> [31 Januari 2025].
- Helia. K. (2024). Memahami Kadar Faedah Bank Pusat dan Kesan Terhadap Ekonomi. Diperoleh daripada <https://traderforexmalaysia.com/memahami-kadar-faedah-bank-pusat-dan-kesan-terhadap-ekonomi/>
- Inam, U. S. 2017. Forecasting inflation in Nigeria: a vector autoregression approach. *International Journal of Economics, Commerce and Management* 5(1): 92-104.
- International Monetary Fund. 2024. World Economic Outlook, October 2024. <https://www.imf.org/en/Publications/WEO/Issues/2024/10/22/world-economic-outlook-october-2024> [20 Februari 2025].
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2024). Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Suku Ketiga 2024.
- Kipkoech, R.T., George, O. O. & Joseph, M.K. 2013. Granger Causality and Error Correction Models in Economics: A Case study of Kenyan Market. *Mathematical Theory and Modeling* 3(14): 98-110.
- Lütkepohl, H. 2011. Vector autoregressive models. EUI Working Paper ECO 2011/30. https://cadmus.eui.eu/bitstream/handle/1814/19354/ECO_2011_30.pdf?sequence=1 [11 Februari 2025].
- Mohamed, R.A. & Ahmed, I.A.E. 2019. Forecasting Egyptian GDP Using ARIMA Models. *Reports on Economics and Finance*. 5: 35-47.

- Nor Azlinda Abu Yamin. 2023. *Penentu Kadar Inflasi Di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Umaira Nazira Nazir. 2015. *Faktor-Faktor Mempengaruhi Perubahan Keluaran Dalam Negeri Kasar Di Malaysia*. Universiti Malaysia Sabah.
- Onwukwe, C. E. & Nwafor, G. O. 2014. A multivariate time series modeling of major economic indicators in Nigeria. *American Journal of Applied Mathematics and Statistics* 2(6): 376-385.
- Panigrahi, S. K., Noor Azlinna Azizan, Sorooshian, S. & Thoudam, P. 2020. Effects of inflation, interest and unemployment rates on economic growth: evidence from ASEAN countries. *ABAC Journal* 40(2): 140-155.
- Pilström, P. & Pohl, S. 2009. *Forecasting GDP growth – the case of the Baltic states*. Tesis Ijazah Sarjana Muda, Jönköping International Business School, Economics, Jönköping University.
- Schneider, P. & Xhafa, F. (2022). Chapter 3 - Anomaly detection: concepts and methods. Dlm. Schneider, P. & Xhafa, F. (pnyt.). *Anomaly Detection and Complex Event Processing over IoT Data Streams*, hlm. 49-66. Cambridge: Academic Press.
- Suresh, J. dan Senthilnathan, S. (2012). *Relationship between Tourism and Economic Growth in Sri Lanka*. Diperoleh daripada https://www.researchgate.net/publication/272298941_Relationship_between_Tourism_and_Economic_Growth_in_Sri_Lanka
- Vika, I. 2018. Practical issues in forecasting with vector autoregressions. https://www.bankofalbania.org/rc/docRevista_Ekonimike_6M2_2018_english_web_Vika_14031.pdf [20 Februari 2025].
- World Bank. 2024. Open Knowledge Repository. <https://openknowledge.worldbank.org/server/api/core/bitstreams/f983c12d-d43c-4e41-997e-252ec6b87dbd/content> [20 Februari 2025].



BAB 2

PRESTASI EKONOMI NEGERI



KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK) MENGIKUT NEGERI 2024



5 negeri
bertumbuh melebihi
pertumbuhan
nasional

6 negeri
menyumbang **73.4%**
kepada KDNK
nasional



PERTUMBUHAN DAN SUMBANGAN KDNK NEGERI PADA HARGA MALAR 2015 (%)



PERTUMBUHAN DAN SUMBANGAN 6 NEGERI PENYUMBANG¹ TERATAS MENGIKUT SEKTOR (%)



Nota: ¹Berdasarkan sumbangan kepada nilai ditambah nasional mengikut sektor

*Termasuk W.P. Putrajaya W.P.: Wilayah Persekutuan KL: Kuala Lumpur

Supra merangkumi aktiviti pengeluaran yang melangkaui pusat kepentingan ekonomi utama bagi mana-mana negeri (Sektor Perlombongan & pengkuarian).

Sumber: Keluaran Dalam Negeri Kasar Mengikut Negeri 2024, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



20 Oktober 2016 - 2030



PRESTASI EKONOMI 2024

Ekonomi Malaysia berkembang lebih kukuh pada tahun 2024 iaitu sebanyak 5.1 peratus pada tahun 2024, meningkat daripada 3.5 peratus pada tahun sebelumnya dengan nilai Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) berjumlah RM1.65 trilion (2023: RM1.57 trilion). Sektor Perkhidmatan kekal mendominasi ekonomi negara dengan sumbangan 59.4 peratus, berkembang 5.3 peratus berbanding tahun 2023. Penyumbang tertinggi KDNK seterusnya iaitu Sektor Pembuatan dan Sektor Pertanian masing-masing turut meningkat 4.2 peratus dan 3.1 peratus berbanding pertumbuhan marginal 0.7 peratus dan 0.2 peratus pada tahun sebelum. Pada tempoh sama, sektor Perlombongan & pengkuarian bertumbuh daripada 0.5 peratus kepada 0.9 peratus, manakala Sektor Pembinaan terus mengukuh dengan pertumbuhan 17.5 peratus.

Enam negeri menyumbang 73.4 peratus kepada KDNK Malaysia

Prestasi ekonomi mengikut negeri

Selari dengan pengukuhan ekonomi nasional, semua negeri turut merekodkan peningkatan dengan mencatat pertumbuhan positif pada tahun 2024, mencerminkan perkembangan ekonomi yang seimbang dan holistik di seluruh negara. Lima negeri mengatasi pertumbuhan di peringkat nasional sebanyak 5.1 peratus, didahului oleh Johor yang berkembang 6.4 peratus, Selangor 6.3 peratus, W.P. Kuala Lumpur 6.2 peratus, Pahang 5.7 peratus dan W.P. Labuan 5.4 peratus (**Jadual 2.2**).

Dari aspek komposisi ekonomi, Selangor kekal sebagai peneraju utama dengan sumbangan 26.2 peratus, diikuti W.P. Kuala Lumpur (16.1%), Johor (9.6%), Sarawak (9.0%), Pulau Pinang (7.4%) dan Perak dengan sumbangan 5.2 peratus. Enam negeri ini menyumbang secara kumulatif sebanyak 73.4 peratus (2023: 73.0%) kepada KDNK Malaysia.

Struktur ekonomi mengikut negeri

Pada tahun 2024, ekonomi Malaysia didominasi oleh sektor Perkhidmatan dengan sumbangan 59.4 peratus, diikuti Pembuatan, 23.1 peratus. Di peringkat negeri, komposisi sama ditunjukkan oleh negeri Johor, Kedah, Melaka, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Perak, Selangor dan Terengganu (**Carta 2.1**). Sektor Perkhidmatan mendominasi ekonomi W.P. Kuala Lumpur dan W.P. Labuan dengan sumbangan melebihi 75.0 peratus, masing-masing 91.9 peratus dan 79.9 peratus. Kelantan dan Perlis pula diterajui oleh sektor Perkhidmatan diikuti oleh sektor Pertanian sebagai penyumbang kedua terbesar. Sektor Perkhidmatan kekal sebagai penyumbang utama kepada ekonomi Pahang dengan

sumbangan 51.7 peratus, diikuti oleh sektor Pertanian sebanyak 22.3 peratus. Ini diikuti oleh sektor Pembuatan yang menyumbang 21.2 peratus, menjadikannya penyumbang ketiga terbesar kepada ekonomi negeri tersebut. Manakala di Perak, sektor Pertanian merupakan penyumbang ketiga tertinggi (14.0%) selepas Perkhidmatan (63.3%) dan Pembuatan (19.4%). Ekonomi Sabah dan Sarawak pula disumbangkan oleh sektor Perlombongan & pengkuarian yang masing-masing merupakan penyumbang kedua dan ketiga tertinggi di negeri berkenaan.

Sektor Perkhidmatan yang merupakan penyumbang utama ekonomi negara dengan sumbangan 59.4 peratus berkembang 5.3 peratus pada tahun 2024 berbanding 5.1 peratus pada tahun sebelumnya. Prestasi ini disokong oleh pertumbuhan dalam subsektor utama seperti Perdagangan borong & runcit, 4.3 peratus (2023: 5.9%), Perkhidmatan kerajaan, 4.8 peratus (2023: 4.9%), Hartanah & perkhidmatan perniagaan, 9.5 peratus (2023: 8.6%) dan Pengangkutan & penyimpanan, 10.7 peratus (2023: 13.6%). Empat negeri mencatatkan pertumbuhan sektor Perkhidmatan mengatasi paras nasional 5.3 peratus iaitu W.P. Labuan (6.4%), Selangor (6.3%), Johor (6.0%) dan W.P. Kuala Lumpur (5.%)

Sektor Pembuatan yang menyumbang sebanyak 23.1 peratus kepada ekonomi negara pada tahun 2024 mengukuh 4.2 peratus berbanding pertumbuhan marginal 0.7 peratus yang direkodkan pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini didorong oleh peningkatan dalam Produk elektrik, elektronik dan optikal yang memulih 4.1 peratus setelah menyusut 1.6 peratus pada tahun 2023. Begitu juga dengan Produk petroleum, kimia, getah dan plastik yang menunjukkan peningkatan 3.2 peratus (2023: -0.8%). Manakala Produk mineral bukan



logam, logam asas dan produk yang direka mengukuh 7.5 peratus berbanding 5.2 peratus yang dicatatkan pada tahun 2023. Sektor Pembuatan di lima negeri mengatasi pertumbuhan nasional 4.2 peratus iaitu Kedah (6.6%), Perak (5.1%), Selangor (5.1%) dan W.P. Kuala Lumpur (4.3%).

Sektor Pertanian bertumbuh 3.1 peratus dan merupakan penyumbang ketiga kepada ekonomi negara dengan sumbangan sebanyak 6.3 peratus. Pertumbuhan ini dirangsang oleh subsektor Tanaman (3.6%), Ternakan (3.3%) dan Perikanan (2.9%). Namun begitu, subsektor Perhutanan dan pembalakan mencatatkan penyusutan sebanyak 5.4 peratus, dengan Sabah merupakan satu-satunya negeri yang merekodkan pertumbuhan positif. Kelapa sawit yang merupakan penyumbang terbesar subsektor Tanaman mengukuh 5.1 peratus berbanding pertumbuhan marginal yang direkodkan tahun sebelumnya. Pengukuhan ini turut memacu pertumbuhan sektor Pertanian di negeri Johor, Negeri Sembilan dan Pahang. Tujuh negeri dengan pertumbuhan sektor Pertanian mengatasi nasional iaitu Negeri Sembilan (9.8%), Pahang (8.4%), Selangor (6.6%), Johor (4.2%), Kedah (4.0%), Terengganu (3.9%) dan Perak (3.6%).

Sektor Perlombongan & pengkuarian terus merekodkan pertumbuhan marginal iaitu 0.9 peratus (2023: 0.5%) dirangsang oleh subsektor Gas asli yang berkembang 3.0 peratus (2023: 0.6%) serta Perlombongan & pengkuarian lain yang meningkat 3.4 peratus. Sebaliknya, subsektor Minyak mentah &

kondensat terus menyusut kepada 2.7 peratus pada tahun 2024 (2023: -0.4%), sekali gus memperlahankan pertumbuhan sektor ini. Ketegangan geopolitik yang masih berlarutan serta kejatuhan harga minyak mentah dunia telah mendorong kepada penyusutan pengeluaran minyak mentah negara. Impaknya, dua negeri pengeluar utama minyak mentah negara iaitu Sabah dan Sarawak masing-masing mencatatkan kemerosotan 7.7 peratus dan 2.6 peratus dalam subsektor Minyak mentah & kondensat.

Sektor Pembinaan melonjak 17.5 peratus pada tahun 2024 berbanding pertumbuhan 6.0 peratus yang direkodkan pada tahun sebelumnya. Prestasi memberangsangkan ini dipacu oleh semua subsektor iaitu Pembinaan bangunan (16.2%), Aktiviti pembinaan pertukangan khas (21.0%) dan Kejuruteraan awam (16.3%). Antara negeri yang menyokong prestasi kukuh sektor ini ialah Johor (42.7%), Melaka (30.6%), W.P. Kuala Lumpur (21.1%), Kelantan (20.7%) dan Sabah (18.8%).

Beralih ke prestasi ekonomi mengikut negeri, **Johor** buat julung kalinya merekodkan pertumbuhan tertinggi mengatasi negeri-negeri lain iaitu 6.4 peratus (2023: 4.1%) dengan nilai KDNK mencecah RM158.0 bilion berbanding RM148.6 bilion yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan memberangsangkan ini dipacu oleh sektor Perkhidmatan yang berkembang 6.0 peratus (2023: 5.4%) didorong oleh peningkatan dalam subsektor Kewangan & insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan serta subsektor Utiliti, pengangkutan & penyimpanan dan ICT.

Sektor Pembuatan juga berkembang 4.2 peratus (2023: 2.8%) didorong oleh peningkatan dalam Produk kayu, perabot, keluaran kertas dan percetakan serta Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka. Sektor Pembinaan merekodkan pertumbuhan 42.7 peratus

(2023: 12.7%), merupakan peningkatan tertinggi berbanding negeri-negeri lain didorong oleh pengukuhan dalam semua segmen yang bertumbuh dua digit iaitu Pembinaan bangunan (41.6%), Kejuruteraan awam (44.1%) dan Aktiviti pembinaan pertukangan khas (42.4%). Pada masa sama, sektor Pertanian memulih 4.2 peratus setelah mengalami kemerosotan 1.3 peratus pada tahun 2023 didorong oleh peningkatan pengeluaran kelapa sawit.

Ekonomi **Kedah** berkembang 4.2 peratus (2023: 1.7%) dengan nilai KDNK berjumlah RM54.0 bilion (2023: RM51.9 bilion). Pertumbuhan ekonomi Kedah dipelopori oleh sektor Perkhidmatan yang berkembang 3.8 peratus (2023: 4.1%) didorong oleh peningkatan dalam subsektor Perkhidmatan kerajaan dan subsektor Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan. Sektor Pembuatan yang merupakan penyumbang kedua ekonomi negeri ini berkembang 6.6 peratus (2023: -3.2%) disokong oleh peningkatan dalam Produk elektrik, elektronik & optikal serta Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka. Sementara itu, sektor Pertanian memulih 4.0 peratus, berikutan peningkatan dalam subsektor Tanaman (kelapa sawit dan getah) dan Ternakan (ayam/itik). Namun begitu, sektor Pembinaan menyusut 11.1 peratus (2023: 32.8%) dipengaruhi oleh kemerosotan dalam semua subsektor terutamanya Aktiviti pembinaan pertukangan khas.



Nilai KDNK **Kelantan** berjumlah RM28.7 bilion (2023: RM27.7 bilion) meningkat 3.6 peratus berbanding 2.6 peratus yang direkodkan pada tahun 2023. Sektor Perkhidmatan yang mendominasi 71.7 peratus ekonomi Kelantan bertumbuh 3.4 peratus (2023: 4.0%) didorong oleh subsektor Perkhidmatan kerajaan serta Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan. Sektor Pertanian yang merupakan penyumbang kedua ekonomi Kelantan memulih kepada 2.8 peratus berbanding penguncupan 1.6 peratus yang dicatatkan pada tahun 2023 didorong oleh prestasi baik subsektor Tanaman dan Perikanan. Manakala sektor Pembinaan melonjak 20.7 peratus (2023: 8.3%) dipacu oleh pertumbuhan dua digit dalam semua subsektor iaitu Kejuruteraan awam, Pembinaan bangunan dan Aktiviti pembinaan pertukangan khas.

Melaka merekodkan nilai KDNK berjumlah RM48.9 bilion (2023: RM46.9 bilion) dengan peningkatan 4.4 peratus (2023: 2.8%). Sektor Perkhidmatan yang menyumbang 51.4 peratus kepada ekonomi Melaka berkembang 4.8 peratus (2023: 4.2%) disokong oleh pengembangan dalam subsektor Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan serta subsektor Utiliti, pengangkutan & penyimpanan dan ICT. Pada masa sama, sektor Pembuatan meningkat 3.8 peratus (2023: 0.3%) didorong oleh Produk petroleum, kimia, getah & plastik serta Produk elektrik, elektronik dan optikal. Sektor Pembinaan negeri ini melonjak 30.6 peratus (2023: 6.5%) dirangsang oleh pertumbuhan dua digit dalam semua subsektor terutamanya subsektor Kejuruteraan awam. Sebaliknya, sektor Pertanian menguncup 1.0 peratus (2023: 4.0%) dipengaruhi oleh kemerosotan dalam subsektor Tanaman, iaitu sayur-sayuran.

Ekonomi **Negeri Sembilan** mencecah RM54.3 bilion (2023: RM51.9 bilion) dengan merekodkan pertumbuhan 4.6 peratus (2023: 1.9%). Sektor Perkhidmatan berkembang 4.3 peratus (2023: 4.5%) dipacu oleh subsektor Utiliti, pengangkutan & penyimpanan dan ICT serta Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan. Sektor Pembuatan meningkat 3.9 peratus (2023: 1.2%) dirangsang oleh Produk elektrik, elektronik dan optikal serta Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka. Sementara itu, sektor Pertanian memulih 9.8 peratus (2023: -5.6%) dipacu oleh subsektor Tanaman iaitu kelapa sawit.

Ekonomi **Pahang** menyaksikan pertumbuhan 5.7 peratus (2023: 5.1%), mengatasi pertumbuhan di peringkat nasional (5.1%) dengan nilai KDNK mencecah RM68.7 bilion (2023: RM65.0 bilion). Ekonominya yang diterajui oleh sektor Perkhidmatan berkembang 4.9 peratus (2023: 6.1%), didorong oleh industri berkait pelancongan, iaitu Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan serta Perkhidmatan lain. Sementara itu, sektor Pembuatan mencatatkan pertumbuhan 3.5 peratus (2023: 2.1%) disokong oleh Produk petroleum, kimia, getah & plastik serta Produk Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan proses makanan. Pada masa sama, sektor Pertanian mengukuh 8.4 peratus (2023: 1.3%) disokong oleh pertumbuhan memberangsangkan dalam subsektor Tanaman, terutamanya Kelapa sawit. Sektor Pembinaan juga turut mengukuh 12.9 peratus

12.9%

**Sektor Pembinaan
di Pahang bertumbuh
dua digit
pada tahun 2024**

(2023: 42.3%) disokong pengukuhan dalam semua subsektor iaitu Kejuruteraan awam, Pembinaan bangunan dan aktiviti Pembinaan pertukangan khas.

Prestasi ekonomi **Pulau Pinang** menunjukkan peningkatan 4.8 peratus (2023: 3.2%) dengan nilai KDNK berjumlah RM121.5 bilion (2023: RM116.0 bilion). Sektor Perkhidmatan yang menyumbang 48.1 peratus kepada ekonomi negeri ini berkembang 5.0 peratus (2023: 6.0%) dipacu oleh subsektor Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan serta Utiliti, pengangkutan & penyimpanan dan ICT. Sektor Pembuatan yang merupakan penyumbang kedua tertinggi ekonomi negeri ini memulih 4.0 peratus (2023: -0.5%) didorong oleh Produk elektrik, elektronik & optikal, seiring dengan peningkatan positif dalam permintaan produk E&E dunia. Manakala sektor Pembinaan berkembang 14.4 peratus disokong oleh semua subsektor yang menunjukkan peningkatan dua digit, terutamanya subsektor Pembinaan bangunan.

Ekonomi **Perak** berkembang 4.4 peratus (2023: 2.7%) dengan nilai KDNK mencecah RM86.2 bilion (2023: RM82.6 bilion). Pertumbuhan ini dipacu oleh sektor Perkhidmatan yang berkembang 4.1 peratus (2023: 3.1%), dirangsang oleh subsektor Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan serta Utiliti, pengangkutan & pengangkutan dan ICT. Sektor Pembuatan turut meningkat 5.1 peratus (2023: 2.2%) didorong oleh peningkatan Produk petroleum, kimia, getah & plastik serta Produk elektrik, elektronik & optikal. Sektor Pertanian yang menyumbang 14.0 peratus kepada ekonomi negeri ini berkembang 3.6 peratus disokong oleh subsektor Perikanan dan Ternakan. Manakala sektor Pembinaan melonjak 11.5 peratus (2023: -2.5%), terutama bagi subsektor Pembinaan bangunan dan Aktiviti pembinaan pertukangan khas.



6.3%

**Pertumbuhan KDNK
Selangor pada tahun 2024
melempi pertumbuhan
peringkat nasional**

KDNK **Perlis** berkembang 3.3 peratus (2023: 2.0%) dengan nilai ekonominya mencecah RM6.5 bilion (2023: RM6.3 bilion). Sektor Perkhidmatan yang meneraju ekonomi negeri ini berkembang 3.3 peratus (2023: 2.4%) didorong oleh subsektor Perkhidmatan kerajaan serta subsektor Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan. Sektor Pertanian yang merupakan penyumbang kedua ekonomi negeri ini meningkat 2.9 peratus (2023: 3.1%) disokong oleh subsektor Perikanan yang berkembang 10.5 peratus manakala subsektor Tanaman merosot 3.1 peratus sekali gus memperlambatkan pertumbuhan sektor ini. Pada masa sama, sektor Pembinaan mengukuh 16.9 peratus (2023: 1.4%) disumbangkan oleh peningkatan memberangsangkan dalam subsektor Kejuruteraan awam.

Selangor yang merupakan penyumbang utama kepada ekonomi negara berkembang 6.3 peratus (2023: 5.4%) dengan nilai KDNK berjumlah RM432.1 bilion (2023: RM406.6 bilion). Ekonomi negeri ini yang dipacu oleh sektor Perkhidmatan mempamerkan peningkatan

6.3 peratus (2023: 6.1%) didorong oleh subsektor Utiliti, pengangkutan & penyimpanan dan ICT serta subsektor Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan. Sementara itu, sektor Pembuatan yang menyumbang 29.1 peratus kepada ekonomi Selangor berkembang 5.1 peratus (2023: 2.0%) didorong oleh lonjakan dalam Produk elektrik, elektronik & optikal serta Produk bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka. Sektor Pembinaan juga berkembang positif dengan merekodkan pertumbuhan 13.2 peratus (2023: 9.5%) dirangsang oleh subsektor Pembinaan bangunan dan aktiviti Pembinaan pertukangan khas. Begitu juga sektor Pertanian yang memulih kepada 6.6 peratus (2023: -7.2%) disokong oleh subsektor Perikanan, Tanaman dan Ternakan.

KDNK **Terengganu** mencecah RM39.9 bilion (2023: RM38.2 bilion) merekodkan peningkatan 4.5 peratus (2023: 2.2%). Sektor Perkhidmatan yang memacu ekonomi negeri ini berkembang 4.0 peratus (2023: 3.1%) didorong oleh subsektor Utiliti, pengangkutan & penyimpanan dan ICT serta Perkhidmatan kerajaan. Manakala sektor Pembuatan yang merupakan penyumbang kedua tertinggi ekonominya berkembang 3.9 peratus (2023: 0.2%) disokong oleh peningkatan Produk petroleum, kimia, getah & plastik. Sektor Pembinaan di Terengganu melonjak 17.5 peratus (2023: 1.7%) didorong oleh peningkatan dalam semua subsektor, terutamanya subsektor Pembinaan bangunan. Manakala sektor Pertanian menyederhana 3.9 peratus (2023: 6.5%) dipengaruhi oleh peningkatan dalam subsektor Tanaman dan Ternakan. Walau bagaimanapun, subsektor Perikanan dan Perhutanan & pembalakan merosot sekali gus memperlahankan pertumbuhan sektor ini.

KDNK **Sabah** berjumlah RM84.3 bilion (2023: RM83.4 bilion) berkembang 1.1 peratus berbanding 1.4 peratus yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Sektor Perkhidmatan yang merupakan penyumbang utama ekonomi negeri ini berkembang 4.2 peratus (2023: 4.5%) didorong oleh subsektor berkaitan pelancongan iaitu Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan serta subsektor Perkhidmatan kerajaan. Sektor Perlombongan & pengkuarian yang merupakan penyumbang kedua ekonomi Sabah terus merosot kepada 5.0 peratus (2023: -4.5%), disebabkan oleh kejatuhan dalam subsektor Minyak mentah & kondensat. Sektor Pertanian juga menguncup 3.4 peratus (2023: 0.6%) dipengaruhi oleh kejatuhan dalam subsektor Tanaman (kelapa sawit) dan subsektor Perikanan. Sektor Pembuatan pula berkembang perlahan 1.2 peratus (2023: 4.4%) disokong oleh Produk bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka. Namun begitu, penyumbang utama sektor ini iaitu Produk minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan (sumbangan: 64.8%) meningkat marginal 0.1 peratus, sekali gus memperlahankan pertumbuhan sektor ini. Sebaliknya, sektor Pembinaan di Sabah melantun 18.8 peratus (2023: -1.1%) didorong oleh pertumbuhan dalam semua subsektor.

Ekonomi **Sarawak** berkembang 3.9 peratus (2023: 1.3%) mencecah RM148.2 bilion berbanding RM142.7 bilion pada tahun 2023. Sektor Perkhidmatan meningkat 4.9 peratus



disokong oleh Produk petroleum, kimia, getah dan plastik. Sektor Perlombongan & pengkuarian memulih 4.1 peratus berbanding penyusutan marginal 0.1 peratus yang dicatatkan pada tahun sebelumnya disokong oleh peningkatan subsektor Gas asli. Sektor Pertanian di negeri ini berkembang marginal 0.5 peratus didorong oleh pertumbuhan subsektor Tanaman yang menyumbang 82.9 peratus kepada sektor Pertanian negeri Sarawak dengan pertumbuhan 1.4 peratus. Manakala sektor Pembinaan melonjak 18.7 peratus disokong oleh subsektor Kejuruteraan awam dan Aktiviti pembinaan pertukangan khas.

W.P. Kuala Lumpur* kekal sebagai penyumbang kedua tertinggi kepada ekonomi negara dengan nilai KDNK berjumlah RM265.8 bilion (2023: RM250.3 bilion) mengukuh 6.2 peratus (2023: 3.8%). Sektor Perkhidmatan yang mengungguli ekonominya berkembang 5.5 peratus (2023: 5.0%) mengatasi pertumbuhan nasional. Pertumbuhan ini disokong oleh subsektor Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan serta subsektor Kewangan, insurans, hartanah & perkhidmatan perniagaan. Sementara itu, sektor Pembinaan dan sektor Pembuatan masing-masing meningkat 21.1 peratus dan 4.3 peratus.

Ekonomi **W.P. Labuan** merekodkan nilai KDNK berjumlah RM8.6 bilion (2023: RM8.1 bilion) mengukuh 5.4 peratus (2023: 1.8%), melepasi pertumbuhan nasional. Sektor Perkhidmatan yang menjadi peneraju ekonominya berkembang 6.4 peratus (2023: 2.0%) disokong oleh pertumbuhan dalam subsektor Kewangan, insurans, hartanah & perkhidmatan perniagaan terutamanya aktiviti Kewangan

dan insurans. Manakala sektor Pembinaan berkembang 5.3 peratus (2023: 0.1%) didorong oleh peningkatan positif dalam semua subsektor, terutamanya Aktiviti pembinaan pertukangan khas. Sebaliknya, sektor Pembuatan menyusut 0.7 peratus dipengaruhi oleh kejatuhan Produk petroleum, kimia, getah & plastik.

KDNK per kapita

Lima negeri merekodkan nilai KDNK per kapita melebihi paras nasional (RM56,745) iaitu W.P. Kuala Lumpur (RM136,364), W.P. Labuan (RM87,041), Pulau Pinang (RM76,030), Sarawak (RM73,444) dan Selangor (RM65,913) seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1 : KDNK per kapita mengikut negeri, 2023-2024 pada harga semasa


Negeri	RM	
	2023 ^e	2024 ^p
W.P. Kuala Lumpur*	131,165	136,364
W.P. Labuan	83,841	87,041
Pulau Pinang	72,532	76,030
Sarawak	72,283	73,444
Selangor	62,696	65,913
Melaka	53,688	54,572
Negeri Sembilan	51,702	53,956
Pahang	46,085	49,631
Johor	41,847	44,782
Perak	37,026	38,998
Terengganu	31,163	32,457
Sabah	31,235	30,607
Kedah	26,387	27,273
Perlis	24,138	24,701
Kelantan	16,914	17,372
MALAYSIA	54,608	56,745

* Termasuk W.P. Putrajaya

Jadual 2.2 : Perubahan peratusan KDNK mengikut negeri dan sektor, 2024

NEGERI	 PERTANIAN	 PERLOMBONGAN & PENGUARIAN	 PEMBINAAN	 PEMBUATAN	 PERKHIDMATAN	 DUTI IMPORT	 KDNK (%)
Johor	4.2	11.3	42.7	4.2	6.0	4.8	6.4
Kedah	4.0	-3.0	-11.1	6.6	3.8	6.7	4.2
Kelantan	2.8	8.2	20.7	2.2	3.4	-4.4	3.6
Melaka	-1.0	6.6	30.6	3.8	4.8	41.5	4.4
Negeri Sembilan	9.8	-5.2	9.1	3.9	4.3	25.5	4.6
Pahang	8.4	-3.9	12.9	3.5	4.9	224.4	5.7
Pulau Pinang	0.1	5.5	14.4	4.0	5.0	18.0	4.8
Perak	3.6	-2.9	11.5	5.1	4.1	15.8	4.4
Perlis	2.9	2.7	16.9	1.4	3.3	0.1	3.3
Selangor	6.6	11.8	13.2	5.1	6.3	5.3	6.3
Terengganu	3.9	13.6	17.5	3.9	4.0	156.3	4.5
Sabah	-3.4	-5.0	18.8	1.2	4.2	5.2	1.1
Sarawak	0.5	4.1	18.7	1.3	4.9	21.0	3.9
W.P. Kuala Lumpur	..	2.9	21.1	4.3	5.5	6.7	6.2
W.P. Labuan	2.3	-	5.3	-0.7	6.4	56.3	5.4
Supra	-	1.0	-	-	-	-	1.0
MALAYSIA	3.1	0.9	17.5	4.2	5.3	7.1	5.1

Carta 2.1 : Sumbangan peratusan KDNK mengikut negeri dan sektor, 2024








SOSIOEKONOMI MELAKA 2024

KDNK: RM48.9 bilion
(2023: RM46.9 bilion)

4.4%
(2023: 2.8%)



Petunjuk : ↑ Pertumbuhan ● Sumbangan kepada KDNK b Bilion j Juta



Nota : KDNK : Keluaran Dalam Negeri Kasar
*Data tahun 2023

Sumber : Laporan Sosioekonomi Melaka 2024

2024 PRESTASI EKONOMI MELAKA

Belanjawan negeri Melaka 2023 telah dibentangkan pada 12 Disember 2022 yang bertemakan “Teguh Bersama Makmur Melaka, Memulih Ekonomi, Memperingat Akujanji, Mensejahtera Rakyat” berteraskan prinsip *no one is left behind*. Antara agenda utama ialah Mensejahtera Sosio-Ekonomi Rakyat, Memulih Menuju Kemampanan Ekonomi dan Mempercepat Perkhidmatan Awam. Kerajaan negeri telah mencerakinkan kepada 11 fokus utama selari dengan Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ 2035). Antara fokus utama Melaka Sejahtera ialah Kebajikan, Melaka Sejahtera Perpaduan, Melaka Sejahtera Kesihatan, Melaka Sejahtera Belia dan Sukan.

Strategi pemulihan ekonomi negeri Melaka adalah memperkasakan *Melaka Waterfront Economic Zone* (M-WEZ) sebagai agen transformasi pembangunan ekonomi. Kerajaan negeri akan meneruskan usaha membangunkan kawasan M-WEZ dengan

menjadi hanya suatu koridor ekonomi bertaraf antarabangsa. Pembangunan berpotensi tinggi yang telah dikenal pasti oleh kerajaan negeri ialah pembangunan kawasan zon industri bebas cukai seluas 1,000 ekar di Tanjung Bruas. Selain itu, pembinaan pelabuhan selatan M-WEZ berkeluasan 1,140 ekar dengan komponen pembangunan *container terminal, tank farm & storage* dan kawasan perindustrian. Kerajaan juga akan melaksanakan pembinaan di Menara Ikonik M-WEZ dan akan menganjurkan *Melaka 1st International Dialogue on Port and Waterfront Development* bagi mempromosi M-WEZ kepada pelabur.

Melaka Waterfront Economic Zone (M-WEZ) telah ditambah baik dengan diberi nama baharu iaitu *Straits of Melaka Waterfront Economic Zone* (SM-WEZ). Pembangunan di kawasan tambak laut seluas 25,000 ekar merangkumi 6 nukleus yang diklasifikasikan sebagai *nucleus Controlled Zone, Melaka*

“
4.4%
Pertumbuhan
ekonomi Melaka
”

“
RM48.9 billion
Nilai KDNK pada
tahun 2024
”



Harbourfront, Smart Logistic Nucleus, Digital Satellite Township, Central Eco Business Park dan Trade Nucleus. Pada tahun 2024, kawasan ini dijangka berpotensi menerima pelaburan berimpak tinggi yang dianggarkan bernilai RM100 bilion yang mampu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri Melaka. Sebanyak 5,000 peluang pekerjaan bakal diwujudkan setiap tahun menerusi pembangunan SM-WEZ yang dijangka siap menjelang tahun 2035.

Prestasi ekonomi Melaka merekodkan nilai KDNK sebanyak RM48.9 bilion berbanding RM46.9 bilion pada tahun sebelumnya dengan pertumbuhan sederhana 4.4 peratus (2023: 2.8%) seperti pada **Carta 2.2**.

Dari aspek komposisi ekonomi Melaka pada tahun 2024, sektor Perkhidmatan mendominasi ekonomi negeri ini dengan menyumbang


sebanyak 51.4 peratus, diikuti sektor Pembuatan dan Pertanian masing-masing menyumbang sebanyak 35.9 peratus dan 9.5 peratus. Seterusnya sektor Pembinaan mencatatkan sumbangan sebanyak 2.8 peratus, manakala sektor Perlombongan & pengkuarian menyumbang sebanyak 0.1 peratus seperti di **Carta 2.3**.

Dari segi prestasi ekonomi, sektor Perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 4.8 peratus pada tahun 2024 berbanding pada tahun sebelumnya (2023: 4.2%). Seterusnya, sektor Perlombongan & pengkuarian mencatatkan peningkatan 6.6 peratus manakala sektor Pembuatan dan Pembinaan turut mencatatkan peningkatan masing-masing pada kadar 3.8 peratus dan 30.6 peratus. Diikuti oleh sektor Pertanian yang menyusut -1.0 peratus seperti pada **Carta 2.4**.


Carta 2.2 : Nilai dan kadar pertumbuhan KDNK Melaka, 2015-2024



Carta 2.3 : Nilai ditambah dan peratus sumbangan mengikut sektor, Melaka, 2024



Carta 2.4 : Kadar pertumbuhan nilai ditambah mengikut sektor, Melaka, 2023-2024





PRESTASI MENGIKUT SEKTOR

SEKTOR PERTANIAN

Sektor Pertanian merupakan salah satu tulang utama ekonomi negara sejak awal penubuhan Malaysia lagi. Walaupun Malaysia semakin pesat membangun dengan sektor perindustrian dan perkhidmatan, sektor pertanian masih memainkan peranan yang penting dalam menjamin sekuriti makanan, menjana pendapatan, serta menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat. Pada tahun 2024, sektor Pertanian di Melaka merekodkan nilai ditambah berjumlah RM4.66 bilion berbanding RM4.71 bilion pada tahun sebelumnya.

Sektor ini adalah penyumbang ketiga tertinggi kepada KDNK Melaka, iaitu 9.5 peratus pada 2024. Subsektor Tanaman merupakan penyumbang terbesar sektor Pertanian di negeri ini dengan sumbangan 56.3 peratus, manakala subsektor Ternakan menyumbang 42.2 peratus. Kedua-dua subsektor ini secara kumulatif menyumbang 98.5 peratus kepada sektor Pertanian di Melaka.

Sektor Pertanian di negeri ini mengalami penyusutan 1.0 peratus berbanding tahun sebelumnya yang bertumbuh 4.0 peratus. Prestasi ini dipengaruhi oleh penyusutan subsektor Tanaman yang merekodkan negatif 3.0 peratus (2023: 3.8%) dalam pengeluaran

Tanaman sayur. Antara sayur-sayuran utama yang mencatatkan penurunan adalah sawi, bendi dan kangkung.

Walau bagaimanapun, subsektor Ternakan yang merupakan aktiviti kedua besar dalam sektor Pertanian di Melaka mencatatkan pertumbuhan 1.7 peratus berbanding 4.9 peratus yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini sedikit sebanyak telah mengurangkan impak kejatuhan sektor Pertanian di Melaka disokong oleh peningkatan dalam pengeluaran Ternakan ayam dan itik.

RM4.7 bilion
Nilai ditambah
sektor Pertanian
Melaka pada tahun 2024



SEKTOR PERLOMBONGAN DAN PENGKUARIAN

Sektor Perlombongan dan pengkuarian di Melaka mencatatkan nilai ditambah sebanyak RM69.6 juta berbanding RM65.3 juta pada tahun 2023. Sektor ini menyumbang 0.1 peratus kepada KDNK Melaka. Pada tahun 2024, sektor ini meningkat 6.6 peratus (2023: 6.8%) seperti pada **Carta 2.5**. Peningkatan ini dipengaruhi oleh aktiviti pengkuarian pasir dan granit.

RM69.6 juta
Nilai ditambah
sektor Perlombongan
dan pengkuarian
Melaka pada tahun 2024

Projek utama:

Antara projek pembinaan utama yang terdapat di Melaka ialah:


- Factory Contrsuction at Taman Perindustrian Batu Berendam , Free Trade Zone Melaka;
- Pembangunan Perniagaan, Hotel & Kondo Di Pekan Klebang Sekysen 2, Daerah Melaka Tengah;
- Projek Penyelenggaraan Cerun Di Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri Semenanjung Malaysia (Reka dan Bina);
- Projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Duyong, Melaka ;
- Group Wide Master Service Agreement (MSA) for Integrated Turnaround Main Mechanical and Maintenance Mechanical Static (TA4MS)

SEKTOR PEMBINAAN

Melaka merekodkan nilai ditambah sebanyak RM1.4 bilion dalam sektor Pembinaan pada tahun 2024. Nilai tersebut berkembang daripada RM1.0 bilion yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Sektor Pembinaan Melaka menyumbang sebanyak 2.8 peratus kepada keseluruhan ekonomi negeri ini, mencatatkan peningkatan kadar pertumbuhan 30.6 peratus (2023: 6.5%), seperti pada **Paparan 2.1**.

Antara faktor yang menyokong pertumbuhan tersebut ialah peningkatan dalam subsektor Kejuruteraan awam 44.0 peratus. Sementara itu, subsektor Aktiviti pertukangan khas dan Pembinaan bangunan juga menunjukkan peningkatan daripada segi kadar pertumbuhan masing-masing 38.2 peratus dan 21.2 peratus pada tahun 2024.

Paparan 2.1: Kadar pertumbuhan sektor Pembinaan, Melaka, 2024



SEKTOR PEMBUATAN

Sektor Pembuatan negeri Melaka merekodkan nilai ditambah berjumlah RM17.6 bilion pada tahun 2024, meningkat RM0.6 bilion berbanding RM17.0 bilion pada tahun 2023. Dari segi perbandingan tahun ke tahun, pertumbuhan yang dicatatkan pada 2024 adalah 3.8 peratus (2023: 0.3%). Sektor ini merupakan penyumbang kedua tertinggi kepada KDNK negeri Melaka selepas sektor Perkhidmatan, menyumbang 35.9 peratus.

Prestasi subsektor yang terbesar iaitu Produk petroleum, kimia, getah & plastik merekodkan pertumbuhan 4.5 peratus (sumbangan: 29.3 peratus) dengan nilai ditambah berjumlah RM5.2 bilion. Segmen produk petroleum bertapis merupakan penyumbang utama bagi subsektor ini, bertumbuh 5.1 peratus berbanding 6.0 peratus pada 2023. Sementara itu, kumpulan produk plastik meningkat 4.5 peratus berbanding tahun sebelumnya (2023: 2.3%).

Produk elektrik, elektronik & optikal juga mencatatkan pertumbuhan positif, iaitu 3.8 peratus pada 2024 (2023: -3.1%) dengan nilai ditambah berjumlah RM5.0 bilion. Sumbangannya kepada KDNK Pembuatan negeri adalah sebanyak 28.2 peratus (**Carta 2.6**). Prestasi positif ini disokong oleh segmen komponen & papan elektronik, peralatan komunikasi dan elektronik pengguna yang berkembang 3.6 peratus (2023: -3.4%).

Selain itu, Peralatan pengangkutan, pembuatan lain & pembaikan merekodkan nilai ditambah berjumlah RM4.8 bilion dengan sumbangan sebanyak 27.4 peratus kepada sektor Pembuatan negeri Melaka. Berdasarkan perbandingan tahun ke tahun, subsektor ini berkembang 2.8 peratus. Kumpulan kenderaan bermotor & peralatan pengangkutan menjadi penyumbang utama prestasi subsektor ini dengan pertumbuhan 2.5 peratus (2023: 2.2%).


Bagi aspek pelaburan, Melaka menerima nilai pelaburan berjumlah RM4.4 bilion bagi sektor Pembuatan yang merangkumi pelaburan domestik sebanyak RM1.5 bilion dan pelaburan asing sebanyak RM2.9 bilion. Pada tahun 2024, nilai pelaburan ini meningkat ketara 31.5 peratus berbanding RM3.3 bilion pada tahun sebelumnya.

SEKTOR PERKHIDMATAN

Sektor Perkhidmatan di Melaka pada tahun 2024 menunjukkan perkembangan yang stabil dan terus menjadi antara penyumbang utama kepada struktur ekonomi negeri seterusnya mencerminkan kepentingannya dalam ekonomi negeri. Pertumbuhan sektor perkhidmatan di Melaka kekal positif, disokong oleh peningkatan aktiviti perniagaan dan penggunaan domestik. Pada tahun 2024, sektor Perkhidmatan di negeri ini merekodkan nilai ditambah RM25.2 bilion berbanding RM24.0 bilion pada tahun 2023, dengan peningkatan sebanyak RM1.1 bilion. Ia kekal mendominasi ekonomi negeri Melaka dengan sumbangan sebanyak 51.4 peratus kepada KDNK keseluruhan. Sektor ini berkembang 4.8 peratus pada tahun 2024 didorong oleh pertumbuhan subsektor Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan sebanyak 4.9 peratus serta subsektor Utiliti, pengangkutan & penyimpanan dan maklumat & komunikasi iaitu 4.0 peratus. Prestasi mengikut subsektor ditunjukkan pada **Jadual 2.2**.



Paparan 2.2 : Kadar pertumbuhan subsektor
Perkhidmatan, Melaka, 2024



Perdagangan borong dan runcit

Pertumbuhan lebih baik sektor Perkhidmatan Melaka pada tahun 2024 disumbangkan oleh subsektor Perdagangan borong & runcit yang menyumbang 31.2 peratus kepada sektor Perkhidmatan negeri ini. Prestasi ekonomi subsektor ini bertumbuh 4.6 peratus (2023: 6.1%) disokong oleh segmen runcit.

Segmen runcit mencatatkan pertumbuhan 5.3 peratus berbanding 6.1 peratus yang direkodkan pada 2023. Prestasi positif ini disokong oleh aktiviti jualan runcit barangan lain di stor pengkhususan dan aktiviti jualan runcit lain-lain peralatan isirumah di stor pengkhususan. Sumbangan segmen runcit

kepada subsektor perdagangan borong & runcit di Melaka adalah 58.8 peratus (**Carta 2.7**).

Sementara itu, segmen borong turut bertumbuh kepada 5.3 peratus pada tahun 2024 (2023: 4.0%) disokong oleh peningkatan dalam aktiviti lain-lain pengkhususan jual borong dan aktiviti jual borong makanan, minuman & tembakau. Sumbangan segmen borong kepada subsektor perdagangan borong & runcit di Melaka adalah 25.5 peratus.

Seterusnya, prestasi segmen kenderaan bermotor bertumbuh 1.2 peratus (2023: 9.9%) disumbangkan oleh aktiviti jualan kenderaan motor. Aktiviti ini menyumbang separuh kepada segmen kenderaan bermotor di Melaka.

Utiliti

Subsektor utiliti di Melaka memulih kepada 4.6 peratus (2023: -1.2%) dengan nilai ditambah berjumlah RM2.5 bilion pada tahun 2024. Peningkatan ini didorong terutamanya oleh segmen bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara khususnya bagi aktiviti penjaan, penghantaran dan pengagihan tenaga elektrik yang berkembang 3.0 peratus (2023: -2.0%).

Sementara itu, segmen bekalan air, pembetulan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan merekodkan nilai KDNK RM436.2 juta dengan pertumbuhan sederhana 1.4 peratus (2023: 3.7%) disumbangkan oleh aktiviti penakungan, perawatan dan bekalan air.

Subsektor utiliti Melaka didominasi oleh stesen janakuasa bebas (IPP)

Sumber: Tenaga Nasional Berhad

Perkhidmatan maklumat dan komunikasi

Subsektor perkhidmatan maklumat dan komunikasi menyumbang 8.8 peratus kepada sektor Perkhidmatan di Melaka pada tahun 2024. Subsektor ini merekodkan pertumbuhan 1.8 peratus berbanding marginal 0.1 peratus pada tahun sebelumnya dengan nilai ditambah berjumlah RM2.2 bilion. Pertumbuhan prestasi ini didorong oleh segmen perkhidmatan telekomunikasi.

Segmen perkhidmatan telekomunikasi mencatatkan pertumbuhan sebanyak 1.5 peratus didorong oleh permintaan dalam aktiviti telekomunikasi tanpa wayar. Aktiviti pembelajaran, e-Kesihatan, e-Kerajaan, e-Dagang dan penggunaan platform media sosial seperti WhatsApp, X, Telegram, Youtube dan TikTok turut mendorong kepada permintaan perkhidmatan ini.

Selain itu, antara aktiviti lain yang turut menyumbang kepada prestasi keseluruhan subsektor ini ialah aktiviti perkhidmatan komputer & maklumat dan aktiviti penerbitan & penyiaran dengan masing-masing mencatatkan pertumbuhan sebanyak 4.3 peratus dan 5.7 peratus.

1.8%
Subsektor **perkhidmatan maklumat & komunikasi** Melaka bertumbuh pada tahun 2024

Pengangkutan dan penyimpanan

Subsektor pengangkutan dan penyimpanan menyumbang sebanyak 2.2 peratus kepada keseluruhan sektor Perkhidmatan Melaka. Aktiviti pengangkutan darat merupakan penyumbang utama dengan sumbangan 41.4 peratus, diikuti pengangkutan lain (20.0%), operasi lebuhraya (14.7%), perkhidmatan pos & kurier (11.4%), pengangkutan air (7.7%), pelabuhan & operasi penerbangan (4.6%) dan pengangkutan udara (0.1%).

Pada tahun 2024, subsektor ini mengekalkan pertumbuhan memberangsangkan iaitu 10.8 peratus (2023: 8.1%). Pertumbuhan ini didorong oleh aktiviti pengangkutan darat yang mengukuh 10.4 peratus, pengangkutan lain, 13.7 peratus serta operasi lebuhraya, 11.1 peratus.

Penginapan dan makanan & minuman

Tahun Melawat Melaka 2024 (TMM2024) berjaya merekodkan jumlah kedatangan 15 juta pelancong berbanding 8.6 juta pada 2023. Berdasarkan Survei Pelancongan Domestik 2024, Melaka telah menerima kehadiran seramai 19.1 juta pelawat domestik, bertumbuh 22.9 peratus (2023: 32.3%). Selari dengan peningkatan ini, subsektor penginapan di Melaka turut meningkat dengan pertumbuhan 13.9 peratus pada tahun 2024 (2023: 29.5%).

Subsektor makanan dan minuman mencatatkan pertumbuhan 3.5 peratus (2023: 2.7%). Kedua-dua subsektor ini menyumbang sebanyak 6.3 peratus kepada sektor Perkhidmatan di negeri Melaka.

Perkhidmatan Perniagaan

Subsektor perkhidmatan perniagaan mencatatkan pertumbuhan 4.6 peratus pada tahun 2024, dipacu oleh peningkatan dalam perkhidmatan profesional, saintifik dan teknikal serta pentadbiran dan khidmat sokongan.

Perkhidmatan profesional, saintifik dan teknikal kekal mendominasi subsektor ini. Pada tahun 2024, perkhidmatan ini terus berkembang berbanding tahun sebelumnya, didorong oleh aktiviti guaman, perakaunan serta penyelidikan dan pembangunan. Aktiviti lain yang turut memberi impak kepada peningkatan segmen ini ialah perkhidmatan arkitek dan kejuruteraan serta aktiviti ibu pejabat.

Pada tempoh sama, perkhidmatan pentadbiran dan khidmat sokongan turut berkembang, dipengaruhi oleh aktiviti pembersihan dan agensi pengembaraan.

Perkhidmatan pendidikan swasta

Subsektor Perkhidmatan pendidikan swasta mencatatkan pertumbuhan 3.2 peratus (2023: 7.7%) didorong oleh aktiviti pendidikan tinggi. Subsektor ini menyumbang 2.5 peratus kepada keseluruhan sektor Perkhidmatan Melaka pada tahun 2024.

Aktiviti pendidikan tinggi merupakan penyumbang utama subsektor ini iaitu sebanyak 80.3 peratus. Seterusnya, diikuti oleh pendidikan lain (10.4%), pendidikan menengah (5.7%) dan pendidikan pra-sekolah & pendidikan rendah (3.5%).

Perkhidmatan kesihatan swasta

Subsektor Perkhidmatan kesihatan swasta menyumbang sebanyak 2.8 peratus kepada sektor Perkhidmatan di Melaka. Subsektor ini mencatatkan pertumbuhan 11.8 peratus berbanding 11.5 peratus pada tahun 2023.

Aktiviti hospital dan rumah bersalin merupakan penyumbang utama subsektor ini iaitu sebanyak 63.6 peratus merekodkan pertumbuhan 14.1 peratus pada tahun 2024. Antara aktiviti lain yang menyumbang kepada pertumbuhan keseluruhan perkhidmatan ini adalah aktiviti amalan perubatan dan pergigian.

Perkhidmatan kerajaan


Perkhidmatan kerajaan dikategorikan sebagai pengeluaran bukan pasaran. Nilai ditambah bagi perkhidmatan ini merangkumi pampasan kepada pekerja, peruntukan pencen untuk tenaga kerja semasa serta penggunaan modal tetap.

Nilai ditambah subsektor Perkhidmatan kerajaan di negeri Melaka berjumlah RM4.3 bilion, kenaikan RM0.2 bilion berbanding RM4.1 bilion pada tahun 2023 dengan sumbangan terhadap sektor perkhidmatan negeri sebanyak 17.0 peratus. Dari segi perbandingan tahun ke tahun, pertumbuhan yang dicatatkan pada 2024 adalah pada kadar 3.5 peratus berbanding 4.9 peratus tahun 2023.


Subsektor ini meliputi empat peringkat kerajaan iaitu Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan (PBT). Penglibatan sektor kerajaan memainkan peranan yang sangat penting dalam pelaksanaan pembangunan setempat seterusnya memberi limpahan manfaat kepada ekonomi negeri.

PRESTASI NILAI DITAMBAH MENGIKUT SEKTOR


Carta 2.5 : Prestasi sektor Pertanian, Melaka, 2023-2024




Carta 2.6 : Prestasi sektor Perlombongan dan pengkuarian, Melaka, 2015-2024



Carta 2.7 : Peratus sumbangan sektor Pembuatan, Melaka, 2024



Carta 2.8 : Peratus sumbangan subsektor perdagangan borong dan runcit, Melaka, 2024



JADUAL PRESTASI MENGIKUT SEKTOR

Jadual 2.3 : Statistik industri kelapa sawit, Melaka, 2023-2024

Melaka	Nilai		Pertumbuhan (%)	
	2023	2024	2023	2024
Keluasan belum matang (hektar)	3,416	3031	-20.4	-11.3
Keluasan matang (hektar)	47,667	46,667	-0.8	-1.7

Sumber: MPOB

Jadual 2.4 : Prestasi sektor Perkhidmatan, Melaka, 2023-2024

Subsektor	2023 ^e			2024 ^p		
	Nilai ditambah (RM juta)	Sumbangan (%)	Pertumbuhan (%)	Nilai ditambah (RM juta)	Sumbangan (%)	Pertumbuhan (%)
Utiliti, pengangkutan dan penyimpanan, maklumat dan komunikasi	5,095	21.1	0.2	5,300	21.1	4.0
Perdagangan borong dan runcit, makanan & minuman dan penginapan	8,999	37.5	6.6	9,441	37.5	4.9
Kewangan dan insurans, hartanah dan perkhidmatan pemiagaan	2,991	12.6	0.9	3,169	12.6	6.0
Perkhidmatan-perkhidmatan lain	2,823	11.9	7.1	2,994	11.9	6.1
Perkhidmatan kerajaan	4,121	17.0	4.9	4,267	17.0	3.5
Jumlah	24,028	100.0	4.2	25,171	51.4	4.8

INISIATIF TERPILIH KERAJAAN PERSEKUTUAN, 2024

SEKTOR ICT & PENDIGITALAN

- RM28 juta disediakan bagi membangunkan platform MYStartUp sebagai tetingkap tunggal yang menghimpunkan syarikat pemula.
- RM40 juta diperuntukkan bagi membangunkan Rangka Kerja Pengujian Keselamatan Siber 5G serta Kepakaran Tempatan Terhadap teknologi 5G bagi meningkatkan kesiapsiagaan terhadap ancaman serangan siber.
- Pakej P-Halling RAHMAH bermula 23 Januari sehingga 23 April 2024.
- Pakej Rahmah Prabayar Siswa bermula pada 16 Ogos 2024.

BANTUAN ISI RUMAH

- RM35 juta diperuntukkan bagi rebat bil elektrik sehingga RM40 sebulan untuk isi rumah miskin tegar.
- Elaun sara hidup diberikan kepada nelayan sehingga RM300 sebulan.
- Insentif Hasil Tangkapan Nelayan sehingga RM1,000 sebulan.
- RM225 juta disediakan untuk membiayai kos pengedaran barangan keperluan asas seperti petrol, LPG, tepung, beras dan minyak masak ke kawasan desa serta pedalaman di bawah Program Community Drumming.
- RM939 juta untuk menyediakan bekalan air kepada 5,150 buah rumah dan bekalan elektrik kepada 2,200 buah rumah.
- RM460 juta diperuntukkan bagi menyediakan bantuan kepada kira-kira 65 ribu rakyat susah di desa untuk membina baharu atau membaik pulih rumah yang telah daif.

PENGANGKUTAN AWAM

- RM160 juta diperuntukkan bagi memperoleh 150 bas elektrik dan membina depoh bas untuk menyokong keperluan projek LRT3.
- Manfaat pas bulanan My50 ditawarkan kepada lebih 180 ribu penduduk Lembah Klang yang menggunakan perkhidmatan bas dan rel PRASARANA.

SEKTOR PEMBINAAN

- RM90 bilion diperuntukkan untuk pembangunan sektor pembinaan melibatkan projek seperti sekolah, hospital, klinik, jalan raya dan projek mega.
- Projek mega termasuk LRT Pulau Pinang, Pan Borneo Sabah Fasa 1, MRT3, tebatan banjir, Jalan Link Sabah-Sarawak dan pengangkutan bandar Kuching.
- RM127 bilion nilai projek pembinaan ditawarkan dalam lapan bulan pertama 2024, termasuk RM33.5 bilion daripada sektor kerajaan.
- RM22 bilion kontrak pembinaan ditawarkan pada separuh pertama 2024 selari dengan pelaksanaan rasionalisasi subsidi.

SEKTOR PERTANIAN

- RM2.4 bilion untuk FELDA, FELCRA dan RISDA bagi tingkatkan agrikomoditi dan sosioekonomi pekebun kecil.
- RM70 juta untuk kempen industri sawit dan kempen anti minyak sawit di peringkat global.
- RM3 bilion bagi projek rintis penanaman padi lima musim di jelapang terpilih.
- RM400 juta untuk tingkat hasil tanaman dan ternakan termasuk baja bio dan tender terbuka.

TENAGA HIJAU

- Rebat tunai sehingga RM4,000 ditawarkan melalui Program Solar for Rakyat Incentive Scheme (SolarRIS) bagi pemasangan sistem solar PV di kediaman.
- Program Net Energy Metering (NEM) 3.0 ditawarkan dengan kuota tambahan 100MW bagi NEM Rakyat dan 300MW bagi NEM NOVA.
- Skim Pembiayaan Teknologi Hijau 2.0 (Green Technology Financing Scheme - GIFS 2.0) menawarkan subsidi kadar faedah 2% selama 7 tahun serta jaminan kerajaan sebanyak 60% bagi komponen hijau.
- Program Skim Pembekalan Tenaga Boleh Baharu Korporat (Corporate Green Power Programme - CRESS) meningkatkan akses syarikat korporat kepada bekalan elektrik hijau melalui grid terbuka.

PELANCONGAN

- RM350 juta diperuntuk bagi promosi pelancongan pulihkan status Malaysia sebagai destinasi utama dunia.
- Visa diliberalisasi & syarat MM2H dilonggar untuk tarik pelancong dari China, India & Timur Tengah.
- Geran GSSP, GSSK & GAMELAN hingga RM1 juta disediakan bagi program pelancongan dan kebudayaan.
- Pinjaman SIP & TKP ditawarkan bantu pengusaha pelancongan kembangkan produk & infrastruktur.
- Kempen MYTES & Midnight Sale 2024 dilancarkan tarik pelancong dan galak jualan hujung tahun.

INTENSIF PEMBELIAN KENDERAAN

- Skim galakan penggunaan motosikal elektrik dengan pemberian subsidi secara rebat tunai RM2,400 untuk pembelian motosikal elektrik.
- Pelanjutan selama 4 tahun bagi pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM2,500 untuk perbelanjaan kemudahan pengecasan EV.



PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA (PMKS)

- RM1.5 bilion daripada GLC/GLIC dan RM25 juta i-TEKAD untuk galak syarikat pemula dan PKS Bumiputera dalam bidang pertumbuhan tinggi.
- Dana tambahan RM25 juta diperuntukkan secara geran padanan dengan insititui kewangan bagi memberi manfaat kepada lebih ramai usahawan di bawah program kewangan social i-TEKAD.
- RM44 juta nilai keseluruhan pinjaman dan jaminan pembiayaan untuk manfaat usahawan.
- RM1.4 bilion bagi membantu menyediakan modal perniagaan, pembelian peralatan, premis serta PEMASARAN.
- RM330 juta diperuntukkan di bawah TEKUN bagi kemudahan pembiayaan kepada peniaga kecil, usahawan Orang Asli serta Bumiputera Sabah dan Sarawak.
- RM100 juta geran pendigitalan dan RM40 juta untuk Program Shop Malaysia Online bagi usahawan mikro.



PERDAGANGAN BORONG RUNCIT

- RM50 juta diperuntukkan untuk membina 4,000 unit ruang niaga baharu yang seragam, selesa dan selamat di kawasan PBT.
- RM110 juta diperuntukkan bagi baik pulih dan naik taraf pusat penjaja serta prasarana pasar awam di 150 kawasan PBT.
- Inisiatif MyKiost oleh KPRT mendapat RM100 juta untuk membina 4,000 unit kiosk baharu bagi penjaja kecil di lokasi tumpuan.
- Program Payung Rahmah ditawarkan dan diperluas dengan peruntukan RM200 juta untuk menyediakan barangan keperluan pada harga berpatutan.



KEWANGAN DAN INSURANS

- Skim Insurans Kesejahteraan Rakyat (SIKR) diperkenal secara percuma untuk melindungi 300,000 keluarga miskin.
- Manfaat SARA diperluas kepada 700,000 penerima STR dengan bayaran RM100 sebulan selama 12 bulan.
- Insurans hayat mampu milik disediakan untuk 100,000 rakyat, khususnya belia dan keluarga.



HARTANAH

- Pengecualian duit setem ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman untuk pembelian rumah pertama bernilai sehingga RM500,000 oleh warganegara Malaysia dikecualikan sehingga 31 Disember 2025.
- Mengendakan duit setem dengan kadar rata 4% ke atas transaksi dokumen pemilikan tanah oleh bukan warganegara dan syarikat milik asing, kecuali individu berstatus pemastautin tetap di Malaysia
- Menyediakan jaminan sehingga RM10 bilion di bawah Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) yang akan memberi manfaat kepada 40,000 pemintjan.

- Penubuhan Johor-Singapore Special Economic Zone (JS-SSEZ) dan Special Financial Zone (SFZ).
- RM3 juta bagi penganturan The Green Legacy Johor: International Summit.
- promosi Majestic Johor.
- Program pembangunan industri ayam seperti Reban Ayam Tertutup dengan peruntukan sebanyak RM12.4 juta.
- RM 2 juta diperuntukkan untuk melaksanakan Geran Usahawan Maju Johor atau GUMJ 2024.

JOHOR

- Projek rintis penanaman padi 5 musim 2 tahun di Kota Sarang Semut.
- Penganturan program pelancongan sempena Tahun Melawat Kedah 2025 dengan peruntukan sebanyak RM3 juta.
- RM1.0 juta disediakan untuk Program Pembangunan Usahawan Muda Kedah.
- RM25.8 juta diperuntukkan bagi Bantuan kepada golongan yang memerlukan.
- RM4.23 juta diperuntukkan bagi Program Beras Sejahtera.

KEDAH

- RM59.57 juta untuk membantu rakyat miskin.
- RM235.40 juta bagi infrastruktur dan kemudahan awam.
- RM11.69 juta bagi pertanian dan keterjaminan makanan.
- RM5.54 juta bagi program petani dan nelayan.
- RM4.45 juta bagi program galakan pertanian dan perternakan, pendidikan pertanian dan bantuan baja.
- RM23.2 juta bagi sektor pelancongan.

KELANTAN

- RM42.6 juta diperuntukkan bagi Kawasan Perindustrian ElKay 2.0.
- Straits of Melaka Waterfront Economic Zone (SM-WEZ).
- Projek Pengeluaran Benih Padi Sah di Mukim Melimau dengan peruntukan sebanyak RM300 ribu.
- Bantuan MESRA Am Kebajikan dengan peruntukan sebanyak RM11.6 juta.
- Program Mula Niaga dengan peruntukan sebanyak RM200 ribu.
- Program Belia Progresif dengan implikasi kewangan berjumlah RM500 ribu.

MELAKA

- Tabung Usahawan Negeri Sembilan (TUNS) Perintis dengan peruntukan sebanyak RM500 ribu.
- NS Choice dengan peruntukan RM1.0 juta.
- RM5.0 juta disediakan untuk Program Rumah Harapan Rakyat.
- RM5.8 juta diperuntukkan bagi memperkasa produk-produk ekopelancongan seperti Hutan Rekreasi Ulu Bendul, Gunung Angsi, Hutan Lipur Kenaboi dan PD Forest.
- Skim Sejahtera Rakyat (SSR) dengan peruntukan sebanyak RM29.75 juta.

NEGERI SEMBILAN

- Tabung Prihatin Pahang dengan peruntukan sebanyak RM5 juta bagi membantu rakyat khususnya ketika berhadapan sebarang kes kecemasan.
- Program Khidmat Bantu Di Rumah (KBDiR) kepada warga emas serta Orang Kurang Upaya (OKU) dengan peruntukan sebanyak RM2.06 juta.
- RM7.55 juta diperuntukkan bagi sektor pembangunan usahawan.
- RM66.53 juta diperuntukkan bagi sektor pelancongan.

PAHANG

- 'Penang Strategy for Economic Ecosystem Development' atau 'Penang SEED' dengan dana permulaan dPenang 14.0 Seed Fund antara RM50,000 sehingga RM250,000 untuk setiap projek.
- Projek Creative Digital District, ESG Incubation Hub, SME100 Digital Champion, Founder's Grift Seed Programme.
- RM4.6 juta diperuntukkan untuk melaksanakan projek-projek pembangunan pengeluaran ternakan demi membangunkan sektor agromakanan.

PULAU PINANG

- RM24.0 juta diperuntukkan bagi program Kad Perak Sejahtera bagi pembelian barangan keperluan asas keluarga.
- Program Pembangunan Usahawan dan Koperasi dengan dana RM1.0 juta.
- Program Bantuan Kotak Makanan yang menyasarkan bantuan keperluan makanan kepada golongan B40, miskin, miskin tegar dan mangsa bencana dengan peruntukan sebanyak RM5.0 juta.
- RM1.2 juta untuk pelbagai Program Pelancongan dan Kebudayaan.

PERAK

- Peruntukan RM7.84 juta bagi pemberian bantuan kebajikan.
- RM6.65 juta diperuntukkan bagi Kadar Bantuan Am.
- RM3.36 juta diperuntukkan bagi pembangunan industri padi, industri sayuran dan tanaman ladang, industri buah-buahan, industri kelapa secara mapan serta tanaman industri dan herba.
- Peruntukan RM450 ribu bagi menaik taraf kemudahan dan merencanakan lagi sektor agro-pelancongan.

PERLIS

- Selangor Centre for Artificial Intelligence dengan peruntukan RM1 juta.
- Selangor Jobs and Skills Council dengan peruntukan sebanyak RM1 juta.
- Selangor International Business Summit (SIBS) dengan peruntukan sebanyak RM20 juta.
- Bantuan Baucar Jom Shopping turut ditawarkan dengan peruntukan RM8.24 juta.

SELANGOR

- Penubuhan semula Lembaga Padi Dan Beras Sabah dengan peruntukan sebanyak RM1.82 juta.
- RM15.99 juta diperuntukkan bagi penerokaan Ekonomi Biru berkonsepkan penerokaan sumber laut yang menekankan pengurusan marin dan pantai secara lestari yang bertujuan untuk pembangunan ekonomi, mewujudkan peluang pekerjaan dan meningkatkan taraf hidup rakyat.
- Program Bantuan SME-UP dengan peruntukan sebanyak RM15 juta.

SABAH

- Penggunaan Terengganu Pay sebagai gerbang bayaran rasmi Kerajaan Negeri.
- Pelan Induk Teknologi Hijau (PIITH) dirangka sebagai pelan untuk mempelbagaikan sumber hasil baru.
- Penganturan program memperkasa industri pelancongan seperti Kenyir Geopark Trails dan 4x4 Challenge.
- Program galakan dan pemerikasan usahawan industri tani seperti program CSR Tani, CSR Ternakan dan CSR Perikanan.

TERENGGANU

- RM5 juta diperuntukkan bagi pelaksanaan bas pintar untuk Bandar Miri bagi menyedak perhubungan yang lebih baik dan meningkatkan mobiliti untuk rakyat.
- Skim Kredit Mikro Sarawak dan Skim Pinjaman Industri Kecil dan Sederhana (SPIKS) dengan peruntukan sebanyak RM6 juta.
- RM4.5 juta diperuntukkan bagi pelaksanaan Go Digital Programme untuk menggalakkan PKS untuk meneruskan perusahaannya secara digital.

SARAWAK

- RM55.9 juta diperuntukkan untuk Program Low Carbon sebagai inisiatif mengurangkan intensiti pelepasan karbon.
- RM26.5 juta diperuntukkan bagi Program Pengurusan Penjaja.
- RM46 juta diperuntukkan bagi pengurusan perkhidmatan bas GO KL yang akan diperluaskan lagi jaringan laluan dan bilangan bas.
- RM5.6 juta diperuntukkan untuk aktiviti penggalakan pelancongan di Kuala Lumpur sempena kempen Tahun Melawat Malaysia tahun 2026.

W.P. KL

- Memantapkan semula kedudukan Labuan sebagai hab pemunggalan, memanfaatkan rangkaian Kawasan Pertumbuhan Asean Timur-Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMB-EAGA).
- Kompleks Hab Hala dengan peruntukan sebanyak RM86 juta sebagai zon komersial bebas, mencipta peluang untuk pemunggalan baharu dan menggalakkan aktiviti pemunggalan.

W.P. LABUAN

Sumber: Belanjawan Kerajaan Negeri Tahun 2024, Jabatan Kewangan Negeri, Portal Rasmi Kerajaan Negeri, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).



INDEKS HARGA PENGGUNA

Seiring dengan inflasi di kebanyakan negara ASEAN serantau, inflasi di Malaysia pada tahun 2024 merekodkan peningkatan perlahan, dua tahun berturut-turut, 1.8 peratus (2023: 2.5%). Peningkatan ini adalah lebih rendah berbanding unjuran Bank Negara Malaysia (BNM) dan Kementerian Kewangan (MOF) dengan masing-masing mengunjurkan inflasi antara 2.0 hingga 3.5 peratus dan 2.1 hingga 3.6 peratus. Di samping pengukuhan mata wang Ringgit dan penyusutan harga komoditi dunia, inisiatif kerajaan dalam mengawal harga barang dan perkhidmatan serta pemberian subsidi bagi barangan tertentu, sedikit sebanyak mengekang inflasi Malaysia daripada terus meningkat lebih tinggi.

Walaupun inflasi keseluruhan menyederhana pada tahun 2024, kumpulan Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain merekodkan peningkatan ketara berikutan kenaikan caj perkhidmatan pembetulan oleh Indah Water Konsortium (IWK) pada Januari 2024 bagi mengimbangi kenaikan kos operasi. Kenaikan kumpulan ini turut didorong oleh pelarasan tarif perkhidmatan bekalan air oleh kerajaan melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) yang melibatkan kenaikan purata sebanyak 22 sen bagi setiap meter padu bagi kategori pengguna domestik di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan bermula

“

1.3%

**Inflasi Melaka
meningkat perlahan
pada tahun 2024**

”

1 Februari 2024. Pelarasan tarif air bagi kategori domestik ini adalah untuk memastikan kemampanan perkhidmatan air dalam jangka masa panjang sekali gus memberi impak kepada kualiti perkhidmatan bekalan air yang dinikmati oleh rakyat.

Kesemua kumpulan mencatatkan peningkatan pada tahun 2024 kecuali Maklumat & Komunikasi (-1.5%) dan Pakaian & Kasut (-0.3%). Peningkatan lebih rendah bagi inflasi Malaysia didorong oleh kumpulan Restoran & Perkhidmatan Penginapan (3.1%); Makanan & Minuman (2.0%); Kesihatan (1.8%); Pendidikan (1.5%); Pengangkutan (1.0%) dan Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (0.7%). Manakala, kumpulan Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (3.0%); Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan, (3.0%); Rekreasi, Sukan & Kebudayaan, (1.8%); Minuman Alkohol & Tembakau, (0.7%) dan Insurans & Perkhidmatan Kewangan (0.3%) mencatatkan peningkatan lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya

Kerajaan telah melaksanakan penyasaran subsidi Diesel bermula 10 Jun 2024 bagi mengawal ketirisan subsidi Diesel yang kian berleluasa. Langkah ini menetapkan harga runcit Diesel di stesen minyak di Semenanjung Malaysia berada pada julat antara RM2.95 seliter hingga RM3.35 seliter berbanding RM2.15 seliter sebelum ini. Manakala, pelaksanaan penyasaran subsidi Diesel ini tidak termasuk Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan dan harga runcit Diesel bagi ketiga-tiga negeri ini kekal RM2.15 seliter pada 2024.

1.1%
Inflasi Makanan & Minuman meningkat perlahan pada tahun 2024

Inflasi Melaka meningkat perlahan kepada 1.3 peratus berbanding 2.4 peratus pada tahun 2023 dengan mata indeks mencatatkan 128.9 (2023: 127.2). Secara keseluruhannya, peningkatan inflasi ini disumbangkan oleh kumpulan Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan (3.3%); Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (2.9%); Kesihatan (1.5%); Pendidikan (1.4%); Makanan & Minuman (1.1%); Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (1.0%) dan Rekreasi, Sukan & Kebudayaan (1.0%) (**Jadual 2.6**).


Inflasi Makanan & Minuman meningkat kepada 1.1 peratus berbanding tahun 2023 (4.6%). Kesemua subkumpulan menunjukkan peningkatan di antara 0.1 peratus hingga 2.0 peratus, kecuali bagi subkumpulan Ikan & makanan laut lain dan Minyak & lemak yang mencatatkan penurunan kepada negatif 3.2 peratus dan negatif 0.2 peratus. Subkumpulan Makanan sedia dimakan & produk makanan lain tidak terkelas di tempat lain merupakan penyumbang utama kepada kenaikan inflasi dengan peningkatan 2.0 peratus. Ini diikuti oleh Bijirin & produk bijirin (1.7%); Daging (1.4%); Sayur-sayuran (0.7%) dan Susu, produk tenusu lain & telur (0.3%) (**Jadual 2.7**).

Jadual 2.5 : Purata harga item terpilih, Melaka, 2023-2024

Item Terpilih	Unit	Purata Harga (RM)	
		2022	2023
Bayam, Hijau	1 kg	4.97	5.20
Bawang Besar, India	1 kg	3.88	6.34
Pisang Berangan	1 kg	6.42	6.70
Telur Ayam Gred A	10 biji	4.49	4.35
Telur Ayam Gred B	10 biji	4.30	4.18
Telur Ayam Gred C	10 biji	4.10	3.93
Ikan Kembung	1 kg	19.46	18.55
Ikan Selayang	1 kg	13.88	12.63
Ayam Proses Standard	1 kg	9.62	9.67
Cili Merah Kulai	1 kg	16.30	16.30

CARTA INDEKS HARGA PENGGUNA

Carta 2.9 : Inflasi tahunan, Melaka, 2011-2024



Jadual 2.6 : Inflasi tahunan mengikut kumpulan utama, Melaka, 2023-2024

Tahun	2023	2024
Makanan & Minuman	4.6	1.1
Minuman Alkohol & Tembakau	0.5	0.2
Pakaian & Kasut	-0.8	0.5
Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain	1.4	2.9
Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah	2.4	1.0
Kesihatan	2.1	1.5
Pengangkutan	1.8	0.8
Maklumat & Komunikasi	-1.7	-0.7
Rekreasi, Sukan & Kebudayaan	0.6	1.0
Pendidikan	1.1	1.4
Restoran & Perkhidmatan Penginapan	3.5	0.7
Insurans & Perkhidmatan Kewangan	1.2	0.0
Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan	2.0	3.3
Keseluruhan	2.4	1.3

Jadual 2.7 : Inflasi tahunan subkumpulan makanan dan minuman, Melaka, 2023-2024

Tahun	2023	2024
Makanan & Minuman	4.6	1.1
Makanan di rumah	7.2	2.4
Bijirin & produk bijirin	4.3	1.7
Daging	4.9	1.4
Ikan & makanan laut lain	0.2	-3.2
Susu, produk tenusu lain & telur	4.8	0.3
Minyak & lemak	-1.6	-0.2
Buah-buahan & kacang	3.8	0.2
Sayur-sayuran	-1.8	0.7
Gula, manisan & pencuci mulut	3.7	0.0
Makanan sedia dimakan & produk makanan lain t.t.t.l	6.6	2.0

Rencana 2:**Keanjalan harga permintaan terhadap barangan perbelanjaan
asas kehidupan wajar (PAKW) terpilih di negeri Melaka ¹**

Azmi Ali, Nur Izdihar Othman, Nur Arifah Muhamad Ihwal

Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Melaka

1.0 Pengenalan

Keanjalan harga merujuk kepada tahap sensitiviti atau tindak balas perubahan kuantiti diminta terhadap perubahan harga sesuatu barangan, dengan andaian bahawa faktor-faktor lain kekal tidak berubah. Pengukuran keanjalan harga dapat membantu syarikat perniagaan memahami berapa banyak perubahan harga yang akan memberi kesan kepada tingkah laku pembeli di dalam pasaran. Keanjalan harga ini turut menjadi maklumat penting bagi pengguna dalam membuat sesuatu keputusan pembelian berdasarkan penilaian ke atas peningkatan mahupun penurunan harga di pasaran. Keanjalan harga dapat diklasifikasikan kepada dua; keanjalan harga permintaan dan keanjalan harga penawaran.

Keanjalan harga permintaan mencerminkan sejauh mana kuantiti sesuatu barang yang diminta berubah apabila harga barang tersebut berubah. Secara umum, peningkatan harga akan mengurangkan kuantiti diminta, manakala penurunan harga akan meningkatkannya, namun ianya bergantung kepada beberapa faktor penentu sebagai contoh faktor ketahanan, seperti barangan yang tahan lama atau dapat disimpan dalam tempoh masa yang panjang akan mengalami peningkatan permintaan yang tinggi sekiranya terdapat penurunan harga berbanding barangan yang tidak tahan lama. Dari segi jangka masa, perubahan harga pada jangka masa pendek tidak menyebabkan permintaan pengguna berubah dalam kuantiti yang banyak berbanding perubahan harga pada jangka masa panjang. Bilangan kegunaan juga mempengaruhi permintaan pengguna, apabila terdapat peningkatan harga bagi barangan yang mempunyai penggunaan yang banyak, pengguna akan mengurangkan pembelian. Tambahan lagi, faktor-faktor lain seperti tahap ketagihan, jenis barangan (keperluan atau kehendak), ketersediaan barangan pengganti dan nisbah perbelanjaan terhadap pendapatan juga mempengaruhi keanjalan harga permintaan.

Di samping itu, pengeluar juga boleh menyediakan bekalan barangan mengikut bilangan pengeluar dalam pasaran. Semakin tinggi dan mudah kemasukan pengeluar baharu di dalam satu pasaran yang sama, semakin berubah corak bekalan pengeluar. Ketersediaan stok membolehkan pengeluar mengambil tindakan segera untuk mengatur kuantiti bekalan di dalam pasaran ketika harga berubah. Penggunaan faktor pengeluaran terutamanya yang sukar didapati akan menjadikan kuantiti penawaran pengeluar tidak berubah berbanding faktor pengeluaran yang senang diperoleh. Pengukuran keanjalan harga dapat membantu pengeluar memahami berapa banyak perubahan harga yang akan memberi kesan kepada tingkah laku pembeli di dalam pasaran sekaligus meningkatkan margin keuntungan syarikat.

Seterusnya, keperluan asas adalah keperluan minimum urusan yang diperlukan untuk mencapai kehidupan yang selesa di mana ia meliputi keperluan makanan dan bukan makanan. Sebagai contoh di Malaysia, keperluan asas isi rumah adalah makanan, kediaman,

¹ Rencana ini adalah pandangan penulis dan tidak mewakili pandangan dari Jabatan Perangkaan Malaysia

pakaian, pendidikan, bekalan air, elektrik, kosmetik, ubat-ubatan dan nutrisi makanan. Menurut senarai barangan asas di bawah inisiatif Sumbangan Asas Rahmah (SARA) 2025, terdapat 14 kategori barangan utama yang dikenal pasti sebagai keperluan asas rakyat Malaysia. Antara barangan ini termasuklah beras, roti, telur, minyak masak, tepung, biskut, mi segera, makanan dan minuman dalam tin, bahan perasa, produk kebersihan diri, ubat-ubatan, serta peralatan dan keperluan persekolahan.

Konsep Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar (PAKW) merujuk kepada satu amaun perbelanjaan yang diperlukan oleh isi rumah untuk menjalani kehidupan wajar yang dapat memenuhi keperluan dan kehendak termasuklah penyertaan dalam aktiviti sosial dan masyarakat. Kehidupan wajar adalah satu taraf kehidupan bermakna yang memenuhi keperluan dan kehendak serta mengambil bahagian dalam masyarakat. Keperluan merujuk kepada kategori barangan dan perkhidmatan yang penting untuk memastikan kelangsungan hidup secara bermakna. Sementara kehendak pula merupakan barangan dan perkhidmatan pilihan pengguna untuk kehidupan yang lebih selesa. Untuk memenuhi keperluan dan kehendak ini, kemahuan peribadi, kelas sosial dan budaya memainkan peranan. Kehendak pembelian sering dipengaruhi oleh produk atau perkhidmatan yang popular, yang boleh mempengaruhi harga berdasarkan trend dan persaingan dalam pasaran. Penyertaan dalam masyarakat pula bermaksud mengambil bahagian dan melibatkan diri dalam aktiviti formal atau tidak formal dalam masyarakat. Penyertaan dalam masyarakat pula mencerminkan kemampuan isi rumah untuk melibatkan diri dalam aktiviti sosial, baik secara formal mahupun tidak formal.

2.0 Soroton Literatur

2.1 Analisis Akademik: Implikasi Harga Rujukan terhadap Keanjalan Harga Permintaan

Artikel ini membincangkan pelbagai aspek harga rujukan dan kesannya terhadap keanjalan harga permintaan, dengan merujuk kepada pelbagai kajian terdahulu yang menjadi asas kepada analisis tersebut. Definisi harga rujukan, iaitu harga yang berada dalam minda pengguna sebagai asas perbandingan dengan harga di rak bagi sesuatu produk, menjadi titik permulaan perbincangan ini. Konsep ini dikukuhkan oleh kajian terdahulu oleh Winer (1986, 1989), Mayhew dan Winer (1992), serta Kalwani et al. (1990), yang menekankan kepentingan harga rujukan dalam membuat keputusan pengguna.

Kajian yang dirujuk menunjukkan bahawa jurang antara harga rujukan dan harga di rak mempunyai kesan ketara terhadap permintaan pengguna. Apabila harga rujukan lebih tinggi daripada harga di rak, pengguna cenderung merasakan bahawa mereka memperoleh keuntungan, lantas meningkatkan permintaan. Sebaliknya, apabila harga rujukan lebih rendah daripada harga di rak, pengguna merasakan kerugian, yang seterusnya menyebabkan penurunan permintaan. Perubahan ini juga dipengaruhi oleh pengalaman membeli-belah pengguna dari masa ke masa.

Selain itu, artikel ini juga merujuk kepada penyelidikan mengenai kesan asimetrik harga rujukan terhadap permintaan, terutamanya dalam konteks strategi harga. Kajian oleh Fibich et al. (2003) menunjukkan strategi harga optimum dalam situasi di mana kesan asimetrik ini wujud, dengan mencadangkan bahawa peruncit sering menggunakan strategi harga tinggi-rendah untuk memaksimumkan keuntungan.

Dalam perbincangan mengenai keanjalan harga, artikel ini turut menekankan kekurangan penyelidikan mengenai keanjalan harga permintaan dalam konteks harga rujukan serta keperluan untuk memahami bagaimana kesan harga rujukan ini berubah mengikut masa. Kajian ini menegaskan kepentingan membezakan antara keanjalan harga jangka pendek dan jangka panjang. Dalam jangka pendek, keanjalan harga lebih dipengaruhi oleh kesan harga rujukan, manakala dalam jangka panjang, ia lebih selari dengan keanjalan harga biasa.

Tambahan pula, pendekatan permodelan harga rujukan secara diskret turut dibincangkan, dengan menyatakan bahawa pengguna menetapkan harga rujukan dalaman berdasarkan pengalaman harga lalu. Pemahaman terhadap pemodelan ini adalah penting untuk menganalisis bagaimana harga rujukan mengalami perubahan dari masa ke masa dan bagaimana ia mempengaruhi permintaan pengguna.

Akhir sekali, artikel ini turut merujuk kepada beberapa kajian empirikal yang mengesahkan kesan ketara harga rujukan terhadap keanjalan harga. Sebagai contoh, kajian mengenai permintaan mentega kacang menunjukkan bahawa kesan harga rujukan lebih ketara sejurus selepas perubahan harga berbanding kesan harga sebenar.

Secara keseluruhannya, artikel ini menyediakan asas penting untuk memahami hubungan antara harga rujukan dan keanjalan harga. Meskipun kajian-kajian terdahulu telah menyumbang kepada pemahaman isu ini, namun masih terdapat kelemahan dalam penyelidikan sedia ada, khususnya dalam memahami dinamik harga rujukan bagi jangka pendek dan panjang. Justeru, artikel ini menggariskan keperluan untuk kajian lanjut bagi meneroka lebih mendalam mengenai kesan harga rujukan terhadap keanjalan harga permintaan.

3.0 Metodologi

Keanjalan harga permintaan merupakan satu konsep penting dalam ekonomi, di mana ia mengukur tindak balas kuantiti yang diminta terhadap perubahan harga sesuatu barang atau perkhidmatan. Keanjalan harga ini memberikan maklumat yang penting kepada pembuat dasar dan peniaga dalam memahami dinamik pasaran serta kesan daripada perubahan harga ke atas permintaan pengguna.

Metodologi kajian ini merangkumi dua komponen utama, iaitu sumber data dan kaedah pengiraan keanjalan harga permintaan. Kajian ini menggunakan data sekunder yang diperoleh daripada Survei Perbelanjaan Isi Rumah (HES) 2019 serta data purata harga yang dikumpulkan melalui Indeks Harga Pengguna (IHP). Data yang digunakan meliputi purata harga dan kuantiti bagi tahun 2019 dan 2022, yang menjadi asas kepada pengiraan keanjalan harga permintaan.

3.1 Kaedah Pengiraan Keanjalan Harga

Pengiraan keanjalan antara harga dan kuantiti dilakukan berdasarkan konsep keanjalan harga dalam ekonomi, yang mengukur tahap sensitiviti permintaan atau penawaran sesuatu barangan terhadap perubahan harga. Keanjalan harga ditakrifkan sebagai nisbah perubahan peratusan dalam kuantiti yang diminta atau dibekalkan kepada perubahan peratusan dalam harga barangan tersebut.

Secara khusus, keanjalan harga permintaan merujuk kepada peratus perubahan dalam kuantiti yang diminta terhadap peratus perubahan dalam harga, iaitu:

$$E_d = \frac{\% \Delta Q_d}{\% \Delta P}$$

Di mana:

- E_d = keanjalan harga permintaan
- $\% \Delta Q_d$ = perubahan peratusan dalam kuantiti yang diminta,
- $\% \Delta P$ = perubahan peratusan dalam harga.

Kajian ini memberi tumpuan khusus kepada pengiraan keanjalan harga permintaan, bertujuan untuk menganalisis bagaimana perubahan harga memberi kesan kepada jumlah permintaan bagi barangan tertentu dalam kalangan isi rumah. Untuk memastikan ketepatan pengiraan keanjalan antara dua tempoh masa yang berbeza, kajian ini menggunakan kaedah keanjalan busur. Formula ini lebih sesuai apabila data yang digunakan mewakili purata harga dan kuantiti dalam dua tempoh, iaitu sebelum (2019) dan selepas (2022) perubahan harga berlaku.

Formula keanjalan busur yang digunakan adalah seperti berikut:

$$E_d = \frac{(Q_2 - Q_1)}{(Q_2 + Q_1)/2} \div \frac{(P_2 - P_1)}{(P_2 + P_1)/2}$$

Di mana:

- Q_1 dan Q_2 = kuantiti yang diminta pada tahun 2019 dan 2022,
- P_1 dan P_2 = harga purata pada tahun 2019 dan 2022.

Nilai keanjalan yang diperoleh kemudiannya digunakan untuk mengkategorikan tindak balas pengguna terhadap perubahan harga, iaitu sama ada permintaan adalah:

- **Anjal** ($E_d > 1$); Perubahan kecil dalam harga memberi kesan perubahan besar dalam kuantiti diminta
- **Tidak Anjal** ($E_d < 1$); Perubahan besar dalam harga memberi kesan perubahan kecil dalam kuantiti diminta
- **Tidak Anjal Sempurna** ($E_d = 0$); Kuantiti diminta tidak berubah apabila harga berubah

Secara keseluruhannya, metodologi ini menunjukkan bahawa keanjalan harga permintaan adalah alat yang penting dalam memahami tingkah laku pengguna dan dinamika pasaran. Dengan menggunakan data yang sahih dan kaedah pengiraan yang tepat, kajian ini memberi pandangan mendalam tentang bagaimana perubahan harga mempengaruhi permintaan bagi barangan keperluan asas dan kehendak di Melaka. Penemuan ini boleh menjadi panduan kepada pembuat dasar dalam menentukan dasar harga yang berkesan serta membantu peniaga dalam membuat keputusan perniagaan yang lebih baik.

4.0 Hasil Kajian

Keanjalan harga merupakan konsep penting dalam ekonomi yang menggambarkan sejauh mana permintaan terhadap sesuatu barang atau perkhidmatan berubah apabila berlaku perubahan harga. Dalam konteks keperluan asas dan kehendak, kajian ini memberikan pandangan yang signifikan tentang bagaimana pengguna bertindak balas terhadap perubahan harga, serta implikasinya terhadap pasaran dan ekonomi secara keseluruhan.

Keanjalan harga barangan perbelanjaan asas kehidupan wajar dinilai berdasarkan purata harga dan purata kuantiti pada tahun 2019 dan 2022. Antara barangan perbelanjaan asas kehidupan yang wajar termasuklah makanan harian, pakaian asas, tempat tinggal, air bersih, elektrik, pendidikan asas dan perkhidmatan kesihatan. Kajian ini adalah berdasarkan barangan



perbelanjaan terpilih yang dipecahkan kepada kategori Makanan, Pakaian, Pengangkutan dan Penjagaan diri. Dapatan data berdasarkan senarai barangan terpilih keperluan asas dan kehendak dinyatakan di bawah.

Keanjalan harga makanan untuk bayam hijau, ikan tongkol, ikan kembung, kubis dan tembikai merah bersifat tidak anjal. Bayam hijau bersifat tidak anjal (-3.1) kerana purata harga meningkat dari RM4.32 kepada RM5.44 dan purata kuantiti menurun kepada 0.4 dari 0.7. Ikan tongkol bersifat tidak anjal (-2.9) kerana purata harga meningkat dari RM12.68 kepada RM14.06 menyebabkan purata kuantiti menurun daripada 0.2 kepada 0.1.

Selain itu, ikan kembung bersifat tidak anjal (-1.3) kerana purata harga meningkat dari RM16.05 kepada RM19.19 menyebabkan purata kuantiti menurun daripada 1.0 kepada 0.8 diikuti oleh kubis bersifat tidak anjal (-2.6) kerana peningkatan harga kepada RM5.45 dari RM4.32 dengan purata kuantiti menurun dari 0.9 kepada 0.5 dan tembikai merah mempunyai sifat tidak anjal (-0.1) kerana penurunan kuantiti dari 1.3 kepada 1.0 dan peningkatan harga dari RM2.87 kepada RM3.79.


Nota: Nisbah Keanjalan:

$ex, px > 1$ Anjal

$ex, px < 1$ Tidak Anjal

$ex, px = 0$ Tidak Anjal
Sempurna

KEANJALAN HARGA PAKAIAN



Namun begitu, bihun kering dan oren pula masing-masing mempunyai keanjalan harga makanan bersifat anjal di mana untuk bihun kering (2.2) mempunyai peningkatan harga daripada RM2.70 kepada RM3.03 dan purata kuantiti meningkat dari 0.7 kepada 0.9 dan oren (1.5) mempunyai peningkatan harga dari RM1.11 kepada RM1.37 dengan peningkatan kuantiti kepada 1.9 dari 1.4


Nota: Nisbah Keanjalan:

$ex, px > 1$ Anjal

$ex, px < 1$ Tidak Anjal

$ex, px = 0$ Tidak Anjal
Sempurna


KEANJALAN HARGA PENGANGKUTAN



Bagi barangan pakaian pula, keanjalan harga selipar (-2.0) dan skaf/tudung (-0.9) bersifat tidak anjal, manakala kemeja lengan panjang/pendek – telah siap (2.8) bersifat anjal. Selipar bersifat tidak anjal kerana purata harga meningkat daripada RM6.87 kepada RM8.72 menyebabkan purata kuantiti menurun daripada 0.6 kepada 0.3 manakala skaf/tudung bersifat tidak anjal disebabkan oleh purata harga meningkat daripada RM7.57 kepada RM15.60 menyumbang kepada penurunan purata kuantiti daripada 1.0 kepada 0.5. Namun demikian, kemeja lengan panjang/pendek – telah siap pula bersifat anjal lantaran peningkatan purata harga daripada RM97.99 kepada RM105.80 dan purata kuantiti kepada 0.1 dari 0.09.

Keanjalan harga bagi barang pengangkutan berada dalam julat nisbah (-0.3) hingga (2.1). Tayar kereta-baru dan perkhidmatan mencuci/menggilap kereta adalah bersifat tidak anjal dengan nisbah masing-masing (0.6) dan (-0.3). Tayar kereta-baru menunjukkan peningkatan purata harga daripada RM143.68 kepada RM156.44 dengan nilai purata kuantiti sama kedua-dua tahun iaitu 0.1. Manakala perkhidmatan mencuci/menggilap kereta menunjukkan peningkatan purata harga meningkat kepada RM12.99 daripada RM11.48 dengan purata kuantiti menurun dari 1.1 kepada 1.0.

Selain itu, minyak enjin adalah bersifat anjal dengan nisbah (2.1) dengan purata harga minyak enjin meningkat daripada RM80.20 kepada RM89.95 dengan purata kuantiti meningkat kepada 0.11 dari 0.10. Namun begitu, keanjalan harga basikal adalah bersifat tidak anjal sempurna (0.0) di mana purata harga meningkat dari RM331.98 kepada RM471.11 dengan nilai purata kuantiti sama kedua-dua tahun iaitu 0.01.



Keanjalan harga penjagaan diri iaitu beg tangan wanita dan set kosmetik adalah bersifat tidak anjal. Beg tangan wanita bersifat tidak anjal (-1.2) kerana purata harga meningkat dari RM108.09 kepada RM168.18 menyebabkan purata kuantiti menurun daripada 0.11 kepada 0.07. Set kosmetik pula bersifat tidak anjal (-1.6) dengan peningkatan purata harga RM56.40 kepada RM66.37 dan peningkatan purata kuantiti dari 0.11 kepada 0.08.

Selain itu, perkhidmatan menggunting dan mendandan rambut (lelaki) bersifat tidak anjal sempurna (0.0) kerana purata harga meningkat daripada RM10.85 kepada RM12.50 dengan nilai purata kuantiti yang sama untuk kedua-dua tahun iaitu 0.7. Walau bagaimanapun, perkhidmatan menggunting dan mendandan rambut (wanita) adalah bersifat anjal (2.2) kerana purata harga meningkat daripada RM17.76 kepada RM20.02 dan purata kuantiti meningkat daripada 0.4 kepada 0.6.

5.0 Kesimpulan

Hasil kajian ini mengesahkan bahawa konsep keanjalan harga permintaan memainkan peranan yang sangat signifikan dalam memahami tingkah laku pengguna serta perubahan dinamik permintaan dalam pasaran, khususnya bagi barangan perbelanjaan asas kehidupan wajar. Keanjalan harga permintaan mengukur tahap sensitiviti perubahan kuantiti yang diminta terhadap perubahan harga, dan didapati bahawa kebanyakan barangan keperluan menunjukkan ciri permintaan yang tidak anjal. Ini menunjukkan bahawa perubahan harga yang ketara akan membawa kepada perubahan dalam kuantiti yang diminta, di mana peningkatan harga sesuatu barangan lazimnya menyebabkan penurunan dalam jumlah permintaan terhadap barangan tersebut.

Faktor-faktor seperti jenis barangan (sama ada keperluan atau kehendak), ketersediaan barangan pengganti, jangka hayat dan ketahanan barangan, tempoh masa dan bilangan kegunaan telah dikenal pasti sebagai penentu utama kepada tahap keanjalan. Barangan asas seperti makanan, ubat-ubatan dan keperluan harian yang tergolong dalam kategori perbelanjaan garis wajar menunjukkan kebergantungan tinggi pengguna terhadapnya, menyebabkan permintaan tidak mudah berubah meskipun berlaku turun naik harga.

Dapatan ini memberikan implikasi penting kepada pembuat dasar, khususnya dalam merangka dasar harga yang adil dan menyokong keperluan hidup rakyat berpendapatan rendah. Peniaga dan pengeluar juga boleh menggunakan maklumat keanjalan ini untuk menetapkan harga secara strategik, mengoptimumkan keuntungan tanpa menjejaskan permintaan secara ketara. Tambahan pula, hasil kajian ini menunjukkan kepentingan untuk mempertimbangkan persepsi harga pengguna termasuk harga rujukan dalam strategi penetapan harga, terutamanya dalam jangka pendek di mana respons pengguna lebih dipengaruhi oleh faktor psikologi dan pengalaman lampau.

Secara keseluruhannya, kajian ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam mengenai hubungan antara perubahan harga dan permintaan pengguna terhadap barangan asas di Malaysia, khususnya di Melaka. Ia juga menggariskan keperluan untuk penyelidikan lanjut mengenai kesan keanjalan dalam jangka panjang, serta integrasi unsur sosioekonomi dan demografi yang mungkin turut mempengaruhi pola perbelanjaan isi rumah. Penemuan ini diharap dapat menjadi asas rujukan yang berguna dalam merancang intervensi pasaran, perlindungan pengguna dan penambahbaikan dasar kebajikan rakyat.

6.0 Rujukan

- AE 015 MIKROEKONOMI. (2021, August 2). BAB 3: KEANJALAN PERMINTAAN & PENAWARAN - Membalik Buku Halaman 1-50 | AnyFlip | AE 015 MIKROEKONOMI. Anyflip.com; AE 015 MIKROEKONOMI. <https://anyflip.com/eeyae/vnrf/basic>
- BERNAMA. (2024, February 11). *DOSM Terbit Laporan KSH 2023, Bangunkan Kalkulator MyPAKW*. BERNAMA. <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2358922>
- Rencana: Keanjalan Harga Bagi Barang dan Perkhidmatan Terpilih, Sorotan... (2025). Perplexity AI. <https://www.perplexity.ai/search/rencana-keanjalan-harga-bagi-perkhidmatan-terpilih/>
- Khalid, M. (2025). *Bab 2 pasaran (keanjalan harga permintaan)*. SlideShare; Slideshare. <https://www.slideshare.net/slideshow/bab-2-pasaran-keanjalan-harga-permintaan/238994437>
- KEMENTERIAN KEWANGAN. (n.d.). <https://www.parlimen.gov.my/ipms/eps/2023-10-13/CMD31.2023BM.pdf>
- linda. (2023). *JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA TERBIT LAPORAN INDIKATOR KOS SARA HIDUP (KSH) 2023, BANGUNKAN KALKULATOR MYPAKW*. Portal Rasmi Jabatan Penerangan Malaysia. <https://www.penerangan.gov.my/jabatan-perangkaan-malaysia-terbit-laporan-indikator-kos-sara-hidup-ksh-2023-bangunkan-kalkulator-mypakw/>
- Rusli, F. (2025, June 9). *UPDATED: Ini Senarai Barang MyKasih RM200 Yang Anda Boleh Tebus Sekarang! - Bantuan Baru*. Bantuan. <https://bantuanbaru.my/senarai-barang-mykasih/>
- Pandai. (2025). *Keanjalan Harga*. Pandai. https://app.pandai.org/note/read/kssm-ek-10-02-02/kssm-f4-ek-02/keanjalan-harga?utm_source=

BAB 3

STATISTIK DEMOGRAFI & SOSIAL

BAB 3

STATISTIK DEMOGRAFI & SOSIAL PENDUDUK



Bilangan dan kadar pertumbuhan penduduk

Penduduk Melaka meningkat daripada 1.03 juta pada tahun 2023 kepada 1.05 juta pada tahun 2024 dengan kadar pertumbuhan penduduk tahunan 1.8 peratus. Komposisi penduduk warganegara pada tahun 2024 adalah 91.2 peratus daripada keseluruhan penduduk Melaka.

Jadual 3.1 : Bilangan dan kadar pertumbuhan penduduk tahunan, Melaka, 2020-2024

Penduduk	2020	2021	2022	2023	2024 ^p
Bilangan penduduk ('000)	998.4	1,004.5	1,008.6	1,028.3	1,047.1
Kadar pertumbuhan penduduk tahunan (%)	-	0.6	0.4	1.9	1.8

Struktur umur

Struktur umur penduduk dikategorikan kepada tiga kumpulan umur utama iaitu umur muda, umur bekerja dan umur tua. Pada tahun 2024, peratusan penduduk kumpulan umur bekerja dan umur tua masing-masing meningkat kepada 70.9 peratus (2023: 70.5%) dan 6.8 peratus (2023: 6.7%) manakala peratusan penduduk kumpulan umur muda mencatatkan penurunan kepada 22.3 peratus (2022: 22.8 %).

Jadual 3.2 : Struktur umur penduduk, Melaka, 2023-2024

Kumpulan umur	2023 (%)	2024 ^p (%)
Penduduk berumur 0-14 tahun (umur muda)	22.8	22.3
Penduduk berumur 15-64 tahun (umur bekerja)	70.5	70.9
Penduduk berumur 65 tahun dan lebih (umur tua)	6.7	6.8

1.05 juta

Penduduk
Melaka,
2024^p

Warganegara

**91.2% (2024^p)
92.2% (2023)**

**Bukan
Warganegara**
**8.8% (2024^p)
7.8% (2023)**

Nisbah jantina

Nisbah jantina penduduk Melaka meningkat daripada 111 lelaki bagi setiap 100 perempuan pada tahun 2023 dan 113 lelaki bagi setiap 100 perempuan pada tahun 2024.




Nisbah tanggungan

Nisbah tanggungan jumlah penduduk Melaka menurun kepada 41.0 pada tahun 2024 berbanding 42.0 pada tahun 2023. Nisbah tanggungan umur muda menurun daripada 32.4 pada tahun 2023 kepada 31.5 pada tahun 2024 manakala nisbah tanggungan umur tua kekal sama 9.5 bagi tahun 2023 dan 2024.

Jadual 3.3 : Nisbah tanggungan, Melaka, 2023-2024

Nisbah tanggungan	2023	2024 ^p
Umur muda	32.4	31.5
Umur tua	9.5	9.5
Jumlah	41.9	41.0



Kumpulan etnik warganegara

Pada tahun 2024, peratusan Bumiputera mencatatkan peningkatan kepada 72.6 peratus (2023: 72.4%). Peratusan Cina pula menunjukkan penurunan kepada 21.3 peratus (2023: 21.5%) manakala peratusan India dan etnik Lain-lain masing-masing kekal sama pada 5.5 peratus dan 0.6 peratus daripada keseluruhan penduduk warganegara di Melaka.


Jadual 3.4 : Penduduk mengikut kumpulan etnik warganegara, Melaka, 2023-2024

Kumpulan etnik warganegara Melaka	2023 (%)	2024 ^p (%)
Bumiputera	72.4	72.6
Cina	21.5	21.3
India	5.5	5.5
Etnik Lain	0.6	0.6




Penduduk mengikut daerah pentadbiran

Melaka Tengah mempunyai bilangan penduduk tertinggi pada tahun 2024 berbanding dua daerah pentadbiran yang lain dengan jumlah penduduk sebanyak 630.1 ribu diikuti daerah pentadbiran Alor Gajah (260.5 ribu) dan Jasin (156.4 ribu). Daerah pentadbiran Melaka Tengah mencatatkan bilangan penduduk tertinggi bagi lelaki dan perempuan pada tahun 2024 iaitu masing-masing seramai 335.5 ribu dan 294.6 ribu.

Carta 3.1 : Penduduk mengikut daerah pentadbiran, Melaka, 2024

630.1 ribu
Melaka Tengah
 mencatatkan bilangan
 penduduk tertinggi,
 2024^P

Paparan 3.1 : Penduduk mengikut jantina dan daerah pentadbiran, Melaka, 2024 ('000)

156.4 ribu
Jasin
 mencatatkan bilangan
 penduduk terendah,
 2024^P

Nota:

1. Anggaran penduduk pertengahan tahun berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020.
2. Hasil tambah mungkin berbeza disebabkan oleh pembundaran.
3. ^P Permulaan

KELAHIRAN HIDUP

13.2


Kadar kelahiran kasar
bagi setiap 1,000
penduduk, 2023



Kadar kelahiran kasar

Kadar kelahiran kasar di Melaka merekodkan peningkatan daripada 13.0 kelahiran pada 2022 kepada 13.2 kelahiran pada 2023 bagi setiap 1,000 penduduk. Kadar kelahiran kasar bagi lelaki dan perempuan pada tahun 2023 turut menunjukkan peningkatan berbanding 2022 iaitu masing-masing daripada 12.8 kelahiran kepada 12.9 kelahiran dan daripada 13.3 kelahiran kepada 13.6 kelahiran bagi setiap 1,000 penduduk.

Carta 3.2 : Kadar kelahiran kasar, Melaka, 2011-2023


16.5

Bumiputera
Kadar kelahiran kasar
tertinggi bagi setiap
1,000 penduduk, 2023



Kadar kelahiran kasar mengikut kumpulan etnik

Bumiputera merekodkan kadar kelahiran kasar tertinggi pada tahun 2023 dengan 16.5 kelahiran bagi setiap 1,000 penduduk, manakala Etnik Lain merekodkan kadar terendah dengan 3.5 kelahiran. Kadar kelahiran kasar bagi etnik Cina dan etnik India pada tahun 2023 masing-masing dengan 7.0 kelahiran dan 10.2 kelahiran bagi setiap 1,000 penduduk.

Jadual 3.5 : Kadar kelahiran kasar mengikut kumpulan etnik, Melaka, 2017-2023 (setiap 1,000 penduduk)

Kumpulan etnik	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023
Bumiputera	19.6	19.6	19.0	17.2	16.6	16.3	16.5
Cina	8.7	8.3	8.1	7.8	6.5	6.3	7.0
India	11.1	11.1	11.0	10.7	8.6	9.1	10.2
Etnik Lain ¹	5.3	4.8	5.1	3.9	3.3	3.5	3.5



¹Termasuk bukan warganegara

Bilangan kelahiran hidup dan kadar kelahiran kasar mengikut daerah pentadbiran

Daerah Melaka Tengah merekodkan bilangan kelahiran hidup tertinggi dengan 7,921 kelahiran manakala yang terendah direkodkan di Jasin dengan 2,441 kelahiran. Kadar kelahiran kasar tertinggi direkodkan di Jasin dengan 15.8 kelahiran bagi setiap 1,000 penduduk, manakala yang terendah direkodkan di Alor Gajah dengan 12.6 kelahiran.




Paparan 3.2 : Bilangan kelahiran hidup dan kadar kelahiran kasar mengikut daerah pentadbiran, Melaka, 2023 (setiap 1,000 penduduk)




KESUBURAN

Kadar kesuburan jumlah




Kadar kesuburan jumlah bagi Melaka pada 2023 tidak berubah iaitu 1.7 anak bagi setiap perempuan berumur 15-49 tahun. **Carta 3.3** menunjukkan kadar kesuburan jumlah bagi Melaka berada di bawah paras penggantian iaitu purata 2.1 anak bagi setiap perempuan umur reproduktif (15-49 tahun).

Carta 3.3 : Kadar kesuburan jumlah, Melaka, 2011-2023



Kadar kesuburan jumlah mengikut kumpulan etnik

Bumiputera merekodkan kadar kesuburan jumlah tertinggi pada tahun 2022 iaitu 2.0 anak bagi setiap perempuan berumur 15-49 tahun, manakala kadar terendah direkodkan oleh Etnik Lain iaitu 0.6 anak. Kadar kesuburan jumlah bagi Cina dan India pada tahun 2022 masing-masing adalah 0.9 anak dan 1.2 anak bagi setiap perempuan berumur 15-49 tahun.



Jadual 3.6 : Kadar kesuburan jumlah mengikut kumpulan etnik, Melaka, 2017-2023 (setiap wanita berumur 15-49 tahun)

Kumpulan etnik	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023
Bumiputera	2.3	2.2	2.1	2.2	2.1	2.0	2.0
Cina	1.2	1.2	1.1	1.1	0.9	0.9	0.9
India	1.4	1.4	1.4	1.4	1.1	1.2	1.2
Etnik lain ¹	0.6	0.5	0.6	0.9	0.7	0.6	0.6


¹Termasuk bukan warganegara

KEMATIAN

Bilangan dan kadar kematian

Bilangan kematian di Melaka direkodkan sebanyak 6,190 kematian di Melaka pada tahun 2023 menurun 6.7 peratus berbanding kematian pada tahun 2022 (6,635 kematian). Kadar kematian kasar adalah 6.0 kematian bagi setiap 1,000 penduduk (2022: 6.6 kematian).

Carta 3.4 : Bilangan kematian dan kadar kematian kasar, Melaka, 2010-2023 (setiap 1,000 penduduk)




Jadual 3.7 : Bilangan kematian dan kadar kematian kasar, Melaka, 2017-2023 (setiap 1,000 penduduk)

Kematian	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023
Jumlah kematian	5,523	5,407	5,547	5,452	7,094	6,635	6,190
Kadar kematian kasar (Lelaki)	6.7	6.6	6.6	5.9	7.5	6.9	6.4
Kadar kematian kasar (Perempuan)	5.4	5.1	5.3	5.0	6.6	6.2	5.6

Kematian bayi

Kadar kematian bayi pada tahun 2023 adalah 6.6 kematian bagi setiap 1,000 kelahiran hidup, menurun 0.1 mata berbanding 6.7 kematian bagi setiap 1,000 kelahiran hidup pada tahun 2022

Carta 3.5 : Kadar kematian bayi, Melaka, 2010-2023



7.1 kematian

Bagi tempoh 2010-2023 kadar kematian kasar tertinggi bagi setiap 1,000 penduduk adalah pada tahun 2021

Jumlah Kematian

Lelaki
3,456 (55.8%)

Perempuan
2,734 (44.2%)

6.6 kematian

Kadar kematian bayi bagi setiap 1,000 kelahiran hidup pada tahun 2023


Nisbah mortaliti ibu bersalin

Nisbah mortaliti ibu bersalin pada tahun 2023 meningkat kepada 29.4 kematian bagi setiap 100,000 kelahiran hidup berbanding 15.3 kematian pada tahun 2022.

75.8 kematian

Nisbah mortaliti ibu bersalin tertinggi, 2021 bagi setiap 100,000 kelahiran hidup dalam tempoh 2010-2023

Carta 3.6 : Nisbah mortaliti ibu bersalin, Melaka, 2010-2023



Kadar kematian mengikut kumpulan etnik

Etnik Cina merekodkan kadar kematian kasar tertinggi iaitu 8.9 kematian bagi setiap 1,000 penduduk pada tahun 2023, manakala Etnik Lain merekodkan kadar terendah iaitu 1.7 kematian. Kadar kematian kasar bagi Bumiputera dan India masing-masing pada tahun 2023 adalah 5.5 dan 8.6 bagi setiap 1,000 penduduk.

Jadual 3.8 : Kadar kematian kasar mengikut etnik, Melaka, 2017-2023 (setiap 1,000 penduduk)

Etnik	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023
Bumiputera	5.6	5.5	5.6	4.9	6.6	6.0	5.5
Cina	7.6	7.1	7.5	8.1	9.6	9.4	8.9
India	8.0	7.8	7.5	7.7	9.6	9.6	8.6
Etnik Lain ¹	2.8	2.3	2.4	1.4	2.7	1.8	1.7

¹Termasuk bukan warganegara


8.9 kematian

Cina
Kadar kematian tertinggi bagi setiap 1,000 penduduk, 2023


Sebab kematian utama (disahkan secara perubatan)

Penyakit jantung iskemia merupakan sebab kematian yang mencatatkan peratusan kematian tertinggi iaitu 17.7 peratus (628 kematian). Ini diikuti oleh radang paru-paru dan penyakit serebrovaskular iaitu masing-masing 11.5 peratus dan 6.9 peratus.

Paparan 3.3 : Tiga sebab kematian utama yang disahkan secara perubatan, Melaka, 2023




Nota: Statistik adalah merujuk kepada sebab kematian yang disahkan secara perubatan.



Sebab kematian utama tidak disahkan secara perubatan, 2023

Tiga sebab kematian utama tidak disahkan secara perubatan pada tahun 2023 adalah sakit tua (65 tahun dan lebih) iaitu 1,328 kematian (50.3%) yang melibatkan 42.7 peratus lelaki dan 58.0 peratus perempuan. Ini diikuti oleh kencing manis dan darah tinggi dengan masing-masing sebanyak 6.7 peratus dan 5.3 peratus.

Paparan 3.4 : Tiga sebab kematian utama yang tidak disahkan secara perubatan, Melaka, 2023




Nota: Statistik adalah merujuk kepada sebab kematian yang tidak disahkan secara perubatan.




Bilangan dan kadar kematian kasar mengikut daerah pentadbiran

Daerah Melaka Tengah mencatatkan bilangan kematian tertinggi pada tahun 2023 iaitu 3,492 kematian manakala daerah Jasin mencatatkan bilangan kematian terendah iaitu 1,127 kematian. Namun begitu, kadar kematian kasar tertinggi direkodkan di Jasin iaitu pada kadar 7.3 kematian bagi setiap 1,000 penduduk manakala kadar terendah dicatatkan di Melaka Tengah iaitu pada kadar 5.7 kematian bagi setiap 1,000 penduduk.



Paparan 3.5 : Bilangan dan kadar kematian kasar mengikut daerah pentadbiran, Melaka, 2023




JANGKAAN HAYAT


Jangkaan hayat ketika lahir

Seorang bayi perempuan yang lahir pada tahun 2024 di Melaka dijangka hidup lebih lama sehingga 77.0 tahun berbanding dengan seorang bayi lelaki, dijangka hidup sehingga 71.8 tahun.

Bagi tahun 2019 sehingga 2022, jangkaan hayat ketika lahir bagi bayi lelaki menurun 1.7 tahun dan perempuan menurun 2.2 tahun. Walau bagaimanapun, pada tahun 2023, jangkaan hayat ketika lahir bagi bayi lelaki dan bayi perempuan masing-masing meningkat 1.0 tahun.



Paparan 3.6 : Jangkaan hayat ketika lahir mengikut jantina, Melaka, 2019-2024




^p Permulaan
^e Anggaran

2019: Berasaskan kepada data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010
2020-2024 : Berasaskan kepada data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020


Jangkaan hayat pada umur 15 tahun

Lelaki dan perempuan yang mencapai umur 15 tahun pada tahun 2024 dijangka hidup selama 57.5 tahun dan 62.6 tahun lagi. Ini bermakna, lelaki pada umur 15 tahun dijangka hidup sehingga 72.5 tahun dan perempuan dijangka hidup sehingga 77.6 tahun.

Paparan 3.7 : Jangkaan hayat pada umur 15 tahun mengikut jantina, Melaka, 2019-2024



^p Permulaan
^e Anggaran
2019 : Berasaskan kepada data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010
2020-2024 : Berasaskan kepada data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020




Jangkaan hayat pada umur 65 tahun


Lelaki dan perempuan yang berumur 65 tahun masing-masing dijangka hidup selama 14.2 tahun dan 16.5 tahun lagi. Ini bermakna, seorang lelaki yang berumur 65 tahun dijangka hidup sehingga 79.2 tahun dan perempuan sehingga 81.5 tahun.

Bagi tempoh 2019 sehingga 2024, perbezaan jangkaan hayat pada umur 65 tahun antara lelaki dan perempuan adalah di antara 2.1 hingga 2.4 tahun.

Paparan 3.8 : Jangkaan hayat pada umur 65 tahun mengikut jantina, Melaka, 2019-2024



^p Permulaan
^e Anggaran
2019 : Berasaskan kepada data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010
2020-2024 : Berasaskan kepada data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020





MIGRASI




MIGRASI MALAYSIA

Penduduk berumur satu tahun dan ke atas yang telah berhijrah pada tahun 2023 menurun kepada 158.8 ribu orang (2020: 484.1 ribu orang). Kadar migrasi menurun kepada 0.5 peratus berbanding 1.5 peratus pada 2020.

Migrasi dalam negeri meningkat kepada 62.3 peratus pada 2022 berbanding 58.4 peratus pada 2020. Sebaliknya, migrasi antara negeri menunjukkan penurunan 0.9 mata peratus daripada 31.2 peratus pada 2020 kepada 30.3 peratus pada 2022.

Sementara itu, migrasi antarabangsa dari luar negara ke Malaysia menurun kepada 7.4 peratus pada 2022 berbanding 10.4 peratus pada 2020.

Carta 3.7 : Penduduk berumur 1 tahun dan lebih mengikut status migrasi, Malaysia, 2022 dan 2024



MIGRASI NEGERI MELAKA

Kadar migrasi Melaka

Melaka mencatatkan kadar migrasi 0.1 peratus pada tahun 2022 berbanding 2.2 peratus pada tahun 2020. Peratusan migrasi Melaka datangnya daripada migrasi antara negeri iaitu 61.1 peratus dan diikuti migrasi dalam negeri (38.9%).

Migrasi antara negeri


Peratusan migrasi antara negeri bagi Melaka ialah 61.1 peratus pada tahun 2022, meningkat berbanding 44.7 peratus pada tahun 2020.

Nisbah keberkesanan migrasi

Melaka mencatatkan nisbah keberkesanan migrasi positif pada 2022 iaitu 15.4 peratus. Ini menunjukkan penduduk Melaka bertambah seramai 15 orang bagi setiap 100 orang migrasi kasar berbanding 2020 (26.2%).

Migrasi antara negeri mengikut aliran migrasi

Peratusan migrasi antara negeri dari bandar ke bandar di Melaka adalah lebih tinggi iaitu 64.2 peratus berbanding dari bandar ke luar bandar (35.8%).



Nota:

Data migrasi bersih dan data migrasi mengikut negeri asal dan destinasi bagi Melaka tidak dapat dikeluarkan disebabkan nilai relatif yang tinggi. Nisbah keberkesanan migrasi bagi Melaka tertakluk kepada ralat piawai relatif yang tinggi dan perlu diguna dengan berhati-hati.



TENAGA BURUH


Tenaga Buruh

Tenaga buruh di Melaka meningkat 3.4 peratus pada tahun 2024 berbanding tahun sebelumnya (2023: 2.7%). Sejumlah 525.4 ribu orang tenaga buruh direkodkan pada tahun 2024 berbanding 508.1 ribu orang pada tahun 2023. Dalam tempoh yang sama, bilangan penduduk bekerja turut meningkat kepada 517.0 ribu orang pada tahun 2024 daripada 499.8 ribu orang pada tahun 2023.

525.4 ribu

Tenaga buruh di
Melaka, 2024

Carta 3.8 : Tenaga buruh dan penduduk bekerja, Melaka, 2020-2024




517.0 ribu

Bilangan
penduduk bekerja,
2024

Penduduk bekerja

Kategori pekerja perkhidmatan & jualan mendominasi penduduk bekerja di Melaka dengan peratus sumbangan sebanyak 24.3 peratus pada tahun 2024. Ini diikuti oleh kategori operator loji dan mesin serta pemasangan dan juruteknik dan profesional bersekutu dengan peratus sumbangan masing-masing 15.6 peratus dan 12.7 peratus. Sementara itu, kategori pekerja mahir yang merangkumi kategori pengurus, profesional dan juruteknik & profesional bersekutu meliputi 29.5 peratus daripada keseluruhan pekerja di Melaka.



Jadual 3.9 : Penduduk bekerja mengikut kategori pekerjaan, Melaka, 2020-2024

Kategori pekerjaan	Bilangan ('000)				
	2020 ^r	2021 ^r	2022 ^r	2023	2024
Pengurus	20.1	16.0	26.3	28.4	25.5
Profesional	63.6	75.9	60.3	67.5	61.1
Juruteknik & profesional bersekutu	57.5	70.1	69.3	70.8	65.8
Pekerja sokongan perkeranian	38.3	49.2	41.0	46.3	56.3
Pekerja perkhidmatan & jualan	107.9	100.4	118.4	115.4	125.8
Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan & perikanan	8.6	4.7	6.4	16.4	3.7
Pekerja kemahiran & pekerja pertukangan yang berkaitan	38.7	30.1	42.4	33.1	39.0
Operator mesin & loji dan pemasang	76.9	68.1	66.8	67.8	80.5
Pekerja asas	42.2	55.2	51.7	54.0	59.2
Jumlah	453.8	469.6	486.3	499.8	517.0

Kategori pekerjaan	Komposisi (%)				
	2020 ^r	2021 ^r	2022 ^r	2023	2024
Pengurus	4.4	3.4	5.4	5.7	4.9
Profesional	14.0	16.2	13.2	13.5	11.8
Juruteknik & profesional bersekutu	12.7	14.9	14.2	14.2	12.7
Pekerja sokongan perkeranian	8.4	10.5	8.4	9.3	10.9
Pekerja perkhidmatan & jualan	23.8	21.4	24.4	23.1	24.3
Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan & perikanan	1.9	1.0	1.3	3.3	0.7
Pekerja kemahiran & pekerja pertukangan yang berkaitan	8.5	6.4	8.7	6.6	7.5
Operator mesin & loji dan pemasang	16.9	14.5	13.7	13.6	15.6
Pekerja asas	9.3	11.7	10.9	10.8	11.4
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

Seramai 317.8 ribu orang pekerja (61.5%) tertumpu di sektor Perkhidmatan pada tahun 2024 dan diikuti oleh sektor Pembuatan yang merangkumi 137.6 ribu orang (26.6%), Pembinaan (45.6 ribu; 8.8%) dan Pertanian (15.3 ribu; 3.0%). Sektor Perlombongan dan pengkuarian mencatatkan bilangan pekerja terendah iaitu seramai 0.8 ribu orang (0.1%).

166.7 ribu

Bilangan pekerja mahir, 2024



61.5%

Pekerja di sektor Perkhidmatan catat peratusan tertinggi, 2024

317.8 ribu

Pekerja tertumpu pada
sektor **Perkhidmatan**,
2024

0.8 ribu

Sektor **Perlombongan
& pengkuarian**
Bilangan pekerja
terendah, 2024

70.6%

Kadar
Penyertaan tenaga buruh
di **Melaka**, 2024

1.6%

Kadar
pengangguran di
Melaka, 2024


Jadual 3.10 : Penduduk bekerja mengikut sektor, Melaka, 2020-2024

Sektor	Bilangan ('000)				
	2020 ^r	2021 ^r	2022 ^r	2023	2024
Pertanian	22.9	20.1	20.8	20.3	15.3
Perlombongan dan pengkuarian	2.5	3.0	3.1	1.2	0.8
Pembuatan	114.8	111.7	110.8	109.7	137.6
Pembinaan	31.5	32.5	38.5	35.4	45.6
Perkhidmatan	282.1	302.2	313.1	333.1	317.8
Jumlah	453.8	469.6	486.3	499.8	517.0

Sektor	Komposisi (%)				
	2020 ^r	2021 ^r	2022 ^r	2023	2024
Pertanian	5.1	4.3	4.3	4.1	3.0
Perlombongan dan pengkuarian	0.6	0.6	0.6	0.2	0.1
Pembuatan	25.3	23.8	22.8	22.0	26.6
Pembinaan	6.9	6.9	7.9	7.1	8.8
Perkhidmatan	62.2	64.4	64.4	66.7	61.5
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

Kadar penyertaan tenaga buruh dan kadar pengangguran

Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) di Melaka meningkat 0.5 mata peratus daripada 70.1 peratus pada tahun 2023 kepada 70.6 peratus pada tahun 2024. Sementara itu, kadar pengangguran di Melaka kekal seperti tahun sebelumnya dengan 1.6 peratus.

Carta 3.9 : KPTB dan kadar pengangguran, Melaka, 2020-2024


GAJI & UPAH

GAJI & UPAH MALAYSIA

Penengah dan purata gaji & upah bulanan pekerja

Bilangan penerima gaji & upah bulanan pada 2023 meningkat dengan kadar perlahan sebanyak 1.1 peratus kepada 10.1 juta orang (2022¹ : 2.3%, 10.0 juta orang). Pada tempoh yang sama, penengah gaji & upah bulanan mencatatkan peningkatan sebanyak 7.1 peratus daripada RM2,429 kepada RM2,602. Begitu juga purata gaji & upah bulanan turut peningkatan daripada RM3,219 kepada RM3,441 (6.9%)

Carta 3.10 : Kerangka analisis gaji & upah bulanan, Malaysia, 2022-2023





Nota:

² Bekerja sekurang-kurangnya 6 jam sehari atau sekurang-kurangnya 20 hari sebulan pada bulan rujukan


³ Bekerja sekurang-kurangnya 1 jam semasa minggu rujukan dan bekerja kurang daripada 6 jam sehari atau 20 hari sebulan pada bulan rujukan

Gaji & upah bulanan pekerja mengikut jantina

Pada 2023, penengah gaji & upah bulanan yang diterima oleh pekerja lelaki adalah RM2,675 dan pekerja perempuan RM2,464 masing-masing meningkat sebanyak 7.1 peratus dan 6.9 peratus berbanding 2022¹. Purata gaji & upah bulanan pekerja lelaki meningkat sebanyak 7.4 peratus kepada RM3,532 manakala bagi pekerja perempuan pula sebanyak 6.2 peratus kepada RM3,311 berbanding tahun sebelumnya.



Carta 3.11 : : Penengah dan purata gaji & upah bulanan pekerja mengikut



Gaji & upah bulanan pekerja mengikut industri

Pada 2023, penengah gaji & upah bulanan tertinggi dicatatkan oleh pekerja dalam Pendidikan iaitu RM5,651 diikuti aktiviti Kesihatan kemanusiaan & kerja sosial dengan RM4,566. Bagi purata gaji & upah bulanan pula, Pendidikan dan Perlombongan & pengkuarian turut mencatatkan purata gaji & upah bulanan tertinggi iaitu RM5,623.

Carta 3.12 : Penengah dan purata gaji & upah bulanan pekerja mengikut industri⁴, Malaysia, 2022⁴-2023

Industri	Penengah		Purata	
	2022 ⁴	2023	2022 ⁴	2023
Jumlah	2,429	2,602	3,219	3,441
Pertanian, Perhutanan dan Perikanan	1,555	1,593	1,948	2,204
Perlombongan dan Pengkuarian	4,237	4,295	5,337	5,623
Pembuatan	2,150	2,360	2,846	3,052
Bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara	3,023	3,274	3,591	3,973
Bekalan air; pembentungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan	2,194	2,361	2,793	2,933
Pembinaan	1,919	2,044	2,616	2,903
Perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal	1,752	1,835	2,221	2,495
Pengangkutan dan penyimpanan	2,097	2,360	2,760	2,987
Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman	1,635	1,793	2,067	2,305
Maklumat dan komunikasi	3,970	4,154	4,703	4,954
Aktiviti kewangan dan insurans/takaful	3,330	3,586	4,266	4,522
Aktiviti hartanah	3,301	3,411	3,843	4,175
Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal	3,177	3,367	4,098	4,463
Aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan	1,770	1,801	2,256	2,449
Pentadbiran awam dan pertahanan; aktiviti keselamatan sosial	4,097	4,285	4,441	4,479
Pendidikan	5,486	5,651	5,460	5,623
Aktiviti kesihatan kemanusiaan dan kerja sosial	4,319	4,566	4,654	4,789
Kesenian, hiburan dan rekreasi	2,548	2,550	3,037	3,192
Aktiviti Perkhidmatan lain	1,902	1,916	2,255	2,388

⁴Industri dikelaskan mengikut piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 versi 1.0

7.1%
Pertumbuhan
penengah gaji & upah
bulanan bagi
pekerja lelaki, 2023




RM 5,623
Sektor Perlombongan &
pengkuarian
Purata gaji & upah
bulanan tertinggi, 2023

Gaji & upah bulanan pekerja mengikut negeri

Penengah dan purata gaji & upah bulanan menunjukkan peningkatan di semua negeri pada 2023. W.P. Putrajaya mencatatkan penengah dan purata gaji & upah bulanan tertinggi (penengah: RM4,443; purata: RM4,858) diikuti oleh W.P. Kuala Lumpur (penengah: RM3,469; purata: RM4,521) dan Selangor (penengah: RM3,235; purata: RM3,885).

Carta 3.13 : Penengah dan purata gaji & upah bulanan pekerja mengikut negeri, Malaysia, 2022-2023



10.8%
Terengganu
Kadar pertumbuhan
purata gaji & upah
bulanan tertinggi, 2023





13.1%
Pahang
Kadar pertumbuhan
penengah gaji & upah
bulanan tertinggi, 2023

GAJI & UPAH MELAKA

Gaji & upah bulanan pekerja

Penemuan utama mendapati bilangan penerima gaji & upah bulanan pada 2023 di Melaka sebanyak 346.9 ribu orang iaitu meningkat 3.1 peratus berbanding tahun sebelumnya. Penengah gaji & upah bulanan telah meningkat kepada RM2,360 berbanding RM2,280 iaitu meningkat pada kadar 3.5 peratus, manakala purata gaji & upah bulanan meningkat 7.1 peratus kepada RM3,311 berbanding RM3,093 pada tahun 2022^r.




Jadual 3.11 : Gaji & upah bulanan, Melaka, 2018-2023

	2018	2019	2020	2021	2022	2023
Bilangan Penerima ('000)	283.8	299.5	319.9	337.0	336.5	346.9
Penengah (RM)	2,332	2,415	2,130	2,164	2,280	2,360
Purata (RM)	2,853	2,990	2,925	2,950	3,093	3,311

Gaji & upah bulanan pekerja mengikut jantina

Bilangan penerima gaji & upah bulanan bagi pekerja perempuan Melaka merekodkan kadar pertumbuhan yang lebih tinggi iaitu 3.3 peratus (142.3 ribu orang) berbanding lelaki yang meningkat sebanyak 2.9 peratus (204.7 ribu orang) pada tahun 2022^r. Penengah gaji & upah bulanan bagi lelaki dan perempuan masing-masing meningkat 2.0 peratus (RM2,360) dan 8.1 peratus (RM2,465) berbanding tahun 2022^r. Sementara itu, purata gaji & upah bulanan pekerja lelaki dan perempuan masing-masing meningkat kepada RM3,292 (7.1%) dan RM3,338 (7.1%).

Paparan 3.9 : Penengah dan purata gaji & upah bulanan pekerja mengikut jantina, Melaka, 2022-2023




STATISTIK SISWAZAH

STATISTIK SISWAZAH MALAYSIA

Statistik utama siswazah

Bilangan siswazah di Malaysia pada tahun 2023 meningkat 4.2 peratus kepada 5.74 juta orang berbanding 5.51 juta orang pada tahun 2022 (**Carta 3.14**).

Carta 3.14 : Statistik utama siswazah, Malaysia, 2022-2023



Bilangan siswazah dalam tenaga buruh yang merangkumi siswazah bekerja dan penganggur meningkat sebanyak 4.5 peratus kepada 4.92 juta orang (2022: 4.71 juta orang). Sementara itu, Kadar Penyertaan Tenaga Buruh Siswazah (KPTBS) meningkat sebanyak 0.3 mata peratus kepada 85.7 peratus berbanding 85.4 peratus pada tahun 2022.

Lanjutan itu, bilangan siswazah bekerja meningkat sebanyak 4.9 peratus kepada 4.76 juta orang berbanding tahun sebelumnya (2022: 4.53 juta orang). Sementara itu, kadar pengangguran siswazah mencatatkan penurunan sebanyak





5.7 juta

Bilangan siswazah
Malaysia, 2023



85.7%


Kadar penyertaan
tenaga buruh siswazah
Malaysia, 2023



0.3 mata peratus kepada 3.4 peratus berbanding 3.7 peratus pada tahun 2022. Bilangan siswazah yang menganggur turut berkurangan sebanyak 4.3 peratus kepada 167.3 ribu orang berbanding 174.8 ribu orang menganggur pada tahun 2022. Dalam tempoh yang sama, bilangan siswazah di luar tenaga buruh meningkat sebanyak 2.2 peratus merekodkan 820.2 ribu orang berbanding 802.9 ribu orang pada tahun 2022.

Dari perspektif aktiviti ekonomi, siswazah bekerja dalam sektor Perkhidmatan pada 2023 meliputi sumbangan sebanyak 77.5 peratus (3.69 juta orang). Manakala, 13.4 peratus atau 637.9 ribu orang daripada siswazah bekerja adalah di dalam sektor Pembuatan, diikuti 6.3 peratus dalam sektor Pembinaan (301.1 ribu orang). Pada masa yang sama, sektor Pertanian dan Perlombongan & pengkuarian masing-masing menyumbang 1.7 peratus (83.0 ribu orang) dan 1.0 peratus (46.8 ribu orang). (Paparan 3.10).

Paparan 3.10 : Siswazah bekerja mengikut jenis aktiviti ekonomi, Malaysia, 2022-2023



Statistik gaji & upah siswazah, Malaysia



Pada tahun 2023, siswazah bekerja memperoleh penengah gaji dan upah bulanan sebanyak RM4,409, manakala purata gaji dan upah siswazah sebanyak RM4,933 sebulan. Kedua-dua penengah dan purata gaji dan upah siswazah ini menunjukkan peningkatan yang ketara berbanding 2022, dengan penengah gaji dan upah meningkat sebanyak 3.4 peratus (2022: RM4,265) dan purata gaji dan upah meningkat sebanyak 3.9 peratus (2022: RM4,747).

Gaji dan upah siswazah berbeza merentas kumpulan umur, mencerminkan perbezaan dalam pengalaman dan jawatan pekerjaan, yang biasanya bertambah baik seiring dengan usia. Siswazah berumur 45 tahun ke atas menerima penengah dan purata gaji dan upah tertinggi, masing-masing sebanyak RM7,050 dan RM7,442.

Sebaliknya, siswazah berumur bawah 24 tahun menerima penengah gaji dan upah terendah iaitu RM1,747 dan purata gaji dan upah sebanyak RM2,242. Walau bagaimanapun, siswazah dalam kumpulan umur ini menyaksikan pertumbuhan tahun ke tahun tertinggi, dengan penengah gaji dan upah meningkat sebanyak 3.4 peratus dan purata gaji dan upah meningkat 7.4 peratus. Kumpulan umur lain juga mengalami pertumbuhan positif dalam gaji dan upah bulanan dalam tempoh yang sama.

(Paparan 3.11)

Paparan 3.11 : Statistik gaji & upah siswazah mengikut kumpulan umur, Malaysia, 2022-2023






Perbandingan mengikut jantina menunjukkan siswazah lelaki menerima gaji & upah bulanan lebih tinggi berbanding siswazah perempuan. Penengah gaji & upah bulanan bagi siswazah lelaki adalah RM4,800 manakala perempuan menerima RM4,350. Demikian juga purata gaji & upah bulanan bagi siswazah lelaki adalah RM5,541 berbanding RM4,683 sebulan diterima oleh siswazah perempuan. (**Paparan 3.12**).

Paparan 3.12 : Statistik gaji & upah siswazah mengikut jantina, Malaysia, 2022-2023



Penengah gaji & upah bulanan bagi siswazah pada tahun 2023 menunjukkan pertumbuhan positif tahunan di semua sektor utama. Sektor Perkhidmatan meningkat 7.9 peratus mencatatkan penengah gaji sebanyak RM4,944 berbanding RM4,584 pada tahun 2022. Sektor Pembinaan mencatatkan peningkatan 4.6 peratus kepada RM3,838 (2022: RM3,670), manakala sektor Pembuatan meningkat 1.7 peratus kepada RM3,434 (2022: RM3,376).




Sektor Perlombongan dan pengkuarian kekal mencatat penengah gaji tertinggi iaitu RM6,527, meningkat 2.6 peratus daripada RM6,364 pada tahun sebelumnya. Bagi sektor Pertanian, penengah gaji turut meningkat 4.9 peratus kepada RM2,513 (2022: RM2,396).



Dari segi purata gaji & upah bulanan, semua sektor ekonomi mencatatkan peningkatan tahunan pada 2023. Sektor Perkhidmatan mencatatkan purata tertinggi iaitu RM5,384, meningkat 7.0 peratus berbanding RM5,033 pada 2022. Sektor Perlombongan dan pengkuarian mencatat purata sebanyak RM7,675, meningkat 0.3 peratus daripada RM7,654.


Sementara itu, sektor Pembinaan dan Pembuatan masing-masing mencatat peningkatan kepada RM4,534 dan RM4,437, masing-masing meningkat 5.2 peratus dan 5.1 peratus. Sektor Pertanian turut meningkat 2.3 peratus kepada RM3,435 berbanding RM3,359 pada tahun 2022 (**Paparan 3.13**).

Paparan 3.13 : Statistik gaji & upah siswazah mengikut aktiviti ekonomi, Malaysia, 2022-2023




STATISTIK SISWAZAH Melaka

Statistik utama siswazah



Pada tahun 2023, bilangan siswazah di Melaka adalah seramai 194.6 ribu orang, meningkat 3.5 peratus daripada 188.1 ribu orang pada tahun 2022. Dari jumlah tersebut, tenaga buruh siswazah adalah sebanyak 165.9 ribu orang, meningkat 5.9 peratus berbanding tahun sebelumnya (2022: 156.7 ribu orang). Kadar penyertaan tenaga buruh siswazah (KPTBS) adalah 85.2 peratus, meningkat 1.9 mata peratus berbanding 83.3 peratus pada tahun 2022 (**Carta 3.15**).

Carta 3.15 : Statistik utama siswazah, Melaka, 2022-2023




Seramai 163.1 ribu orang siswazah bekerja di Melaka pada tahun 2023 dengan pertumbuhan tahunan 6.2 peratus (2022: 153.6 ribu orang). Sementara itu, penganggur siswazah mencatatkan bilangan sebanyak 2.8 ribu orang (2022: 3.1 ribu orang), menyusut 9.7 peratus. Kadar pengangguran siswazah di Melaka pada tahun 2023 adalah 1.7 peratus (2022: 2.0 peratus).

Manakala, siswazah luar tenaga buruh pula merangkumi 14.8 peratus daripada jumlah siswazah di Melaka iaitu seramai 28.7 ribu orang pada tahun 2023, menurun 8.6 peratus daripada 31.4 ribu orang pada tahun sebelumnya.

Perbandingan mengikut jantina di Melaka menunjukkan komposisi siswazah didominasi oleh perempuan dengan sumbangan 54.3 peratus (105.6 ribu orang) manakala siswazah lelaki merangkumi 45.7 peratus (89.0 ribu orang) pada tahun 2023. Kadar penyertaan tenaga buruh siswazah lelaki adalah 89.3 peratus manakala perempuan adalah 81.8 peratus. Sementara itu, kadar pengangguran siswazah lelaki adalah 1.1 peratus, manakala perempuan 2.6 peratus (**Carta 3.16**).

Carta 3.16 : Statistik utama siswazah mengikut jantina, Melaka, 2022- 2023



Dari segi bilangan tenaga buruh siswazah mengikut jantina, seramai 86.4 ribu siswazah perempuan direkodkan pada tahun 2023, meningkat 6.0 peratus daripada tahun sebelumnya. Sementara itu, tenaga buruh siswazah lelaki mencatatkan pertumbuhan 5.9 peratus kepada 79.5 ribu orang.


Siswazah bekerja lelaki di Melaka adalah seramai 78.6 ribu orang, lebih rendah berbanding siswazah bekerja perempuan (84.5 ribu orang). Sebaliknya, penganggur siswazah lelaki adalah seramai 0.9 ribu orang dengan kadar pengangguran pada 1.1 peratus, manakala perempuan pula adalah seramai 1.9 ribu orang dengan kadar pengangguran pada 2.2 peratus.



Melihat kepada siswazah luar tenaga buruh pula, didapati bilangan siswazah perempuan luar tenaga buruh adalah 19.2 ribu orang, menurun 6.8 peratus berbanding tahun sebelumnya, manakala siswazah lelaki luar tenaga buruh menurun 12.0 peratus kepada 9.5 ribu orang.

Purata dan penengah gaji & upah bulanan siswazah

Purata gaji & upah bulanan siswazah di Melaka pada tahun 2023 adalah RM4,705, meningkat 3.5 peratus berbanding RM4,545 pada tahun 2022. Penengah gaji & upah bulanan siswazah adalah RM4,084 meningkat 3.3 peratus daripada RM3,954 pada tahun sebelumnya [Jadual 3.12].



Jadual 3.12 : Purata dan penengah gaji & upah bulanan siswazah bekerja, Melaka 2022-2023

Gaji & upah	Jumlah	
	2022	2023
Purata gaji (RM)	4,545	4,705
Penengah gaji (RM)	3,954	4,084



INDIKATOR KOS SARA HIDUP

PERBELANJAAN ASAS KEHIDUPAN WAJAR

Purata Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar (PAKW) Bulanan Isi Rumah

RM5,554

PAKW tertinggi di Melaka Tengah, 2023

PAKW bulanan isi rumah di Melaka pada tahun 2023 mencatatkan sebanyak RM5,291 dengan purata saiz isi rumah seramai 3.9 orang. Jika perbandingan dibuat mengikut strata, kawasan bandar mempunyai nilai PAKW yang lebih tinggi dengan RM5,435 berbanding luar bandar iaitu dengan RM3,775. Jika perbandingan dibuat mengikut daerah, Melaka Tengah mencatatkan nilai PAKW tertinggi iaitu pada RM5,554 diikuti oleh Alor Gajah dengan RM4,893 dan di mana Jasin yang mempunyai nilai PAKW terendah sebanyak RM4,830.




Antara faktor yang mempengaruhi nilai PAKW adalah saiz isi rumah, umur, jantina dan lokasi. Isi rumah dengan bilangan ahli yang lebih ramai memerlukan perbelanjaan yang lebih besar untuk memenuhi keperluan makanan dan bukan makanan.

Purata Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar (PAKW) Bulanan Isi Rumah (Makanan)

Kawasan Bandar
merekodkan nilai PAKW lebih tinggi berbanding kawasan luar bandar, 2023

Makanan dan keperluan bukan makanan merupakan dua komponen perbelanjaan yang diambil kira dalam pengiraan. PAKW Secara purata, komponen makanan merekodkan 34.2 peratus atau RM1,810 daripada PAKW isi rumah Melaka. Perbandingan mengikut strata mendapati purata PAKW bulanan makanan di bandar adalah lebih tinggi berbanding luar bandar dengan masing-masing merekodkan RM1,828 dan RM1,619.


Alor Gajah merupakan daerah yang mencatatkan nilai PAKW makanan yang tertinggi dengan nilai RM1,859, diikuti dengan Jasin dengan nilai RM1,815 dan nilai PAKW makanan yang terendah dicatatkan di daerah Melaka Tengah dengan nilai sebanyak RM1,789.



Perbelanjaan PAKW makanan sangat dipengaruhi oleh umur dan jantina ahli isi rumah, di mana keperluan kalori ahli isi rumah remaja dan dewasa melebihi bayi, kanak-kanak dan warga emas. Selain itu, lelaki mempunyai keperluan kalori lebih tinggi berbanding wanita.

Purata Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar (PAKW) Bulanan Isi Rumah (Bukan Makanan)


Komponen bagi bukan makanan secara purata mencatatkan 65.8 peratus atau RM3,480 daripada PAKW isi rumah di Melaka. Nilai purata PAKW bukan makanan di bandar adalah lebih tinggi berbanding luar bandar dengan masing-masing merekodkan RM3,606 dan RM2,156. Daerah pentadbiran yang mencatatkan nilai PAKW bukan makanan tertinggi ialah Melaka Tengah dengan nilai sebanyak RM3,764 diikuti oleh Alor Gajah sebanyak RM3,033.



Di samping itu, nilai PAKW bukan makanan yang terendah dicatatkan oleh daerah Jasin dengan nilai sebanyak RM3,015. Saiz isi rumah dan ketersediaan barangan dan perkhidmatan di lokasi mempengaruhi perbelanjaan PAKW bukan makanan.

Purata Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar (PAKW) Bulanan Isi Rumah Per Kapita

PAKW bulanan isi rumah per kapita merujuk kepada perbelanjaan bagi setiap individu dalam sesebuah isi rumah. Di peringkat negeri Melaka, PAKW bulanan per kapita merekodkan nilai sebanyak RM1,416 dengan nilai strata bandar melebihi nilai luar bandar sebanyak RM452 (Bandar: RM1,455 dan Luar Bandar: RM1,003). Purata saiz isi rumah di Melaka iaitu dengan 3.9 orang bagi bandar dan luar bandar mempengaruhi nilai ini.




Sementara itu, analisis PAKW isi rumah mengikut perbandingan daerah pentadbiran di Melaka menunjukkan daerah Melaka Tengah mencatatkan nilai PAKW isi rumah per kapita tertinggi iaitu RM1,540 diikuti oleh Alor Gajah dengan nilai sebanyak RM1,225. Sebaliknya, bagi PAKW isi rumah per kapita yang terendah dicatatkan oleh daerah Jasin dengan nilai sebanyak RM1,203.

Purata Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar (PAKW) Bulanan Isi Rumah Per Kapita (Makanan)



Purata PAKW bulanan isi rumah per kapita di Malaysia terdiri daripada komponen makanan dan bukan makanan. Komponen bagi makanan secara purata merekodkan 33.3 peratus atau RM471 daripada PAKW makanan bulanan isi rumah per kapita bagi Melaka. Jika perbandingan dibuat mengikut strata, PAKW bulanan isi rumah per kapita makanan di kawasan bandar adalah lebih tinggi berbanding luar bandar dengan masing-masing merekodkan RM476 dan RM423.

Jika perbandingan dibuat mengikut daerah, daerah Melaka Tengah merekodkan purata PAKW bulanan per kapita bagi komponen makanan tertinggi dengan nilai RM482, diikuti oleh daerah Alor Gajah dengan nilai sebanyak RM459. Daerah dengan purata PAKW makanan bulanan per kapita terendah ialah Jasin dengan nilai RM445.




Purata PAKW bulanan isi rumah per kapita makanan sangat dipengaruhi oleh umur dan jantina ahli isi rumah, di mana keperluan kalori ahli isi rumah remaja dan dewasa melebihi bayi, kanak-kanak dan warga emas. Selain itu, lelaki mempunyai keperluan kalori lebih tinggi berbanding wanita.

Purata Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar (PAKW) Bulanan Isi Rumah Per kapita (Bukan Makanan)


Secara purata, komponen bagi PAKW bulanan isi rumah per kapita bukan makanan mencatatkan 66.7 peratus atau RM945 daripada jumlah PAKW bulanan isi rumah per kapita Melaka. Jika perbandingan dibuat mengikut strata, PAKW bulanan isi rumah per kapita bukan makanan di bandar adalah melebihi luar bandar dengan masing-masing merekodkan RM979 dan RM580.

Di peringkat daerah pentadbiran, daerah Melaka Tengah mencatatkan nilai purata PAKW bulanan isi rumah per kapita bukan makanan tertinggi iaitu RM1,059, diikuti oleh Alor Gajah dengan nilai sebanyak RM765. Purata PAKW bulanan isi rumah per kapita bukan makanan yang terendah dicatatkan oleh daerah Jasin dengan nilai sebanyak RM758. Perbelanjaan PAKW bulanan isi rumah bukan makanan turut dipengaruhi oleh saiz isi rumah dan ketersediaan barangan dan perkhidmatan di lokasi.



Purata Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar (PAKW) Bulanan Mengikut Saiz isi Rumah

Purata PAKW bulanan isi rumah bagi individu yang tinggal bersendirian di Melaka adalah sebanyak RM1,792. Bagi isi rumah yang mempunyai dua orang, jumlah purata adalah sebanyak RM3,100 diikuti isi rumah tiga orang (RM4,294), isi rumah empat orang (RM5,465), isi rumah lima orang (RM6,592) dan isi rumah enam orang & lebih (RM8,529).




INDEKS KOS SARA HIDUP MELAKA

Indeks Kos Sara Hidup (KSH) bagi Melaka merekodkan pada 103.3 mata indeks. Daerah pentadbiran yang merekodkan mata indeks melebihi paras negeri adalah daerah Jasin dengan kadar sebanyak 103.5 mata indeks. Sebaliknya, daerah pentadbiran yang merekodkan indeks Kos Sara Hidup (KSH) kurang daripada paras negeri adalah daerah Melaka Tengah dengan kadar sebanyak 103.1 mata indeks diikuti dengan Alor Gajah (103.0 mata indeks).



Carta 3.17 : Indeks Kos Sara Hidup mengikut daerah pentadbiran, Melaka, 2023



PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN PENGGUNAAN ISI RUMAH

PENDAPATAN ISI RUMAH

RM6,210

Pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah Melaka, 2022

Pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah

Pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah Melaka telah meningkat kepada RM6,210 pada tahun 2022 berbanding RM6,054 pada tahun 2019 dengan purata pertumbuhan tahunan sebanyak 0.8 peratus.

Pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah mengikut daerah pentadbiran


RM6,557

Melaka Tengah
Pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah tertinggi, 2022

Daerah Melaka Tengah mencatatkan pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah tertinggi iaitu RM6,557 pada 2022 (2019: RM6,250). Daerah lain merekodkan pendapatan di bawah paras pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah negeri iaitu RM6,210. Daerah tersebut adalah Alor Gajah RM5,611 (2019: RM5,907) dan Jasin RM5,895 (2019: RM5,640).

Daerah Melaka Tengah mencatatkan peningkatan tertinggi kadar pertumbuhan tahunan bagi pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah iaitu 1.6 peratus diikuti Jasin kedua tertinggi (1.5%) antara tempoh 2019 hingga 2022.

Carta 3.18 : Pendapatan penengah isi rumah dan purata pertumbuhan tahunan mengikut daerah pentadbiran, Melaka, 2019 dan 2022



0.8%
Purata pertumbuhan tahunan pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah antara tahun 2019-2022

Ketaksamarataan Pendapatan

Nilai pekali Gini menurun kepada 0.370 pada tahun 2022 daripada 0.383 pada tahun 2019. Ini menunjukkan ketidakseimbangan agihan pendapatan isi rumah di Melaka semakin mengecil.

Taburan isi rumah mengikut kumpulan pendapatan


Pembahagian isi rumah mengikut kumpulan pendapatan pula menunjukkan isi rumah T20 di Melaka pada tahun 2022 menerima pendapatan penengah sebanyak RM15,036 diikuti isi rumah M40 (RM7,432) dan isi rumah B40 (RM3,692).

Kemiskinan

Pada tahun 2012, nilai Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) bagi Malaysia telah disemak semula berdasarkan keperluan semasa. Semakan ini menekankan kepada pengambilan makanan yang optimum dan sihat serta keperluan asas bukan makanan yang berkualiti. Nilai purata PGK Melaka pada tahun 2022 ialah RM2,670 sebulan manakala purata nilai PGK makanan adalah RM1,244 sebulan dengan purata saiz isi rumah seramai 3.9 orang.

Insiden kemiskinan mutlak Melaka meningkat daripada 3.9 peratus pada tahun 2019 kepada 4.2 peratus. Dalam tempoh yang sama, insiden kemiskinan mutlak di bandar dan luar bandar masing-masing adalah 4.3 peratus dan 3.9 peratus pada tahun 2022. Sementara itu, kemiskinan tegar direkodkan sebanyak 0.1 peratus pada tahun 2022 berbanding 0.3 peratus⁵ pada tahun 2019. Nilai kemiskinan relatif pada tahun 2022 pula adalah 13.2 peratus berbanding 17.0 peratus pada tahun 2019.

Paparan 3.14 : Agihan pendapatan dan pendapatan isi rumah penengah mengikut kumpulan isi rumah desil, Melaka, 2022




Petunjuk:

- Agihan pendapatan
- Pendapatan isi rumah penengah

PERBELANJAAN PENGGUNAAN ISI RUMAH

Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata





Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata Melaka meningkat daripada RM4,983 pada 2019 kepada RM5,707 pada tahun 2022 dengan purata pertumbuhan tahunan sebanyak 4.5 peratus.

Pola perbelanjaan isi rumah boleh dipengaruhi oleh pelbagai faktor berdasarkan keutamaan keperluan dan saiz sesebuah isi rumah tersebut. Di kebanyakan negara, kumpulan barangan keperluan asas biasanya mendominasi perbelanjaan isi rumah. Situasi yang sama juga berlaku di Melaka, Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain (17.2%); Makanan & minuman (15.9%); Pengangkutan dan Restoran & perkhidmatan penginapan masing-masing 14.2 peratus merangkumi 61.5 peratus daripada keseluruhan komposisi perbelanjaan seperti **Carta 3.19**.



Carta 3.19 : Komposisi perbelanjaan penggunaan isi rumah, Melaka, 2019 dan 2022



Kumpulan Utama Perbelanjaan Penggunaan

01 Makanan & minuman	08 Maklumat & komunikasi
02 Minuman alkohol & tembakau	09 Rekreasi, sukan & kebudayaan
03 Pakaian & kasut	10 Perkhidmatan pendidikan
04 Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain	11 Restoran dan perkhidmatan penginapan
05 Hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah	12 Insurans & perkhidmatan kewangan
06 Kesihatan	13 Penjagaan diri, perlindungan sosial dan pelbagai barangan & perkhidmatan
07 Pengangkutan	


Terdapat enam kumpulan yang menunjukkan peningkatan dalam komposisi perbelanjaan pada tahun 2022 berbanding 2019 iaitu Hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah, Kesihatan dan Restoran & perkhidmatan penginapan masing-masing 1.1 mata peratus, Insurans & perkhidmatan kewangan dan Penjagaan diri, perlindungan sosial & pelbagai barangan & perkhidmatan masing-masing 0.8 mata peratus serta Rekreasi, sukan & kebudayaan (0.4 mata peratus).

⁵Disemak semula berdasarkan metodologi PGK 2019



Di samping itu, lima kumpulan yang lain menunjukkan penurunan komposisi perbelanjaan pada tahun 2022 berbanding 2019 iaitu kumpulan Makanan & minuman (-2.0 mata peratus), Pengangkutan (-1.7 mata peratus), Minuman alkohol & tembakau (-0.9 mata peratus), Maklumat & komunikasi (-0.6 mata peratus) dan Perkhidmatan pendidikan (-0.1 mata peratus). Dua kumpulan perbelanjaan yang tidak berubah komposisinya pada tahun 2022 berbanding 2019 iaitu Pakaian & kasut dan Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain masing-masing 4.0 peratus dan 17.2 peratus.

Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata mengikut daerah pentadbiran

Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata mengikut daerah pentadbiran pula merekodkan perbelanjaan tertinggi di daerah Melaka Tengah dan terendah di daerah Jasin. Secara perbandingan, daerah pentadbiran yang mencatatkan perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata melebihi paras negeri adalah Melaka Tengah (RM6,015).



Carta 3.20 : Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata mengikut daerah pentadbiran, Melaka, 2022



BAB 4

STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK

BAB 4

STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK

STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK MALAYSIA

Statistik utama pelancongan domestik

Prestasi pelancongan domestik Malaysia menunjukkan peningkatan yang signifikan bagi bilangan pelawat domestik, bilangan perjalanan dan perbelanjaan pelancongan pada tahun 2024. Seramai 260.1 juta pelawat domestik dicatatkan pada 2024 dengan kenaikan sebanyak 21.7 peratus berbanding tahun sebelumnya (2023: 24.6%). Sementara itu, sebanyak 297.9 juta bilangan perjalanan telah dilakukan oleh pelawat domestik di dalam negara dengan purata perjalanan sebanyak 1.15 perjalanan bagi setiap pelawat.

Secara keseluruhan, perbelanjaan pelancongan domestik meningkat sebanyak 25.7 peratus pada 2024 (2023: 32.5%). Sejumlah RM106.7 bilion telah dibelanjakan bagi pelancongan domestik pada 2024 berbanding RM84.9 bilion yang direkodkan pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini menyebabkan kenaikan dalam purata perbelanjaan bagi setiap perjalanan kepada RM358 berbanding RM352 pada tahun 2023. Sementara itu, purata bilangan hari menginap pada 2024 meningkat kepada 2.49 malam berbanding 2.45 malam pada tahun sebelumnya.

Jadual 4.1 : Statistik utama pelancongan domestik, 2023-2024

Statistik utama	2023	2024	Perubahan tahunan (%)
Bilangan pelawat ¹ (juta)	213.7	260.1	21.7
Bilangan perjalanan (juta)	241.5	297.9	23.3
Jumlah perbelanjaan (RM bilion)	84.9	106.7	25.7
Purata perbelanjaan (RM)	352	358	1.9
Purata bilangan hari menginap (hari)	2.45	2.49	1.9
Purata perjalanan	1.13	1.15	1.4

¹ Jumlah ini adalah termasuk pelawat yang sama yang melakukan satu atau lebih perjalanan pada tahun tersebut.



260.1 juta

Jumlah pelawat domestik, 2024

Bilangan ketibaan pelawat dan perbelanjaan meningkat pada tahun 2024

RM 106.7 bilion

Perbelanjaan pelawat domestik, 2024

Pelawat domestik

Bilangan pelawat harian pada tahun 2024 adalah seramai 166.7 juta orang dengan peningkatan sebanyak 24.2 peratus berbanding tahun sebelumnya. Sementara itu, bilangan pelancong meningkat daripada 79.6 juta orang pada tahun 2023 kepada 93.4 juta orang (17.5%) seperti ditunjukkan di **Jadual 4.2**.

Jadual 4.2 : Bilangan pelawat domestik mengikut jenis pelawat, 2023-2024

Jenis pelawat	Juta		Perubahan tahunan (%)
	2023	2024	
Pelawat harian	134.2	166.7	24.2
Pelancong	79.6	93.4	17.5
Jumlah	213.7	260.1	21.7

Perjalanan pelancongan domestik

Perjalanan pelancongan domestik terdiri daripada perjalanan harian dan perjalanan bermalam. Peratus sumbangan perjalanan harian dan perjalanan bermalam masing-masing adalah 66.8 peratus (198.9 juta perjalanan) dan 33.2 peratus (99.0 juta perjalanan). Peratus sumbangan perjalanan harian meningkat sebanyak 1.8 mata peratus berbanding yang dicatatkan pada 2023, iaitu 65.0 peratus (**Paparan 4.1**).

Paparan 4.1 : Peratus sumbangan perjalanan pelawat domestik, 2023-2024

Perjalanan Harian

	2024	66.8%
	2023	65.0%

Perjalanan Bermalam

	2024	33.2%
	2023	35.0%

Perbelanjaan pelancongan domestik

Perbelanjaan pelancongan domestik disumbangkan oleh kedua-dua perbelanjaan pelawat harian dan pelancong. Secara keseluruhan, perbelanjaan domestik bagi pelawat harian dan pelancong masing-masing merekodkan peningkatan signifikan pada tahun 2024. Perbelanjaan bagi pelancong telah meningkat sebanyak 20.6 peratus, merekodkan RM63.0 bilion pada tahun 2024 (2023: RM52.2 bilion). Sementara itu, perbelanjaan pelawat harian meningkat 33.8 peratus kepada RM43.7 bilion (2023: RM32.7 bilion) seperti yang ditunjukkan di **Paparan 4.2**.

17.5%



Peningkatan
bilangan pelancong
pada tahun 2024



66.8%

Sumbangan
perjalanan harian
pada tahun 2024


Paparan 4.2 : Jumlah perbelanjaan mengikut jenis perjalanan, 2023-2024



STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK MELAKA

Kedatangan pelawat, 2024

Melaka menerima seramai 19.1 juta pelawat domestik pada 2024 berbanding 15.6 juta pelawat yang telah direkodkan pada tahun sebelumnya. Kenaikan bilangan pelawat disumbangkan oleh peningkatan bilangan pelancong sebanyak 23.4 peratus iaitu kepada 6.2 juta pelancong berbanding 5.0 juta pelancong pada tahun 2023 seperti pada **Jadual 4.3**.





Jadual 4.3 : Bilangan kedatangan pelancong dan pelawat domestik ke Melaka, 2023-2024



Jenis pelawat	Juta		Perubahan tahunan (%)
	2023	2024	
Pelancong	5.0	6.2	23.4
Pelawat domestik	15.6	19.1	22.9

Negeri asal pelancong, 2024

Carta 4.1 memaparkan lima negeri asal pelancong tertinggi yang mengunjungi negeri Melaka pada tahun 2024. Berdasarkan survei, pelancong berasal daripada negeri Selangor adalah yang tertinggi, iaitu sebanyak 1.70 juta pelancong. Ini diikuti oleh pelancong dari Johor (1.53 juta pelancong), W.P. Kuala Lumpur (1.52 juta pelancong), Negeri Sembilan (0.36 juta pelancong) dan Melaka (0.27 juta pelancong).

Carta 4.1 : Lima negeri asal pelancong tertinggi yang berkunjung ke Melaka, 2024





Destinasi tumpuan utama pelawat domestik, 2024

Paparan 4.3 menunjukkan lima destinasi tumpuan utama pelawat domestik di Melaka pada tahun 2024, iaitu Pantai Klebang, Jonker Street, Mahkota Parade, Dataran Pahlawan dan Zoo Melaka.

Paparan 4.3 : Lima destinasi tumpuan utama pelawat domestik di Melaka, 2024



Terimaan pelancongan domestik, 2023

Jumlah terimaan pelancongan domestik bagi Melaka pada tahun 2023 meningkat 33.0 peratus berbanding 382.3 peratus yang dicatatkan pada tahun sebelum. Pertumbuhan positif ini disumbangkan oleh kenaikan jumlah terimaan bagi perjalanan harian dan bermalam masing-masing sebanyak 35.8 peratus dan 30.1 peratus pada **Paparan 4.4**.


Paparan 4.4 : Terimaan pelancongan domestik di Melaka, 2022-2023



Sementara itu, purata terimaan per perjalanan pada 2023 turut meningkat kepada RM320 berbanding RM291 seperti yang dicatatkan pada tahun sebelumnya.

Bagi jumlah terimaan mengikut komponen pula, membeli-belah mencatatkan sumbangan tertinggi iaitu 37.6 peratus daripada jumlah terimaan (2022: 43.4%). Ini diikuti oleh makanan & minuman (16.2%), pembelian bahan api kenderaan (13.7%) dan penginapan (10.7%) seperti yang ditunjukkan di **Paparan 4.5**.

Paparan 4.5 : Peratus sumbangan terimaan pelancongan domestik mengikut komponen di Melaka, 2022 dan 2023




RM 6.4 bilion
 Nilai terimaan yang dibelanjakan oleh pelawat domestik ke **Melaka, 2023**

Tujuan perjalanan, 2023

Pada tahun 2023, majoriti pelancong berkunjung ke Melaka untuk tujuan melawat saudara-mara dan rakan iaitu sebanyak 46.5 peratus seperti **Paparan 4.6**. Ini diikuti oleh perjalanan bagi tujuan percutian/ mengisi masa lapang/ berehat (45.3%) dan membeli-belah (4.9%).

37.6%
 Jumlah terimaan tertinggi dicatatkan oleh komponen membeli-belah, 2023

Paparan 4.6 : Peratusan tujuan perjalanan pelancong ke Melaka, 2023



46.5%
 Melawat saudara mara & rakan merupakan tujuan utama pelancong berkunjung ke **Melaka, 2023**

BAB 5

STATISTIK PERDAGANGAN ANTARABANGSA

BAB 5

STATISTIK PERDAGANGAN ANTARABANGSA

STATISTIK PERDAGANGAN MALAYSIA

Jumlah perdagangan antarabangsa

Malaysia mencatatkan jumlah perdagangan bernilai RM2.9 trilion, meningkat 9.2 peratus atau RM242.3 bilion pada tahun 2024 berbanding RM2.6 trilion pada tahun sebelumnya. Nilai eksport Malaysia berjumlah RM1.5 trilion, manakala jumlah import sebanyak RM1.4 trilion, sekali gus mendorong lebih perdagangan Malaysia berjumlah RM139.1 bilion, menurun 35.4 peratus daripada RM215.2 bilion pada tahun 2023.

Jumlah perdagangan bagi negeri Pulau Pinang sebanyak RM788.1 bilion, diikuti oleh Selangor (RM622.5 bilion), Johor (RM621.7 bilion), W.P. Kuala Lumpur (RM170.2 bilion), Sarawak (RM146.7 bilion), Kedah (RM142.8 bilion), Perak (RM75.9 bilion), Melaka (RM70.5 bilion), Negeri Sembilan (RM69.1 bilion), Pahang (RM55.3 bilion), Sabah (RM43.0 bilion), Terengganu (RM28.8 bilion), W.P. Labuan (RM10.8 bilion), Kelantan (RM6.6 bilion) dan Perlis (RM2.9 bilion).

Eksport

Eksport Malaysia merekodkan nilai RM1.5 trilion pada tahun 2024 berkembang sebanyak RM83.1 bilion atau 5.8 peratus (2023: 1.4 trilion). Eksport barangan Malaysia mengikut komoditi utama adalah seperti di bawah:

1

Litar elektronik bersepadu yang menyumbang 20.7 peratus daripada jumlah eksport, meningkat RM14.2 bilion (4.8%) kepada RM313.1 bilion.

2

Barangan elektrik dan elektronik yang lain yang merangkumi 8.8 peratus daripada jumlah eksport, naik RM26.4 bilion atau 25.0 peratus kepada RM132.2 bilion.

3

Keluaran petroleum bertapis menyumbang 7.8 peratus daripada jumlah eksport menurun sebanyak RM16.3 bilion (-12.2%) kepada RM117.6 bilion.



Jumlah perdagangan tertinggi adalah di **Pulau Pinang dan Selangor**



RM2.9 trilion

Jumlah perdagangan **Malaysia, 2024**

Eksport mengikut negara destinasi

Dua destinasi utama eksport Malaysia pada 2024 ialah China dan Singapura.

Paparan 5.1 : Rakan dagangan utama, Malaysia, 2024



China



Singapura

Eksport **RM187.8 b** ↓ -2.1%

Import **RM296.5 b** ↑ 14.9%



Eksport **RM230.9 b** ↑ 5.3%

Import **RM165.4 b** ↑ 15.1%




Eksport ke Singapura merangkumi 15.3 peratus daripada eksport Malaysia. Eksport barangan Malaysia mengikut komoditi ke Singapura adalah seperti **Paparan 5.2**.

Paparan 5.2 : Eksport barangan Malaysia mengikut komoditi ke Singapura, 2024



Eksport ke China meliputi 12.4 peratus daripada eksport Malaysia pada 2024. Eksport barangan Malaysia mengikut komoditi utama ke China adalah litar elektronik bersepadu, gas asli cecair dan alat & perkakas ikhtisas, sains & kawalan seperti **Paparan 5.3**.

Paparan 5.3 : Eksport barangan Malaysia mengikut komoditi ke China, 2024



Import

Import Malaysia merekodkan nilai RM1.4 trilion pada tahun 2024, meningkat sebanyak RM159.2 bilion atau 13.1 peratus (2023: RM1.2 trilion). Import barangan Malaysia mengikut komoditi utama adalah seperti di bawah:

1

Litar elektronik bersepadu yang merangkumi 14.8 peratus daripada jumlah import, meningkat RM43.3 bilion atau 27.2 peratus kepada RM202.5 bilion

2

Keluaran petroleum bertapis menyumbang 8.9 peratus daripada jumlah import, menurun sebanyak RM8.8 bilion (-6.8%) kepada RM121.4 bilion


3

Barangan elektrik dan elektronik yang lain menyumbang 7.2 peratus daripada jumlah import, naik sebanyak RM35.0 bilion (55.6%) kepada RM98.1 bilion

Import mengikut negara asal


Import dari China bernilai RM296.5 bilion merangkumi 21.6 peratus dari jumlah import Malaysia. Import barangan Malaysia mengikut komoditi dari China adalah seperti pada **Paparan 5.4**.

Paparan 5.4 : Import barangan Malaysia mengikut komoditi dari China, 2024



Import dari Singapura bernilai RM165.4 bilion (12.1% dari jumlah import Malaysia). Import barangan Malaysia mengikut komoditi utama dari Singapura adalah keluaran petroleum bertapis, litar elektronik bersepadu dan barangan elektrik dan elektronik yang lain seperti **Paparan 5.5**.

Paparan 5.5 : Import barangan Malaysia mengikut komoditi dari Singapura, 2024



RM **1.4 trilion**

Jumlah
import Malaysia,
2024

RM **296.5 bilion**

Nilai import
dari **China**, 2024

RM **165.4 bilion**

Nilai import
dari **Singapura**,
2024


SOROTAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA MELAKA



Eksport dan Import Utama

Jumlah perdagangan Melaka pada tahun 2024 bernilai RM70.5 bilion. Nilai eksport Melaka berjumlah RM27.7 bilion pada tahun 2024, menurun sebanyak 5.0 peratus berbanding RM29.2 bilion pada tahun sebelumnya. Sementara itu, nilai import Melaka meningkat 2.8 peratus kepada RM42.7 billion berbanding RM41.6 bilion pada tahun 2023.

Carta 5.1 : Perdagangan Melaka dengan dunia, 2015-2024



Eksport Barangan



Antara eksport barangan utama Melaka pada tahun 2024 adalah litar elektronik bersepadu menurun 1.3 peratus kepada RM5.7 bilion. Injap dan tiub lain, fotosel, dll. menurun 25.2 peratus, diikuti barangan elektrik dan elektronik yang lain meningkat 2.3 peratus, keluaran petroleum bertapis menurun 32.6 peratus dan perkakas litar elektrik dan alat ganti meningkat 28.0 peratus.

Jadual 5.1 : Eksport barangan mengikut komoditi utama Melaka, 2019-2024

Komoditi utama	Eksport barangan (RM juta)						Peratus perubahan 2024 ^p /2023 ^p
	2019	2020	2021	2022	2023 ^p	2024 ^p	
Jumlah eksport barangan	28,849	29,596	30,574	31,627	29,183	27,728	-5.0
Litar elektronik bersepadu	7,191	6,937	7,753	5,971	5,764	5,688	-1.3
Injap dan tiub lain, fotosel, dll.	4,157	3,980	4,540	5,916	6,597	4,937	-25.2
Barangan elektrik dan elektronik yang lain	827	2,395	2,014	3,215	3,059	3,129	2.3
Keluaran petroleum bertapis	6,605	6,483	3,724	2,933	1,984	1,337	-32.6
Perkakas litar elektrik & alat ganti	388	393	354	527	465	595	28.0

Destinasi eksport utama Melaka pada tahun 2024 adalah Singapura dengan jumlah eksport bernilai RM8.1 bilion, diikuti Amerika Syarikat bernilai RM2.9 bilion. Selain itu, Jerman, China dan Thailand masing-masing bernilai RM2.9 bilion, RM2.6 bilion dan RM1.3 bilion.

Import Barangan

Antara import barangan utama Melaka pada tahun 2024 adalah petroleum mentah yang meningkat 4.2 peratus kepada RM16.6 bilion. Litar elektronik bersepadu menurun 16.0 peratus, diikuti injap dan tiub lain, fotosel, dll. menurun sebanyak 14.3 peratus, alat ganti dan aksesori bagi traktor, kereta, kenderaan barang/jalan raya bermotor meningkat 0.7 peratus dan kristal piezo elektrik & alat ganti menurun 2.2 peratus.



Sumber import utama Melaka pada tahun 2024 adalah daripada Emiriah Arab Bersatu (RM6.2 bilion) dan Arab Saudi (RM5.3 bilion), diikuti oleh China (RM5.1 bilion), Jerman (RM2.8 bilion) dan Amerika Syarikat (RM2.5 bilion).

Jadual 5.2 : Import barangan mengikut komoditi utama Melaka, 2019-2024

Komoditi utama	Import barangan (RM juta)						Peratus perubahan 2024 ^p /2023
	2019	2020	2021	2022	2023	2024 ^p	
Jumlah import barangan	33,711	23,638	25,473	42,511	41,588	42,734	2.8
Petroleum mentah	9,868	6,123	5,110	17,737	15,946	16,614	4.2
Litar elektronik bersepadu	3,881	3,300	3,532	3,276	3,739	3,140	-16.0
Injap dan tiub lain, fotosel, d.l.l.	993	964	1,273	1,731	2,115	1,813	-14.3
Alat ganti & aksesori bagi traktor, kereta, kenderaan barang/jalan raya bermotor	1,591	929	1,244	1,622	1,676	1,688	0.7
Kristal piezo elektrik & alat ganti	1,157	887	1,251	1,302	1,436	1,404	-2.2

Rakan Dagang Utama

Singapura merupakan rakan dagang dua hala terbesar dengan Melaka pada tahun 2024 sebanyak 15.0 peratus (RM10.6 bilion) daripada jumlah perdagangan. China (RM7.6 bilion) adalah rakan dagang kedua terbesar, diikuti Emiriah Arab Bersatu (RM6.3 bilion), Jerman (RM5.7 bilion) dan Amerika Syarikat (RM5.4 bilion).



Imbangan Perdagangan

Imbangan dagangan dua hala **Melaka** dengan **Emiriah Arab Bersatu** merekodkan defisit sebanyak RM6.0 bilion

Dari sudut imbangan dagangan dua hala, Melaka mencatatkan eksport sebanyak RM123.6 juta ke Emiriah Arab Bersatu, sementara import Melaka dari Emiriah Arab Bersatu sebanyak RM6.2 bilion. Perbezaan dari segi nilai eksport dan import merekodkan defisit kepada Melaka sebanyak RM6.0 bilion. Imbangan dagangan dua hala Melaka dengan China pada tahun 2024 juga mencatatkan defisit sebanyak RM2.5 bilion. Walau bagaimanapun, nilai eksport ke negara Singapura, Amerika Syarikat dan Jerman yang melebihi nilai import telah mendorong kepada lebih dagangan masing-masing sebanyak RM 5.7 bilion, RM438.9 juta dan RM46 juta.



Jadual 5.3 : Perdagangan barangan mengikut rakan dagang utama, Melaka, 2024

Komoditi utama	Eksport		Import		Eksport bersih	Jumlah perdagangan		
	RM juta	Peratus sumbangan (%)	RM juta	Peratus sumbangan (%)	RM juta	RM juta	Peratus sumbangan (%)	Kedudukan
Seluruh Dunia	27,728	100.0	42,734	100.0	-15,006	70,462	100.0	
Singapura	8,131	29.3	2,449	5.7	5,682	10,580	15.0	1
China	2,577	9.3	5,060	11.8	- 2,483	7,637	10.8	2
Emiriah Arab Bersatu	123.6	0.4	6,167	14.4	- 6,043	6,290	8.9	3
Jerman	2,856	10.3	2,810	6.6	46	5,665	8.0	4
Amerika Syarikat	2,937	10.6	2,498	5.8	438.9	5,436	7.7	5

Imbangan dagangan dua hala **Melaka** dengan **Singapura** mencatatkan lebih sebanyak RM5.7 bilion

Nota:
Eksport diperuntukkan kepada negeri berdasarkan negeri asal dalam Malaysia di mana peringkat akhir pengeluaran berlaku. Sebaliknya, import diperuntukkan kepada negeri berdasarkan negeri destinasi terakhir (iaitu negeri di mana barangan dikeluarkan daripada kawalan Kastam, tetapi tidak semestinya di mana barangan itu akhirnya dijual atau digunakan. Dalam hal ini, negeri pemuatan/pelepasan boleh digunakan sebagai proksi bagi negeri asal/destinasi akhir yang sebenar.

BAB 6

STATISTIK AKAUN KERAJAAN

BAB 6

STATISTIK AKAUN KERAJAAN

STATISTIK AKAUN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Ekonomi Malaysia pada tahun 2023 menunjukkan ketahanan yang kukuh dalam menghadapi persekitaran global yang mencabar. Walaupun berhadapan ketidaktentuan geopolitik dan tekanan luaran, negara berjaya mengekalkan momentum pertumbuhan, disokong terutamanya oleh permintaan domestik yang berterusan.


Secara keseluruhan, prestasi kewangan Kerajaan Persekutuan pada tahun 2023 mencatatkan prestasi yang lebih baik berbanding tahun 2022. Hasil Kerajaan Persekutuan mencatatkan pertumbuhan ketara iaitu sebanyak 7.0 peratus. Jumlah hasil meningkat sebanyak RM20.6 bilion, daripada RM294.4 bilion pada tahun 2022 kepada RM315.0 bilion pada tahun 2023, seperti di **Jadual 6.1**. Daya tahan ekonomi domestik yang kukuh telah menjadi faktor utama yang mendorong peningkatan signifikan dalam kutipan hasil.

Peningkatan ini didorong terutamanya oleh pertumbuhan kukuh dalam komponen hasil cukai, yang mencatatkan peningkatan yang amat memberangsangkan. Hasil cukai terus menjadi penyumbang utama kepada kutipan hasil Kerajaan Persekutuan, dengan sumbangan sebanyak 72.8 peratus, serta merekodkan pertumbuhan sebanyak 9.8 peratus pada tahun 2023.


Jadual 6.1 : Hasil Kerajaan Persekutuan, 2022-2023

Hasil	RM bilion		Pertumbuhan (%)
	2022	2023	
Hasil cukai	208.8	229.2	9.8
Hasil bukan cukai	79.6	79.0	-0.7
Terimaan bukan hasil	5.3	6.0	13.8
Hasil Wilayah Persekutuan	0.7	0.7	4.4
Jumlah hasil	294.4	315.0	7.0

Sumber: Jabatan Akauntan Negara Malaysia



Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan



Jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan meningkat kepada RM407.4 bilion atau 11.8 peratus pada tahun 2023 seperti **Jadual 6.2**. Peningkatan ini didorong terutamanya oleh lonjakan ketara dalam perbelanjaan pembangunan, yang meningkat sebanyak 34.3 peratus, iaitu daripada RM71.6 bilion pada tahun 2022 kepada RM96.1 bilion pada tahun 2023.

Kesemua sektor di bawah perbelanjaan pembangunan mencatatkan pertumbuhan, dengan sektor ekonomi merekodkan peningkatan tertinggi sebanyak 46.3 peratus atau RM18.1 bilion, diikuti oleh sektor keselamatan (RM3.2 bilion), sektor sosial (RM3.1 bilion) dan sektor pentadbiran am (RM0.1 bilion).




Selain itu, perbelanjaan mengurus turut menunjukkan trend peningkatan dengan pertumbuhan sebanyak 6.3 peratus. Ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh pemberian dan kenaikan bayaran tetap yang meningkat sebanyak RM13.1 bilion (7.7%), iaitu daripada RM168.6 bilion kepada RM181.6 bilion pada tahun 2023. Komponen lain seperti emolumen, perkhidmatan dan bekalan, serta aset turut mencatatkan peningkatan masing-masing 4.6 peratus, 3.5 peratus dan 33.5 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Jadual 6.2 : Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan, 2022-2023

Perbelanjaan	RM bilion		Pertumbuhan (%)
	2022	2023	
Perbelanjaan mengurus	292.7	311.3	6.3
Emolumen	87.8	91.9	4.6
Perkhidmatan dan bekalan	34.7	35.9	3.5
Aset	0.8	1.0	33.5
Pemberian dan kenaikan bayaran tetap	168.6	181.6	7.7
Perbelanjaan lain	0.9	0.9	-1.0
Perbelanjaan pembangunan	71.6	96.1	34.3
Ekonomi	39.1	57.2	46.3
Sosial	21.1	24.2	14.7
Keselamatan	8.2	11.4	38.6
Pentadbiran Am	3.1	3.2	3.9
Jumlah perbelanjaan	364.3	407.4	11.8

Sumber: Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Nota: Hasil tambah mungkin berbeza disebabkan oleh pembundaran.



STATISTIK AKAUN KERAJAAN NEGERI

Hasil kerajaan negeri


Kerajaan negeri menjana hasil pendapatan melalui tiga sumber utama iaitu hasil cukai, hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil. Sumber-sumber ini merangkumi pelbagai kutipan seperti hasil tanah, hasil hutan, bayaran lesen, duti hiburan dan bayaran perkhidmatan lain.

Pada tahun 2023, Kerajaan Negeri Sarawak mencatatkan kutipan hasil tertinggi dalam kalangan negeri-negeri di Malaysia, berjumlah RM13.3 bilion, meningkat daripada RM11.9 bilion pada tahun sebelumnya (**Carta 6.1**). Peningkatan kukuh sebanyak 11.8 peratus ini didorong terutamanya oleh lonjakan hasil bukan cukai sebanyak 33.2 peratus.


Kerajaan Negeri Sabah yang berada di tempat kedua merekodkan pertumbuhan marginal sebanyak 0.2 peratus. Kenaikan ini disokong oleh peningkatan hasil bukan cukai yang memberangsangkan sebanyak 13.5 peratus, namun pertumbuhan keseluruhan diperlahankan oleh penurunan hasil cukai sebanyak 14.6 peratus.

Sementara itu, Kerajaan Negeri Selangor menduduki tangga ketiga dengan peningkatan kutipan hasil sebanyak RM0.2 bilion kepada RM2.7 bilion. Secara keseluruhan, majoriti negeri mencatatkan peningkatan dalam kutipan hasil, kecuali Terengganu, Kelantan, Pulau Pinang, Melaka dan Perlis yang menunjukkan penyusutan kutipan berbanding tahun sebelumnya.

Carta 6.1 : Kutipan hasil kerajaan negeri, 2022-2023



Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia



Perbelanjaan mengurus kerajaan negeri





Perbelanjaan mengurus dan hasil saling berkait rapat dan merupakan asas kepada kelancaran fungsi sektor kerajaan. Bagi tahun 2023, Kerajaan Negeri Sarawak mencatatkan perbelanjaan mengurus tertinggi berjumlah RM11.4 bilion, meningkat daripada RM10.8 bilion pada tahun 2022. Peningkatan sebanyak RM0.6 bilion atau 5.3 peratus ini didorong oleh pertambahan perbelanjaan dalam perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan (**Carta 6.2**).

Perbelanjaan tertinggi seterusnya direkodkan oleh Kerajaan Negeri Sabah iaitu sebanyak RM5.9 bilion, bertambah 18.2 peratus disokong oleh peningkatan komponen perbelanjaan lain.

Selain Sarawak dan Sabah, sembilan negeri lain turut mencatatkan peningkatan perbelanjaan mengurus pada tahun 2023. Kerajaan Negeri Selangor mencatatkan perbelanjaan sebanyak RM2,522.7 juta, berkembang 5.3 peratus berbanding tahun sebelumnya. Ini diikuti oleh Johor (RM1,791.0 juta), Pahang (RM1,232.1 juta), Perak (RM1,151.3 juta), Pulau Pinang (RM951.8 juta), Kedah (RM641.7 juta), Negeri Sembilan (RM536.5 juta), Melaka (RM446.5 juta) dan Perlis (RM162.9 juta). Walau bagaimanapun, negeri Terengganu dan Kelantan merekodkan pengurangan masing-masing sebanyak 26.2 peratus dan 6.6 peratus dalam perbelanjaan mengurus.

Carta 6.2 : Perbelanjaan mengurus kerajaan negeri, 2022-2023



Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia


Surplus/defisit kerajaan negeri

Penyata Akaun Hasil Disatukan menunjukkan perbandingan antara jumlah hasil dan perbelanjaan mengurus bagi setiap kerajaan negeri dalam satu-satu tahun kewangan. Pada tahun 2023, Kerajaan Negeri Sarawak mencatatkan surplus tertinggi sebanyak RM1.9 bilion, meningkat ketara berbanding RM1.1 bilion pada tahun sebelumnya. Lonjakan ini dipacu oleh peningkatan hasil bukan cukai.



Sebaliknya, Kerajaan Negeri Pulau Pinang merekodkan defisit terbesar berjumlah RM358.8 juta, meningkat daripada RM160.0 juta pada tahun 2022. Defisit ini berpunca daripada penyusutan hasil bukan cukai serta kenaikan dalam perbelanjaan pemberian dan kenaan bayaran tetap.

Secara keseluruhan, tujuh buah negeri mencatatkan surplus, manakala enam negeri mengalami defisit seperti di **Carta 6.3**.

Carta 6.3: Surplus/defisit mengikut negeri, 2022-2023



Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia





STATISTIK AKAUN KERAJAAN NEGERI MELAKA


Hasil Kerajaan Negeri Melaka

RM427.5 juta
Hasil Kerajaan Negeri
Melaka pada tahun
2023



Hasil dan perbelanjaan mengurus saling berkait rapat dan merupakan asas kepada kelancaran fungsi sektor kerajaan. Kutipan hasil Kerajaan Negeri Melaka mencatatkan penurunan sebanyak 5.6 peratus iaitu daripada RM452.7 juta pada tahun sebelumnya kepada RM427.5 juta pada tahun 2023 (**Carta 6.4**). Penyusutan ini didorong oleh pengurangan dalam komponen hasil bukan cukai sebanyak 8.3 peratus atau RM22.0 juta serta terimaan bukan hasil sebanyak RM12.8 juta.


Carta 6.4 : Siri masa hasil Kerajaan Negeri Melaka, 2016-2023



Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia

Daripada keseluruhan hasil, komponen hasil bukan cukai merupakan penyumbang tertinggi dengan menyumbang 56.7 peratus, seperti ditunjukkan dalam **Carta 6.5**.

Carta 6.5 : Hasil Kerajaan Negeri Melaka, 2023



Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia

56.7%
Sumbangan hasil
bukan cukai pada
tahun 2023




Hasil tertinggi Kerajaan Negeri Melaka disumbangkan oleh premium tanah bernilai RM158.6 juta diikuti cukai tanah semasa yang berjumlah RM80.3 juta. Tiga lagi sumber hasil yang menyumbang kepada pendapatan negeri Melaka adalah pemberian hitung kepala, bayaran pendaftaran pindah milik tanah serta pemberian caj perkhidmatan projek persekutuan seperti pada **Jadual 6.3**.

Jadual 6.3 : Perbandingan penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri Melaka, 2022-2023

Penyumbang utama hasil	RM juta	
	2022	2023
Premium tanah	159.6	158.6
Cukai tanah semasa	73.4	80.3
Pemberian hitung kepala	16.1	16.2
Bayaran pendaftaran pindah milik tanah	15.4	16.6
Pemberian caj perkhidmatan projek persekutuan	9.1	1.5
Jumlah	273.6	273.1


Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia




Perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri Melaka


Perbelanjaan mengurus kerajaan negeri terdiri daripada bayaran emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan kenaan bayaran tetap dan perbelanjaan lain. Bagi tahun 2023, jumlah peruntukan yang diluluskan bagi perbelanjaan mengurus adalah sebanyak RM455.4 juta, dan daripada jumlah ini, sebanyak RM446.5 juta atau 98.0 peratus telah dibelanjakan (**Carta 6.6**).

Carta 6.6 : Siri masa perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri Melaka, 2016-2023



Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia





Secara keseluruhan, perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri Melaka mencatatkan peningkatan sebanyak RM28.6 juta atau 6.8 peratus iaitu daripada RM417.9 juta pada tahun 2022 kepada RM446.5 juta pada tahun 2023 (**Jadual 6.4**).

Peningkatan ini didorong oleh perkhidmatan dan bekalan, yang mencatatkan peningkatan sebanyak RM14.2 juta. Selain itu, emolumen turut meningkat sebanyak RM4.5 juta, manakala perbelanjaan lain bertambah sebanyak RM4.0 juta. Aset serta pemberian dan kenaikan bayaran lain masing-masing mencatatkan peningkatan sebanyak RM3.9 juta dan RM2.0 juta.

Jadual 6.4 : Perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri Melaka, 2022-2023

Butiran perbelanjaan	RM juta		Perubahan	
	2022	2023	RM juta	%
Emolumen	115.8	120.2	4.5	3.9
Perkhidmatan dan bekalan	167.8	182.0	14.2	8.5
Aset	4.1	8.0	3.9	93.9
Pemberian dan kenaikan bayaran tetap ¹	129.2	131.2	2.0	1.6
Perbelanjaan lain	1.1	5.1	4.0	372.2
Jumlah	417.9	446.5	28.6	6.8

¹ Termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan

Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia

Surplus/defisit Kerajaan Negeri Melaka

Kerajaan Negeri Melaka mengakhiri tahun kewangan 2023 dengan defisit semasa berjumlah RM19.0 juta, berbanding surplus RM34.9 juta yang direkodkan pada tahun 2022 seperti di **Jadual 6.5**.

Jadual 6.5 : Surplus/defisit Kerajaan Negeri Melaka, 2022-2023

Butiran	RM juta		Perubahan	
	2022	2023	RM juta	%
Hasil	452.7	427.5	-25.5	-5.6
Perbelanjaan mengurus	417.9	446.5	28.6	28.6
Surplus/defisit	34.9	-19.0	-53.8	-154.5

Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia

PIHAK BERKUASA TEMPATAN DI MELAKA



MELAKA mempunyai **3 majlis perbandaran** dan **1 majlis bandaraya**


PETUNJUK:



Pihak berkuasa tempatan



Jumlah penduduk 2023 ('000) orang



Nota:

- MB = Majlis Bandaraya, MP = Majlis Perbandaran,

GLOSARI

GLOSARI

A

Aktiviti pelancongan

Aktiviti pelancongan adalah merujuk kepada perkara yang dilakukan semasa melancong atau semasa melakukan perjalanan pelancongan.

Aliran perdagangan negeri

Eksport diperuntukkan kepada negeri berdasarkan negeri asal (iaitu negeri dalam Malaysia di mana peringkat akhir pengeluaran atau pembuatan berlaku). Sebaliknya, import diperuntukkan kepada negeri berdasarkan negeri destinasi terakhir (iaitu negeri di mana barangan dikeluarkan daripada kawalan pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia, tetapi tidak semestinya di mana barangan itu akhirnya dijual atau digunakan).

Aktiviti eksport dan import yang berlaku di kawasan Supra (merangkumi aktiviti pengeluaran yang melangkaui pusat kepentingan ekonomi utama bagi mana-mana negeri). Pengikraran yang dilakukan oleh ejen penghantar tidak termasuk dalam penyusunan statistik ini. Nilai import atau eksport bagi W.P. Kuala Lumpur adalah termasuk W.P. Putrajaya.

Anggaran penduduk antara banci

Anggaran penduduk antara banci adalah anggaran penduduk bagi tarikh rujukan antara dua banci dan merupakan data siri masa anggaran penduduk yang muktamad. Data ini diselaraskan semula bagi setiap sepuluh tahun iaitu selepas Banci Penduduk dan Perumahan dijalankan menggunakan set data kelahiran dan kematian muktamad. Kaedah yang digunakan adalah kaedah ketakatan ke hadapan dan ketakatan berbalik.

Anggaran penduduk semasa

Anggaran penduduk semasa merujuk kepada saiz penduduk semasa di sesuatu kawasan. Anggaran ini dikira setiap tahun dan kaedah yang digunakan adalah kaedah komponen kohort iaitu pengiraannya berdasarkan perubahan komponen penduduk iaitu kelahiran, kematian serta migrasi dalaman dan antarabangsa bagi tahun semasa. Anggaran ini memberi gambaran tentang pertumbuhan dan perubahan penduduk dari segi struktur dan komposisinya.

GLOSARI

B

Bakul tetap barangan

Merujuk kepada barangan dan perkhidmatan yang mempunyai kualiti dan kuantiti yang seakan-akan sama atau tidak berubah, mengandungi item yang berada lama atau boleh diukur secara berterusan di pasaran berbanding dengan masa. Perubahan harga barangan yang berlaku dalam bakul ini adalah disebabkan oleh perubahan harga yang sebenarnya sahaja, iaitu perubahan harga ini tidak berkaitan langsung dengan perubahan pada kuantiti atau kualiti barangan dan perkhidmatan tersebut.

Bekerja

Semua orang yang bekerja sekurang-kurangnya sejam semasa minggu rujukan untuk mendapatkan upah, keuntungan atau keuntungan keluarga sama ada sebagai majikan, pekerja, bekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji. Mereka yang bekerja lebih daripada 30 jam semasa minggu rujukan merupakan guna tenaga penuh.

Bukan migrasi

Penduduk yang tempat tinggal biasanya sama pada kedua-dua tarikh rujukan, atau mereka yang berhijrah dalam unit lokaliti yang sama.

D

Destinasi utama

Destinasi utama perjalanan pelancongan ditakrifkan sebagai tempat di mana tujuan utama perjalanan tersebut dilakukan. Walau bagaimanapun, sekiranya tiada destinasi utama yang dapat diberikan oleh pelawat, maka destinasi utama akan dikelaskan berdasarkan masa yang diambil semasa berada di destinasi tersebut. Seterusnya, jika pelawat masih tidak dapat menetapkan destinasi utama maka destinasi utama ditetapkan berdasarkan jarak yang paling jauh dengan tempat tinggal biasa.

Duti import

Duti import terdiri daripada duti kastam, atau bayaran import lain, yang mana mesti dibayar ke atas barang bagi jenis tertentu apabila memasuki wilayah ekonomi.

E

Eksport barang

Sesuatu barang (keluaran atau buatan tempatan atau diimport untuk dieksport semula) dianggap sebagai eksport apabila ianya dibawa keluar dari negara.

GLOSARI

Eksport perkhidmatan

Eksport perkhidmatan terdiri daripada perkhidmatan yang disediakan oleh residen kepada bukan residen seperti berikut: pengangkutan; perjalanan, komunikasi, pembinaan, insurans, kewangan, komputer dan maklumat; royalti dan yuran lesen; perkhidmatan perniagaan lain; persendirian, kebudayaan, dan aktiviti rekreasi; dan perkhidmatan kerajaan n.i.e.



Imbangan perdagangan

Imbangan perdagangan ialah perbezaan antara nilai eksport dan import. Apabila eksport melebihi import lebihan direkodkan manakala defisit pula dicatatkan apabila import melebihi eksport.

Import barang

Sesuatu barang dianggap sebagai import apabila ianya dibawa masuk ke dalam negara, sama ada terus ataupun disimpan di gudang-gudang yang dikawal tanpa mengira sama ada barang tersebut adalah untuk kegunaan sendiri, diproses, digunakan dalam perkilangan ataupun untuk dieksport semula ke negara lain.

Import perkhidmatan

Import perkhidmatan terdiri daripada perkhidmatan yang dibeli oleh residen daripada bukan residen: pengangkutan; perjalanan; komunikasi; pembinaan; insurans; kewangan; komputer dan maklumat; royalti dan yuran lesen; perkhidmatan perniagaan lain; persendirian, kebudayaan, dan aktiviti rekreasi; dan perkhidmatan kerajaan yang tidak diliputi dimana-mana.

Indeks harga pengguna

Indeks harga pengguna mengukur perubahan peratus kos pembelian mengikut masa bagi "bakul" tetap barangan dan perkhidmatan yang mewakili corak purata pembelian oleh sekumpulan penduduk pada sesuatu tempoh masa yang ditetapkan.

Indeks kos sara hidup

Indeks Kos Sara Hidup (KSH) mengukur perubahan peratus kos pembelian mengikut masa bagi barangan dan perkhidmatan di dalam "bakul" Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar (PAKW) yang mewakili corak purata pembelian oleh kumpulan 30 peratus hingga 80 peratus isi rumah pada sesuatu tempoh masa yang ditetapkan. "Bakul" ini merujuk kepada barangan dan perkhidmatan yang mempunyai kualiti dan kuantiti yang seakan-akan sama atau tidak berubah, yang mengandungi item yang berada lama atau boleh diukur secara berterusan di pasaran berbanding dengan masa. Perubahan harga

GLOSARI

barangan yang berlaku dalam “bakul” ini adalah disebabkan oleh perubahan harga yang sebenarnya sahaja, iaitu perubahan harga ini tidak berkaitan langsung dengan perubahan pada kuantiti atau kualiti barang dan perkhidmatan tersebut.

Barang dan perkhidmatan yang diliputi dalam “bakul” ini dikelaskan berpandu kepada “*Malaysia Classification of Individual Consumption According to Purpose (MCOICOP)*” dalam tiga belas kumpulan.

Indeks pelopor

Indeks Pelopor merupakan ukuran jangkaan keseluruhan aktiviti ekonomi dalam purata empat hingga enam bulan ke hadapan.

Indeks volum nilai jualan

Indeks volum bagi nilai jualan mengukur jualan dalam satu tempoh masa dalam bentuk volum (kuantiti yang dijual). Bagi mendapatkan volum nilai jualan, indeks nilai bagi jualan dibahagikan dengan Indeks Harga Pengguna dan Indeks Harga Pengeluar (yang mana berkenaan) untuk menyingkirkan pengaruh harga kepada nilai jualan.

Inflasi

Inflasi merujuk kepada kadar perubahan yang ditunjukkan oleh pergerakan harga. Kaedah pengiraan yang digunapakai ialah perubahan peratus antara purata tahunan tahun semasa yang spesifik dengan purata tahunan yang sama ditetapkan pada tahun sebelumnya.

Isi Rumah

Isi rumah ditakrifkan sebagai seorang atau sekumpulan orang yang bersaudara atau tidak bersaudara yang biasanya tinggal bersama dalam satu tempat kediaman serta membuat peruntukan secara bersama untuk makanan dan keperluan hidup yang lain.



Jangkaan hayat

Purata baki umur (tahun) seseorang dijangka akan dapat hidup pada permulaan umur tertentu.

Jangkaan hayat ketika lahir

Jangkaan purata bilangan tahun seseorang bayi yang baru lahir akan hidup dengan mengandaikan corak kadar kematian pada umur tertentu yang tetap.

GLOSARI

Jumlah jam bekerja

Jumlah jam bekerja bagi pekerjaan dalam tempoh rujukan merujuk kepada agregat sebenar jam bekerja bagi suku tahun. Ini merupakan hasil darab daripada purata jam bekerja dengan pekerja jam bekerja. Pekerja jam bekerja merujuk kepada keseluruhan pekerja tidak termasuk mereka yang tidak bekerja pada akhir tempoh rujukan kerana sakit, kecederaan, hilang upaya, cuaca buruk, cuti, pertikaian buruh dan sebab sosial atau agama.

Jumlah nisbah tanggungan

Merujuk kepada nisbah bilangan penduduk yang berumur bawah 15 tahun dan yang berumur 65 tahun dan lebih kepada bilangan penduduk yang berumur 15-64 tahun.

K

Kadar kesuburan jumlah

Merujuk kepada purata bilangan anak yang akan dilahirkan sekiranya seseorang perempuan terus hidup sehingga akhir tempoh reproduktifnya dan di sepanjang tempoh itu tertakluk kepada kadar kesuburan umur tertentu bagi sesuatu tahun.

Kadar migrasi

Kadar migrasi mengukur tahap migrasi. Dalam hubungan ini, bagi memudahkan pengiraan, penduduk risiko berkenaan dianggarkan sebagai penduduk di tempat destinasi semasa survei.

Kadar migrasi bersih

Kadar migrasi bersih adalah penambahan atau pengurangan bersih bagi setiap 1,000 penduduk pada tahun semasa.

Kadar migrasi kasar

Kadar migrasi kasar adalah bilangan migrasi kasar sesebuah negeri bagi setiap 1,000 penduduk pada tahun semasa.

Kadar migrasi keluar

Kadar migrasi keluar adalah bilangan migrasi yang keluar dari sesebuah negeri bagi setiap 1,000 penduduk negeri asal dalam tahun semasa.

Kadar migrasi masuk

Kadar migrasi masuk adalah bilangan migrasi yang memasuki sesebuah negeri bagi setiap 1,000 penduduk negeri destinasi dalam tahun semasa.

Kadar pengangguran

Kadar pengangguran ialah perkadaran penduduk yang menganggur kepada jumlah penduduk di dalam tenaga buruh. Kadar ini mengukur peratus penduduk di dalam tenaga buruh yang tidak bekerja.

GLOSARI

Kadar pengangguran siswazah	Kadar pengangguran siswazah ialah perkadaran siswazah menganggur kepada bilangan siswazah dalam tenaga buruh. Kadar ini mengukur peratus siswazah di dalam tenaga buruh yang tidak bekerja.
Kadar penyertaan tenaga buruh	Kadar penyertaan tenaga buruh ditakrifkan sebagai perkadaran penduduk dalam tenaga buruh kepada penduduk dalam umur bekerja (15–64 tahun) dalam bentuk peratusan.
Kadar penyertaan tenaga buruh siswazah	Kadar penyertaan tenaga buruh siswazah ditakrifkan sebagai perkadaran siswazah dalam tenaga buruh kepada jumlah siswazah umur bekerja (15 tahun dan lebih) yang dilaporkan dalam peratusan.
KDNK kaedah pengeluaran	KDNK berasaskan pendekatan pengeluaran (output) boleh didefinisikan sebagai jumlah nilai barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan di Malaysia setelah ditolak dengan barangan dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran (penggunaan perantaraan) sebelum ditolak penggunaan modal tetap.
KDNK pada harga malar	KDNK pada harga malar adalah nilai KDNK tanpa kesan harga berdasarkan tingkat harga terpilih pada tahun rujukan/asas. Sebagai satu kaedah mengukur pengeluaran, KDNK mengukur jumlah nilai pengeluaran barangan dan perkhidmatan oleh residen sesebuah negara dalam tempoh tertentu sebelum ditolak peruntukan untuk penggunaan modal tetap.
KDNK per kapita	KDNK per kapita adalah KDNK purata penduduk-penduduk dalam sebuah daerah pada tempoh masa tertentu. KDNK per kapita diperoleh dengan membahagikan KDNK dengan jumlah penduduk pada tempoh masa yang sama.
Kelahiran hidup	Merujuk kepada kelahiran yang bernyawa semasa dilahirkan walaupun hanya seketika.
Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)	KDNK boleh diukur dengan menggunakan tiga kaedah iaitu, kaedah pengeluaran (penjumlahan nilai ditambah), perbelanjaan (penjumlahan perbelanjaan akhir) dan pendapatan (penjumlahan pendapatan yang diagihkan oleh unit pengeluar residen).

GLOSARI

Pada asasnya KDNK ialah konsep nilai ditambah. Ia adalah jumlah nilai ditambah bagi semua pengeluar residen ditambah dengan cukai dan ditolak subsidi atas produk yang tidak termasuk dalam pengiraan output.

Kematian bayi

Merujuk kepada kematian bayi yang berumur kurang daripada 1 tahun.

Kematian ibu bersalin

Merujuk kepada kematian seorang wanita yang hamil, ketika melahirkan anak sehingga 42 hari selepas melahirkan anak atau keguguran akibat daripada proses kehamilan dan pengendaliannya atau penyakit-penyakit yang menjejaskan kesihatan ibu dan bukan dari penyebab-penyebab kemalangan atau kebetulan.

Kemiskinan mutlak

Kemiskinan mutlak adalah keadaan di mana pendapatan isi rumah tidak mencukupi untuk menampung keperluan asas mereka. Secara konsepnya, keperluan asas ini meliputi keperluan makanan dan bukan makanan.

Kemudahan pelancongan

Kemudahan pelancongan adalah segala kemudahan yang membantu dalam menjayakan aktiviti pelancongan seperti kemudahan penginapan, makanan & minuman dan pengangkutan.

Kepadatan penduduk

Kepadatan penduduk sekilometer persegi telah dikira sebagai nisbah bilangan penduduk sesuatu kawasan geografi kepada keluasan dalam kilometer persegi bagi kawasan yang sama.

Keperluan bukan makanan

Keperluan bukan makanan diukur berdasarkan kepada perbelanjaan sebenar isi rumah berdasarkan perbelanjaan 20.0 peratus terendah yang diperolehi melalui Survei Perbelanjaan Isi Rumah (HES), 2022. Pengukuran ini menghasilkan satu paras pendapatan minimum yang dikenali sebagai Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) iaitu nilai ringgit yang diperlukan oleh sesebuah isi rumah untuk memenuhi keperluan hidup.

Keperluan makanan

Keperluan makanan merujuk kepada jumlah nutrisi yang diperlukan bagi setiap ahli isi rumah sementara keperluan bukan makanan pula merujuk kepada perbelanjaan rumah ke atas pakaian, tempat kediaman termasuk utiliti dan peralatan isi rumah, pengangkutan, komunikasi, pendidikan dan kesihatan. Keperluan makanan diukur menggunakan

GLOSARI

pendekatan kos keperluan asas bagi mendapatkan jumlah minimum pilihan makanan yang patut diambil dengan jumlah nutrisi yang optimum berdasarkan kepada Panduan Diet Malaysia yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Ketua Isi Rumah

Ketua isi rumah ditakrifkan sebagai seorang ahli biasa sama ada lelaki atau perempuan yang dianggap sebagai ketua oleh ahli isi rumah yang lain. Ketua isi rumah mesti seorang penerima pendapatan yang berumur 15 tahun dan ke atas.



Migrasi

Penduduk yang tempat tinggal biasanya berbeza pada kedua-dua tarikh rujukan dan tidak termasuk mereka yang berhijrah dalam unit lokaliti yang sama.

Migrasi antarabangsa

Penduduk yang berpindah dari luar negara ke Malaysia.

Migrasi bersih

Perbezaan di antara bilangan migrasi masuk dan migrasi keluar. Jika bilangan migrasi masuk melebihi migrasi keluar, hasilnya ialah migrasi masuk bersih. Kes sebaliknya pula dikenali sebagai migrasi keluar bersih.

Migrasi dalaman

Penduduk yang bertukar tempat tinggal biasa di beberapa peringkat geografi di dalam negara. Mereka boleh dikategorikan sebagai migrasi antara negeri jika mereka berhijrah dari satu negeri ke negeri yang lain. Jika berhijrah adalah dalam negeri yang sama, mereka dikategorikan sebagai migrasi dalam negeri.

Migrasi kasar

Jumlah migrasi masuk dan migrasi keluar bagi sesebuah negeri. Migrasi kasar mengukur magnitud penghijrahan masuk dan keluar bagi sesebuah negeri dan bertujuan memberi gambaran berkenaan *turnover* dan taburan semula penduduk di sesebuah negeri.

Migrasi keluar

Mereka yang berhijrah keluar dari negeri asal dan tinggal di negeri lain.

Migrasi masuk

Mereka yang berhijrah dari negeri lain dan tinggal di negeri destinasi.

GLOSARI

N

Nilai ditambah

Nilai ditambah adalah perbezaan di antara output dan penggunaan perantaraan. Ia merupakan nilai ditambah barangan dan perkhidmatan dalam aktiviti ekonomi. Oleh itu, ia hampir menyamai dengan keuntungan perniagaan, gaji dan upah, susut nilai dan cukai tidak langsung; campur faedah yang dibayar dan tolak faedah yang diterima.

Nisbah jantina

Merujuk kepada bilangan lelaki bagi setiap 100 perempuan.

Nisbah keberkesanan migrasi

Indeks yang menilai keberkesanan migrasi dalam mengagih semula taburan penduduk.

Nisbah tanggungan umur muda

Merujuk kepada nisbah bilangan penduduk yang berumur bawah 15 tahun kepada bilangan penduduk yang berumur 15-64 tahun.

Nisbah tanggungan umur tua

Merujuk kepada nisbah bilangan penduduk yang berumur 65 tahun dan lebih kepada bilangan penduduk yang berumur 15-64 tahun.

P

Paras penggantian kesuburan

Paras penggantian kesuburan adalah pada 2.1 anak bagi setiap wanita pada umur reproduktif (15-49 tahun). Nilai ini mewakili purata bilangan anak yang perlu dilahirkan oleh seorang wanita dengan menanggung seorang anak perempuan yang hidup sehingga anak tersebut melahirkan anak. Jika paras penggantian kesuburan kekal dalam tempoh yang panjang, setiap generasi secara tepat akan menggantikan dirinya tanpa mengambil kira migrasi penduduk.

Pekali Gini

Pekali Gini merupakan salah satu indikator pengukuran ketidaksamarataan pendapatan yang kerap digunakan bagi kebanyakan negara termasuk Malaysia. Nilai pekali Gini bermula dari 0 bagi kesamarataan sempurna hingga 1 bagi ketidaksamarataan sempurna. Nilai pekali Gini yang mempunyai nilai kesamarataan sempurna ada kalanya tidak menggambarkan pembangunan sesebuah negara. Manakala, ketidaksamarataan sempurna pula berlaku disebabkan proses pembangunan sedang berlaku di negara tertentu.

GLOSARI

Pelaburan langsung asing

Pelaburan langsung asing merujuk kepada pelaburan dalam bentuk instrumen kewangan iaitu ekuiti & dana pelaburan saham (termasuk perolehan dilabur semula) dan instrumen hutang (pinjaman antara syarikat, kredit perdagangan, kemudahan kredit dan lain-lain) daripada pelabur langsung asing dalam enterpris pelaburan langsung di Malaysia.

Pelancong

Pelancong merujuk kepada mereka yang melakukan perjalanan di dalam Malaysia sekurang-kurangnya satu malam (24 jam).

Pelawat domestik

Pelawat domestik ditakrifkan sebagai residen atau mereka yang tinggal di Malaysia sekurang-kurangnya setahun termasuk ekspatriat dan bukan warganegara, yang melakukan perjalanan di luar persekitaran biasanya dalam tempoh kurang daripada setahun untuk tujuan perniagaan, mengisi masa lapang atau urusan peribadi selain untuk diambil bekerja di tempat yang dilawati.

Pelawat harian

Merujuk kepada mereka yang melakukan perjalanan di dalam Malaysia kurang daripada 24 jam.

Pelarasan musim

Pelarasan musim adalah satu proses untuk mengenalpasti dan menyingkirkan pola musim yang biasa berlaku dalam tempoh tertentu, yang mungkin juga merangkumi pengaruh dari kesan cuti yang bergerak dan hari bekerja/ berdagang.

Pembinaan

Pembinaan baru, pengubahsuaian, pembaikan dan perobohan. Pemasangan sebarang jenis jentera atau peralatan yang dipasang ketika pembinaan asal adalah diambil kira, demikian juga bagi pemasangan jentera atau peralatan selepas pembinaan asal tetapi memerlukan perubahan struktur bagi pemasangannya.

Pembuatan

Perubahan fizikal atau kimia ke atas bahan atau komponen menjadi produk baru sama ada kerja itu dilakukan oleh jentera pacuan kuasa atau yang dijalankan dengan tangan, sama ada dilaksanakan di kilang atau di rumah pekerja dan sama ada barang keluaran dijual secara borong atau runcit.

Pengelasan empat (4) subsektor utama adalah seperti berikut:

- Produk makanan, minuman dan tembakau
 - Subsektor produk makanan
 - Subsektor minuman dan produk tembakau

GLOSARI

- Produk petroleum, kimia, getah dan plastik
-Subsektor produk petroleum, kimia, getah dan plastik
- Produk elektrik, elektronik dan optikal
-Subsektor produk elektrik, elektronik dan optikal
- Produk pembuatan lain
-Subsektor produk tekstil, pakaian dan kulit
-Subsektor produk kayu, perabot, keluaran kertas dan percetakan
-Subsektor produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka
-Subsektor peralatan pengangkutan, pembuatan lain dan pembaikan

Pembentukan modal tetap kasar

Pembentukan modal tetap kasar diukur menggunakan jumlah nilai pemerolehan pengeluaran, tolak pelupusan, daripada harta tetap semasa tempoh perakaunan, dicampur penambahan ke atas nilai harta bukan pengeluaran (misalnya aset tanah atau penambahbaikan besar ke atas kuantiti, kualiti atau produktiviti tanah) yang direalisasikan oleh aktiviti produktif unit institusi.

Pendapatan isi rumah

Pendapatan isi rumah ialah jumlah pendapatan yang biasanya diterima (terakru) oleh ahli isi rumah, dalam bentuk wang tunai atau barangan yang diterima berulang kali dalam tempoh rujukan survei (jangka masa setahun atau lebih kerap). Punca pendapatan adalah merangkumi:

i) Pekerjaan bergaji

Pendapatan daripada pekerjaan bergaji boleh diterima dalam bentuk wang tunai atau dalam bentuk barangan dan perkhidmatan. Ini termasuk upah dan gaji untuk masa bekerja dan kerja yang dilakukan; bonus tunai dan ganjaran; komisen dan tips; elaun; bonus perkongsian keuntungan dan lain-lain bentuk pembayaran keuntungan yang berkaitan dan barangan dan perkhidmatan percuma atau subsidi daripada majikan (termasuk makanan percuma/ konsesi). Pendapatan pekerja juga termasuk insurans sosial sumbangan daripada majikan, pencaruman majikan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan bayaran pampasan pemberhentian & penamatan

GLOSARI

(kecuali bayaran persaraan *one-off* seperti gratuiti bagi pesara, yang dianggap sebagai pindahan modal).

ii) Bekerja sendiri

Pendapatan yang diterima oleh individu hasil daripada bekerja sendiri. Pendapatan bersih daripada bekerja sendiri termasuk keuntungan atau kerugian yang terakru kepada pemilik atau rakan kongsi atau mereka yang bekerja dalam perusahaan yang tidak diperbadankan. Ia juga termasuk anggaran nilai barangan dan perkhidmatan yang diperoleh melalui pertukaran barang serta barangan atau tanaman/ ternakan yang dihasilkan untuk kegunaan sendiri, setelah ditolak perbelanjaan. Asas untuk mengukur pendapatan daripada bekerja sendiri dalam statistik pendapatan isi rumah adalah berdasarkan konsep pendapatan bersih iaitu nilai output kasar ditolak kos operasi dan selepas pelarasan bagi susut nilai aset yang digunakan dalam pengeluaran. Keuntungan berlaku apabila pendapatan adalah lebih besar daripada perbelanjaan operasi, manakala kerugian berlaku apabila perbelanjaan operasi adalah lebih besar daripada penerimaan.

iii) Harta dan pelaburan

Pendapatan daripada harta dan pelaburan adalah terimaan daripada pemilikan aset, faedah, dividen dan sewa. Pendapatan daripada harta benda ditakrifkan sebagai pulangan daripada penggunaan atau pelaburan aset yang disediakan kepada orang lain untuk kegunaan mereka. Ia merangkumi pulangan yang biasanya dalam bentuk kewangan, daripada aset kewangan (faedah dan dividen), aset bukan kewangan (sewa) dan royalti. Penerimaan faedah ialah bayaran yang diterima daripada akaun bank atau institusi kewangan yang lain, perakuan deposit, bon kerajaan/ pinjaman, sekuriti debentur dan pinjaman kepada ahli-ahli bukan isi rumah. Dividen adalah penerimaan daripada pelaburan dalam sebuah syarikat di mana pelabur tidak terlibat dengan aktiviti syarikat. Ini termasuk *silent partner*. Ia juga termasuk pencen dan anuiti dalam bentuk dividen daripada skim insurans swasta. Sewa ialah bayaran yang diterima untuk penggunaan aset seperti tanah dan rumah. Royalti adalah pendapatan yang diperoleh daripada perkhidmatan bahan dipatenkan atau hak cipta, contohnya seperti hak penulisan, hak cipta bagi

GLOSARI

gubahan lagu dan lain-lain. Sewa dinilai bagi rumah sendiri yang diduduki oleh pemiliknya.

iv) Pindahan semasa diterima

Pindahan boleh terdiri daripada wang tunai, barangan atau perkhidmatan. Pindahan boleh dibuat antara isi rumah ke isi rumah yang lain, antara kerajaan dan isi rumah, atau antara isi rumah dan badan-badan amal. Penerimaan boleh daripada dalam atau luar negara. Pindahan semasa ini adalah bermotivasikan pengagihan semula pendapatan sama ada oleh kerajaan (contoh: bantuan Pendidikan, zakat dan Bantuan Prihatin Rakyat (BPR)/ Bantuan Sara Hidup (BSH)/ Bantuan Keluarga Malaysia (BKM)) atau persendirian/ swasta (contoh: program bantuan sosial korporat). Pindahan semasa yang diterima secara langsung memberi kesan kepada tahap pendapatan kasar dan mempengaruhi penggunaan barangan dan perkhidmatan. Justeru, semua pindahan semasa yang diterima dalam bentuk wang tunai dan barangan atau perkhidmatan secara berkala adalah dianggap sebagai sebahagian daripada pendapatan. Walau bagaimanapun, pindahan semasa tersebut tidak meliputi pindahan modal.

Pendapatan kasar dan pendapatan boleh guna

Pendapatan kasar dan pendapatan boleh guna merupakan dua konsep utama pendapatan yang diguna pakai di dalam laporan ini dan boleh ditakrifkan seperti berikut:

i) Pendapatan Kasar

Pendapatan kasar adalah jumlah pendapatan yang di peroleh oleh isi rumah daripada semua punca pendapatan pendapatan isi rumah.

ii) Pendapatan boleh guna

Pendapatan boleh guna adalah pendapatan kasar isi rumah setelah ditolak pindahan semasa yang dibayar seperti cukai langsung, sumbangan kepada isi rumah lain, bayaran zakat dan pindahan semasa lain yang dibayar serta pindahan semasa yang diterima secara mata benda (*in-kind*). Konsep pendapatan boleh guna ini mencerminkan pendapatan sebenar isi rumah terhadap penggunaan semasa dan simpanan.

GLOSARI

Penganggur	Penganggur adalah mereka yang tidak bekerja semasa minggu rujukan dan dikelaskan kepada dua kumpulan iaitu penganggur aktif dan penganggur tidak aktif.
Penganggur aktif	Penganggur aktif adalah mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan dalam minggu rujukan.
Penganggur tidak aktif	Penganggur tidak aktif adalah mereka yang berada dalam kategori berikut: a. Tidak mencari pekerjaan dalam minggu rujukan kerana percaya tidak terdapat pekerjaan atau pun tidak berkecenderungan; b. Mungkin mencari pekerjaan jika tidak kerana sakit atau keadaan cuaca; dan c. Telah mencari pekerjaan sebelum minggu rujukan dan sedang menunggu jawapan permohonan pekerjaan.
Perbelanjaan asas kehidupan wajar	Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar (PAKW) ditakrifkan sebagai satu amaun perbelanjaan yang diperlukan oleh isi rumah untuk menjalani kehidupan wajar yang dapat memenuhi keperluan dan kehendak termasuklah penyertaan dalam aktiviti sosial dan masyarakat. Kehidupan wajar adalah satu taraf kehidupan bermakna yang memenuhi keperluan dan kehendak serta mengambil bahagian dalam masyarakat. Keperluan merujuk kepada barangan dan perkhidmatan yang diperlukan untuk hidup dengan bermakna. Sementara kehendak pula merupakan barangan dan perkhidmatan pilihan pengguna untuk kehidupan yang lebih selesa. Penyertaan dalam masyarakat bermaksud mengambil bahagian dan melibatkan diri dalam aktiviti formal atau tidak formal dalam masyarakat.
Perbelanjaan isi rumah	Definisi perbelanjaan isi rumah yang diguna pakai adalah mengikut konsep dan garis panduan <i>System of National Accounts, 2008</i> oleh United Nations dan <i>Framework for Statistics on the Distribution of Household Income, Consumption and Wealth, 2013</i> oleh Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD). Perbelanjaan isi rumah ini boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu

GLOSARI

perbelanjaan penggunaan dan perbelanjaan bukan penggunaan.

i) Perbelanjaan penggunaan isi rumah

Perbelanjaan penggunaan akhir isi rumah terdiri daripada perbelanjaan yang ditanggung oleh isi rumah penduduk ke atas barangan atau perkhidmatan penggunaan. Perbelanjaan penggunaan akhir tidak termasuk perbelanjaan ke atas aset tetap dalam bentuk kediaman atau barangan berharga. Ia berfungsi sebagai penunjuk utama tingkah laku pengguna dan aktiviti ekonomi keseluruhan kerana ia mencerminkan kuasa beli dan keutamaan isi rumah.

ii) Perbelanjaan bukan penggunaan isi rumah

Perbelanjaan bukan penggunaan adalah perbelanjaan yang dilakukan oleh isi rumah untuk tujuan kewangan lain seperti bayaran faedah ke atas pinjaman dan hutang, cukai ke atas pendapatan dan kekayaan, denda dan penalti, simpanan dan pelaburan, premium insurans yang melebihi perlindungan asas, dan caruman keselamatan sosial.

Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan

Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan mengandungi perbelanjaan, termasuk perbelanjaan yang ditaksir, dibiayai oleh kerajaan untuk penggunaan barang dan perkhidmatan individu dan penggunaan perkhidmatan kolektif.

Perbelanjaan penggunaan akhir swasta

Perbelanjaan penggunaan akhir swasta adalah nilai penggunaan barang yang diperoleh oleh isi rumah, sama ada dengan pembelian atau dengan pindahan daripada unit kerajaan atau institusi bukan untung yang berkhidmat untuk isi rumah (NPISH) dan digunakan oleh mereka untuk kepuasan keperluan dan kehendak mereka; ianya diperoleh daripada perbelanjaan penggunaan akhir mereka dengan menambah nilai pindahan sosial bukan berbentuk wang akan diterima.

Perbelanjaan pelancongan domestik

Perbelanjaan pelancongan domestik merujuk kepada perbelanjaan yang dikeluarkan oleh pelawat domestik dalam sesebuah negara. Ia merujuk kepada jumlah yang dibayar bagi perolehan penggunaan barangan & perkhidmatan dan barang berharga, untuk kegunaan sendiri atau untuk diberi ketika dan semasa perjalanan pelancongan. Ini termasuk

GLOSARI

perbelanjaan yang dilakukan sendiri dan perbelanjaan yang dibayar oleh orang lain (contoh: majikan).

Perjalanan bermalam

Perjalanan yang melibatkan seseorang meninggalkan tempat kediamannya sekurang-kurangnya untuk tempoh satu malam (24 jam) dengan tujuan perjalanan berkaitan dengan aktiviti pelancongan serta menggunakan kemudahan pelancongan. Perjalanan tersebut mestilah dalam tempoh kurang dari 12 bulan.

Perjalanan harian

Perjalanan keluar dari rumah yang jaraknya 50 km dan lebih pergi dan balik serta mengambil masa 4 jam dan lebih. Bagi jarak yang kurang dari 50 km pergi dan balik, masa yang digunakan hendaklah 4 jam dan lebih serta menggunakan kemudahan pelancongan seperti kemudahan pengangkutan, penginapan, makanan & minuman atau rekreasi.

Perjalanan pelancongan

Perjalanan pelawat ke sesebuah tempat di luar dari persekitaran biasa mereka dalam tempoh tidak lebih dari satu tahun dengan tujuan utama (sama ada urusan perniagaan, percutian atau urusan peribadi) selain untuk diambil bekerja oleh residen di tempat yang dilawati.

Per kapita pendapatan/ PAKW/perbelanjaan

Konsep per kapita adalah merujuk kepada jumlah pendapatan/ PAKW/ perbelanjaan bagi kesemua orang dalam sesebuah isi rumah dan dibahagikan dengan bilangan orang dalam isi rumah tersebut. Nilai per kapita dianggarkan bagi memberi gambaran perbelanjaan mengikut individu. Walau bagaimanapun, nilai per kapita bukanlah nilai sebenar perbelanjaan individu.

Perkhidmatan

Perkhidmatan berkaitan Bekalan elektrik, gas, wap & pendinginan udara; Bekalan air; pembetulan, pengurusan sisa & aktiviti pemulihan; Perdagangan Borong & runcit; Pengangkutan & penyimpanan; Maklumat & komunikasi; Penginapan; Makanan & minuman; Kewangan; Hartanah; Profesional, saintifik & teknikal; Pentadbiran & khidmat sokongan; Pendidikan swasta; Kesihatan swasta & kerja sosial; Kesenian, hiburan & rekreasi dan Perkhidmatan persendirian & lain-lain aktiviti.

- i) Bekalan elektrik, gas, wap & pendingin udara adalah ditakrifkan sebagai aktiviti pembekalan tenaga elektrik, gas asli, wap, air panas dan seumpamanya melalui satu

GLOSARI

infrastruktur (rangkaian) tetap bagi talian, saluran utama dan paip. Dimensi rangkaian ini tidak dapat ditentukan; juga termasuk pengagihan elektrik, gas, wap, air panas dan seumpamanya di kawasan Perindustrian atau bangunan tempat kediaman. Oleh itu, seksyen ini termasuk operasi utiliti elektrik dan gas yang menjana, mengawal dan mengagih tenaga elektrik atau gas. Juga termasuk bekalan wap dan pendinginan udara;

- ii) Bekalan air; pembetulan, pengurusan sisa & aktiviti pemulihan meliputi aktiviti yang berkaitan dengan pengurusan sisa termasuk pungutan, perawatan dan pelupusan seperti sisa terjadual, sisa pepejal dan air sisa daripada perindustrian dan isi rumah, termasuk juga pemulihan bahan dan tapak yang tercemar. Hasil sisa daripada proses perawatan boleh dilupus atau menjadi input kepada proses pengeluaran yang lain. Aktiviti yang berkaitan dengan perawatan dan bekalan air juga dimasukkan dalam sektor ini;
- iii) Perdagangan borong & runcit merangkumi perdagangan borong, perdagangan runcit, dan kenderaan bermotor;
- iv) Pengangkutan & penyimpanan meliputi pertubuhan yang menyediakan perkhidmatan darat, pengangkutan muatan melalui jalan raya, pengangkutan darat lain, pengangkutan air, penggudangan & aktiviti sokongan seperti pengoperasian terminal, tempat letak kereta, pengoperasian lebuh raya, pengoperasian pelabuhan, pengendalian kargo/ pemunggahan, agensi perkapalan & penghantaran serta lain lain aktiviti sokongan perkhidmatan pengangkutan;
- v) Maklumat & komunikasi terdiri daripada aktiviti penerbitan, penerbitan wayang gambar, video & program televisyen, rakaman bunyi & penerbitan muzik, pemrograman & penyiaran, perkhidmatan telekomunikasi, pengaturcaraan komputer, perundingan & aktiviti yang berkaitan dan perkhidmatan maklumat;
- vi) Perkhidmatan penginapan merujuk kepada penyediaan tempat penginapan jangka pendek berbayar, sama ada dibuka kepada orang awam atau terhad kepada ahli

GLOSARI

sebuah pertubuhan tertentu. Ianya tidak termasuk penyewaan tempat tinggal berperabot jangka panjang yang dikelaskan dalam Hartanah;

- vii) Perkhidmatan makanan & minuman termasuk perkhidmatan makanan & minuman yang menyediakan hidangan atau minuman lengkap untuk penggunaan segera, sama ada di restoran tradisional, restoran layan diri atau bawa pulang, yang didirikan secara kekal atau sementara, dengan atau tiada kemudahan tempat duduk;
- viii) Perkhidmatan kewangan adalah meliputi aktiviti perantaraan kewangan; aktiviti perkhidmatan kewangan lain dan aktiviti sokongan kepada perkhidmatan kewangan; aktiviti insurans/ takaful, insurans/ takaful semula dan tabungan pencen & hemat; dan aktiviti sokongan kepada insurans/ takaful dan tabungan pencen;
- xi) Perkhidmatan hartanah termasuk tindakan seperti pemberi pajak, ejen dan/ atau broker di dalam satu atau lebih daripada yang berikut: penjualan atau pembelian hartanah, penyewaan hartanah, penyediaan perkhidmatan hartanah lain seperti penilaian hartanah, pengurusan hartanah atau bertindak sebagai ejen hartanah escrow. Aktiviti dalam bahagian ini mungkin dijalankan di atas hartanah milikan sendiri atau pajakan dan mungkin berlaku atas dasar bayaran atau kontrak. Termasuk juga pembangunan struktur, berserta mengekalkan hak milik atau pajakan bagi struktur tersebut;
- x) Perkhidmatan profesional, saintifik & teknikal termasuk aktiviti profesional khusus, saintifik & teknikal yang memerlukan tahap latihan yang tinggi dan menjadikan pengetahuan dan kemahiran khusus tersedia kepada pengguna. Aktiviti yang dijalankan termasuk aktiviti guaman & perakaunan, aktiviti ibu pejabat, aktiviti perundingan pengurusan, aktiviti arkitek & kejuruteraan, ujian & analisis teknikal, penyelidikan & pembangunan saintifik, pengiklanan & penyelidikan pasaran, professional lain, aktiviti saintifik & teknikal dan veterinar;
- xi) Perkhidmatan pentadbiran & khidmat sokongan termasuk pelbagai aktiviti yang menyokong operasi am perniagaan

GLOSARI

meliputi aktiviti sewaan & pajakan, aktiviti pekerjaan, agensi pengembaraan, operator pelancongan & aktiviti perkhidmatan penempahan lain, aktiviti keselamatan & penyiasatan, aktiviti perkhidmatan bangunan & lanskap dan aktiviti pengurusan pejabat, sokongan pejabat & perniagaan lain;

xii) Perkhidmatan pendidikan swasta merujuk kepada pertubuhan yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi yang menyediakan perkhidmatan pelajaran akademik, vokasional dan perdagangan. Aktiviti yang diliputi dalam kumpulan ini ialah pendidikan pra sekolah & pendidikan rendah, pendidikan menengah, pendidikan tinggi, pendidikan lain dan perkhidmatan sokongan lain;

xiii) Perkhidmatan kesihatan swasta & kerja sosial meliputi aktiviti hospital, aktiviti amalan perubatan & pergigian, aktiviti kesihatan dan kemanusiaan lain, aktiviti rumah penjagaan, dan aktiviti kerja sosial tanpa penginapan;

xiv) Perkhidmatan kesenian, hiburan & rekreasi termasuk pelbagai aktiviti bagi memenuhi minat orang awam dalam aktiviti kebudayaan, hiburan dan rekreasi meliputi persembahan secara langsung, operasi muzium, perjudian, sukan dan aktiviti rekreasi; dan

xv) Perkhidmatan persendirian & lain-lain aktiviti termasuk aktiviti keahlian organisasi, aktiviti organisasi keahlian perniagaan, majikan & profesional, aktiviti kesatuan buruh, aktiviti keahlian organisasi lain, pembaikan komputer & barangan persendirian dan isi rumah dan aktiviti perkhidmatan seperti basuhan dan cucian kering tekstil dan produk berbulu; dandanan rambut dan penjagaan kecantikan lain; dan pengebumian dan aktiviti perkhidmatan lain.

Perlombongan dan pengkuarian

Perlombongan dan pengkuarian termasuk pengekstrakan mineral yang terjadi secara semulajadi seperti pepejal (batu arang dan bijih), cecair (petroleum) atau gas (gas asli). Pengekstrakan boleh dijalankan melalui pelbagai kaedah seperti perlombongan bawah tanah atau dedah, pengoperasian telaga, perlombongan dasar laut dan lain-lain.

GLOSARI

- i) Perlombongan adalah ditakrifkan sebagai pengekstrakan, pembersihan dan pemanfaatan mineral-mineral semulajadi, berbentuk pepejal seperti batu arang dan bijih, cecair seperti minyak mentah dan berbentuk gas seperti gas asli. Perlombongan termasuk lombong bawah tanah dan lombong permukaan, kuari dan telaga-telaga dan semua kegiatan tambahan untuk pembersihan dan pemanfaatan bijih dan mineral mentah lain seperti pemecahan, penapisan, pembasuhan, pembersihan, penggredan, pengilangan, pengapungan, peleburan, penggentelan, pengkacipan dan persiapan-persiapan lain yang diperlukan bagi menyediakan bahan-bahan ini untuk membolehkannya dipasarkan. Aktiviti perlombongan juga dikelaskan kepada kumpulan-kumpulan berdasarkan mineral utama yang dikeluarkan.

Ia termasuk pengkuarian, pemotongan kasar bongkah batu dan batu bangunan seperti marmar, granit, batu pasir, dan lain-lain, pengkuarian, pemecahan dan pemotongan batu kapur, perlombongan gipsum dan anhidrit, perlombongan kapur dan dolomit, pengekstrakan dan pengorekan pasir industri, pasir untuk pembinaan dan kerikil, memecah dan menghancurkan batu dan kerikil, pengkuarian pasir dan perlombongan tanah liat, refraktori tanah liat dan kaolin. Ia juga termasuk perlombongan mineral kimia dan baja, pengekstrakan tanah gambut, pengekstrakan garam, dan lain-lain.

- iii) Petroleum dan gas asli merujuk kepada pengeluaran petroleum mentah, perlombongan dan pengekstrakan minyak daripada minyak batu syal dan pasir minyak dan pengeluaran gas asli dan perolehan semula cecair hidrokarbon. Ia termasuk keseluruhan aktiviti pengoperasian dan/ atau pembangunan kelengkapan lapangan minyak dan gas, termasuklah aktiviti seperti pengerudian, penyiapan dan melengkapkan telaga, operasi pengasingan, pemisahan emulsi, peralatan penyahkelodak dan penyambungan aktiviti lapangan untuk petroleum mentah dan semua aktiviti dalam penyediaan minyak dan gas sehingga ke tempat penghantaran daripada pusat pengeluaran. Ia juga termasuk aktiviti sokongan bagi pengekstrakan petroleum dan gas seperti perkhidmatan

GLOSARI

lapangan minyak dan gas, yang dibuat berdasarkan kontrak atau yuran, eksplorasi telaga minyak dan gas dan penggerudian ujian dan aktiviti penggerekkan (*boring*).

Pertanian

Pertanian merangkumi aktiviti penanaman, pemeliharaan dan penternakan haiwan dan pengeluaran produk haiwan, penebangan kayu balak dan tanaman lain, serta perikanan tangkapan dan akuakultur termasuk penggunaan sumber semulajadi tumbuh-tumbuhan dan haiwan (berdasarkan MSIC 2008). Terdapat empat subsektor iaitu tanaman, ternakan, perhutanan & pembalakan dan perikanan.

- i) Tanaman merujuk kepada penanaman dan pengeluaran produk tanaman termasuk pertanian organik. Tanaman juga meliputi penanaman tanaman tidak kekal dan kekal merangkumi penanaman tumbuh-tumbuhan untuk tujuan pengeluaran benih.
- ii) Ternakan merujuk kepada binatang atau unggas yang dipelihara untuk tujuan komersil dan pembiakbakaan. Pengeluaran ternakan termasuk penternakan (ladang) dan pembiakan semua haiwan serta pengeluaran daripada hasil ternakan seperti telur, susu, madu dan sebagainya;
- iii) Perhutanan dan pembalakan termasuk pengeluaran kayu balak untuk industri berasaskan kayu, meliputi pengekstrakan dan pengumpulan produk hutan bukan kayu yang tumbuh liar. Selain pengeluaran kayu balak, aktiviti perhutanan yang menghasilkan produk melalui proses minima seperti kayu api, kayu arang, reja kayu dan kayu balak yang digunakan dalam bentuk yang belum diproses. Aktiviti ini boleh dijalankan dalam hutan asli dan ladang hutan. Ia juga termasuk sebahagian daripada aktiviti operasi perhutanan berdasarkan bayaran atau secara kontrak; dan
- iv) Perikanan termasuk perikanan tangkapan dan akuakultur meliputi penggunaan sumber perikanan daripada laut, air payau atau air tawar dengan tujuan menangkap dan mengumpul ikan, krustasia, moluska dan organisma dan produk laut lain. Akuakultur ialah proses pengeluaran yang

GLOSARI

melibatkan pengkulturan (termasuk tuaian) organisma akuatik menggunakan teknik yang direkabentuk untuk meningkatkan pengeluaran organisma tersebut melebihi kapasiti persekitaran semulajadi.

Pertumbuhan penduduk

Pertumbuhan penduduk adalah perubahan penduduk sejajar dengan perubahan masa dan boleh dikira sebagai perubahan bilangan individu dalam penduduk menggunakan "per unit masa" sebagai pengukuran.

Produktiviti buruh

Produktiviti buruh boleh didefinisikan sebagai nisbah output (barangan dan perkhidmatan) kepada input (pekerja dan jumlah jam bekerja).

Produktiviti buruh per jam pekerja

Produktiviti buruh per jam bekerja ditakrifkan sebagai nisbah output (barangan dan perkhidmatan) kepada input (jumlah jam bekerja). Ukuran ini menggambarkan jumlah output yang dihasilkan dalam tempoh sejam berdasarkan kategori pekerja yang bekerja sepenuh masa, separuh masa, bekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji yang bekerja sekurang-kurangnya satu jam dalam seminggu. Pekerja jam bekerja merujuk kepada keseluruhan pekerja kecuali mereka yang tidak bekerja pada akhir tempoh rujukan kerana sakit, kecederaan, hilang upaya, cuaca buruk, cuti, pertikaian buruh dan sebab sosial atau agama.

Produktiviti buruh per pekerja

Produktiviti buruh per pekerja ditakrifkan sebagai nisbah output (barangan dan perkhidmatan) kepada input (pekerja). Ukuran ini menggambarkan jumlah output yang dihasilkan oleh setiap orang yang bekerja sepenuh masa, separuh masa, bekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji yang bekerja sekurang-kurangnya satu jam dalam seminggu. Pekerja merujuk kepada keseluruhan pekerja pada akhir tempoh rujukan.

Purata perbelanjaan per perjalanan

Merujuk kepada perbelanjaan per pelawat bagi setiap perjalanan.

Purata bilangan hari menginap

Merujuk kepada bilangan hari menginap bagi setiap perjalanan.

Pusat kepentingan ekonomi utama

Pusat kepentingan ekonomi utama merangkumi kawalan efektif sesebuah kerajaan negeri terhadap aktiviti ekonomi yang dilakukan khususnya ke atas hak pemilikan. Wilayah

GLOSARI

ekonomi adalah termasuk tanah, ruang udara, pengairan, hak ke atas perikanan, minyak atau mineral. Biasanya, kawalan efektif kerajaan negeri boleh dilihat melalui pemberian lesen, kawalan operasi dan sebagainya.

S

Siswazah

Merujuk kepada individu berumur 15 tahun dan lebih yang memiliki sijil tertinggi yang diperoleh daripada universiti, kolej, politeknik, badan yang diiktiraf atau setaraf, dengan tempoh pengajian sekurang-kurangnya dua tahun. Siswazah dikelaskan kepada dua kategori iaitu siswazah yang memiliki diploma dan ijazah.

i) Diploma

Merujuk kepada sijil dan diploma atau setaraf yang diterima daripada universiti, kolej, diploma politeknik, badan yang diiktiraf atau setaraf. Tempoh pengajian untuk memperoleh diploma atau sijil adalah sekurang-kurangnya dua tahun.

ii) Ijazah

Ijazah merujuk kepada semua ijazah universiti (Sarjana Muda, Sarjana atau Doktor Falsafah) yang diperoleh daripada institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang diiktiraf di Malaysia dan di luar negara.

Siswazah bekerja

Siswazah yang bekerja sekurang-kurangnya sejam semasa minggu rujukan untuk mendapatkan upah, keuntungan atau keuntungan keluarga sama ada sebagai majikan, pekerja, bekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji. Mereka juga dianggap bekerja jika:

- a. Tidak bekerja semasa minggu rujukan disebabkan sakit, kecederaan, tiada upaya, cuaca buruk, bercuti, pertelingkahan buruh dan sebab-sebab sosial atau keagamaan tetapi mempunyai pekerjaan, ladang, perusahaan atau perusahaan keluarga lain untuk kembali bekerja;

GLOSARI

- b. Tidak bekerja buat sementara waktu tetapi bergaji dan pasti akan dipanggil bekerja semula
- c. Bekerja kurang daripada 30 jam semasa minggu rujukan disebabkan bentuk kerja atau disebabkan kurang kerja serta sanggup menerima tambahan bilangan jam bekerja. Kumpulan ini merupakan guna tenaga tidak penuh.

Mereka yang bekerja lebih daripada 30 jam semasa minggu rujukan merupakan guna tenaga penuh.

Siswazah luar tenaga buruh

Siswazah yang tidak dikelaskan sebagai bekerja atau menganggur dikategorikan sebagai siswazah luar tenaga buruh. Kategori ini terdiri daripada suri rumah, pelajar (termasuk mereka yang akan melanjutkan pelajaran), mereka yang telah bersara, tidak berkeupayaan dan mereka yang tidak berminat untuk mencari pekerjaan.

Siswazah menganggur

Siswazah menganggur adalah mereka yang tidak bekerja semasa minggu rujukan dan dapat dikelaskan kepada dua kumpulan iaitu:

Penganggur aktif	Penganggur tidak aktif
Siswazah yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan dalam minggu rujukan.	i. Tidak mencari pekerjaan dalam minggu rujukan kerana percaya tidak terdapat pekerjaan atau pun tidak berkeupayaan. ii. Mungkin mencari pekerjaan jika tidak kerana sakit atau keadaan cuaca. iii. Telah mencari pekerjaan sebelum minggu rujukan dan sedang menunggu jawapan permohonan pekerjaan

GLOSARI

Strata asal/destinasi

Strata asal/destinasi adalah stratifikasi bandar dan luar bandar bagi tempat asal dan destinasi, dan ia bersamaan dengan pembahagian penduduk.

Supra

Supra pada peringkat negeri adalah bersamaan dengan organisasi luar wilayah pada peringkat nasional. Di Malaysia, Supra merangkumi aktiviti pengeluaran yang melangkaui pusat kepentingan ekonomi utama bagi mana-mana negeri.

T

Tempat asal/destinasi

Tempat asal/destinasi ialah lokaliti tempat tinggal biasa pada dua tarikh rujukan iaitu tempoh 12 bulan seperti yang telah ditetapkan dalam tempoh survei. Dalam hubungan ini suatu lokaliti merujuk kepada sebuah bandar dalam strata bandar atau sebuah kampung/penempatan dalam strata luar bandar.

Tenaga buruh

Tenaga buruh merujuk kepada penduduk dalam kumpulan umur bekerja sama ada bekerja atau menganggur.

Tenaga buruh siswazah

Merujuk kepada siswazah berumur 15 tahun dan lebih sama ada bekerja atau menganggur.

U

Umur penengah

Umur penengah ialah umur yang membahagikan taburan penduduk kepada dua kumpulan yang sama saiznya, di mana separuh daripadanya berada di bawah umur ini, manakala separuh lagi melebihi umur tersebut.

Unjuran penduduk

Unjuran penduduk adalah anggaran penduduk yang diunjurkan untuk masa depan. Unjuran ini dikira setiap sepuluh tahun iaitu selepas Banci Penduduk dan Perumahan dijalankan. Kaedah komponen kohort yang terdiri daripada kelahiran, kematian dan migrasi bersih digunakan dalam membuat unjuran ini. Unjuran penduduk memberi gambaran tentang kemungkinan perubahan penduduk berdasarkan andaian kelahiran, kematian, migrasi dalaman dan antarabangsa masa depan.

RUJUKAN

- Badan Pusat Statistik (BPS), 2025. *Indonesia Economic Growth Q4-2024*.
- Badan Pusat Statistik (BPS), 2025. *Exports and Imports of Indonesia, December 2024*.
- Bank of Japan (BOJ) 2025. *Outlook for Economic Activity and Prices, January 2025*.
- Bank of Korea (BOK) 2025. *Real Gross Domestic Product: Fourth Quarter and Annual 2024 (Advance Estimate)*.
- Bank Negara Malaysia. *Laporan Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2024*.
- Bureau of Economic Analysis (BEA) 2025. *Gross Domestic Product, First Quarter 2025 (Third Estimate) GDP by Industry, and Corporate Profits (Revised)*.
- Bureau of Economic Analysis (BEA) 2025. *U.S. International Trade in Goods and Services, Annual Revision*.
- Economic Survey of Singapore 2024, Ministry of Trade and Industry (MTI) 2025.
- Eurostats 2025. *Extra-euro area trade in goods*.
- Eurostats 2025. *Euro area unemployment at 6.3%*.
- European Central Bank 2025. *The economic outlook and monetary policy in the euro area*.
- Cabinet Office, Government of Japan 2025. *Quarterly Estimates of GDP for January - March 2025 (Second Preliminary Estimates)*.
- General Administration of Customs of People's Republic of China (GACC), 2025
- General Statistics Office (GSO) 2024. *Socio - Economic Situation Report in 4th Quarter and 2024*.
- Institute for Economics & Peace. *Global Peace Index 2024*.
- International Monetary Fund (IMF) *World Economy Outlook (WEO) April 2025*.
- International Monetary Fund (IMF) *World Economy Outlook (WEO) July 2025*.
- IMD's *World Competitiveness Ranking 2024*.
- Jabatan Perkhidmatan Awam. *Madani di Hati, Rakyat Disantuni: 2 Tahun Kerajaan Madani, 2024*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. *Analisis Indeks Harga Pengguna Tahunan 2024*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. *Indeks Volum Perdagangan Borong & Runcit Suku Tahun Pertama 2025*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. *Laporan Survei Tenaga Buruh 2024*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. *Laporan Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Malaysia Jun 2024*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. *Produktiviti Buruh Suku Keempat 2024*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. *Penerbitan KDNK Tahunan 2024*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. *Penerbitan KDNK Suku Tahunan 2025*.

Jabatan Perangkaan Malaysia. *Penunjuk Ekonomi Malaysia Indeks Pelopor, Serentak & Susulan, Mei 2025.*

Jabatan Perangkaan Malaysia. *Statistik Pelaburan Langsung Asing di Malaysia 2024.*

Jabatan Perangkaan Malaysia. *Survei Pelancongan Domestik 2024.*

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). *Belanjawan Malaysia MADANI, Tinjauan Ekonomi 2025.*

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). *Ucapan Belanjawan 2025.*

Labour Force in Singapore, Ministry of Manpower of Singapore (MOM) 2025.

Labor Force, U.S. Bureau of Labor Statistics (BLS) 2025.

Malaysian Investment Development Authority (MIDA). *Laporan Prestasi Pelaburan Malaysia 2024*

Ministry of Investment, Trade and Industry (MITI).

Ministry of Finance, R.O.C, (Taiwan), 2025. Annual External Trade Report in 2024.

Ministry of Trade and Industry (MTI), 2025.

Ministry of Commerce, Thailand 2025. Thailand's trade statistics.

National Bureau of Statistics (NBSC), China 2025. *Statistical Communiqué of The People's Republic Of China On The 2024 National Economic And Social Development.*

National Statistics Republic of China (Taiwan) (NSRC) 2025. *GDP: Preliminary Estimate for 2024Q4, and Outlook for 2025.*

National Statistics Office (NSO) 2025.

National Statistics Institute (Istat.it), 2025.

National Statistics Institute (Ine.es), 2025.

Network Readiness Index 2024, Booklet, Portulans Institute, 2024.

Office of the National Economic and Social Development Council (NESDC), 2025. *Thai Economic Performance in Q4 of 2024 and the Outlook for 2025.*

Open Data Watch. *Open Data Inventory, 2024.*

Philippine Statistic Authority (PSA), 2024. *Economic Performance of The Philippines in 2024.*

Principle Financial Group dan World Bank. *Global Financial Inclusion Index 2024.*

Series of Consumer Price Index (BPS) (2025), December 2024.

South Korea Ministry of Trade, Industry and Energy (MOTIE) 2025.

Statistics Korea (KOSTAT) 2025.

Sustainable Trade Index, IMD, World Competitiveness Centre, 2024.

Trade Statistics of Japan, Ministry of Finance 2025.

Transparency International, Corruption Perceptions Index 2024.

PENGHARGAAN

SIDANG PENGARANG

Sayeeda Kamaruddin
Abdul Hadi Alias
Sulizah Abdul Salam
Mohammad Luqman Humaidi
Muhammad Syazwan Rusdi
Nor Azizah Harun
Huzairah Mohammad

Noor Hidayah Sulaiman
Ibrahim Roslan
Normala Nordin
Nor Shazwani Jamaludin
Nursakinah Mazlan
Muhammad Danial Norhisham
Nur Hazmira Ahmad Hayazi

Nurul Syahirah Hanis Shariad Amin
Nur Fatin Najihah Azmam
Nurdini Athirah Ismail
Muhammad Zulfadhli Musa
NurulHuda Saimi
Rabi'atul Adawiah Razali
Muhammad Hisyam Sulaiman Nasution

EDITOR BUKU LAPORAN

Masrol Hafizal Ismail
Azni Mazhana Abdul Manab
Rosnah Muhammad Ali
Nur Hurriyatul Huda Abdullah Sani
Hisham Abdul Hamid
Badrulhisham Md Khalid

Norzarita binti Samsudin
Siti Nur Alifah Zabidi
Nur Azmina Ahmad Zuhkhori
Nurul Faziera Khairul Adlee
Muhammad Hazim Mohd Abd Rahim

Nur Fazlin Abdullah
Mohd Azmi Bahtiar
Sitti Fatimah Jusoh
Aishahtul Amrah Che Razali
Siti Nadirah Abd Rashid
Muhammad Ilham Aiman Mohd Rafie

EDITOR RENCANA

Norhayati Jantan
Zainol Jamil
Suzana Abu Bakar
Maslina Samsudin
Malathi a/p Ponnusamy
Khairul Aidah Samah

Azni Mazhana Abdul Manab
Fadzilah Aini Mustafa
Zulaikha Kamaruddin
Mohd Azahar Ab Manaf
Dr Norshamshida binti Razak

Siti Kartini Salim
Nazarina binti Nasir
Suria Azlin Kasim
Mohd Saiful Husain
Siti Nur Alifah Zabidi

BAHAGIAN/DOSM NEGERI

Bahagian Perangkaan Perkhidmatan
Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan
Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi
Biro Statistik Buruh Malaysia
Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial
Pusat Analitik Data Raya Negara
Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa
Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar
Bahagian Petunjuk Ekonomi
Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran
Bahagian Perangkaan Komunikasi Strategik dan Antarabangsa
Bahagian Khidmat Pengurusan
Jabatan Perangkaan Negeri

ISSN 2600-9897



9 772600 989009

